

PEMAKAIAN *MAQASID AL-SHARI'AH*
DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA
DI ETIQA TAKAFUL BERHAD

CHE ISMAIL BIN CHE OTHAMAN

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

PEMAKAIAN *MAQASID AL-SHARI'AH*
DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA
DI ETIQA TAKAFUL BERHAD

CHE ISMAIL BIN CHE OTHAMAN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **CHE ISMAIL BIN CHE
OTHAMAN**

(No. K.P/Pasport: **690401-11-5361**)

No. Pendaftaran/Matrik: **IGA 020097**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**PEMAKAIAN MAQASID AL-SHARIAH DALAM
PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI ETIQA
TAKAFUL BERHAD**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh **22/11/2010**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh **22/11/2010**

Nama:

Jawatan:

DR RIDZWAN BIN AHMAD

Pensyarah Kanan

Jabatan Fiqh dan Usul

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

ABSTRAK

Pemakaian *Maqasid al-Shari'ah* Dalam Produk Takaful Keluarga Di Etiqa Takaful Berhad

Takaful adalah satu instrumen kewangan yang mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Ia merupakan asas kepada insurans secara Islam dan kewujudannya adalah sebagai satu alternatif kepada insurans konvensional yang sedia ada dalam dunia perbankan dan kewangan konvensional masa kini. *Al-Takāful* yang berasaskan kepada *al-mudārabah*, *at-tabarru'* dan *al-wakālah* dilihat menepati tuntutan syarak dalam mendepani insurans konvensional yang mengandungi unsur *gharar*, riba dan perjudian. Kewujudan takaful telah menimbulkan pelbagai persoalan antaranya ialah sejauhmana pemakaian *maqasid al-shari'ah* dalam semua produk yang ditawarkan sama ada takaful keluarga atau takaful am. Begitu juga adakah sistem takaful ini, mendukung prinsip-prinsip takaful Islam iaitu saling bekerjasama, saling menolong dan bertanggungjawab antara peserta-peserta serta syarikat pengendali takaful. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauhmana produk Takaful Keluarga yang ditawarkan di Etiqa Takaful Berhad sebagai salah satu syarikat takaful terbesar di Malaysia menepati *maqasid al-shari'ah* dari segi penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta peserta yang terlibat. Metodologi yang digunapakai dalam kajian ini ialah metode perpustakaan, partisipasi, temubual, deduktif, induktif dan komparatif. Hasil kajian menunjukkan produk yang ditawarkan menepati konsep takaful Islam dari segi prinsip, objektif dan *masalahnya* dalam memelihara keperluan-keperluan utama yang lima. Pemakaian *maqasid al-shari'ah* dalam produk Takaful Keluarga di Etiqa Takaful Berhad dapat dilihat dengan jelas menerusi faedah sumbangan atau caruman peserta apabila tamat tempoh matang dan manfaat perlindungan sekiranya berlaku musibah terhadap peserta sama ada mati atau hilang upaya kerana kemalangan atau penyakit kritikal. Namun beberapa kekurangan dapat dilihat pada konsep perlindungan yang ditawarkan. Antaranya perlindungan hanya akan diberikan sekiranya peserta membayar sumbangan tanpa tunggakan bagi tempoh tertentu. Sewajarnya satu peruntukan dari akaun khas peserta disediakan bagi menjamin peserta yang tidak lengkap bayarannya supaya manfaat khairat kematian yang dijanjikan akan diberikan juga. Begitu juga sikap mesra pelanggan yang telah sedia ada digemblengkan lagi seperti makluman dan peringatan kepada peserta dipertingkatkan.

ABSTRACT

Application of *Maqasid al-Shari'ah* in the Family Takaful Products at ETIQA Takaful Berhad

Takaful is one of the financial instruments that has its own importance. It is the fundamental to Islamic insurance and its existence is as an alternative to the present conventional insurance in the conventional world of banking and finance. *Al-Takaful* which is based on *al-mudārabah*, *at-tabarru'* and *al-wakālah* is very supportive towards *syara'* in facing the conventional insurance which contains the element of *gharar*, usury and gambling element. The existence of takaful has aroused various issues, among them is to what extend is the application of *maqasid al-shari'ah* in all of the products offered either in Family Takaful or General Takaful. A question arises whether the takaful system supports the principles of Islamic takaful, namely mutual cooperation, support and responsibility between participants and the Islamic insurance operator's company. This study intends to find out how far the Family Takaful products that are offered in Etiqa Takaful Berhad as one of the largest takaful companies in Malaysia holds the *maqasid al-shari'ah* from the aspect of preservation of religion, soul, mind, descendents and property of the participants. The methods used in this study are library research, participation, interview, deductive, inductive and comparative method. Research result shows that the products that are offered inline with the concept of Islamic takaful in the aspect of principle, objective and its five major essential *maslahah*. The application of *maqasid al-shari'ah* in Takaful Family product in Etiqa Takaful Berhad could be seen clearly through the benefit of participant's contribution upon maturity and the benefit if there are any misfortunes like participant's death or disability due to accident or critical illness. However there are a few visible holes in the concept of the coverage that is offered. The coverage will only be provided if the participants pay their contribution without any outstanding contribution for a certain period of time. It is advisable that, there should be a provision from the participant's special account to complement the outstanding payment of the participant's contribution so that death benefit that is promised could be given to the participant. In addition it is vital that the customer friendly attitude that is already present be upgraded and improved to ensure participants are well up-dated with new information.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadhrat Ilahi, atas izin, petunjuk dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W pembawa risalah kepada manusia untuk diamalkan sebagai bekalan menuju alam yang kekal abadi.

Sumbangan idea pemikiran, material dan sokongan moral daripada pelbagai pihak merupakan penyumbang kepada penemuan dan perkembangan hipotesis penulis.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia, Dr. Ridzwan Bin Ahmad yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan penyeliaan dengan penuh dedikasi sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada mantan penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Paizah bt Ismail yang telah bersara, selaku penyelia pertama kepada penulis atas segala sumbangan, bimbingan dan nasihat beliau. *Jazākumallahukhairan kathīrā.*

Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, terutama syu'bah al-Fiqh wa al-'Uṣūl yang tidak mengenal erti penat dan jemu, mencurahkan ilmu dan bakti, kepada generasi pelapis para 'ulamak, agar menjadi manusia pewaris '*anbiyā'*'. Segala khidmat yang diberikan Allah jua yang dapat membalasnya. Begitu juga kakitangan UM yang lain terutama Bahagian Pendaftaran dan Bahagian Siswazah. Ucapan terima kasih juga kepada para ustaz dan guru sebelum ini yang telah mengajar erti kebenaran.

Kakitangan-kakitangan Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pusat Islam Kuala Lumpur.

Penghargaan juga kepada En Raduwan bin Mubarak, En Zamzaini, dan staf-staf syarikat Etiqa Takaful Berhad (eTiQa Takaful) yang lain, Kak Ita dan rakan wakil eTiQa Takaful yang memberi gambaran sebenar produk takaful Keluarga, eTiQa Takaful.

Buat dua insan tersayang atas budi yang tidak terbalas, mendidik dan membesarkan saya, ayah bonda: Che Othaman bin Che Ali dan Wan Minah Wan Ismail, yang banyak berkorban dan sentiasa memberi dorongan, tunjuk ajar dan doa yang berpanjangan. Juga buat Abang Din Zakaria dan Kak Zah, Chik Ja Azliza dan Osman, Pak Muda Hisyam, Pak Teh Azhar dan Mak Teh serta Pak Su Munzir; adik beradik di dunia. Dipanjatkan doa supaya kekal menjadi adik beradik di akhirat Insya Allah.

Teristimewa buat isteri tersayang, Haryati bt Adni yang berada di sebalik tabir kejayaan menyiapkan disertasi ini. *bāraka Allah laki* atas segala kerjasama dan pergorbanan.

Begitu juga bonda Rabi'ah bt Hj Dahlan, abang, adik-adik, abang-abang dan kakak-kakak ipar.

Buat anak-anak tercinta Usamah al-Othmani, Abu Ubaidah al-Othmani, Syaima' Adniyyah, Uzair al-Othmani, Asma' Adniyyah, Humaira Adniyyah, Wafa

Adniyyah, dan Ukkasyah al-Othmani : pewaris perjuangan meletakkan Islam di tempat yang tertinggi di muka bumi ini, InsyaAllah. Tidak lupa bacaan *al-Fātiḥah* kepada Syifa Adniyyah yang dilahirkan pada 22 Nov 2007 dan kembali menuju alam baqa pada 28 Julai 2009.

Tidak lupa buat teman-teman siswazah, rakan-rakan sekerja, rakan-rakan setaman iaitu Taman Guru Batu 8, dan sahabat-sahabat seperjuangan yang telah turut sama menyumbangkan tenaga dan idea kepada penulis. Terutama buat Dr. Miszairi bin Sitiris dan Dr. Sobri Zakaria dari UIAM, Ustaz Rosli Bin Mokhtar dari KUIS. Ustaz Hasbullah, Ustaz Syamsul, Ustaz Zainuddin, Ustaz Muzakir, Ustazah Inarah dan lain-lain lagi, rakan seperjuangan UM. Teman-teman AJK PIBG SRAI Sg Chinchin sesi 07/09 dan teman-teman AJK Majlis Permaufakatan Penduduk Kip Batu 8 sesi 06/09 yang banyak beri kerjasama atas tuntutan tanggungjawab dan sumbangan. Begitu juga kepada pihak-pihak dan teman-teman yang tidak dinyatakan dalam ruangan yang terbatas ini, semoga jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh semua pihak, dikira oleh Allah sebagai rangka kerja ibadat kepada-Nya. Amin.

Sekian.

10 *Muḥarām* 1431H
27 hb Disember 2009M

Al-Faqir ila Rabbih
Che Ismail bin Che Othaman,
J23, KIP Batu 8, Jln Sg Pusu,
53100 Gombak, Kuala Lumpur.
012-212 1810
alothamiagency@gmail.com

Jabatan Fiqh Dan Usul,
Bahagian Pengajian Syariah,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

DAFTAR ISI

PERAKUAN	I
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI KEPENDEKAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Latarbelakang Kajian	2
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	4
Kepentingan Kajian	4
Metodologi	5
0.6.1 Metode Pengumpulan Data	6
0.6.2 Metode Penulisan dan Analisis Data	7
Skop Kajian	8
Kajian Terdahulu	9

BAB SATU

KONSEP TAKAFUL DALAM ISLAM DAN OBJEKTIFNYA

1.1.	PENDAHULUAN	24
1.2.	KONSEP TAKAFUL DALAM ISLAM	24
1.2.1	Prinsip Perlindungan Dalam Islam	25
1.2.1.1	Perlindungan Musibah Berdasarkan Aqidah Islam	25
1.2.1.2	Perlindungan Sosial Berdasarkan Syariah Islam	28
1.2.1.3	Pembinaan Masyarakat di atas Asas Persaudaraan Islam	33
1.2.1.4	Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya	34
1.2.2	Takaful Adalah Konsep Bantu Membantu di dalam Islam	36
1.2.2.1	Saling Tolong-menolong	37
1.2.2.2	Saling Berkorban	39
1.2.2.3	Prinsip Saling Menjamin	41

1.2.2.4.	Konsep Tabarru‘	43
1.2.2.5.	Konsep Ikhtiar dan Tawakal	45
1.3.	OBJEKTIF TAKAFUL DALAM ISLAM	47
1.3.1.	Memenuhi Keperluan Asas Seorang Muslim Terhadap Ekonominya	47
1.3.1.1.	Sebagai Simpanan di Hari Tua	49
1.3.1.2.	Jaminan Keperluan Asas Tanggungan	50
1.3.1.3.	Perlindungan Pendapatan	52
1.3.1.4.	Perlindungan Kepada Hutang	53
1.3.2.0.	Perlindungan Insurans Berdasarkan Syariah Islam	55
1.3.2.1.	Saling berlingdung dan berkongsi untung sesama manusia melalui konsep tabarru‘	56
1.3.2.2.	Memberi Peluang Kepada Orang Islam Bermuamalah Dengan Insurans Islam dan Menjauhkan Mereka Daripada Insurans Konvensional	57
1.3.3.	Memenuhi Keperluan Asas Masyarakat Islam	58
1.3.3.1	Menjamin Maruah dan Kemulian Masyarakat Islam	58
1.3.3.2.	Menjamin Masyarakat daripada Risiko Malapetaka	59
1.3.4.	Penjagaan Objektif Harta (<i>Maqasid al-Mal</i>).	60
1.3.4.1.	Menggalakkan Budaya Amal Jariah	61
1.3.4.2.	Menggalakkan Berbelanja dengan Kadar Sederhana tanpa Pembaziran	61
1.3.5.	Meletakkan Individu dan Masyarakat Dalam Kedamaian dan Kebijaksanaan	63
1.3.5.1.	Mengurangkan Penyakit Sosial Dalam Masyarakat	65
1.4.	KESIMPULAN	66

BAB DUA

PRODUK TAKAFUL KELUARGA DALAM ETIQA TAKAFUL BERHAD

2.1.	PENDAHULUAN	67
2.2.	SEJARAH PERTUMBUHAN INDUSTRI TAKAFUL DI DALAM ISLAM DAN ETIQA TAKAFUL BERHAD	67
2.2.1.	Sejarah Pertumbuhan Industri Takaful di dalam Islam	68

2.2.2	Sejarah Industri Takaful Negara Islam	69
2.2.3	Sejarah Penubuhan syarikat-syarikat takaful di Malaysia	70
2.2.4	Sejarah penubuhan Etiqa Takaful Berhad	72
2.2.5	Latarbelakang Etiqa Takaful Berhad	73
2.3	PRODUK-PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI ETIQA TAKAFUL BERHAD (eTiQa Takaful)	74
2.3.1.	Tujuan Umum Produk Takaful Keluarga	74
2.3.2.	Pelan-pelan Produk Takaful Keluarga di Etiqa Takaful Bhd	75
2.3.2.1	Produk Takaful Keluarga - Mesra	78
2.3.2.2	Produk Takaful Keluarga - Prima	80
2.3.2.3	Produk Takaful Keluarga – Warisan	81
2.3.2.4	Produk Takaful Keluarga - Sarjana	82
2.3.2.5	Produk Takaful Keluarga – Ehsan	84
2.3.2.6	Produk Takaful Keluarga - Sakinah	85
2.3.2.7	Produk Takaful Keluarga - Afiah	86
2.3.2.8	Manfaat-Manfaat Tambahan Di Dalam Produk Takaful Keluarga	86
2.4	OBJEKTIF PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI ETIQA TAKAFUL	92
2.4.1	Manfaat Akaun Peserta	93
2.4.2	Manfaat Takaful	93
2.4.3	Perlindungan Hilang Upaya Kekal Menyeluruh	96
2.4.4	Simpanan Untuk Pelajaran	97
2.4.5	Manfaat-manfaat pilihan Lain	98
2.5	KESIMPULAN	98

BAB TIGA

ANALISA PEMAKAIAN *MAQASID AL-SHARI'AH* DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA

3.1.	PENDAHULUAN	99
3.2.	KONSEP <i>MAQĀSID AL-SHARI'AH</i>	99
3.2.1.	Kepentingan ilmu <i>Maqasid al-Shari'ah</i>	101

3.2.2	Tahap-tahap Kepentingan <i>Maqasid al-Shari'ah</i>	102
3.2.3	Perincian <i>al-Daruriyyat al-Khams</i>	105
3.3.	PEMAKAIAN <i>MAQĀSID AL-SHARI'AH</i> DALAM PRODUK- PRODUK YANG DITAWARKAN	114
	Analisa Pemakaian <i>Maqasid al-Shari'ah</i> dan <i>al-Daruriyyat al-Khams</i> pada Manfaat Simpanan	114
3.3.1.1.	Membelanjakan Harta dengan Tujuan Menabung	115
3.3.1.2.	Mencari dan Membelanjakan Harta untuk Mengejar Keredaan Allah	118
3.3.1.3.	Membelanjakan Harta Kepada Isteri-isteri, Anak-anak Dan Ibubapa	118
3.3.1.4.	Membelanjakan Harta Kepada Diri Sendiri dengan Tujuan Beribadah atau Untuk Melakukan Ibadah Kepada Allah	120
3.3.1.5.	Hak Generasi Akan Datang Terdapat Dalam Harta Generasi Hari Ini	121
3.3.1.6.	Pelaburan Harta Lebihan dan Larangan Pembekuan Harta.	122
3.3.1.7.	Mengikuti Sunnah Nabi Yusuf a.s	123
3.3.2.	Objektif Manfaat Kematian dan Analisa	124
3.3.2.1.	Membayar Hutang yang Belum Dilangsaikan	125
3.3.2.2.	Penyediaan Bekalan bagi keperluan Keluarga yang Ditinggalkan (Kematian bapa sebagai pencari rezeki)	126
3.3.2.3.	Ahli Keluarga Akan Mulakan Hidup Baru Tanpa Bapa	128
3.3.3.	Objektif Manfaat Simpanan Pelajaran (Pelan Sarjana)	131
3.3.3.1.	Belajar Adalah Salah satu Cara Penjagaan Akal	132
3.3.3.2.	Menuntut Ilmu Satu Kewajiban	132
3.3.4.	Objektif Manfaat Kesihatan	134
3.3.4.1.	Hakikat Penyakit dan Konsep Rawatan	135
3.3.4.2.	Berubat Adalah Satu Ikhtiar	136
3.3.4.3.	Hak Mendapat Rawatan dan Tujuannya	137
3.3.4.4.	Rawatan Penyakit Pada Masa kini	139
3.4.	KESIMPULAN	142
BAB 4 : KESIMPULAN & CADANGAN		
4.1.	PENDAHULUAN	143
4.2.	KESIMPULAN	143
4.3.	CADANGAN	149
4.4.	PENUTUP	153

Bibliografi

154

Lampiran 1

Lampiran 2

Lampiran 3

SENARAI KEPENDEKAN

Abreviasi	Makna
%	Peratus
&	Dan
AKP	Akaun Khas Peserta
AP	Akaun Peserta
API	Akademi Pengajian Islam
ARN	Amanah Raya Nominees
bil.	Bilangan
cet.	Cetakan
Dll	Dan lain-lain
Dr.	Doktor
ed.	Edit
Edit	Editor/ <i>taḥqīq</i>
et. Al.	et. Alia, dan lain-lain, bagi mengambil tempat nama-nama penulis lain sekiranya karya berkenaan dihasilkan oleh lebih dari dua orang penulis
ETB	Etika Takaful Berhad
eTiQa Takaful (singkatan Rasmi)	Etika Takaful Berhad
Hal.	Halaman
Ibid.	Ibidem; Rujukan sama pada tempat yang sama
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
KL	Kuala Lumpur
MFHB	Mayban Fortis Holdings Berhad

MNI Holdings	Malaysia National Insurance Berhad
No	Nombor
op. cit.	Opera citato, bererti “pada bahan yang sudah di rujuk sebelum ini tetapi diselangi oleh rujukan lain.
PNB	Permodalan Nasional Berhad
Prof.	Profesor
S.A.W.	Ṣalla Allāh ‘Alayh wa Sallam
S.W.T.	Subḥānahu wa Ta‘āla
Sdn bhd	Sendirian Berhad
t.t.	Tanpa tarikh
t.t.p.	Tanpa tempat penerbit
terj.	Terjemahan
TNSB	Takaful Nasional Sendirian Berhad
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	Universiti Malaya
YPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Bagi penulisan di dalam disertasi ini penulis menggunakan kaedah transliterasi yang ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

KONSONAN					
Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab
b =	ب	Z =	ز	f =	ف
t =	ت	s =	س	q =	ق
th =	ث	sh =	ش	k =	ك
j =	ج	ṣ =	ص	l =	ل
ḥ =	ح	ḍ =	ض	m =	م
kh =	خ	ṭ =	ط	n =	ن
d =	د	ẓ =	ظ	h =	ه
dh =	ذ	‘ =	ع	w =	و
r =	ر	gh =	غ	y =	ي

VOKAL PENDEK : a = اَ ; i = اِ ; u = اُ

VOKAL PANJANG: ā = آ ; ī = إ ; ū = و

DIFTONG: ay = آي ; aw = او

Pengecualian;-

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak akan ditransliterasikan. Contoh; syariah, syarak, Rasulullah, ulama, hadis, dan lain-lain.

Namun, apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan di dalam frasa Arab ia akan ditransliterasikan

Semua perkataan yang ditransliterasikan ditulis secara condong kecuali nama orang.

BAB PENDAHULUAN

PENGENALAN

Takaful adalah kaedah insurans yang berlandaskan prinsip syarak dan bertepatan dengan *maqasid al-shari'ah*. Istilah takaful diambil daripada bahasa Arab iaitu *al-kafālah* yang bererti jaminan. Takaful adalah pakatan yang dibentuk oleh satu kumpulan manusia untuk mentadbir bertujuan saling jamin menjamin dan tolong menolong antara satu sama lain. Allah SWT telah berfirman :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ (٢)

Surah Al-Ma'idah (5): 2

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

Pembentukan syarikat takaful adalah salah satu daripada aspirasi rakyat untuk membangunkan sistem kewangan secara Islam di Malaysia. Pelaksanaan sistem takaful dapat menjamin keselesaan dalam kekeluargaan dan seterusnya dapat mencapai objektif utama ialah tolong menolong antara satu sama lain. Konsep ini cuba diterapkan dalam masyarakat Islam di Malaysia dengan harapan usaha ini merupakan satu bentuk pelaburan akhirat yang diredai Allah SWT dan Rasul-Nya. Selain daripada itu, syarikat Takaful turut berperanan penting dalam menyediakan insurans mengikut sistem operasi yang berlandaskan Syariah. Akta Takaful 1984 yang diluluskan oleh Parlimen pada 15 November 1984 adalah dokumen perundangan utama dalam penyelenggaraan operasi syarikat takaful. Adalah penting untuk memahami konsep takaful yang sebenarnya. Konsep takaful adalah satu kaedah jaminan bersama antara satu kumpulan individu

dalam satu skim yang ditadbir. Lebih menarik ialah operasi takaful menggunakan konsep *tabarru'* atau derma. Selain itu, prinsip *mudārabah* iaitu perjanjian antara pemberi modal dan pengusaha turut diaplikasikan..

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan syarikat insurans konvensional di peringkat antarabangsa telah mempengaruhi kewujudan insurans di Malaysia. Justeru itu Akta Insurans 1963¹ telah diperkenalkan pada tahun 1963 di Malaysia. Melalui akta tersebut, maka muncullah beberapa insurans konvensional yang beroperasi sehingga kini. Walau bagaimanapun kewujudan unsur-unsur *gharar* dan *ribawi* dalam insurans konvensional tersebut, yang bercanggah dengan prinsip dan ajaran Islam, menyebabkan umat Islam merasa sesuatu kekosongan kerana mereka tidak mempunyai pilihan yang lain dalam memastikan manfaat dan kepentingan mereka terbela. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menggubal akta Takaful 1984 untuk memastikan umat Islam mempunyai pilihan yang menepati kehendak Syarak melalui kewujudan beberapa syarikat takaful yang menyediakan perkhidmatan yang sama dengan insurans konvensional. Di antara produk yang diperkenalkan dalam sistem takaful ialah takaful keluarga.

Tujuan utama takaful keluarga ini diwujudkan adalah demi menjaga kebajikan sosial di samping mewujudkan keharmonian sosial orang ramai. Selain itu, ianya diharapkan turut berperanan sebagai saluran atau alat sosial untuk membantu masyarakat. Oleh itu, kewujudan sistem takaful keluarga ini amat penting dan diharapkan banyak memberi manfaat kepada orang ramai. Namun di sana wujud beberapa persoalan penting yang dikaitkan dengan operasi takaful keluarga ini, di

¹ Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: KLBS Sdn Bhd., hal. 383.

antaranya ialah adakah takaful keluarga ini menepati *maqasid al-shari'ah* sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarak. Ini kerana kewujudan takaful itu sendiri berdasarkan kepada motif Syarak yang asal iaitu memelihara kemaslahatan manusia dan menjauhkan manusia dari kemudaratannya. Begitu juga timbulnya beberapa dakwaan yang menyatakan bahawa takaful adalah konsep yang diciplak daripada sistem insurans konvensional sehingga kewujudannya seolah-olah hanya meraikan kehendak umat Islam yang tidak selesa dengan sistem insurans yang sedia ada.

Adalah diharapkan kajian ini dapat menghuraikan dengan lebih jelas konsep atau falsafah takaful dari sudut *maqasid al-shari'ah*. Bagi mencapai maksud tersebut elemen pemakaian *maqasid al-shari'ah* dikaji dalam setiap pelan produk takaful keluarga yang ditawarkan oleh syarikat ETB iaitu pelan Mesra, Prima, Warisan, Ehsan dan Sarjana.

PERNYATAAN MASALAH

Antara masalah kajian adalah seperti berikut;-

- i. Apakah objektif takaful dari sudut *maqasid al-shari'ah* ?
- ii. Apakah produk-produk yang ditawarkan oleh ETB ?
- iii. Sejauhmanakah produk-produk yang ditawarkan oleh ETB menepati kehendak *maqasid al-shari'ah* ?

OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian dilakukan berdasarkan objektif tertentu. Dalam kajian ini. Penulis telah menggariskan beberapa objektif yang menjadi asas kajian ini, antaranya ialah ;

- i. Menjelaskan *maqasid al-shari'ah* yang diterima pakai dalam takaful Islam
- ii. Memaparkan hakikat sebenar produk takaful keluarga dalam syarikat ETB serta manfaatnya kepada umat Islam.
- iii. Mengenal pasti sejauhmana produk Takaful Keluarga di ETB menepati kehendak *maqasid al-shari'ah* yang sebenar.

KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian adalah seperti berikut ;-

- i. Kajian ini dapat menjelaskan hubungan di antara sistem takaful Islam dengan *maqasid al-shari'ah*,
- ii. memahami dengan lebih jelas pelan produk takaful serta manfaat yang ditawarkan oleh syarikat ETB, dan
- iii. mengetahui ketepatan pelan produk dan manfaat yang ditawarkan oleh syarikat ETB dengan *maqasid al-shari'ah*.

METODOLOGI

Secara umumnya kajian ini dibuat dalam bentuk kajian perpustakaan (library research) dan kajian lapangan (field research).

Metode Pengumpulan Data :

Metode pengumpulan data secara asasnya terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh penulis dalam penyelidikan ini, iaitu kajian perpustakaan, partisipasi dan temubual.

i. Kajian Perpustakaan

Penulis membuat kajian dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kajian ini akan melibatkan apa jua penulisan yang melibatkan tajuk ini secara langsung atau sebaliknya sama ada terkini atau silam. Bahan maklumat dalam membina landasan teori Insurans Islam dan objektifnya, iaitu di bab 1, akan diambil dan ditapis dari kitab-kitab thurāth, buku-buku semasa, majalah, laporan seminar, laporan-laporan tahunan, jurnal dan lain-lain sama ada bersifat primer atau sekunder. Penulis melakukan penyelidikan di perpustakaan berikut:-

- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
- Perpustakaan Utama, Universiti Malaya,
- Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya,
- Perpustakaan Awam, Jawi,
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
- Perpustakaan Negara,

Selain daripada itu, bahan kajian juga dikumpul dengan melayari internet untuk mendapat maklumat mengenai prinsip takaful, laporan tahunan, maklumat-maklumat terkini dan lain-lain berkenaan dengan tajuk. Penulis merujuk pelbagai laman web seperti laman web Takaful Nasional Bdn. Bhd, Bank Negara, Maybank, Etiqa Takaful Berhad, Takaful Ikhlas, Islam Online, al-Islam. com dan sebagainya.

ii. Metode Partisipasi

Bagi mendapatkan gambaran dan kefahaman yang lebih jelas mengenai produk takaful keluarga penulis telah mendaftar sebagai wakil takaful di ETB (dahulu di kenali sebagai Takaful Nasional Sdn Bhd). Sebagai syarat untuk menjadi wakil takful penulis telah menduduki ujian kelayakan wakil takaful. Dengan itu penulis menjadi seorang wakil takaful yang bertauliah. Penulis dapat menghadiri sendiri program anjuran pihak pengurusan ETB untuk para wakilnya, seperti konvesyen tahunan, majlis anugerah tahunan dan seminar-seminar. Begitu juga anjuran agensi yang dikendalikan oleh pengurus wakil untuk wakil-wakil bawah pengawasan mereka, seperti program motivasi mingguan dan program kelas mingguan. Ini adalah penting bagi penulis untuk memahami dengan lebih jelas dan mendalam pemakaian *maqasid al-shari'ah* terhadap pelan produk takaful serta manfaat yang ditawarkan oleh Etiqa Takaful kepada orang ramai.

iii. Metode Temubual

Temubual terhadap pegawai di ETB yang mana mereka adalah orang melaksanakan perancangan dan operasi perjalanan Pelan Takaful Keluarga. Temubual tidak berstruktur telah dilakukan untuk mengetahui dengan lebih jelas dari segi sejarah dan

matlamat penubuhan syarikat, produk-produk yang ditawarkan dan objektif produk, kandungan dan kelebihan produk, syarat produk dan tuntutan klim. Begitu juga temubual dilakukan untuk melihat sejauhmana produk ini selari dengan objektif produk tersebut dan selari dengan *maqasid al-shari'ah*. Temubual tidak berstruktur juga dilakukan terhadap pengurus agensi dan wakil-wakil untuk tujuan yang sama. Pandangan wakil-wakil takaful juga penting kerana mereka merupakan orang yang lebih mengetahui produk ETB. Apabila sesuatu produk baru dilancarkan, mereka adalah orang yang pertama menjadi tumpuan pengurusan ETB untuk diberi maklumat supaya kemudiannya boleh disampaikan kepada orang ramai. Temubual juga dilakukan terhadap salah seorang Ahli Jawatankuasa Syariah untuk mengetahui tugas AJK tersebut, maksud takaful dan perjalanan produk dari kacamata syariah.

Metode Penulisan dan Analisis Data :

Setelah segala data telah dikumpulkan melalui metode di atas, penulis mula mengolah dan menganalisa data-data dan maklumat yang diperolehi melalui metode kajian perpustakaan, pertisipasi dan temubual. Melalui metode penulisan dan analisis data secara asasnya terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh penulis dalam penyelidikan ini, iaitu deduktif, induktif dan komparatif,

i. Metode Deduktif

Cara menganalisa data serta melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat umum terhadap hal-hal yang khusus dinamakan Metode Deduktif.² Dalam kajian ini, penulis menggunakan meode

² *Ibid*, hal. 82 – 90.

deduktif dalam membuktikan bahawa Islam amat menggalakan umatnya saling bantu-membantu, menabung dan bersederhana dalam berbelanja berdasarkan nas-nas dan hadis.

ii. Metode Induktif

Metode ini ialah satu cara menganalisa data yang diperolehi melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini digunapakai dalam kajian ini ketika membuat analisa dan penilaian objektif setiap pelan serta manfaat takaful keluarga untuk mengetahui wujudnya pemakaian *maqasid al-shari'ah* dalam takaful keluarga.

iii. Metode Komparatif

Metode Komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap semua fakta dan data-data yang diperolehi. Penulis menggunakan pendekatan ini ketika cuba mengemukakan perbandingan dalam usaha menerangkan pengamalan objektif takaful dan pengamalan *al-darūriyyāt al-khams* dalam produk takaful keluarga.

SKOP KAJIAN

Kajian ini tidak akan mengkaji kesemua aspek yang membabitkan ETB, tetapi ianya akan lebih berfokus kepada apa yang telah disumbangkan oleh ETB berkaitan dengan *maqasid al-shari'ah*. Oleh itu, fokus utama kajian ini akan lebih tertumpu kepada;-

- i. Syarikat ETB dan tidak membincangkan syarikat-syarikat takaful lain seperti Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas.

- ii. Produk Takaful Keluarga Individu di ETB dan tidak akan membincangkan produk takaful am atau produk Takaful Keluarga Kelompok.
- iii. Sejauhmana pencapaian *maqasid al-shari'ah* yang direalisasikan dalam produk Takaful Keluarga dan bukan hal-hal lain seperti proses penubuhan dan kedudukan syarikat ini.

KAJIAN TERDAHULU

Penulisan dalam *maqasid al-shari'ah* bukanlah sesuatu yang baru. Perbincangan berkenaan telah banyak dilakukan oleh ulama muktabar terdahulu sehinggalah kepada ulama dan penulis calon sarjana muda sekarang. Ahmad al-Raysūni mengatakan bahawa medan asal *maqasid al-shari'ah* ialah al-Fiqh dan Usul al-Fiqh³. *Maqasid al-shari'ah* telah diamalkan oleh para sahabat, ulama *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* dalam amalan dan ijtihad mereka. Seterusnya Imam Al-Ghazālī dan 'Aizu al-dīn ibn 'Abd al-Salām. Pemikiran *maqasid al-shari'ah* ada dalam pemikiran ulama dan para *mujtahidin* sehinggalah Imam As-Syātibi (365H) mengupasnya dengan penulisan tersendiri. Selepas itu datang Ibnu 'Āsyūr dan 'Alāl Al-Fāsi.⁴ Tetapi apabila *maqasid al-shari'ah* berkaitan dengan Takaful Islam penulis mendapati tidak banyak kajian dalam bidang berkait. Antara kajian semasa yang ditemui adalah seperti berikut :-

- i. 'Abd al-Qadir Ja'far (2006), *Nizām al-Ta'min al-Islāmi*⁵

Penulis kitab ini membahagikan bukunya kepada 2 topik perbahasan yang utama. Bab pertama, berkaitan Sistem Takaful Islam dan bab kedua Sistem Insurans Konvensional.

³ Ahmad al-Raysūni (1991/1411), *Nazariyyat al-Maqāsid 'Inda al-Imām al-Shātibi*, Maghribi: Dār al-'Amān, hal. 25-55

⁴ Ahmad al-Raysūni (1991/1411), *op. cit.*, hal. 5.

⁵ 'Abd al-Qādir Ja'far (2006), *Nizām al-Ta'min al-Islāmi*, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Sistem Takaful Islam dibahasakan dengan begitu teliti dan terperinci bermula dengan kupasan ringkas mengenai Syariat Islam sebagai satu cara hidup dan keistimewaan-keistimewaannya serta hujah-hujah tentang kepentingan berjihad dalam menangani permasalahan fiqh atau kes baru yang timbul di akhir zaman. Perbicaraan tentang risiko dari segi takrif, jenis-jenis, sebab-sebab yang enam, dan jalan-jalan terjadinya risiko tersebut sama ada secara melampau, jangkaan, bercanggahan, kesilapan atau larangan. Keamanan akan dapat dicapai dengan fahaman jitu tentang risiko kerana risiko ialah sesuatu yang bercanggahan dengan manfaat.

Perbahasan diteruskan lagi dengan menyentuh intipati judul buku ini iaitu penjelasan panjang lebar mengenai Sistem Insurans Islam. Sistem Insurans Islam ditakrifkan sebagai apa-apa yang disyariatkan Allah dari hukum-hakam untuk mencegah sebab-sebab risiko kesihatan dan harta dan memelihara kedua-duanya dari kesan-kesan risiko atau mudarat dengan cara yang sepatutnya. Oleh itu sistem insurans Islam didirikan di atas beberapa prinsip utama iaitu aqidah Islam yang benar pembentukan kerajaan Islam, ekonomi Islam dan penyuburan harta, masyarakat penyayang dan pendidikan Islam terancang yang dibina atas rasa tanggungjawab dan pendidikan kewangan Islam.

Objektif utama insurans Islam pada pandangan beliau ialah dapat menjadikan individu muslim dan masyarakat Islam sampai ke tahap cukup dan mencukupi antara satu sama lain dalam masa yang sama mencapai tahap kesihatan yang kuat, selamat harta dari pembaziran dan lain-lain. Turut diketengahkan cabaran-cabaran insurans Islam dan kaedah penyelesaiannya menurut kacamata Islam. Antara lain menerusi pengurusan hidup menepati Syarak, pengurusan kesihatan diri sebelum ditimpa musibah

atau mudharat dengan kaedah-kaedah fiqh yang jelas seperti: Tiada mudarat dan tidak memudaratkan.

Dalam menangani permasalahan sosial sesebuah masyarakat, Islam telah mengenalpasti dua penyakit utama yang wujud iaitu pengangguran dan kemiskinan tegar. Di sini penulis telah mendatangkan dengan panjang lebar cara-cara penyelesaian menurut Islam yang terdapat menerusi sistem jaminan sosial atau insurans Islam. Antaranya peranan insitusi zakat dan peranan individu serta kerajaan Islam dalam menguruskan harta perseorangan atau kerajaan. Seandainya semua ini tidak terlaksana dengan sepatutnya dalam sesebuah negara Islam, gantian atau jaminan risiko dan mudarat pada kesihatan diri dan harta perlu ada bagi menjamin keamanan diri dan negara. Pensyariatan gantian atau jaminan dan hukumnya dihuraikan dengan tersusun beserta hujah dan pendapat ulama.

Dalam bab kedua, huraian tentang sistem insurans konvensional dari segi takrif, jenis-jenis, ciri-ciri perjanjian insurans, peranan dan tugas insurans serta pertumbuhan dan perkembangan insurans diperincikan satu-persatu. Pada fasal seterusnya barulah didatangkan manhaj ulama Islam dalam meletakkan hukum ke atas insurans dan ringkasan sejarah penfatwaan dalam insurans. Dalam masa yang sama terdapat di sana perbezaan pendapat di antara ulama dalam meletakkan hukum insurans dan apa-apa yang berkaitan dengannya dibicarakan dengan jelas.

Penulis kemudiannya mendatangkan pendapatnya tentang insurans ini secara ringkas bahawa setiap muslim hendaklah sentiasa mendidik jiwa, ahli keluarga dan anak-anaknya dengan aqidah yang benar, akhlak yang mulia, dan menyuburkan agama dalam diri sehingga tidak menjerumuskan diri mereka kepada perkara memudharatkan.

Hendaklah sentiasa cuba merealisasikan jaminan sosial dirinya dengan bijak menafkahkan hartanya, menyimpan untuk masa depan diri dan anak-anaknya untuk hal-hal luar jangkaan. Juga sentiasa cuba melaburkan hartanya dengan cara yang disyariatkan untuk mencukupkan keperluan diri dan tanggungannya, inilah sistem insurans Islam yang sebenar.

ii. ‘Abd Allah Nāsih ‘Ulwān (2007), *at-Takāful Ijtima‘i fi al-Islām*.⁶

Buku ini membahaskan dengan lebih dekat tentang sistem takaful masyarakat dalam Islam. Bab pertama, penulis telah membincangkan pengertian takaful dari segi bahasa yang boleh diertikan sebagai penambahan ganjaran, saksi, penjamin atau tanggung, jamin dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran. Menurutnya takaful dari segi istilah diertikan sebagai saling jamin-menjamin antara anggota masyarakat secara individu atau berkumpulan, dalam perkara positif seperti menjaga anak yatim atau dalam perkara negatif iaitu pengharaman monopoli yang didorong oleh perasaan mendalam terbit dari aqidah yang benar untuk saling bantu membantu untuk mewujudkan masyarakat yang lebih baik dan mengelakkan kemudaratannya pada anggota masyarakat.

Baginya sistem takaful dalam Islam terdapat dalil yang jelas dari syarak dan ‘aqli. Kedua-dua hujah ini dihuraikan dengan jelas sehingga menghasilkan satu fahaman yang nyata tentang takaful Islam bahawasanya ianya ibarat merangkumi seluruh syariat Islam kerana objektif takaful ialah memperbaiki keadaan manusia agar hidup dalam aman dan tenteram pada fahaman mereka, jiwa mereka, harta mereka dan lain-lain. Dalam bab 2, perbincangan mengenai asas pemikiran sistem takaful. Bagi penulis, sistem takaful kemasyarakatan Islam adalah sebahagian dari sistem

⁶ ‘Abd Allah Nāsih ‘Ulwān, (1428H/2007M), *al-Takāful al-Ijtima‘i fi al-Islām*. Mesir: Dār al-Salām, cet. 7.

perundangan Islam. Baginya aliran pemikiran kapitalis dan komunis yang ada hari ini banyak keburukannya dari kebbaikannya. Pemilikan harta dalam Islam boleh dikategorikan kepada tiga bahagian, pertama untuk kegunaan harian individu seperti makanan dan pakaian, kedua pemilikan khas hasil titik peluh seperti rumah dan perniagaan, dan ketiga pemilikan awam seperti galian dan petrol. Harta hanya wasilah mencapai kebahagiaan. Allah adalah pemilik sebenar, jika seandainya harta digunakan dengan betul, kebbaikannya akan kembali kepada manusia. Di sini penulis mendatangkan nas al-Quran dan hadis bagi mengukuhkan hujah beliau.

Bab 3, perbahasan ringkas tetapi jelas mengenai prinsip-prinsip modal harta dalam Islam. Antaranya sistem perwarisan, pengharaman menyimpan harta tanpa pelaburan, harta pencarian yang ada unsur haram seperti riba, monopoli dan lain-lain. Prinsip adil dalam agihan harta, jaminan kemudahan awam, penetapan harga barang, punca rezeki, dan infak ke jalan Allah antara prinsip yang perlu dilaksanakan. Bab 4 pula menjawab persoalan siapakah yang layak mendapat perlindungan di bawah sistem takaful ini. Islam meletakkan tanggungjawab memberi perlindungan ini kepada institusi masyarakat dan negara. Antara golongan yang wajib diberi perlindungan ialah kanak-kanak, anak yatim, anak yang dibuang, Orang Kurang Upaya (OKU), remaja liar, janda kematian suami atau diceraikan dan orang tua dan lemah.

Bab 5 membahaskan mengenai alat yang praktikal dalam merealisasikan takaful. Bagi penulis ianya dibina di atas dua perkara utama iaitu tanggungjawab anggota masyarakat dan negara. Masyarakat dilihat dapat merealisasikan sistem takaful ini menerusi dua cara. Pertama pada perkara yang wajib dan kedua secara sukarela. Cara pertama seperti ada pada kewajipan zakat, denda *kaffarah*, ibadah korban dan lain. Manakala cara kedua pada ibadah wakaf, *hibah*, wasiat, pinjaman dan lain-lain. Apabila

sesebuah negara Islam sudah menyelia sumber pendapatannya, maka ia perlu mengagihkannya kepada mereka yang layak dan berhak menerusi kewujudan “ rumah harta takaful”.

Di hujung perbahasan tajuk ini, penulis telah menggariskan beberapa cadangan yang praktikal untuk merealisasikan konsep atau sistem *takaful ijtima'i* ini. Antara cadangan beliau ialah pertama, menerusi takaful keluarga. Setiap keluarga menyediakan tabung yang diberi nama “tabung takaful keluarga”. Menerusi tabung inilah bantuan akan dapat disalurkan kepada yang memerlukan seperti orang sakit, anak yatim dan orang tua. Kedua, takaful penduduk setempat. Ketiga, institusi zakat. Keempat, memperbanyak yayasan kebajikan dan koperasi. Kesimpulannya, penulis menegaskan bahawa takaful masyarakat dalam Islam dapat direalisasikan dengan kembali kepada ajaran Islam sebenar.

iii Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, Buku Panduan Asas Takaful (2007)⁷

Buku ini adalah penting untuk di baca kerana ia merupakan bahan rujukan utama untuk peperiksaan wakil ETB. Penulisan buku ini amat terperinci dalam membahaskan mengenai prosedur takaful yang diamalkan di Malaysia. Dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian A buku ini dikembangkan kepada 10 tajuk kecil. Definisi takaful dari segi bahasa dan istilah disisipkan sebagai muqadimah buku ini. Penulisan buku ini lebih menekankan akan konsep takaful yang berteraskan kepada konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling-bantu membantu di kalangan peserta.

⁷ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia IBFIM (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: [s.n.].

Manakala asas falsafah takaful iaitu kerjasama, tanggungjawab dan saling melindungi dibina dan dikuatkan dengan hujah dari hadis-hadis nabi yang masyhur. Sifat keikhlasan menjadi tunjang kepada falsafah takaful dalam Islam. Singkapan sejarah mengenai konsep takaful sejak 1400 tahun dahulu yang telah mula ada sejak zaman sebelum Islam di kalangan pedagang Arab seterusnya di zaman kedatangan Islam yang dikenali dengan sistem '*āqilah* dan sistem *qasamah*. Begitu juga di Tanah Melayu yang mana amalan saling tolong menolong dan khairat kematian sudah mula ada di kalangan penduduk Tanah Melayu sejak dahulu kala.

Buku ini turut membicarakan tentang muamalat Islam serta tujuan pensyarian sesuatu hukum dan juga sumber-sumber hukum yang disepakati atau yang tidak disepakati secara ringkas. Pelbagai jenis kontrak dalam muamalat Islam turut diketengah seperti *tabarru'*, *mudārabah*, *wakālah*, *qardu hasan* dan *hibah*. Turut disenaraikan tujuh prinsip kontrak takaful yang perlu ada iaitu kepentingan boleh lindung, penuh percaya, prinsip indemniti, prinsip subrogasi, prinsip *tabarru'*, prinsip perkongsian sama rata dan prinsip sebab terhampir. Manakala pengendalian takaful di Malaysia biasanya mengguna pakai model pengendalian menurut syarak iaitu model *mudārabah* dan model *wakālah*

Dalam bab seterusnya, perbahasan yang jelas tentang perbezaan antara insurans dan takaful. Huraian tentang insurans dari segi definisi, sejarah permulaan, jenis-jenis insurans dan pendapat-pendapat ulama terkenal antaranya Dr. Yusuf al-Qaradāwi dan *Shaykh Muhammad al-Ghazāli* tentang pengharaman insurans dan akhir sekali unsur-unsur yang dilarang dalam insurans. Perbezaan antara sistem insurans dan takaful diperincikan dalam bentuk jadual agar lebih jelas dan mudah difahami.

Perkembangan industri takaful di Malaysia turut menjadi perbincangan utama bermula dari sejarah bertapakannya takaful di Malaysia, diikuti dengan penerangan mengenai 3 komponen utama dalam industri ini iaitu peserta, pengendali dan saluran pengantara. Persatuan-persatuan industri takaful dan agensi sokongan yang terdapat di Malaysia turut disenaraikan. Buku ini turut menjelaskan peranan Bank Negara Malaysia dalam mengawal selia perjalanan industri takaful di Malaysia bersama-sama jawatankuasa syariah. Akta takaful 1984 dan Akta Insurans 1996 turut diuraikan di hujung bab enam.

Dalam bab tujuh, perbincangan lebih berkisar tentang risiko dari perspektif Islam dan kaitannya dengan takaful. Diceritakan secara ringkas kisah yang berlaku pada nabi Yūsuf a.s., sebagai bukti pentingnya merancang kewangan dalam Islam. Turut diperjelaskan selepasnya akan kaedah-kaedah menangani risiko menerusi empat cara iaitu mengelak, mengawal, berkongsi dan memindahkan risiko.

Di hujung bahagian A, buku ini turut membincangkan tentang takaful semula, peranan wakil takaful dan pemasarannya serta khidmat mereka selepas jualan. Dalam bahagian B, buku ini lebih menfokuskan kepada perbincangan takaful am dan produk-produknya yang terdapat di Malaysia hari ini. Huraian tentang prosedur pengunderaitan dan tuntutan bagi Takaful Kenderaan atau bukan kenderaan, Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dibincangkan pada bahagian C dan D.

iv. Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *The Economic Enterprise In Islam*.⁸

Dalam buku ini penulis menjelaskan bahawa setiap perubahan dari satu cara hidup ke satu cara hidup, dan perubahan dari satu peradaban ke satu peradaban yang lain

⁸ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *The Economic Enterprise In Islam*, Pakistan: al-Maktabah al-‘Arabiyyah, cet. 2.

memerlukan kepada pengubahsuaian berbagai institusi dan cara hidup menyeluruh termasuk bidang ekonomi, politik, sosial dan spiritual. Objektif hidup ialah *al-falāḥ* iaitu mencapai kesempurnaan hidup dunia dan akhirat dalam keredaan Allah. Objektif ekonomi, politik, sosial dan spiritual mestilah menjurus kepada objektif hidup manusia. Ianya dikira betul selagi objektif ini dapat merealisasikan matlamat atau objektif hidup. Penulis menambah lagi bahawa dasar ekonomi Islam adalah kaedah atau cara untuk bagi mencapai matlamat kehidupan. Sepatutnya ia bertujuan untuk mengembangkan kebajikan kepada semua pihak sebagaimana dinyatakan oleh konsep *al-falāḥ*.

Pengarang meringkaskan matlamat aktiviti ekonomi di dalam Islam seperti berikut: pertama, memenuhi keperluan hidup seseorang secara sederhana. Kedua, memenuhi tanggungan keluarga. Ketiga, peruntukan untuk keperluan luar jangka pada masa akan datang. Keempat, penyediaan bekalan bagi keperluan keluarga yang ditinggalkan. Kelima, perkhidmatan sosial dan sumbangan kepada jalan Allah. Dalam penulisan buku ini pengarang tidak mengaitkan matlamat aktiviti ekonomi di dalam Islam dengan objektif insurans Islam.

v. Ali Jarishah⁹ (1990), *Kehormatan Hak-hak Manusia Menurut Islam (Suatu Kajian Perbandingan)*.

Penulis membincangkan hak-hak manusia menurut Islam dan hak-hak manusia melalui piagam yang diisytiharkan oleh PBB. Kemudian beliau membuat perbandingan antara kedua-duanya. Beliau menulis bahawa menyalurkan sumber kekayaan dan kelengkapan pengeluaran untuk kepentingan umah adalah suatu kewajipan. Islam menganjurkan supaya setiap individu berhak mendapat keselesaan daripada keperluan asasi iaitu termasuk makanan, minuman, pakaian, tempat kediaman, pelajaran, dan rawatan

⁹ 'Ali Jarishah (1992), *Kehormatan Hak-hak Manusia Menurut Islam (Suatu Kajian Perbandingan)*, terj. Mohd Marzuqi Shafie. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 2.

kesihatan. Antara hak-hak yang diiktiraf oleh Islam ialah hak membentuk keluarga.¹⁰ Perkahwinan menjadi hak bagi setiap manusia. Perkahwinan adalah satu-satunya cara beragama untuk membentuk sesebuah keluarga, membiak zuriat, dan memelihara diri.

Setiap pasangan mempunyai hak untuk dihormati, dihargai emosinya dan keadaannya dalam konteks kemesraan dan kasih sayang. Suami berkewajipan memberi nafkah kepada isteri serta anak-anak tanpa kekurangan. Firman Allah :

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُئْتِنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا
مَا آتَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا (٧)
Al-Ṭolāk (65) : 7

*“Hendaklah orang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan”*¹¹

Setiap anak-anak berhak ke atas ibu bapanya memperbaiki asuhannya, mengajar dan mendidiknya. Tidaklah harus menyuruh kanak-kanak yang masih muda umurnya supaya bekerja, atau melakukan kerja-kerja berat, atau membantut perkembangan mereka atau menyekat hak mereka untuk bermain dan belajar. Apabila ibubapa gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak maka bertukar tanggungjawab itu kepada masyarakat. Nafkah kanak-kanak tersebut diletakkan di bawah tanggungan baitulmal muslimin iaitu sebuah perbendaharaan awam di bawah kerajaan Islam.

¹⁰ *Ibid.*, hal. 71-73.

¹¹ Sheikh Abdullah Basmeih (t.t), *op. cit.*, hal 559.

Manakala kajian-kajian di universiti adalah seperti berikut :-

- i. Syukriyah bt Zakaria (2004), *Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful: kajian di Bagan Serai, Perak*.¹²

Penulis ini membuat kesimpulan hasil kajiannya bahawa kefahaman terhadap skim takaful adalah di tahap sederhana. Walaupun kurang penyertaan masyarakat dalam skim tersebut tidak semestinya menunjukkan mereka tidak faham langsung tentang takaful sebagai skim insurans Islam.

Beliau juga mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful tidak dipengaruhi oleh latarbelakang jantina, pekerjaan dan pendapatan. Kefahaman masyarakat terhadap skim takaful mempengaruhi sambutan terhadapnya, cuma pengaruh kefahaman bukanlah pengaruh yang besar yang akan memastikan seseorang itu menyertai takaful. Terdapat juga perkara lain yang turut memainkan peranan seperti kewibawaan wakil takaful, pendapatan yang mencukupi dan kadar caruman yang rendah.

- ii. Muslihun Muhammad Nasir (2007)¹³ *Teori dan Amalan Insurans Islam : Kajian Terhadap Pelaksanaan Insurans Islam di PT Syarikat Takaful Indonesia dan Brigin Life Syariah di Indonesia*.

Pengkaji ini telah mengkaji insurans konvensional dari perspektif Islam dan hukumnya serta teori dan konsep Insurans Islam. Islam adalah agama yang sempurna memiliki sistem insurans dalam makna yang luas iaitu sistem *takāfyl al-ijtimā'ī al-Īslāmī* iaitu jaminan sosial Islam. Beliau juga membincangkan konsep dasar insurans Islam terdiri daripada ; takaful, akad, *tabarru'*, *muḍārabah*, dewan pengawasan Syariah dan bersih dari unsur riba, *gharar*, dan *maysir*. Kajian ini menjelaskan tentang konsep insurans

¹² Syukriah bt Zakaria (2004), *Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful : Kajian di Bagan Serai, Perak*, Tesis Sarjana Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹³ Muslihun Muhammad Nasir (2007), *Teori dan Amalan Insurans Islam : Kajian Terhadap Pelaksanaan Insurans Islam di PT Syarikat Takaful Indonesia dan Brigin Life Syariah di Indonesia*, Disertasi Ijazah Sarjana, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Islam dan sejauhmanakah amalan insurans Islam pada kedua-dua syarikat iaitu PT Syarikat Takaful Indonesia dan Brigin Life Syariah di Indonesia. Beliau menyarankan supaya ulama Islam memberi panduan yang jelas tentang akad dan produk yang dihasilkan. Ini kerana terdapat satu syarikat memakai akad *mudārabah*, sementara syarikat lainnya menggunakan akad *wakālah*, ada syarikat menggunakan wakil dan ada yang tidak menggunakan wakil. Beliau turut menganjurkan kepada pengguna insurans konvensional supaya membuka mata melihat kepada insurans Islam yang menawarkan sistem lebih adil dan menguntungkan kepada pengguna.

iii. Nazihah bt Abd Halim¹⁴ (2000), *Takaful Nasional Sendirian Berhad: Satu Penelitian Operasinya*.

Penulis ini telah membincangkan penubuhan TNSB, jenis-jenis perniagaan yang ditawarkan, prosedur penyertaan dan tuntutan, pelaburan dan teknik pemasaran dan akhirnya, analisa prestasi kewangan TNSB. Penulis ini menyimpulkan bahawa skim takaful Islam yang diperkenalkan oleh TNSB adalah satu bentuk penghayatan yang praktikal kepada sistem ekonomi Islam yang merupakan suatu alternatif bagi insurans konvensional. Penulis tersebut mengatakan bahawa ada terdapat peralihan minat di pihak pengguna untuk menggunakan perkhidmatan yang berlandaskan Islam termasuk takaful. Penulis menyarankan supaya TNSB meningkatkan strategi promosi untuk meningkatkan pengenalan takaful ke seluruh negara.

v. Mohd Azrul Hisyam bin Ismail (2008),¹⁵ *Keberkesanan Pengendalian Takaful dalam Memasarkan Produk-Produk Takaful Keluarga : Kajian di Ibu Pejabat Takaful Nasional Sdn Bhd. Kuala Lumpur*.

Penulis membincangkan konsep dan amalan takaful. Beliau juga mengkaji TNSB dan operasinya, produk-produk takaful keluarga, rider-rider tambahan dan pemasaran.

¹⁴ Nazihah bt Abd Halim (2000), *Takaful Nasional Sendirian Berhad: Satu Penelitian Operasinya*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

¹⁵ Mahd Azrul Hisyam bin Ismail (2008), *Keberkesanan Pengendalian Takaful dalam Memasarkan Produk-Produk Takaful Keluarga : Kajian di Ibu Pejabat Takaful Nasional Sdn Bhd. Kuala Lumpur*, Disertasi Ijazah Sarjana Syariah API UM.

Seterusnya beliau membuat analisa kajian terhadap kefahaman, penerimaa dan kepuasan pelanggan terhadap takaful. Penulis mendapati terdapat perbezaan kefahaman wakil takful dan bukan wakil, iaitu kefahaman bukan wakil adalah pada tahap yang sederhana, berbanding tahap kefahaman wakil yang majoritinya adalah tahap tinggi. Beliau juga mendapati keberkesanan TNSB tidak menunjukkan keberkesanan yang ketara kerana kefahaman orang ramai pada tahap yang sederhana.

iv. Mariatulkitabiah bt Ibrahim (1994), *Syarikat Takaful dan Fungsinya Sebagai Alternatif Islam di Bidang Insurans: Satu Tinjauan Mengenai Hukum Halal Haram*.¹⁶

Penulis tersebut telah membuat penilaian dari perspektif hukum sejauhmanakah perjalanan syarikat insurans Islam ini melaksanakan konsep-konsep insurans Islam dalam urusniaganya, begitu juga menilai sejauhmanakah keberkesanan Insurans Islam yang dipelopori oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Penulis membincangkan konsep insurans dari pandangan barat dan Islam. Beliau membahagikan jenis-jenis perlindungan insurans kepada 3 jenis, iaitu insurans menurut fungsi, insurans menurut kelas-kelas perniagaan dan insurans menurut akta insurans 1963. Seterusnya beliau menjelaskan prinsip insurans iaitu risiko, kepentingan boleh insurans, jaminan ganti rugi, subrogasi dan ikhlas. Penulis ini juga telah membincangkan operasi dan urusniaga insurans berkaitan dengan pembahagian skim insurans, kontrak insurans, premium, pengumpulan dana dan insurans semula. Beliau juga membuat analisa perjalanan insurans takaful dan insurans konvensional. Beliau membincangkan pandangan ulama mengenai insurans yang terbahagi kepada tiga pandangan; Pendapat ulama yang mengharamkan, pendapat yang mengharuskan dan pendapat ulama yang ke arah ubahsuai. Analisa yang dirumuskan oleh penulis bahawa terdapat banyak perbezaan

¹⁶ Mariatulkitabiah bt Ibrahim (1994), *Syarikat Takaful dan Fungsinya Sebagai Alternatif Islam di Bidang Insurans: Satu Tinjauan Mengenai Hukum Halal Haram*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

antara insurans konvensional dan insurans takaful serta terdapat berbagai pandangan fuqaha mengenainya.

Penulis merumuskan bahawa sistem insurans takaful merupakan alternatif yang terbaik sebagai satu-satunya insurans Islam yang dapat memberi perlindungan kepada masyarakat Islam. Beliau menyimpulkan bahawa skim perlindungan takaful Islam adalah satu bentuk penghayatan yang praktikal kepada sistem ekonomi Islam.

v. Hishamudin Abu Bakar (2003),¹⁷ *Mobalisasi Dana Pelan Takaful Keluarga TNSB 1996-2002*.

Pengkaji dari Jabatan Syariah, UM, cuba mengupas perkara-perkara yang berkaitan dengan industri insurans dan takaful berkisar operasi TNSB dan produk takaful keluarga. TNSB mempunyai strategi sendiri di mana perlantikan wakil-wakil yang bergerak untuk mencari pelanggan dengan lesen wakil yang resmi menjadikan peningkatan kepada pendapatan perniagaan TNSB. Selain itu pengkaji juga merumuskan prestasi syarikat adalah antara yang baik dan berdaya maju telah berjaya menembusi pasaran industri insurans Islam di Malaysia..

vi. Fadzilah bt Muhamad, *Peranan dan Keberkesanan Syarikat Takaful Nasional Sendirian Berhad dalam memenuhi tanggungjawab Sosial (1995-2000): Kajian di Ibu Pejabat Kuala Lumpur*, Jabatan Siasah Syar'iiyyah, UM. Kajian ini menitikberatkan persoalan tanggungjawab sosial syarikat TNSB terhadap masyarakat dan juga kepada pekerja. Antaranya seperti memberi gaji dan upah yang berpatutan, menyediakan program motivasi kepada pekerja, memberi khidmat nasihat kepada pelanggan dengan layanan yang baik.

¹⁷ Hishamudin Abu Bakar (2003), *Mobalisasi Dana Pelan Takaful Keluarga TNSB 1996-2002*, Kertas Projek, Jabatan Syariah, UM,

Berdasarkan kajian –kajian yang telah dinyatakan, terdapat beberapa kekosongan yang menjadi fokus kepada penulis dalam kajian ini sebagaimana berikut:

- i. Bagaimana etika dalam Islam khususnya kerajaan Islam sebelum ini berhadapan dengan masalah kebajikan dan kefakiran, sejauhmana keperluan untuk menubuhkan tabungan insurans atau takaful dalam negara-negara Islam. Takaful mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan *maqāsid al-sharī'ah*. Sejauhmana hubung kait tersebut dijalinan dan direalisasikan dalam takaful pada zaman kini.
- ii. Produk takaful keluarga di ETB merupakan produk yang paling terkehadapan sehingga kini di Malaysia. Sejauh manakah produk-produk tersebut menepati konsep *maqasid al-shari'ah* sebagaimana difahami oleh para ulama Usul. Semua persoalan ini tidak dikaji oleh mana-mana pengkaji dan memerlukan kajian yang khusus sebagaimana yang dilakukan oleh penulis.

BAB SATU :

KONSEP TAKAFUL DALAM ISLAM DAN OBJEKTIFNYA

1.1. PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan tentang konsep takaful dalam Islam dan objektif-objektifnya. Bab ini dibahagikan kepada dua topik utama: Topik pertama menyentuh perbahasan terperinci tentang takaful dari segi definisi pada bahasa dan istilah serta konsep takaful dalam Islam dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya. Topik kedua pula, menerangkan tentang objektif takaful dalam Islam kepada individu semasa hayatnya atau selepas kematiannya, keluarga dan masyarakat.

1.2. KONSEP TAKAFUL DALAM ISLAM

Perkataan takaful berasal dari perkataan Arab. Asal perkataannya ialah *kafala* (كَفَلَ) membawa makna memberi nafkah ke atas seseorang dan bertanggungjawab kepada seseorang, atas *wazan* (تَكَافُل، يَتَكَافَل، تَكَافُلًا). Jika tambah kepada bangsa membawa makna bertanggungjawab sesama mereka atau jamin-menjamin.¹ Takaful bermaksud insurans yang mengikut asas-asas dan hukum-hukum agama Islam.² Takaful merupakan satu konsep insurans yang berasaskan muamalat Islam dan berlandaskan hukum Syariah.³

¹ ALECSO (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, Tunis: Larousse, hal. 1047-1048; Lihat: Hussain Unang (1994), *Kamus al-Tullab Arab-Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, hal. 844.

² Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), *Kamus Dewan*, ed. 3, Kuala Lumpur: DBP, hal. 1347-1348.

³ Hendon Redzuan et. al. (2005), *Risiko dan Insurans*, Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., hal. 525.

Menurut Akta Takaful 1984, takaful didefinisikan sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada para peserta jika diperlukan setelah mereka sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu.⁴

1.2.1. Prinsip Perlindungan Dalam Islam

Perlindungan merupakan suatu keperluan yang tidak boleh diambil ringan oleh setiap anggota masyarakat bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya pelbagai musibah atau tragedi. Maka dengan itu menjadi satu kewajipan bagi seorang Muslim yang beriman dengan qada' dan qadar, supaya berikhtiar dan berusaha untuk mengelak dan menjauhkan sebarang kemungkinan berlakunya musibah malapetaka atau bencana yang boleh mengancam nyawa dan keselamatan harta bendanya.⁵

1.2.1.1. Perlindungan Musibah Berdasarkan Aqidah Islam⁶

Pada dasarnya umat Islam wajib menyakini bahawa Allah adalah sebagai pencipta, pentadbir dan pemberi rezeki kepada makhluknya. Manusia dikehendaki berusaha sedaya upaya bermuamalah bersesuaian dengan aqidah Islam untuk meneruskan kehidupan. Kita berkeyakinan bahawa nyawa, harta dan masa depan adalah milik Allah dan ketentuan-Nya. Allah yang mentadbir segala-galanya di langit dan di bumi, pemilik

⁴ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia IBFIM (2007), *op. cit.*, hal. 10.

⁵ Mohd Fadzli Yusuf (1996), *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hal. 2.

⁶ 'Abd al-Qādir Ja'far (2006), *Nizām al-Ta'min al-Islāmi*, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 91-94.

segala apa yang ada.⁷ Manusia tidak wajar risau rezeki⁸ dan masa depannya, mereka hendaklah menyediakan usaha dan sebab untuk mendapatkan rezeki dan bertawakal kepada Allah.

Sesuai dengan tujuan hidup ini, medan ujian yang akan kita lalui dengan persediaan yang tidak sama.⁹ Hadis dari ibn ‘Abbās mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda :

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ احْفَظْ اللَّهَ يَحْفَظْكَ احْفَظْ اللَّهَ بَجِدِّهِ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلْ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَخُفَّتِ الصُّحُفُ.¹⁰

Riwayat al-Tirmidhi

“Wahai anak (budak), aku ajar kepadamu beberapa perkataan; jagalah Allah nescaya Allah akan menjaga kamu, peliharalah Allah kamu akan mendapatiNya di hadapanmu, bila kamu memohon sesuatu, pohonlah kepada Allah, bila kamu inginkan bantuan, mintalah bantuan dengan Allah, ketahuilah bahawa seandainya sesuatu kaum itu berhimpun untuk memberi kebaikan atau manfaat kepadamu dengan sesuatu, mereka tidak memberi kebaikan kepadamu kecuali sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah, dan seandainya mereka berhimpun untuk memudaratkanmu maka mereka tidak akan dapat memudaratmu kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah, telah diangkat mata pena dan kering lembaran-lembaran”

Islam mengajar dan mendidik jiwa Mukmin bahawa tiada kesejahteraan dan keamanan bagi seseorang di dunia dan di akhirat kecuali dengan Allah, iaitu menerusi bertaqarrub dan mendekatkan diri kepada Allah. Apabila sesuatu harta benda hilang atau rosak dari seseorang Muslim atau sesuatu musibah menimpa ke atas dirinya, anak,

⁷ Lihat: Khurshid Ahmad (ed.) (1980), *Kajian Dalam Ekonomi Islam*, terj. Sibly bin Maros & Amir Hussin Baharuddin (1991) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 18-19.

⁸ Lihat: Surah *Saba*’ (34): 24.

⁹ Lihat: Khurshid Ahmad (ed.) (1980), *op. cit.*, hal. 20.

¹⁰ Lihat: ‘Abu ‘Isa Muhammad ibn ‘Isa ibn Surah al-Tirmidhi (2006), *Dabbatahu wa Sahhahahu* ‘Abd al-Ghani Mahfuz (edit), *Sunan al-Tirmidhi wa huwa al-Jami` al-Sahih*, cet. 2, no. hadis 2516, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 594, Imam al-Tirmidhi berkata hadis ini *hasan sahih*,; ‘Ali bin Husām al-Dīn al-Muntaqa al-Hindi (1989), *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-‘Aqwāl wa al-Af’āl*, no hadis 43435, juz. 15, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, hal. 863.

jawatan dan keluarga, maka Allah akan menggantikan apa yang hilang dalam berbagai bentuk.¹¹ Konsep bertawakal kepada Allah membangkitkan ketenangan dalam jiwa Mukmin daripada keluh kesah dan takut kepada malapetaka. Allah telah menjelaskan sifat ini dalam firman-Nya :

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ (٥١)

al-Tawbah (9): 51

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami, Dia-lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal."

Pegangan yang mantap tentang konsep ini mendorong manusia untuk terus bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal. Seperti gambaran hadis yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. :

لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرِزْقْتُمْ كَمَا يُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ
بَطَانًا¹²

Riwayat Tirmidhi

“jika sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal nescaya Allah akan memberi rezeki kepada kamu sebagaimana burung yang keluar pada waktu pagi dengan perut kosong dan balik pada waktu petang kekenyangan”

‘Abd al-Qādir Ja‘far menegaskan bahawa konsep ini akan membawa seseorang itu percaya bahawa diri, harta dan orang lain merupakan amanah dan milik Allah yang akan kembali kepada Allah. Maka seorang Muslim tidak takut sumber rezekinya dan sentiasa melakukan pekerjaan serta berserah kepada Allah.¹³

¹¹ Khurshid Ahmad (ed.) (1980) , *op. cit.* hal. 92.

¹² ‘Abu ‘Isa Muhammad ibn ‘Isa ibn Surah al-Tirmidhi (2006), *op. cit.*, *bab al-Zuhd ‘an Rasulillah, fi Tawakul ‘ala Allah*, no hadis 2344, hal 560, Imam al-Tirmidhi mengatakan hadis ini: hasan sahih.

¹³ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op. cit.*, hal. 93.

1.2.1.2. Perlindungan Sosial Berdasarkan Syariah Islam

Perlindungan sosial bermaksud menyediakan taraf hidup yang berpatutan termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, kemudahan-kemudahan perubatan, pelajaran dan sebagainya kepada warganegara. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan-keperluan hidup kepada setiap individu menurut kebiasaan adat, penggunaan dan ukuran yang lazim.¹⁴ Ini bukanlah bermaksud sesebuah kerajaan mesti menyediakan semua perkara itu kepada setiap warganegaranya, namun dalam erti kata sebenar, hanya orang-orang yang berpendapatan rendah dan tidak berpendapatan yang amat memerlukan pertolongan kerajaan.¹⁵

Menurut kebanyakan ulama Islam, sememangnya menjadi tugas kerajaan untuk menyediakan jaminan sosial daripada semua jenis bahaya kepada rakyatnya, seperti pengangguran, orang-orang yang lemah kerana sakit atau kemalangan, kematian penjaganya dan sebagainya.¹⁶ Kesyumulan Islam direalisasikan dan diaplikasikan dalam Syariah Islam. Tugas negara Islam yang dilihat dalam aspek ekonomi adalah seperti berikut :

- i. Menetapkan pembahagian sumber semulajadi negara, sama ada milik negara, individu atau perkongsian, menjalankan kajian dan operasi kearah pembangunan sumber semulajadi negara tadi, termasuk tanah, logam, air, rumput, air dan binatang ternakan. Pembahagian ini hendaklah adil supaya tidak ada segolongan sahaja yang mendapat faedah manakala yang lain hidup dalam kesengsaraan.¹⁷

¹⁴ Muhammad Bākir al-Sadr, (1983), *Iqtisādunā*, Beirut: Dār al-Kitāb lil-Lubnāni, hal. 632-634.

¹⁵ Lihat: ‘Ābidin Ahmad Salamah, “al-Hājat al-Asāsiyyah wa Tawfiruha fi Dawlah al-Islāmiyyah”, dlm. *Journal of Research in Islamic Economics*, King Abdul Aziz University: International Center for Research in Islamic Economics, vol. 1, no. 2, hal. 58-60.; ‘Abd al-Qadir Ja’far (2006), *op. cit.*, hal. 112-114

¹⁶ Afzal al-Rahman (1982), *Economic Doctrines of Islam*, Pakistan: Allah Wala’, vol.4, hal. 246.

¹⁷ Lihat, ‘Abidin Ahmad Salamah, *op. cit.*, hal.58 – 59.

- ii. Mestilah menyediakan peluang untuk mencari rezeki, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penganggur.¹⁸
- iii. Tanggungjawab negara dalam Syariah Islam mestilah menyediakan kepada rakyat kemudahan asas untuk makan, minum dan tempat tinggal.¹⁹
- iv. Dengan adanya prinsip perdagangan bebas dalam Islam, maka menjadi kewajipan ke atas sesebuah negara Islam untuk masuk campur dalam urusan ekonomi bagi menjamin pelaksanaan hukum-hakam Islam yang padu dan berkait rapat dengan kehidupan individu dari sudut ekonominya.

Sebuah negara Islam perlu melaksanakan jaminan sosial atau perlindungan sosial dan keseimbangan umum dalam ekonomi dengan cara yang dibenarkan oleh Islam. Jaminan sosial yang perlu ada dalam sebuah negara Islam bertujuan mengelakkan berlakunya konflik demi membentuk masyarakat yang lebih baik dan sempurna. Jaminan sosial kerajaan Islam ini tidak mengandungi unsur-unsur haram yang terdapat dalam jaminan perdagangan moden seperti riba, perjudian, pertaruhan, ketidakpastian, eksploitasi dan sebagainya.²⁰

Selain itu, demi menjamin keselamatan harta, kerajaan Islam mestilah terhindar dari segala bentuk penipuan, apa jua perkara yang menyebabkan perkelahian, monopoli mahupun kegiatan yang mengakibatkan persaingan yang tidak seimbang, iklan-iklan dusta, penipuan dan riba. Begitu juga setiap pendapatan yang memperguna kesempitan hidup manusia. Kerajaan Islam mengutip sumber kewangan daripada rakyat jelata dalam bentuk cukai mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kerajaan akan membayar kembali pelbagai manfaat daripada perbendaharaan negara kepada rakyat yang memerlukannya. Prinsip ini merupakan

¹⁸ Lihat, *ibid* hal. 58

¹⁹ Lihat, *ibid* hal. 58

²⁰ Lihat: Afzal al-Rahman (1982), *op. cit.*, vol. 4, hal. 249.

salah satu kewajiban yang mesti ditunaikan untuk mencapai persaudaraan dan perpaduan yang diwajibkan oleh Islam.²¹

Kerajaan berada dalam kedudukan yang sangat baik untuk melindungi hak semua warganegaraanya, terutama orang-orang miskin, para balu, anak-anak yatim, orang-orang lemah dan sebagainya. Jika kerajaan gagal menolong orang-orang susah, sakit dan lemah, maka hilanglah hak kerajaan untuk mendapatkan kepatuhan kepada undang-undang daripada rakyatnya. Maka perlulah masyarakat Islam mengembalikan Kerajaan Islam yang sebenarnya.²² Antara faedah tertegaknya kerajaan Islam kepada sistem insurans Islam ialah ; -²³

- i. Manusia dapat hidup menurut sistem Islam dan menyusun atur hubungan dengan orang lain selaras dengan kehendak Islam. Sistem insurans Islam atau nama lainnya jaminan sosial Islam dapat dipraktikkan kerana pada masa itu kerajaan Islam mempunyai kuasa memerintah dan menyusun atur muamalah secara Islam untuk rakyatnya.
- ii. Kemaslahatan individu terjamin sama ada dalam jangkamasa dekat atau jauh, serta mendapat hak mereka yang sebenar dalam politik dan juga ekonomi. Islam menyelesaikan semua permasalahan yang berkaitan dengan ekonomi individu antaranya kemiskinan. Dengan tertegaknya Kerajaan Islam jaminan hidup sosial manusia lebih terjaga kerana Islam memuliakan manusia, dan menjaga kebajikan hidup mereka
- iii. Harta dan sumber kekayaan sebuah negara Islam terjaga tanpa pembaziran. Rakyat diberi peluang untuk bekerja keras menggunakan sumber yang ada. Maka

²¹ Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Jamāl (1986), *Mawsū'āt al-Islāmi*, Kaheerah: Dār al-Kutub al-Misri, cet. 2, hal. 216.

²² Lihat: Afzal al-Rahman (1982), *op.cit.*, vol. 4, hal.253-254.

²³ 'Abd al-Qādir Ja'far (2006), *op. cit.*, hal.96-98.

kuranglah masalah pengangguran dan kefakiran yang menjadikan sistem jaminan sosial masyarakat Islam sebuah kenyataan .

- iv. Pengamalan sistem *hisbah* dalam sebuah negara Islam yang berfungsi sebagai *amar ma`rūf nahi munkar* akan melahirkan sebuah masyarakat yang mudah melakukan kebaikan dan menjauhi yang mungkar. Ini akan mencegah perkara-perkara yang menyebabkan kemudaratannya kepada kehidupan seharian dan ekonomi masyarakat tersebut. Sifar rasuah dan riba akan menjamin kehidupan sosial masyarakat Islam.

Sistem jaminan atau perlindungan sosial dalam Islam berdasarkan beberapa prinsip. Antaranya ialah kekayaan dan harta benda merupakan milik Allah SWT dan kerajaan adalah khalifah yang memegang amanah daripada Allah.²⁴ Firman Allah :

. وَأَتَوْهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ .

al-Nur (24): 33

“Dan berikanlah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu”

Manusia dan harta yang dimilikinya tidak lain hanya memegang amanah Allah yang telah dikurniakan kepadanya. Hanya Allah sahajalah yang memiliki seluruh isi langit dan bumi, merupakan pemilik sebenar semua harta, sama ada harta yang berbentuk “barangan ekonomi” ataupun “barangan bebas”.²⁵ Kerajaan menjamin perlindungan sosial bagi semua warganegara dengan syarat warganegara patuh terhadap undang-undang negara.²⁶ Kerajaan tidak mempunyai sebarang hak untuk menuntut kepatuhan rakyat jika kerajaan membiarkan rakyat dalam kelaparan, melarat, sakit dan menganggur.²⁷ Syarak telah meletakkan kewajipan kepada pihak berkuasa di

²⁴ Afzal al-Rahman (1982), *op. cit.*, vol 4, hal. 246.

²⁵ Muhammad ‘Abd al-Mun‘im al-Jamal (1986), *op. cit.*, hal.189.

²⁶ Afzal al-Rahman (1982), *op. cit.* vol. 4, hal. 254.

²⁷ *Ibid.*, hal. 255.

negara Islam agar memberi makanan kepada setiap orang yang lapar dan mengubati setiap orang yang sakit serta membantu setiap orang yang lemah dan tidak bermaya.²⁸

Pada zaman Rasulullah s.a.w. baginda telah memberikan bantuan kewangan kepada orang-orang miskin dan fakir daripada perbendaharaan awam, pekerjaan kepada orang-orang yang tidak dapat bekerja dan bantuan kewangan kepada orang-orang yang sakit, lemah dan tidak dapat bekerja.²⁹ Polisi Rasulullah s.a.w. inilah yang diertikan sebagai jaminan kemasyarakatan iaitu “sesuatu yang diasaskan oleh sesebuah kerajaan untuk kemaslahatan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai demi mengamankan mereka dari penyakit, lemah, dan kelesuan demi kemudahan pekerja”³⁰

Hakikat bahawa kerajaan bertanggungjawab terhadap keperluan-keperluan asas rakyatnya diiktiraf oleh Rasulullah s.a.w. dengan tertubuhnya negara kebajikan di Madinah. Dalam pembayaran elaun misalnya, Baginda tidak membezakan antara orang Islam dengan orang kafir. Semua rakyat negara Islam mendapat faedah yang sama rata daripada kemudahan ini. Setiap rakyatnya yang lemah, sakit, atau terlalu tua untuk mencari nafkah akan menerima bantuan kewangan daripada perbendaharaan.³¹

Begitu juga halnya yang berlaku di zaman pemerintahan Saidina ‘Umar al-Khattab, orang-orang yang fakir diberikan elaun daripada perbendaharaan tanpa mengira agama. Rumah-rumah rehat dibina kebanyakan bandar untuk memberikan makanan percuma kepada orang-orang yang bermusafir. Peruntukan juga telah dibuat bagi memberikan penjagaan yang baik kepada anak-anak yang ditinggalkan oleh ibu-ibu mereka di tepi jalan, makan minum mereka, dan semua perbelanjaan yang lain

²⁸ Muhammad ‘Abd al-Mun‘im Al-Jamal (1986), *op cit.*, hal. 215.

²⁹ Afzal al-Rahman (1982), *op cit.*, vol. 4, hal. 251.

³⁰ Muhammad ‘Uthmān Syabir (1998), *al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āsarah fī al-Fiqh al-Islāmi*, Jordan: Dār al-Nafā’is, hal. 94.

³¹ Afzal al-Rahman (1982), *op. cit.*, vol. 4, hal. 252.

ditanggung oleh perbendaharaan. Polisi ini telah diikuti oleh khalifah-khalifah selepas ‘Umar.³²

1.2.1.3. Pembinaan Masyarakat di atas Asas Persaudaraan Islam

Umat Islam adalah diibaratkan seperti sebuah keluarga yang besar yang disatukan atas aqidah yang satu, keimanan kepada tuhan yang satu, matlamat yang satu dan semangat ukhuwwah yang satu. Masyarakat Islam bukan berpaksi kepada kebendaan sahaja tetapi ianya terbina di atas asas yang kukuh iaitu keimanan kepada Allah.³³ Sebagaimana firman Allah :-

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ
al-Hujurat (49): 10

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

Inilah antara objektif yang terdapat dalam sistem jaminan sosial Islam iaitu merealisasikan masyarakat penyayang dan dibina di atas dasar ukhuwwah kerana Allah.³⁴ Sesungguhnya masyarakat yang baik ialah masyarakat yang dibina di atas dasar aqidah yang kuat dan mantap yang akan lahir daripadanya satu sistem masyarakat Islam yang unggul dan penyayang. Ikatan inilah yang akan menyatukan hati-hati individu Islam dan akan saling tolong menolong dan menyayangi saudaranya seislam seperti dia menyayangi dirinya sendiri.³⁵

³² *Ibid.*, hal. 252-253.

³³ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op. cit*, hal. 115-122.

³⁴ Muhammad ‘Uthmān Syabir (1998), *op. cit*, hal. 93.

³⁵ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op.cit*, hal. 116-117.

1.2.1.4. Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya

Islam menganggap kekayaan sebagai anugerah Allah yang wajib disyukuri. Manakala kemiskinan pula satu musibah yang harus dihindari dengan pelbagai cara. Banyak hadis Nabi s.a.w. yang memandang kemiskinan sebagai satu malapetaka yang berbahaya kepada individu dan masyarakat, aqidah dan iman, jasmani dan rohani, pemikiran dan kebudayaan serta keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Antara yang termasyhur ketika mana Rasulullah s.a.w. bersabda :

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونَ كُفْرًا . . .³⁶

Riwayat al-Shahāb

“Hampir-hampirlah kefakiran itu menyebabkan kepada kekufuran”

Islam berpendapat kemiskinan akan menyebabkan seseorang muslim itu terdedah kepada gejala kufur dan syirik. Oleh itu, Islam mewajibkan kepada orang yang memiliki kekayaan supaya mengeluarkan sedikit daripada harta mereka sebagai zakat antara tujuannya untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Ia merupakan salah satu cara jaminan sosial kepada masyarakat umat Islam³⁷.

Cara yang diajar oleh Islam untuk merealisasikan sebuah kehidupan yang jauh dari kemiskinan demi menjamin kesejahteraan anggota masyarakatnya, ialah dengan

³⁶ Muhammad ibn Salām al-Qadā’ī (1986), *Musnad al-Shahāb, bāb Kād al-Faqr an Yakuna Kufran*, Beirut: Muasasah al-Risālah, cet 2, juz 1, no. hadis 586, hal 342., Lihat Jalaluddin Abu al-Fadl Abd Al-Rahman ibnu Abi Bakr al-Sayuti tahqiq Hamdi al-Damrudash Muhammad (t.t.), *Al-Jami’ al-Saghir min Hadith al-Bashir wa al-Nadhir*, no hadis 6199, jil. 3, hal. 1264.; Muhammad ibn ‘Abd Allah al-Khatib al-Tibrizi (2001), Tahqiq Jamal ‘Ayta, *Mirqat al-Miftah Sharh Miskat al-Masobih*, hadis 5051, jil. 9, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 250. Antara keadaan itu ialah sama ada menentang Allah, tidak reda dengan Qada’ Allah, mengadu dan mengharap selain Allah, cenderung kepada kekufuran kerana ramai orang kafir adalah orang kaya, kefakiran hati menjadi sebab kepada kufur. Oleh yang demikian Rasulullah bersabda “dunia adalah penjara bagi orang Islam dan adalah syurga bagi orang kafir., hal. 251; al-Imam al-Hafiz Abi al-‘Ula Muhammad ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Kafuri (1990), *Tuhfatul al-Ahwazi bi Sharhi Jami’ al-Tirmidhi*, jil. 6, Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 139. Dalam buku ini al-‘Asqalani berpendapat hadis ini adalah hadis da’if, jika ditakdirkan ia adalah sahih ia membawa maksud kefakiran dengan hati.

³⁷ Patmawati Ibrahim (2005), “Zakat Sebagai Instrumen Takaful Sosial”, dlm. *Seminar Peranan Industri Takaful Dalam Pembangunan Ekonomi Di Malaysia 2005*, anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 1-7.

merealisasikan satu kehidupan yang baik dan memberikan jaminan kesejahteraan menerusi saranan-saranan atau langkah-langkah berikut:

- i. Bekerja sedaya upaya mengikut potensi dan kemahiran yang dimiliki individu.³⁸
- ii. Bantuan daripada kaum keluarga yang berkemampuan.³⁹
- iii. Kewajipan mengeluarkan zakat.⁴⁰
- iv. Kewajipan menolong sesama jiran.⁴¹
- v. Sedekah sukarela serta simpati peribadi.⁴²

Di antara lima langkah yang disarankan Islam, empat daripadanya banyak menjurus kepada kehidupan bermasyarakat. Di sini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam sebenar ialah sebuah masyarakat yang saling tolong-menolong, tegak berdiri kukuh di atas prinsip ini, sepertimana termaktub dalam firman Allah Taala:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ (٢)

Al-Ma'idah (5): 2

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

Sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. menerusi hadis daripada al-Hājis daripada Jābir Ibn ‘Abd Allah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُؤْتَى بِالرَّجُلِ الْمُتَوَقِّفِ عَلَيْهِ الدِّينُ فَيَسْأَلُ هَلْ تَرَكَ لِدِينِهِ فَضْلاً فَإِنْ حَدَّثَ أَنَّهُ تَرَكَ لَدَيْهِ وَفَاءً صَلَّى وَإِلَّا قَالَ لِلْمُسْلِمِينَ صَلُّوا عَلَى

³⁸ Shahātah, Husayn Husayn (2007), *Iqtisād al-Bayt al-Muslim fi Daw' al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Mesir: Maktabah al-Wafā', hal. 34-35.

³⁹ *Ibid*, hal. 63-64

⁴⁰ *Ibid*, hal. 172.

⁴¹ Ibn 'Āshūr, Muhammad al-Tāhir (2001), *Maqāsid al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Tahqiq (edit) Muhammad al-Tāhir al-Misāwi, cet. 2, Jordan: Dār al-Nafā'is, hal 303.

⁴² Lihat: Shahātah, Husayn Husayn (2007), *op. cit.*, hal. 197-199

صَاحِبِكُمْ فَلَمَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْفُتُوحَ قَالَ أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ فَمَنْ تُوْفِّيَ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ فَتَرَكَ دِينًا فَعَلَيْ قَضَاؤُهُ وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَلِوَرَثَتِهِ^{٤٣}

Riwayat al-Bukhārī dan Muslim

“Sesungguhnya pernah ada jenazah seorang lelaki yang mempunyai hutang dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w., maka baginda bertanya: Apakah dia ada meninggalkan sesuatu untuk membayar hutangnya? Sekiranya baginda diberitahu bahawa orang tersebut ada meninggalkan sesuatu untuk membayar hutangnya, maka baginda akan mendirikan sembahyang ke atas jenazahnya sekiranya dia tidak meninggalkan sesuatu baginda bersabda kepada sahabat-sahabatnya : solatlah kamu ke atas temanmu itu. Setelah Allah memberikan kemudahan kepada baginda dalam menaklukkan negeri, baginda bersabda: Aku lebih utama daripada seluruh orang beriman daripada dirinya, sesiapa yang meninggalkan hutang maka ke atasku (kewajipannya) sesiapa yang meninggalkan harta maka harta itu bagi keluarganya”

Dalam hal ini, kerajaan sebuah negara Islam, hendaklah bertanggungjawab ke atas orang yang memerlukan dan golongan fakir. Kerajaan atau pimpinan sebuah negara Islam mesti bertanggungjawab membantu golongan ini dengan mencari jalan penyelesaian mengikut lunas-lunas yang dianjurkan oleh Islam. Inilah yang diertikan dengan konsep takaful iaitu saling membantu Kerajaan tidak sepatutnya mendahulukan kepentingan kaum kerabat atau kroni dalam perbelanjaan negara.

1.2.2. Takaful Adalah Konsep Bantu-membantu di dalam Islam

Konsep takaful menggambarkan satu rancangan insurans berasaskan kepada hubungan persaudaraan Islam, sikap saling bertanggungjawab, dan saling bekerjasama di antara umat Islam.⁴⁴ Konsep takaful bertujuan mengalakkan tolong-menolong dan perpaduan

⁴³ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *Sahih Al-Bukhārī, bāb al-Dayn*, no. hadis 2176, juz 2, cet. 3, Beirut : Dār ibn Kathīr, hal 805.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim, bab Man Taraka Malan faliwarithatihi*, juz 3, no. hadis 1619, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, hal. 1237.

⁴⁴ Azman bin Ismail & Kamaruzaman bin Abdullah (2000), *Takaful Teori dan Praktif*, Kuala Lumpur: The Malaysian Insurance Institute & Takaful Nasional Sendirian Berhad hal. 7,

di kalangan umat Islam selari dengan konsep *ta'awun*. Dalam Islam, menolong atau menyediakan bantuan amatlah digalakkan.⁴⁵ Ini dibuktikan jelas melalui firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ (2)

Al-Ma'idah (5): 2

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

Di dalam prinsip takaful, pemahaman daripada maksud ini merupakan satu agenda yang penting. Pada asasnya, sistem takaful berteraskan konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling membantu di kalangan umat Islam. Dalam erti kata lain, sistem ini merupakan penyediaan sumbangan material yang dikongsi bersama bagi membantu mereka yang memerlukannya.⁴⁶ Sistem ini diterapkan kepada semua peserta yang mengambil perlindungan takaful untuk berniat ikhlas bagi saling menjamin di kalangan mereka ketika ditimpa musibah.⁴⁷ Sehubungan dengan itu para ulama telah menggariskan tiga prinsip yang menjadi teras kepada konsep takaful iaitu saling menolong, saling berkorban dan saling menjamin.

1.2.2.1. Saling Tolong Menolong

Prinsip saling bekerjasama atau saling tolong menolong antara satu sama lain sangat digalakkan oleh Islam terutama ketika dalam kesusahan atau mengalami krisis dalam sebuah masyarakat.⁴⁸ Dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman ;

⁴⁵ Lihat: http://www.takafulnasional.com.my/index.php?ch=tn_c_konsep, capaian pada 8 Oktober 2007.

⁴⁶ Lihat: <http://www.takafulikhlis.com.my/malay/profilKorporat/konsep.asp>., capaian pada 8 Oktober 2007.

⁴⁷ Lihat: http://www.takafulnasional.com.my/index.php?ch=tn_c_konsep&pg=tn_p_aplikasi, capaian pada 8 Oktober 2007.

⁴⁸ ‘Abd al-Qādir Ja’far (2006), *op. cit.*, hal. 200.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ (٧١)

Al-Tawbah (9) : 71

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Dalam ayat ini Allah memberitahu sifat orang Mukmin yang terpuji iaitu saling tolong-menolong dan bantu-membantu. Mereka diibarat satu jasad apabila sakit salah satu anggota sakit maka sakitlah seluruh badan.⁴⁹ Hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ
وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا
سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ٥٠

Riwayat Al-Bukhārī, Muslim, dan Tirmidhi

“Sesiapa yang memberikan pertolongan kepada seseorang Muslim yang mengalami sesuatu dari kesusahan-kesusahan dunia nescaya Allah akan melegakan kesusahan-kesusahan yang menyesakkannya dan kesusahan-kesusahan hari Kiamat. Dan sesiapa yang menolong memudahkan kesempitan hidup dan susah-payah seseorang di dunia, nescaya Allah akan memudahkan kesusahan di dunia dan di akhirat.”

Tolong menolong amat dituntut oleh Islam dalam perkara-perkara kebaikan dan kebajikan. Sifat inilah antara yang termaktub dalam hak-hak *ukhuwwah fillah* iaitu membantu saudaranya ketika berkehendak kepada bantuannya dan memberikan

⁴⁹ Muhammad Ahmad Kan'an, (1992), *Fath al-Qadir Tahdhib Tafsir Ibn Kathir*, juz 3, Lubnān: Dār Lubnān, hal. 133-134.

⁵⁰ Muhammad ibn Ismā'īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, Bab *Lā Yuzlimu al-Muslim al-Muslim*, juz 2, no hadis 2310, hal 862.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Bāb Tahrim al-Zulm*, juz 4, no. hadis 2580, hal. 1996.; Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn Surah al-Tarmidhi (2006), Dabtuhi wa Sahhahahu Khalid 'Abd.al-Ghani Mahfuz (edit), *Sunan al-Tirmidhi wa Huwa al-Jami' al-Sahih*, Bab Ma Ja'a fi al-Satr 'ala al-Muslim, no. hadis 1425, hal. 365-366.

hartanya bila saudaranya memerlukan kepadanya.⁵¹ Adalah tidak patut bagi seseorang Muslim itu melihat dan membiarkan kaum kerabatnya atau jirannya atau saudara seislamnya menderita kemiskinan, atau kepanasan, kesejukan dan kelaparan, sedangkan dia berkemampuan tetapi tidak menghulurkan bantuan untuk melepaskan mereka dari krisis yang mereka alami.⁵²

Dalam takaful, semasa membuat kontrak para peserta telah bersetuju untuk bantu-membantu sesama mereka menerusi satu tabung yang didasarkan di atas konsep *tabarru'* atau derma.⁵³ Peserta yang malang itu akan mendapat manfaat kewangan untuk membantu meringankan beban kewangannya akibat ditimpa bencana seperti hilang upaya atau kematian dan sebagainya. Ini bermakna wujudnya amalan tolong-menolong, bantu-membantu antara para peserta dalam kumpulan itu.⁵⁴

1.2.2.2. Saling Berkorban

Prinsip pengorbanan telah ditunjukkan melalui konsep jihad yang sangat ditekankan dalam Islam. Melalui jihad, seseorang itu mengorbankan masa, tenaga, harta dan nyawanya untuk memastikan agar orang lain mendapat manfaat daripada pengorbanan yang mereka lakukan.⁵⁵ Allah SWT berfirman :

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ (٢٠)

al-Tawbah (9): 20

⁵¹ Abū Bakar al-Jazā'iri (1979), *Minhājul Muslim*, Beirut: Dār al-Jayl, hal.131.

⁵² 'Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Tariqi (1417H), *al-Iqtisād al-Islāmi Ususun wa Mabādi' wa Ahdāf*, cet. 4, Arab Saudi: Maktabah Malik Fahd al-Wataniyyah, hal. 103

⁵³ Muhammad Hisham Muhamad (2008), "*Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans*", dlm. Asmak Abd. Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 25.

⁵⁴ Joni Tamkin Borhan (2008), "*Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*", dlm. Asmak Abd Rahman et al. (2008), *op. cit*, hal. 41.

⁵⁵ Fadillah Mansor et al. (2006), *Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia*, dlm. Abd. Mu'min Abd Ghani et al. (2006), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 94.

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta, benda dan diri mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya,”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa berkorban dan berjihad di jalan Allah adalah lebih tinggi darjatnya daripada amalan menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci.⁵⁶ Harta dan jihad di jalan Allah adalah di antara kewajipan terhadap seseorang Muslim. *Infāk* di jalan Allah adalah ibarat saudara dalam perjuangan dan jihad yang diwajibkan oleh Allah ke atas umat Islam bagi memelihara sesama Mukmin dari kesulitan, kemusnahan, kerosakan dan bencana.⁵⁷

Inilah juga yang disifatkan sebagai *ithār* dalam persaudaraan Islam iaitu mendahului keperluan orang lain dari keperluan dirinya sendiri. Kesanggupan untuk berkorban dan suka berbuat kebaikan adalah sebahagian dari sifat Muslim yang salih.⁵⁸ Di sana terdapat banyak hadis menceritakan dan menggalakkan umat Islam untuk melakukan pengorbanan untuk sesama muslim yang lain.⁵⁹ Antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ.^{٦٠}

Riwayat al-Bukhari

“Seorang Mukmin terhadap Mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan di mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain, lalu Baginda menyelati antara jari kedua-dua tangannya.”

⁵⁶ *ibid.*, hal. 95.

⁵⁷ ‘Abd Allah ‘Abd Al-Muhsin al-Tariqi (1997), *op. cit.*, hal. 114-115.

⁵⁸ Abu Bakar al-Jaza’iri (1979), *op. cit.*, hal. 175.

⁵⁹ Abd Mu’min Abd Ghani & Fadillah Mansor (2006), *op.cit.*, hal. 95.

⁶⁰ Muhammad ibn Ismā’īl Al-Bukhārī (1987) *op. cit.*, no. Hadis :2314, juz 2, hal 863,; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Bāb Tarāḥum al-Mu’minīn wa Ta’āuḍihim wa Ta’āudihim*, no. Hadis : 2585, juz 4, hal 1999.

dan sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ : قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ
قَالَ فَأَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ سُرُورٌ يُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ أَوْ تُكْشَفُ عَنْهُ كُرْبَةٌ أَوْ
يُقْضَى عَنْهُ دَيْنُهُ أَوْ يُطْرَدُ عَنْهُ خَوْفًا⁶¹

Riwayat al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti

“Daripada Ibn Umar berkata: seseorang lelaki berkata wahai Rasulullah siapakah dikalangan manusia yang paling engkau sukai, Rasulullah bersabda: “mereka yang paling banyak manfaatnya kepada orang lain”, orang itu bertanya lagi apakah amalan yang paling disukai oleh Allah Baginda bersabda “amalan yang paling baik dilakukan oleh seseorang ialah memasukkan rasa kebahagiaan ke atas seorang Muslim, menyelamatkannya daripada penderitaan, melunaskan hutangnya atau mengusir rasa kelaparan daripadanya”

Prinsip pengorbanan inilah yang diamalkan dalam sistem takaful Islam justeru peserta dididik menerusi konsep *tabarru'* untuk menderma bahagian tertentu daripada sumbangan atau caruman takaful mereka bagi memenuhi tanggungjawab sama-sama menanggung sesama mereka kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah atau tragedi seperti bencana, kematian, mala petaka dan seumpamanya.⁶²

1.2.2.3. Prinsip Saling Menjamin

Setiap individu mempunyai hak untuk hidup dalam negara Islam dan setiap rakyat dijamin keperluan asasnyanya. Inilah prinsip jaminan sosial yang telah sedia ada dalam Islam.⁶³ Islam juga telah menegakkan sistem jaminan dan perpaduan sosial.⁶⁴ Konsep

⁶¹ al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti jam'u wa tartib 'Abbas 'Abd. Al-Wahab Ahmad Saqr wa Ahmad (1994), *Jami' al-Hadith al-Jami' al-Soghir wa Rawaiduhu*, no. hadis 555, jil. 1, [s.l.]: Dar al-Fikr, hal. 105., 'Ala'uddin 'Ali al-Muttaqi Ibn Husam al-Din al-Hindi tahqiq Mahmud 'Umar al-Dimyati (2004), *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*, no. hadis 17039, jil. 3, juz. 6, cet 2, Beirut: Dar-al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 253; Lihat al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti jam' wa tartib 'Abbas 'Abd. Al-Wahab Ahmad Saqr wa Ahmad (1994), *Jami' al-Hadith al-Jami' al-Soghir wa Rawaiduhu*, no. hadis 555, jil. 1, [s.l.]: Dar al-Fikr, hal. 105.

⁶² Joni Tamkin Borhan (2008), *Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, dlm. Asmak Abd Rahman et al. (2008), *op.cit.*, hal. 45.

⁶³ Afzal al-Rahman (1982), *op.cit.*, hal. 251.

⁶⁴ Lihat: Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Jamal (1986), *op.cit.*, hal. 60-61.

saling menjamin banyak didapati melalui hadis-hadis sahih.⁶⁵ Sehubungan ini, Rasulullah s.a.w. bersabda :

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ النَّاسُ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ.⁶⁷

Riwayat al-Tarmizī

“Seseorang Muslim itu ialah orang sejahtera lidah dan tangannya terhadap manusia lain dan orang beriman itu ialah yang memberi keamanan (keselamatan dan perlindungan) terhadap jiwa raga dan harta manusia”

Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam telah menjadikan insurans sebagai alat jaminan perlindungan sesama mereka. Ini berdasarkan prinsip *al-‘āqilah* (blood money) yang diguna pakai apabila seseorang dengan tidak sengaja melakukan pembunuhan terhadap seseorang dari kumpulan lain, waris mangsa akan dibayar sejumlah wang (hutang darah) oleh saudara mara terdekat (waris) bagi pembunuh tersebut sebagai ganti terhadap mangsa itu tadi.⁶⁷

Rasulullah s.a.w. juga telah meletakkan sistem jaminan sosial dalam bentuk beberapa sistem yang dijalankan pada zaman tersebut. Ini termasuklah sistem *al-qasamah* yang diperkenal oleh Baginda sendiri dan sistem *al-‘āqilah* yang telah wujud sejak zaman jahiliah lagi. Sistem *al-qasamah* diperkenalkan untuk memelihara kehilangan nyawa seseorang dalam kes *qisās*.⁶⁸ Berdasarkan pengajaran dan contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w., para ulama mencadangkan agar prinsip-prinsip tersebut digunakan dalam sistem takaful.⁶⁹

⁶⁵ Abd. Mu'min Abd Ghani (2006), *op.cit.*, hal. 95-96

⁶⁶ Muḥammad ibn ‘Īsā Abū ‘Īsā al-Tarmizī (t.t), *Sunan al-Tarmizī, Bāb Mā Jā’a fī anna al-Muslim man Sallama al-Muslimun min Lisānihi wa Yadihi*, no. hadith 2627, juz 5, Beirut : Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī, hal 17.

⁶⁷ Mohd Fauzi bin Abu @ Hussin (2008), *Perkembangan dan Prospek Indutri Takaful Global*, dlm Asmak Abd. Rahman et al. (2008), *op. cit*, hal. 86.

⁶⁸ Abd Mu'min Abd Ghani & Fadillah Mansor (2006), *op.cit.*, hal. 96.

⁶⁹ *Ibid.* hal. 96-97.

Para sarjana telah menggariskan lima aspek penting yang terkandung dalam definisi-definisi ini yang menjurus kepada keharusan kontrak takaful untuk dipraktikkan oleh umat Islam iaitu:

- i. Kesepakatan peserta untuk kebaikan bersama
- ii. Setiap peserta menyumbang untuk menolong peserta yang memerlukan bantuan;
- iii. Ada unsur *tabarru'* yang bertujuan untuk membahagikan kerugian dan mengagih liabiliti melalui sistem tabungan komuniti;
- iv. Elemen ketidaktentuan tidak wujud terutamanya yang berkaitan dengan langganan dan pampasan; dan
- v. Skim ini tidak bermaksud untuk meraih kesempatan atas kos yang terpaksa ditanggung oleh individu atau peserta lain.⁷⁰

1.2.2.4. Konsep *Tabarru'*

Konsep *tabarru'* adalah salah satu ciri penting yang menjadi landasan Syariah dalam perjanjian takaful. Ciri ini adalah sebahagian akad takaful yang secara keseluruhannya berasaskan kepada prinsip *al-mudārabah*. *Tabarru'* dalam bahasa Arab bererti menderma, mencarum, atau menyedekah. Prinsip *tabarru'* merupakan teras kepada sistem takaful Islam.⁷¹ Menderma dengan tujuan untuk membantu seseorang dalam kesusahan amat digalakan oleh Islam. Penderma ikhlas akan mendapat pahala yang besar.

Konsep derma di bawah perniagaan takaful adalah berdasarkan kepada prinsip *tabarru'*⁷². Para ulama telah menetapkan beberapa syarat bagi memastikan sistem takaful benar-benar mengikuti landasan yang betul, syarat adalah seperti berikut:-⁷³

⁷⁰ Muhammad Hisyam Mohamad (2008) *Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans*, dlm Asmak Abd. Rahman et. al., *op. cit.*, hal. 22.

⁷¹ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 395 ; Hendon Redzuan et. al. (2005), *op. cit.*, hal. 527.

⁷² Lihat: Mohd Fadzli Yusof (2002), *op. cit.*, hal. 20 – 21.

- i. Setiap ahli yang menyerahkan wang sumbangannya harus disertai dengan niat untuk membantu demi menegakkan prinsip saling membantu (*al-ta'āwun*). Sebahagian daripada wang yang terkumpul digunakan untuk membantu mereka yang memerlukannya.
- ii. Apabila wang itu diniagakan, hendaklah mengikut syarak; contohnya melabur dalam pelaburan yang dibenarkan oleh syarak.
- iii. Seseorang yang menyerahkan wang sumbangannya dengan tujuan untuk mendapat imbalan yang berlipat ganda apabila terjadi sesuatu musibah bahkan ia diberikan perlindungan atau pampasan menurut persetujuan bersama.
- iv. *Tabarru'* mempunyai erti yang sama dengan hibah atau pemberian. Sehubungan dengan ini haram hukumnya ditarik kembali. Jika terjadi sesuatu peristiwa harus diselesaikan menurut syarak.

Konsep takaful bukan berasaskan kontrak jual beli sebagaimana konsep insurans konvensional tetapi penyertaannya atas niat ikhlas *tabarru'* untuk menjamin antara sesama peserta, justeru itu tidak timbul persoalan menepati rukun jual beli. Elemen *maysir* (perjudian) yang wujud setelah adanya elemen *gharar* dalam kontrak insurans konvensional dapat dihindarkan dan tidak menjadi persoalan lagi dalam kontrak takaful. Begitu juga dengan elemen *riba* itu sendiri, kontrak takaful bukannya kontrak pertukaran wang sebagaimana dalam kontrak insurans konvensional iaitu pertukaran antara bayaran premium dengan janji pembayaran ganti rugi oleh syarikat insurans atau Penanggung Risiko berlesen, maka elemen *riba al-buyu'* dapat dihapuskan sama sekali dalam kontrak takaful⁷⁴.

⁷³ Lihat: 'Ali Mahyī al-Din a-Qarahdaghi, (2006), *al-Ta'min al-Islāmi Dirāsah Fiqhiyyah Ta'siliyyah*, cet. 3, Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, hal. 322-323.

⁷⁴ Hendon Redzuan et. al. (2005), *op. cit.*, hal. 527-528.

1.2.2.5. Konsep Ikhtiar dan Tawakal

Islam amat menganjurkan kita berusaha dan berikhtiar untuk memastikan kesejahteraan hidup.⁷⁵ Usaha dan ikhtiar dalam pencarian rezeki dan menyuburkan harta amat dituntut dalam Islam.⁷⁶ Firman Allah Ta‘ala:

إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْثَانًا وَتَخْلُقُونَ إِفْكًا إِنَّ الَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ رِزْقًا فَابْتَغُوا عِنْدَ اللَّهِ الرِّزْقَ وَاعْبُدُوهُ وَاشْكُرُوا لَهُ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (١٧)

al-‘Ankabut (29): 17

“Kamu hanyalah menyembah berhala-berhala yang diperbuat oleh orang, tidak menyembah yang mencipta segala-galanya, dan kamu hanya mengadakan penyembahan yang dusta. Sesungguhnya apa yang kamu sembah selain Allah itu tidak mampu memberikan rezeki kepadamu; oleh itu carilah rezeki dari sisi Allah, dan sembahlah Dia, serta bersyukurlah kepadaNya; (ingatlah), kepada Allah jualah kamu akan dikembalikan.

Setelah berikhtiar dan berusaha, Islam mengajarkan umatnya agar bertawakal iaitu redha dan pasrah terhadap apa yang ditentukan oleh Allah terhadap dirinya.⁷⁷ Medan tawakal sangat luas. Jika disebut perkataan tawakal tidak ada yang tidak terlintas di benak kebanyakan orang kecuali menyentuh persoalan rezeki.⁷⁸ Kedua-kedua konsep ini amat dituntut oleh Allah dalam firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ (٥)

Ali ‘Imran (3): 5

“Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepadaNya sesuatupun yang ada di bumi dan juga yang ada di langit”.

⁷⁵ Mohammad Hisyam Mohamad (2008), “Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans”, dlm Asmak Abd. Rahman et.al., *op. cit*, hal. 26.

⁷⁶ Asyrāf Muhammad Dawwābah (2006), *Nahwa Bayt Iqtisādi Muslim*, Mesir: Dar al-Salām, hal. 20.

⁷⁷ Lihat: Yūsuf al-Qaradāwi (1996), *al-Tariq ila Allah: al-Tawakkul*, Jordan: Dar al-Furqan lin-Nasyri wat-Tawzi‘, hal. 19-20.

⁷⁸ *Ibid*, hal. 46.

Penglibatan dalam kontrak takaful atau insurans oleh seseorang individu bukan bermaksud mahu melawan ketentuan Ilahi atau qadak dan qadar Allah, tetapi ia sebenarnya merupakan sebahagian dari proses tawakal yang dianjurkan oleh Islam. Kita perlu merancang dan berikhtiar sebelum menyerahkannya kepada Allah bagi mendapatkan keputusannya.⁷⁹ Dalam hal ini Allah telah berfirman :

. . . وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا (٢) وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا (٣)
al-Talaq (65): 2-3

“. . . dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan laranganNya); nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya sesuatu.”

Rasulullah s.a.w. turut menggesa umatnya supaya berusaha dan bertawakal kepada Allah dalam segala urusan hidup.⁸⁰ Sabda Rasulullah s.a.w.:

أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ فَإِنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَوِي رِزْقَهَا وَإِنْ أَبْطَأَ عَنْهَا فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ خُذُوا مَا حَلََّ وَدَعُوا مَا حُرِّمَ⁸¹
Riwayat Ibnu Majah.

“wahai manusia bertaqwalah kamu kepada Allah, perelokan ketika berdoa kerana seseorang tidak akan mati kecuali setelah sempurna rezeki (yang telah ditetapkan) jika sekiranya lambat (rezeki tersebut) bertakwalah kepada Allah bermujamalah ketika berdoa, ambilah apa yang halal dan tinggalkan apa yang haram”

Di sini, kita boleh menyatakan bahawa, penyertaan dalam skim takaful merupakan satu strategi awal menghadapi kerugian akibat ketidaktentuan risiko yang

⁷⁹ Mohammad Hisyam Mohamad (2008), “Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans”, dlm. Asmak Abd.Rahman et.al., *op. cit.*, hal. 26.

⁸⁰ Asyraf Muhammad Dawwabah (2006), *op. cit.*, hal. 20-21.

⁸¹ Al-Hafiz Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Yazid al-Qazwini dan Abu al-Hasan al-Hanafi (1998), *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan Hashiyah Ta’liqat Imam al-Busiri tahqiq wa takhrij Ahadith Shaykh Khalil Makmun Shih, kitab al-Tijarat: al-Iqtisad fi Talabi al-Maishah*, no hadis 2144, jil. 3, Lubnan: Dar al-Ma’rifah, hal. 9.

mungkin melanda. Ia juga selaras dengan semangat Islam yang melarang keras umatnya berserah bulat-bulat kepada takdir semata-mata tanpa sebarang usaha dan ikhtiar.⁸²

1.3. OBJEKTIF TAKAFUL DALAM ISLAM

‘Alal al-Fasi mentakrifkan *maqasid al-syari‘ah* sebagai matlamat daripada syariah atau rahsia-rahsia pensyariatan yang diletakkan oleh Allah SWT dalam setiap hukum-hukumnya.⁸³ Manakala Ahmad Raysuni berpendapat *maqasid al-syari‘ah* ialah matlamat yang mahu dicapai oleh syariah Islam dalam pensyariatan demi mencapai kebaikan dan menolak keburukan terhadap umat Islam.⁸⁴ Objektif takaful (*maqasid al-ta‘min*) dalam Islam mengandungi beberapa objektif utama sebagaimana akan dijelaskan .

1.3.1. Memenuhi Keperluan Asas Seorang Muslim Terhadap Ekonominya

Ulama telah merumuskan bahawa utiliti sosial dalam Islam boleh dibahagikan kepada satu hirarki tiga tingkat: *al-darūriyyāt* (keperluan), *al-hājiyyāt* (kemudahan) dan *al-tahsiniyyāt* (penambahbaikan).⁸⁵ Keperluan mengandungi semua kegiatan dan barang yang perlu bagi menjaga lima asas kehidupan bagi individu dan sosial yang baik mengikut pandangan Islam: agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta kekayaan. Matlamat pertama agama Islam ialah untuk menjaga asas yang lima ini.⁸⁶ Secara umum

⁸² Mohammad Hisyam Mohamad (2008), *op. cit.*, hal. 27.

⁸³ ‘Alāl al-Fāsi (1991) *Maqāsid al-Syari‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuha*, cet. 4. Morocco: al-Najāh al-Jadidah Dār al-Baidā’, hal. 3.

⁸⁴ Ahmad al-Raysūni, *op. cit.*, hal. 25.

⁸⁵ Khurshid Ahmad (ed.) (1980), *op. cit.*, hal. 21.

⁸⁶ *Ibid*, hal. 22

ia boleh didefinisikan sebagai kepentingan yang menyentuh kelangsungan hidup kemanusiaan.

Tumpuan manusia yang beriman ialah terhadap perbelanjaan “*infāq fi sabilillah*” dan pengisian kebendaan adalah setakat keperluan dan ketahanan hidup, sementara dari segi lain hanya sebagai alat mencapai kepuasan yang hakiki di akhirat. Manakala manusia yang mementingkan kebendaan akan hanya menumpukan penggunaan pendapatannya demi memuaskan nafsu dalam bentuk penggunaan barang dan perkhidmatan.⁸⁷

Persoalan hidup dan mati manusia boleh dikelaskan kepada beberapa jenis. Situasi semasa banyak menunjukkan semua keadaan memerlukan kos kewangan yang banyak demi menempoh dunia yang serba moden, canggih dan gemilang ini. Pertama, mati semasa kanak-kanak. Kedua mati semasa umur dewasa, ketiga mati semasa tua. Dalam kes kanak-kanak adalah merupakan kelebihan di akhirat kelak untuk ibu bapa dan juga pahala atas kesabaran kehilangan anaknya.

Dalam kes kedua, jika ia mati semasa dewasa dan meninggalkan isteri serta anak yang masih lagi mempunyai tempoh yang panjang untuk belajar sebelum dapat berdikari sendiri, persoalannya dari manakah kos untuk isteri dan anak-anaknya untuk meneruskan kehidupan. Dalam kes ketiga, mati semasa tua, memberi kemungkinan jika ia sihat memerlukan kos untuk hidup dan jika ia tidak sihat, maka kos yang banyak lebih diperlukan. Peranan takaful dalam menangani hal di atas adalah sebagaimana yang akan dijelaskan:

⁸⁷ Surtahman Kastin Hasan (2001), *Ekonomi Islam dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 53-54.

1.3.1.1. Sebagai Simpanan di Hari Tua.

Antara objektif utama kepada peserta menerusi takaful Islam ialah mengelakkan kepapaan ketika hari tua dan ketika itu beliau tidak mampu untuk bekerja disebabkan usia atau sakit.⁸⁸ Inilah di antara kepentingan takaful sebagai instrumen berbentuk tabungan (simpanan) dan perlindungan harta yang boleh dilihat dalam produk-produk yang disertai oleh para peserta takaful.⁸⁹

Secara amnya pelan yang terdapat dalam pelan takaful adalah perjanjian *al-Mudārabah* jangka panjang yang membolehkan seseorang mengumpulkan sejumlah wang.⁹⁰ Menerusinya dalam jangka masa yang tertentu, seseorang boleh menyimpan atau menabung dengan beransur-ansur secara tetap sejumlah wang untuk digunakan sebagai bekalan apabila berlaku sesuatu musibah yang tidak diduga.⁹¹

Manfaat takaful semasa matang contohnya, Pelan Takaful Keluarga, merupakan program kewangan untuk memudahkan seseorang menyusun strategi menyimpan dan menabung. Sedikit demi sedikit daripada wang ansuran sumbangan atau caruman dalam tempoh yang ditentukan sendiri akan berjaya mengumpulkan sejumlah wang pada akhir tempoh matang.

Cuma yang mesti ada oleh setiap orang ialah budaya dan disiplin menyimpan yang tinggi. Ini adalah kerana mencarum dengan tetap tanpa gangguan adalah menjadi syarat penting Pelan Takaful Keluarga sepanjang tempoh penyertaan. Secara tidak

⁸⁸ Alī Mahyī al-Dīn al-Qarahdaghī (2006), *op. cit.*, hal.366.

⁸⁹ Lihat: Wan Marhani Wan Ahmad et.al.(2008), *Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan*, dlm. Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *op.cit.*, hal. 54.

⁹⁰ Zamzaini bin Abdul Rahman, Pegawai Operasi Kawasan Tengah, ETB, di Tingkat 41, Menara Telekom, Jln Bangsar, Kuala Lumpur, temubual pada 7 April 2007 jam 3.00 petang dan 27 hb Julai 2007 jam 5.00 petang

⁹¹ Lihat: Mohd Fadzli Yusof (2002), *op. cit.*, hal. 26.

langsung mungkin ini satu cara bagaimana Pelan Takaful Keluarga khususnya, berfungsi dengan baiknya.

1.3.1.2. Jaminan Keperluan Asas Tanggungan

Setiap Muslim bertanggungjawab kepada keperluan diri dan tanggungannya. Usaha memenuhi keperluan ini dianggap sebagai ibadat, sedekah dan berada di jalan Allah.⁹² Islam telah mewajibkan untuk membelanjakan harta kepada isteri-isteri, ibubapa dan anak-anak.⁹³ Hal ini adalah wajib dan kadang-kala menjadi sunat mengikut susunan⁹⁴ dan kepada siapa yang diberikan.⁹⁵ Nafkah ialah apa yang diberikan dari makanan, pakaian dan rumah kepada orang tanggungan. Wajib nafkah ke atas enam kategori terhadap tanggungannya:

- i. Suami memberi nafkah kepada isteri-isterinya, sama ada yang masih lagi isteri yang sebenar atau isteri dalam istilah hukum iaitu isteri yang telah ditalak *raj'i* tetapi masih lagi dalam 'iddah.
- ii. Suami memberi nafkah kepada isteri yang telah ditalak *bā'in* jika isterinya hamil.
- iii. Anak lelaki memberi nafkah kepada ibu bapanya
- iv. Bapa memberi nafkah kepada anak-anaknya yang kecil
- v. Pemilik hamba memberi kepada hambanya
- vi. Pemilik haiwan memberi kepada haiwan

Setiap yang hidup pasti menemui kematian yang tidak pasti bila tarikhnya, yang pasti ianya akan berlaku dalam kehidupan manusia. Oleh itu kita sentiasa diingatkan

⁹² Surtahman Kastin Hasan (2001), *op.cit.*, hal. 54.

⁹³ Lihat: Abu Bakar al-Jaza'iri (1989), *Minhaj Muslim*, Lubnan: Dar al-Jayl, hal. 484.

⁹⁴ Gugur kewajipan memberi *infaq* dalam keadaan berikut :- a) apabila isteri nusyuz, b) apabila anak lelaki cukup umur baligh kecuali cacat, dan apabila anak perempuan berkahwin, c) kedua ibu bapa kaya atau anak jatuh miskin. Lihat: Abu Bakar al-Jaza'iri (1989), *Ibid.*, hal. 485.

⁹⁵ 'Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Tariqi, *op. cit.*, hal. 103.

agar sentiasa berwaspada dan bersedia untuk menghadapi kematian. Dengan terdapat hukum pusaka dalam al-Quran nyatalah betapa seruan untuk meninggalkan sedikit sebanyak harta untuk keperluan orang-orang di bawah tanggungannya setelah meninggal dunia. Islam menyeru umatnya agar menyimpan harta bagi tujuan tersebut.⁹⁶

Rasulullah pernah bersabda kepada salah seorang sahabatnya :

إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ وَإِنَّكَ
مَهُمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةُ الَّتِي تَرْفَعُهَا إِلَى فِي امْرَأَتِكَ⁹⁷

Riwayat Al-Bukhārī dan Muslim

“sesungguhnya engkau meninggalkan keluargamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam kemiskinan; sehingga mereka terpaksa meminta-minta mengharap belas kasihan orang. Setiap nafkah yang engkau beri kepada keluargamu merupakan sedekah, sekalipun sesuap makanan yang engkau suapkan ke mulut isterimu”

Bagaimanapun persoalan yang timbul ialah dari manakah manfaat wang atau bekalan wang akan dapat diperoleh bagi membantu ahli keluarga yang hilang tempat bergantung?⁹⁸ Jika ditakdirkan peserta ini meninggal dunia, sejumlah wang dari tabung khairat kematian dibayar kepada warisnya. Waris atau penama akan mendapat kesemua wang dalam Tabung Simpanan Peserta yang ada pada tahun semasa serta keuntungan tahun-tahun sebelumnya jika ada, dan sejumlah khairat kematian yang telah ditetapkan pada awal peserta mendaftar.⁹⁹

⁹⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *The Economic Enterprise In Islam*, Pakistan: al-Maktabah al-‘Arabiyyah, cet. 2, hal. 23

⁹⁷ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, *bāb an Yatruk Warathatahu aghniyā’ khayr min an Yatacaffafū an-Nās*, no hadis 2591, juz 3, hal 1006.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Bāb al-Wasiyyah bi al-Thuluth*, juz 3, no hadis 1626, hal 1251.; Lihat Al-Imam al-Hafiz Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar al-‘Asqalani (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, *op.cit.*, juz. 5, hal. 456; Hadis Imam Bukhari, *Kitab al-Wasaya*, Bab ‘An Yatruk Warathatuhu Aghniya’ *Khairun Min`an Yatacaffafu al-Nas*.

⁹⁸ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op. cit.*, hal. 3.

⁹⁹ Mohd Fadzli Yusuf (1996), *op. cit.*, hal. 28. Ini tidak dikira sebagai wasiat tetapi dikira sebagai hibah *tabarru’*. Lihat: ‘Alī Mahyī al-Dīn al-Qarahdaghi (2006), *op. cit.*, hal. 370.

Dengan wang ini ahli keluarga akan dapat meringankan beban kewangan bagi meneruskan kehidupan seharian selepas kematian orang yang tempat bergantung.¹⁰⁰ Dengan adanya manfaat seumpama ini diharapkan apa-apa beban atau tanggungan yang terpaksa dipikul akibat penderitaan daripada musibah dapat diringankan.¹⁰¹ Jadi, dengan penyertaan seseorang di dalam sistem takaful akan menimbulkan merasa lebih yakin kerana jika berlaku sebarang musibah, mereka layak mendapat bantuan daripada dana takaful¹⁰².

1.3.1.3. Perlindungan Pendapatan

Apa yang dimaksudkan dengan perlindungan pendapatan ialah kita menyediakan gantian kepada pendapatan, sekiranya kita tidak dapat bekerja akibat hilang upaya kekal atau sakit sama ada sementara atau selama-lamanya.¹⁰³ Dengan melindungi pendapatan yang diperolehi, peserta akan mendapat mendapat pembayaran secara berjadual atau sekaligus untuk memastikan peserta dan ahli keluarganya dapat mengekalkan taraf hidup dan menampung keperluan harian sehingga peserta dapat menyambung semula pekerjaannya.¹⁰⁴

Perlindungan pendapatan bertindak sebagai jaring keselamatan untuk memastikan peserta tidak mengalami masalah kewangan setelah mengalami kesusahan fizikal akibat kemalangan atau penyakit.¹⁰⁵ Masih ada pendapatan bagi peserta untuk mengendalikan perbelanjaan harian seperti perbelanjaan harian rumahtangga, pelajaran anak-anak, dan tanggungan kewangan lain atau peserta sakit. Islam juga mengakui

¹⁰⁰ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op. cit.*, hal. 3.

¹⁰¹ Ibid., hal. 7.

¹⁰² Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) (2007), *op. cit.*, hal.17.

¹⁰³ 'Alī Mahyī al-Dīn al-Qarahdaghī (2006), *al-Ta'mīn al-Islāmi Dirāsah Fiqhiyyah Ta'siliyyah*, cet. 3, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, (2006), *op. cit.*, hal. 366.

¹⁰⁴ Lihat: Asmak Abd Rahman (2008) *op.cit.*, hal. 55.

¹⁰⁵ Lihat: 'Alī Mahyī al-Dīn al-Qarahdaghī (2006) *op.cit.*, hal. 389.

tentang perlunya manusia menyimpan barang keperluan untuk kegunaan pada masa susah. Allah telah berfirman :

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا (٢٩)
al-Isra' (17): 29

“Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (yakni terlalu kedekut) dan janganlah pula engkau menghulurnya dengan sehabis-habisnya, (yakni boros atau murah hati) kerana akibatnya akan tinggallah engkau dalam keadaan tercela serta kering keputusan (menyesal kesebalan)”

Nabi Muhammad s.a.w. sering mengingatkan sahabat-sahabatnya agar berjimat dan menasihati mereka agar jangan menghabiskan semua harta yang ada walaupun harta tersebut digunakan untuk jalan Allah, kerana diperlukan harta dan keperluan harian itu untuk masa depan. Pada suatu ketika, apabila seorang Sahabat berhajat untuk memberikan hartanya kepada fakir miskin, Nabi Muhammad s.a.w. telah memberitahunya bahawa berikan sebanyak satu pertiga dari jumlah harta.

Rasulullah menambah lagi jumlah satu pertiga itu sebenarnya banyak. Baginda menasihati supaya menyimpan sebahagian harta untuk keluarga adalah lebih baik dari meninggalkan mereka dalam keadaan kefakiran meminta-minta. Jadi dapat disimpulkan bahawa inisiatif untuk menyimpan bekalan keperluan bagi tujuan luar jangka pada masa depan adalah perlu.¹⁰⁶

1.3.1.4. Perlindungan Kepada Hutang

Jika ditakdirkan berlaku kematian kepada seseorang, terutama ketua keluarga atau seorang isteri, siapakah di kalangan ahli keluarga atau warisnya yang akan mampu mewarisi tanggungan hutang sekiranya yang meninggal itu mempunyai hutang yang

¹⁰⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979) *op. cit.*, hal. 22-23.

belum langsai? Hakikat kehidupan sentiasa mempunyai kemungkinan berlakunya musibah, malapetaka atau bencana. Antara persediaan yang amat diharapkan ialah semoga dia mempunyai wang yang cukup. Memang sudah menjadi lumrah manusia ingin memiliki sejumlah wang sebagai bekalan ketika susah, sesuai dengan pepatah ‘sediakan payung sebelum hujan’.¹⁰⁷ Pada masa sekarang perkataan ‘berhutang’ telah ditukar kepada perkataan yang lebih lunak iaitu ‘pinjaman’ dan ia menjadi trend semasa. Oleh kerana berkehendak keperluan asas, seseorang terpaksa berhutang seperti pembelian kereta dan rumah yang kini mudah diperolehi. Bagi orang Islam sewajarnya pinjaman secara Islam sahaja yang menjadi pilihan.

Persoalannya apakah jaminan yang ada bagi melindungi hutang itu jika ditakdirkan orang yang berhutang meninggal dunia sebelum hutang dapat dilunaskan sepenuhnya. Sekiranya ini berlaku sudah pasti isteri, anak dan anak dan ahli keluarga terdekat yang ditinggalkan terpaksa menanggung beban hutang kerana jika tidak segala keperluan asas tersebut akan menjadi hak milik institusi yang memberi hutang.

Oleh yang demikian, matlamat untuk menyediakan kemudahan tempat berteduh dan keselesaan kepada ahli keluarga tidak akan tercapai. Mereka mungkin akan terus hidup melarat.¹⁰⁸ Sesungguhnya jaminan seumpama ini boleh diperolehi daripada produk takaful yang disediakan di bawah skim Takaful Islam.¹⁰⁹ Apabila seseorang peserta meninggal dunia, khairat kematian akan diberikan kepada waris peserta, dengan duit itu waris yang masih hidup dapat menjelaskan hutang si mati sama ada sesama manusia atau institusi kewangan dan menggunakan baki untuk lain-lain urusan.¹¹⁰

¹⁰⁷ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op. cit.*, hal. 3.

¹⁰⁸ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op.cit.*, hal. 95.

¹⁰⁹ *Ibid.*, hal. 95 – 96.

¹¹⁰ *Ibid.*, hal. 96 – 97.

1.3.2. Perlindungan Risiko Kehidupan Berdasarkan Syariah Islam

Sejak zaman Rasulullah telah menjadi satu kekuatan umat Islam menerusi sistem zakat, waqaf, dan pusaka dalam membasmi kemiskinan. Tetapi apabila kejatuhan umat Islam pada tangan penjajah dan mereka telah memperkenalkan sistem insurans konvensional. Setelah banyak negara umat Islam merdeka, banyak sistem diwariskan antaranya sistem insurans diamalkan di banyak negara. Tetapi setelah timbul kesedaran sistem tersebut adalah tidak bersesuaian dengan syariat Islam, sistem takaful yang memberi perlindungan berdasarkan syariat Islam cuba diperkenalkan. Unsur *tabarru'* yang menjadikan satu ciri penting dalam sistem takaful dan membezakan antara sistem takaful dengan insurans konvensional.

1.3.2.1. Saling Berlindung dan Berkongsi Untung Sesama Manusia Melalui Konsep *Tabarru'*

Bertabarru' atau berderma hukumnya sunat pada setiap masa berdasarkan al-Quran dan hadis. Allah telah menggesa supaya manusia membelanjakan hartanya kepada jalan yang diredai-Nya. Allah telah berfirman dalam ayat 195 surah *al-Baqarah*;-

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah (2): 195

“Dan belanjakanlah (apa yang ada padamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan sikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Allah menggalakkan orang-orang Mukmin membelanjakan harta kepada ahli keluarga sendiri, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin dan musafir. Firmannya dalam ayat 215 surah *al-Baqarah*;-

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ
وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ (٢١٥)
al-Baqarah (2): 215

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “ Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. “Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).”

Allah menggambarkan perkembangan nafkah seperti yang digambarkan dalam firman-Nya:-

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ
حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ (٢٦١)
al-Baqarah (2): 261

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seumpama dengan sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji dan ingatlah Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dari Abu Mas‘ūd al-Badri r.a.:

إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا أَنْفَقَ عَلَى أَهْلِهِ نَفَقَةً وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةً'''
Al-Bukhārī dan Muslim Riwayat

“Sesungguhnya seorang Muslim itu apabila memberikan nafkah kepada keluarganya dan dia mengharapkan pahala darinya, maka nafkahnya itu dikira sebagai sedekah”.

Allah mengajar orang-orang Mukmin bahawa perbelanjaan terhadap ahli keluarga mempunyai keistimewaan sendiri berbanding dengan perbelanjaan lain. Konsep

¹¹¹ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, *Bāb al-Nafaqah ‘alā al-Ahl*, no. hadis : 5351, jil 3, hal 424.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Faḍl al-Nafaqah wa al-Ṣadaqah ‘alā al-Aqrabīn wa al-Zawj wa al-Awlād wa al-Wālidayn*, no. hadis 1002, hal 447.

derma di bawah perniagaan takaful yang berteraskan kepada prinsip *tabarru'* iaitu menyumbang dengan rela atau menyediakan khidmat bakti secara ikhlas membolehkan peserta mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar sebagai balasan kerana menyertai skim takaful dengan tujuan untuk digunakan bagi membantu rakan peserta yang dibebani kehilangan atau kerugian akibat dilanda musibah tertentu. Oleh itu, matlamat hak mendapat untung dengan hak *tabarru'* yang menjadi landasan perniagaan takaful menunjukkan bahawa ianya bertepatan dengan syarak.¹¹²

1.3.2.2. Memberi Peluang Kepada Orang Islam Bermuamalah Dengan Insurans Islam dan Menjauhkan Mereka Daripada Insurans Konvensional.

Al-Takaful adalah asas kepada insurans secara Islam kerana amalan insurans konvensional mengandungi unsur-unsur yang tidak selaras dengan syariah Islam dengan adanya unsur *gharar* (ketidakpastian), *maysir* (judi) dan *riba*.¹¹³ Dengan termaktubnya Akta Takaful 1984 maka lahirlah syarikat takaful yang menawarkan perkhidmatan perlindungan insurans berasaskan syariah Islam. Hal ini memberi peluang kepada umat Islam di Malaysia khususnya untuk bermuamalat dengan sistem takaful dan meninggalkan sistem insurans yang tidak bersandarkan kepada Syariah Islam.¹¹⁴

Berdasarkan kewujudan takaful di Malaysia maka menjadi satu kefardhuan ke atas umat Islam menyertainya demi menegakkan muamalat Islam yang sebenar. Ini kerana akad atau kontrak takaful sebagai satu perjanjian komersial yang selaras dengan syarak amat tertakluk kepada landasan hukum yang berkaitan dengan perjalanan

¹¹² Mohd Fadzli Yusuf (2002) *op. cit.*, hal. 20-23.

¹¹³ Asmak Abd.Rahman e.t al. (2008) *op. cit.*, hal. 42.

¹¹⁴ Harussani bin Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan merangkap Pengerusi Ahli Jawatankuasa Syariah Etiqa Takaful Berhad, 9 hb Julai 2008, Konvensyen Etiqa, jam 5 ptg

perniagaan dalam Islam yang diasaskan kepada hak berkongsi untung melalui prinsip *al-mudarabah*.¹¹⁵

1.3.3. Memenuhi Keperluan Asas Masyarakat Islam

Sistem takaful Islam yang berasaskan kasih sayang, persaudaraan dan muhibbah di antara sesama umat Islam, akan dapat melahirkan prinsip persaudaraan dan saling bertimbang rasa di antara sesama mereka dan menghapuskan bibit-bibit dendam dan kebencian. Pada masa yang sama, pasti dapat mentadbir kehidupan masyarakat di pelbagai peringkat yang memerlukan pertolongan dan bantuan untuk mencapai taraf hidup yang mulia lagi terhormat. Keperluan asas masyarakat Islam adalah seperti yang akan dijelaskan.

1.3.3.1 Menjamin Maruah dan Kemuliaan Masyarakat Islam¹¹⁶

Antara objektif utama takaful Islam ialah mewujudkan masyarakat ke tahap kehidupan yang mencukupi dari segi makan, minum, pakaian dan tempat tinggal yang memudahkan proses kehidupan, rawatan dan pencarian ilmu.¹¹⁷ Islam juga menjadikan usaha memulihkan mentaliti dan moral atau akhlaq manusia sebagai matlamat utama.

Justeru itu, Islam membina jalinan hubungan antara individu atau kelompok masyarakat di atas asas persaudaraan dan sikap saling menolong dan bantu membantu pada perkara kebaikan dan menegah permusuhan.¹¹⁸ Allah telah pun berfirman:

¹¹⁵ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op.cit.*, hal. 15.

¹¹⁶ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op.cit.*, hal.123.

¹¹⁷ *Ibid.* hal 123.

¹¹⁸ Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 54-55.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ (٢)
al-Ma'idah (5): 2

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

Falsafah Insurans Islam menjurus kepada penghayatan semangat saling bertanggungjawab, kerjasama dan perlindungan dalam aktiviti masyarakat demi untuk kesejahteraan dan perpaduan ummah inilah yang menjadikan sesebuah masyarakat itu mulia dan bermaruah.¹¹⁹

1.3.3.2. Menjamin masyarakat daripada risiko malapetaka

Inilah juga antara objektif yang termaktub dengan jelas dalam skim takaful Islam iaitu menjamin masyarakat daripada risiko atau mudarat sebelum berlaku, apabila sudah berlaku dan seterusnya mencapai satu tahap masyarakat yang unggul yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya dari Abu Hurayrah¹²⁰:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ
وَأَمْوَالِهِمْ^{١٢١}

Riwayat al-Hākim

“Rasulullah s.a.w. bersabda: seorang Muslim ialah sesiapa yang menyelamatkan orang Islam yang lain dari gangguan lidah dan tangannya, dan Mukmin itu ialah sesiapa yang menyelamatkan manusia dari segi darah dan harta mereka.

¹¹⁹ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, h 390

¹²⁰ ‘Abd al-Qādir Ja’far (2006), *op. cit.*, h 124

¹²¹ Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysābūrī (1990), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn, Kitāb al-Īmān*, no. hadis 22, juz 1. Beirut : Dār al-Khutub al-‘Ilmiyyah, hal 54,; Abū Al-Imam al-Hafiz Abi al-‘Ula Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarakafuri (2001), *Tuhfat al-Ahwazi bi Sharh Jami’ Tirmidhi, Bab al-Iman ‘an Rasulillah, Ma Ja’a fi anna al-Muslim Man Salima al-Muslimun min Lisanihi wa Yadihi*, hadis no. 2762, jil. 7, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 213. Abu ‘Isa berkata hadis ini adalah hadis hasan sahih.

Dalam perniagaan takaful, konsep ini diterapkan kepada semua peserta agar berniat ikhlas untuk saling menjamin di kalangan mereka ketika ditimpa musibah. Tiap-tiap peserta itu akan bersepakat bahawa jika ditakdirkan salah seorang daripada mereka menanggung kerugian atau kehilangan akibat dilanda oleh sesuatu musibah atau bencana, mereka akan bersatu untuk membantu rakan peserta yang malang dalam bentuk manfaat kewangan yang telah disepakati.¹²² Dengan adanya manfaat seperti ini menerusi takaful diharapkan apa-apa beban atau tanggungan yang terpaksa dipikul akibat penderitaan daripada musibah dapat diringankan dan dikongsi bersama oleh masyarakat Islam bukan hanya ke atas individu malang itu semata-mata.¹²³

Ini selaras dengan kaedah Fiqh ¹²⁴“ يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام ” keburukan terhadap diri ditanggung bagi mengelak keburukan terhadap umum” atau “¹²⁵المفسدة الصغيرة تغتفر من أجل المصلحة الكبيرة” keburukan yang sedikit ditanggung bagi mengelak keburukan yang lebih besar”¹²⁶.

1.3.4. Penjagaan Objektif Harta (*Maqasid al-Mal*).

Harta ialah semua benda yang boleh dimiliki dan dimanfaatkan dengannya menurut syarak. Tidak termasuk harta yang tiada faedah seperti benda yang sia-sia dan juga benda-benda yang tiada nilainya di sisi syarak seperti daging babi, arak, riba dan benda-

¹²² Asmak Abd. Rahman et. al., (2008), “*Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan*”, dlm. Asmak Abd Rahman et. al. (2008), *op.cit.*, hal. 53.

¹²³ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia IBFIM (2007), *op. cit.*, hal. 16.

¹²⁴ Jalāluddin ‘Abd al-Rahmān al-Suyūti (1417H), *al-Asybah wan-Nazā’ir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabi, cet.3, hal. 7.

¹²⁵ *Ibid*, hal. 7.

¹²⁶ Paizah Ismail (2001), “*Fiqh al-Awlawiyyat : Konsep dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar‘i dan Fiqh al-Waqi‘ Dalam Pelaksanaan Hukum Islam*”, dlm. Abdul Karim Ali et. al., *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, cet. 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal.76.

benda kotor yang diharamkan.¹²⁷ Harta merupakan aset penting kepada sesuatu pembangunan dan pemodenan. Ianya ibarat tiang yang akan menegakkan kehidupan.

1.3.4.1. Menggalakkan Budaya Amal Jariah

Tanggungjawab seorang Muslim kepada masyarakat adalah berdasarkan kepada kemanusiaan dan persaudaraan seagama. Semakin tinggi pendapatan dan hartanya, maka semakin tinggi pula sumbangan dan manfaatnya kepada masyarakat, khususnya sumbangan wajib dalam bentuk zakat. Sementara sumbangan lain, seperti sedekah, derma, wakaf, wasiat dan sebagainya walaupun sunat, namun juga dijangka akan meningkat sejajar dengan peningkatan perolehannya.¹²⁸

Sesungguhnya inilah yang menjadi teras kepada perniagaan takaful iaitu peserta berhak mendapat keuntungan seperti pelabur dan dalam masa yang sama berpeluang membantu rakan yang dalam kesusahan. Malah peraturan menderma menjadi sebahagian daripada akad takaful.¹²⁹ Inilah yang termaktub dalam tujuan utama penjagaan harta dari sudut positifnya iaitu peredaran harta di kalangan manusia yang memerlukan, bukannya disimpan semata-mata di rumah tanpa diinfakkan untuk tujuan pelaburan sama ada hasilnya dapat dikecapi di dunia atau di akhirat.¹³⁰

1.3.4.2. Menggalakkan Berbelanja Dengan Kadar Sederhana Tanpa Pembaziran.

Di samping berusaha mencari rezeki dan harta, manusia dituntut agar menafkahkan harta tersebut sama ada untuk keperluan diri sendiri dan keluarga. Begitu juga pada

¹²⁷ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op. cit.*, hal. 171.

¹²⁸ Surtahman Kastin Hasan (2008), *op. cit.*, hal. 54.

¹²⁹ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op.cit.*, hal. 21.

¹³⁰ Lihat: Yūsuf Hāmid al-‘Ālim (1994), *al-Maqāsid al-Ammah li-Syari‘at al-Islāmiyyah*, cet. 2. Riyād: Dār al-‘Ālamiyyah Lil-Kitāb al-Islāmi, hal. 497- 498.

jalan-jalan Allah seperti kewajiban menunaikan zakat, galakan untuk bersedekah, wakaf, memberi makan anak-anak yatim, pembangunan pendidikan dan sebagainya.¹³¹

Dalam membelanjakan harta pula, Islam mengambil pendekatan yang agak sederhana dengan mengingatkan pemilik-pemilik harta agar tidak berlaku pembaziran dalam perbelanjaan mereka dan dalam masa yang sama mereka perlu mengelakkan dari bersikap bakhil dan kedekut. Manusia sebagai hamba Allah diberi hak untuk memiliki harta tetapi bukan sebagai pemilik hakiki. Sebaliknya mereka adalah pemegang amanah untuk mentadbir harta tersebut dengan sebaik-baiknya. Apa yang tinggal adalah kebijaksanaan umat Islam untuk menggunakannya sama ada untuk kepentingan peribadi semata-mata atau untuk kepentingan agama Islam.¹³² Firman Allah :

وَأْتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا (٢٦) إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا
إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا (٢٧)
al-Isra' (17): 26 & 27

“Dan berikanlah kepada kerabat-kerabat mu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”

Ayat di atas menekankan bahawa jangan kita terlalu kikir dan jangan pula terlalu boros. Dalam hal ini, sistem takaful dilihat bukan setakat satu sistem perlindungan terhadap harta dan diri seseorang apabila berlakunya sebarang musibah, namun juga antara pilihan dalam sistem muamalat Islam sebagai satu saluran tabungan dan simpanan yang dapat dimanfaatkan apabila sampai tahap kematangan caruman dan peserta masih hidup.¹³³ Amalan menabung sambil dilindungi ini dapat menjamin pengaliran harta secara sederhana tanpa sebarang pembaziran.

¹³¹ Azman Bin Ismail & Kamaruzaman bin Abdullah (2000), *op. cit.*, hal. 69-70.

¹³² *Ibid.*, hal. 70-71.

¹³³ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op.cit.*, hal. 27.

Setiap Muslim harus sentiasa beringat untuk jaminan masa tuanya dan demi waris yang akan ditinggalkannya. Skim takaful yang berlandaskan syarak mestilah menjaga harta peserta daripada pembaziran dan boros dan memelihara harta individu daripada digunakan secara melampau.¹³⁴ Firman Allah SWT dalam surah *al-Hadid* :

أَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلَفِينَ فِيهِ فَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ (٧)

Al-Hadid (57): 7

“Dan berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan (pada jalan kebaikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasai nya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.”

Harta juga antara keperluan asas yang lima selain agama, nyawa, akal dan keturunan. Sekiranya baik penggunaan harta, maka akan bahagialah kehidupan manusia di dunia ini kerana dengan harta manusia mampu menguasai dan memimpin sesuatu bangsa.¹³⁵ Tidak halal bagi sesiapa pun sama ada pemerintah atau rakyat, untuk menggunakan harta ke jalan yang tidak menepati syarak atau melakukan pembaziran.

1.3.5. Meletakkan Individu dan Masyarakat Dalam Kedamaian dan Kebijaksanaan

Matlamat akhir daripada sistem takaful Islam ialah melahirkan individu penyayang dan berkasih-sayang di bawah landasan Syarak. Apabila tertegaknya dalam diri Muslim sifat ini maka akan lahirilah masyarakat penyayang dan saling lindung melindungi antara satu sama lain.¹³⁶ Sistem Takaful dalam muamalah Islam yang berdiri di atas prinsip-prinsip rasa tanggungjawab, saling bekerjasama dan saling melindungi daripada

¹³⁴ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op.cit.*, hal. 124.

¹³⁵ Afzal al-Rahman (1982), *op. cit.*, vol. 4, hal. 251.

¹³⁶ ‘Abd al-Qādir Ja‘far (2006), *op.cit.*, hal. 124.

sebarang kesusahan dan bencana.¹³⁷ Ini membawa erti kita telah bertanggungjawab kepada umat Islam yang lain. Ketiga-tiga elemen ini sangat menepati dan menuruti apa yang dituntut dalam Islam bagi membina persaudaraan dan memupuk perasaan kasih sayang sesama individu Muslim dalam sebuah masyarakat Islam.¹³⁸ Rasulullah pernah bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاخِيهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى
لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى “

Riwayat Bukhari dan Muslim¹³⁹

“Kedudukan hubungan persaudaraan dan perasaan orang beriman antara satu dengan lain seperti satu tubuh (jasad) apabila satu daripada anggotanya tidak sihat, maka akan memberi kesan kepada keseluruhan badan dengan tidak tidur dan demam ”

Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans secara Islam di Malaysia ketika membentangkan laporannya kepada YAB Perdana Menteri Malaysia 1984, telah membuat kesimpulan bahawa Falsafah Takaful Islam merupakan penghayatan semangat saling bertanggungjawab, kerjasama dan perlindungan dalam aktiviti masyarakat demi kesejahteraan ummah dan perpaduan masyarakat.¹⁴⁰ Dengan kata lain, konsep takaful menggambarkan satu rancangan insurans Islam berasaskan hubungan persaudaraan Islam di antara peserta yang bersetuju menanggung bersama mereka kerugian yang disebabkan oleh risiko bersama seperti kematian dan sebagainya. Dengan ini semangat takaful menekankan kepentingan persaudaraan dan kasih-sayang antara peserta dan membuang sifat mengutamakan diri sendiri.¹⁴¹

¹³⁷ Mohd Fadzli Yusuf (2002), *op.cit.*, hal. 13.

¹³⁸ Abd Mu'min Abd Ghani & Fadillah Mansor (2006), *op.cit.*, hal. 98.

¹³⁹ Muhammad ibn Ismā'īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit. Bāb Raḥmah al-Nās wa al-Bahā'im*, no. hadis 6011.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit. Bāb Tarāḥum al-Mu'minīn wa Ta'āwufihim wa Ta'ā'idihim*, no hadis 2586, juz 4, hal 1999.

¹⁴⁰ Sudin Haron (2002), *op. cit.*, hal. 390.

¹⁴¹ *Ibid.*, hal. 92.

Kesan daripada amalan saling bertabarru' dalam takaful melahirkan satu masyarakat yang seimbang, penuh kasih sayang, yana mana golongan yang berharta dengan hati ikhlas mendermakan sejumlah hartanya kepada golongan yang tidak bernasib baik bagi tujuan-tujuan yang murni dan diredhai Allah SWT. Manfaat dunia mungkin boleh dilihat dari segi keberkatan kehidupan, perpaduan, kasih-sayang, manakala manfaat di akhirat ialah dalam bentuk balasan syurga daripada Allah.¹⁴²

1.3.5.2. Mengurangkan Penyakit Sosial Dalam Masyarakat

Jiwa seorang Muslim itu akan sentiasa tenang dan tenteram jika setiap hasil perbuatannya atau ikhtiarnya diserahkan kepada Allah.¹⁴³ Menerusi perlindungan yang ada dalam sistem takaful, akan melahirkan individu Muslim yang tenang kerana jika berlaku sesuatu musibah, sejumlah sumbangan khairat kematian dibayar atas konsep saling membantu.

Lazimnya penyakit sosial hari ini berpunca harta sama ada kerana kurangnya harta atau lebihnya harta seseorang itu. Menerusi prinsip asas yang ada dalam sistem takaful Islam, jaminan adanya tabungan kepada si isteri dan anak-anak misalnya, sekiranya seseorang meninggal dunia, akan menjadikan si isteri ini yakin untuk meneruskan kehidupan dan membesarkan anak-anak agar tidak tercicir dan menjadi sampah masyarakat. Wang yang diperoleh akan dapat menyambung kesinambungan hidup tanpa perlu meminta-minta dari insan lain.

Maka tidak akan timbul gejala samun, kes curi, pelacuran, judi dan lain-lain penyakit sosial dalam masyarakat yang akan melemahkan masyarakat Islam itu sendiri.

¹⁴² Lihat: Surtahman Kastin Hasan (2008), *op. cit.*, hal. 54.

¹⁴³ Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, hal. 6.

Selain itu, wang khairat kematian yang diterima oleh waris terlepas dan bersih dari unsur riba atau perkara-perkara yang bercanggah dengan syariah. Kesucian harta ini, menjamin tumbesaran waris yang ditinggalkan dari unsur-unsur yang haram. Ini akan melahirkan anak-anak yang cemerlang jiwa, minda dan peribadinya. Semuanya ini akan menjadi benteng daripada sebarang gejala sosial yang menular dalam masyarakat Islam hari ini, yang sekiranya diselidiki berpunca dari sumber rezeki yang tidak jelas halal dan haramnya, *shubhah* ataupun tidak.

1.4. KESIMPULAN

Konsep takaful jelas menggambarkan satu rancangan insurans Islam berasaskan kepada hubungan persaudaraan Islam, rasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam sebuah masyarakat. Di bawah konsep ini, setiap individu masyarakat dididik di bawah konsep *tabarru'*, ikhtiar dan tawakal kerana harta itu hanyalah pinjaman Allah semata-mata. Manusia sebagai khalifah-Nya dipertanggungjawab untuk menggunakan harta ke jalan mencapai kemakmuran hidup di dunia dan akhirat. Melalui takaful setiap individu yang menyertainya dianggap sebagai sebuah keluarga yang saling tolong-menolong dalam menghadapi kesempitan hidup. Oleh itu sikap pengorbanan terhasil dari dua pihak berbanding dengan insurans konvensional yang lebih melihat kepada kontrak jual beli.

BAB DUA :

PRODUK TAKAFUL KELUARGA DALAM ETIQA TAKAFUL BERHAD (ETB)

2.1. PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan mengenai sejarah pertumbuhan takaful di Malaysia secara ringkas. Ianya melibatkan penubuhan Akta Takaful di Malaysia sehingga tertubuhnya Etiqa Takaful Berhad (ETB) di persada industri takaful. Seterusnya perbincangan menjurus kepada produk-produk takaful keluarga yang ditawarkan oleh ETB. Perbincangan lebih berfokus kepada manfaat-manfaat utama dan manfaat tambahan serta objektif-objektif produk Takaful Keluarga di ETB. Perbincangan berkaitan dengan manfaat dan objektif takaful keluarga di ETB perlu diperhalusi secara mendalam untuk memastikan sejauh mana produk-produk tersebut menepati Islam.

2.2. SEJARAH PERTUMBUHAN INDUSTRI TAKAFUL DI DALAM ISLAM DAN ETIQA TAKAFUL BERHAD (ETB)

Takaful merupakan sistem yang diwujudkan untuk memberi perlindungan daripada bencana seperti yang diberikan oleh sistem insurans konvensional. Oleh sebab sistem insurans konvensional tidak boleh dilanggan oleh umat Islam disebabkan wujudnya unsur-unsur *gharar*, *riba* dan judi, maka sistem takaful dilihat amat berpotensi dan selari dengan prinsip syarak untuk menjadi penggantinya.¹ Keperluan kepada perkhidmatan insurans sama ada insurans konvensional atau takaful adalah meningkat dengan terdapatnya elemen-elemen dalam sistem kehidupan yang boleh membawa kepada bahaya dan risiko dalam sistem sosial, sistem semulajadi atau sistem teknikal.²

¹ Lihat: Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan Dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Business School Sdn. Bhd., cet. 2, hal. 385.

² Abdul Mu'min Abd Ghani dan Fadillah Mansor (2006), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hal. 87.

2.2.1 Sejarah Pertumbuhan Industri Takaful di dalam Islam

Secara amnya, konsep takaful telah pun diamalkan sejak lebih 1400 tahun dahulu. Antara golongan masyarakat zaman silam yang pertama mempraktikkan konsep perlindungan insurans seumpama ini ialah pedagang-pedagang Arab, sebelum kedatangan Islam.³ Konsep saling bantu membantu atau *blood money* yang diamalkan oleh kaum Arab sebelum kedatangan Islam ini merupakan prinsip yang cuba direalisasikan kepada sistem takaful.⁴ Bagi mengatasi atau meringankan beban bahaya, musibah dan bencana seperti rompakan, ribut padang pasir, pembunuhan dan lain-lain tragedi yang boleh menyebabkan kerugian dan kehilangan barang dagangan mereka, pedagang-pedagang Arab pada masa itu telah saling berpakat antara mereka mengagih-agihkan barang dagangan kepada beberapa kafilah dan beberapa ekor unta.

Oleh itu, jika ditakdirkan berlaku sesuatu musibah ke atas mana-mana kafilah atau unta yang mereka gunakan itu, kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami hanya sekadar terhad kepada kafilah atau unta yang malang sahaja.⁵ Selain itu adalah dipercayai konsep pampasan dan tanggungjawab bersama dalam sistem '*aqilah*' yang diamalkan antara Muhajirin (Muslim dari Makkah) dan Ansar (Muslim dari Madinah) merupakan dasar kepada sistem takaful.⁶ Di bawah sistem ini, setiap ahli bersetuju mewujudkan satu tabung atau kumpulan wang yang dipanggil *al-khanz*.

Semua pungutan atau caruman yang dibayar oleh ahli-ahli mengikut tempoh yang telah dipersetujui dimasukkan ke dalam tabung berkenaan. Antara manfaat tabung ialah menyediakan bayaran sebagai bantuan untuk menolong mana-mana ahli yang

³ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (IBFIM) (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur : IBFIM, hal. 13.

⁴ Sudin Haron (2007), *op.cit.*, hal. 385.

⁵ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (2007), *op. cit*, hal. 14.

⁶ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 385.

terlibat dengan pembunuhan secara tidak sengaja atau untuk menebus tawanan perang muslimin daripada musuh.⁷ Selain itu adalah dipercayai bahawa takaful mula diperkenalkan apabila pedagang Arab Muslim mula mengembangkan perdagangan ke India, Asia Tenggara dan negara-negara lain di Asia.⁸

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa konsep takaful telah mula wujud sejak zaman sebelum Islam dan terus dikekalkan oleh Rasulullah SAW selagi amalan itu tidak bercanggah dengan syariat Islam. Manakala dalam penulisan para sarjana Islam, perkataan insurans dalam bahasa Arab ialah *al-ta'min* mula dikenali pada abad ke -20 Masihi. Ibn 'Abidin, Muhammad Amin B. 'Umar (m 1306/1888) seorang *faqih* dari mazhab Hanafi dianggap orang pertama yang menggunakan perkataan insurans dengan istilah *sukara* (*security*) yang dikatakan berasal dari bahasa Itali *sigure* dan Turki *sigorta*.⁹

2.2.2 Sejarah Pertumbuhan Industri Takaful Negara Islam

Seiring dengan kerancakan penubuhan bank-bank Islam maka, institusi takaful telah ditubuhkan bagi memberi perlindungan insurans kepada orang Islam. Syarikat takaful pertama ditubuhkan pada tahun 1979 di Sudan. Pada tahun 1979 juga Syarikat Insurans Arab ditubuhkan dan kemudiannya diikuti oleh penubuhan *Dar al-Mal al-Islami* ditubuhkan di Geneva pada tahun 1981. Pada tahun 1983, Syarikat Takaful Islam Luxemburg dan Syarikat Takaful Islam Bahrain ditubuhkan.¹⁰

⁷ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (2007), *op cit*, hal. 14.

⁸ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 385.

⁹ Joni Tamkin Borhan (2008), *Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, dlm Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.*op.cit.*, hal. 39-40.

¹⁰ Sudin Haron (2007), *op.cit.*, hal. 386.

Seperti juga perkembangan bank-bank Islam yang bertapak bukan sahaja di negara Islam tetapi juga di negara Barat, syarikat takaful juga beroperasi di negara-negara tersebut. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat terdapat syarikat takaful bernama First Takaful USA. Pada akhir Jun 2004 terdapat 12 syarikat di Arab Saudi, 5 di Bahrain, 6 di Sudan, 5 di Iran dan 2 di Kuwait, dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Selain itu terdapat juga syarikat takaful di Qatar, Jordan, Bangladesh dan Sri Lanka. Di rantau Asia Tenggara pula syarikat takaful beroperasi di Brunei, Singapura dan Indonesia.¹¹

2.2.3. Sejarah Penubuhan Syarikat-syarikat Takaful di Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 15 Jun 1972, telah memutuskan bahawa insurans nyawa yang dipasarkan oleh syarikat insurans konvensional pada masa itu merupakan amalan yang bertentangan dengan kehendak syarak. Sehubungan itu itu, pada 27 Februari 1982, Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim telah membentangkan kertas kerja "*Towards An Islamic System*" dengan mengusulkan supaya ditubuhkan sebuah Badan Petugas yang terdiri daripada Ulama Syariah Islam, Pakar perundangan, Peguam Negara atau wakil, Ketua Pengarah Insurans Malaysia, Pengurus Besar atau Timbalan Pengurus Besar Syarikat Insurans Konvensional yang beragama Islam atau ahli-ahli yang difikirkan layak.¹²

Hasilnya satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1982 untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans secara Islam.¹³ Di

¹¹ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 386.

¹² Abdul Mu'min Abd. Ghani dan Fadillah Mansor (2006), *op. cit.*, hal. 97.

¹³ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (2007), *op. cit.* hal. 60.

Malaysia, sistem takaful bermula apabila kerajaan meluluskan Akta Takaful 1984.¹⁴ Pengendali takaful pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984.¹⁵ Hasilnya syarikat takaful pertama iaitu Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. memulakan operasinya pada bulan Ogos 1985.¹⁶ Pada tahun 1994 kerajaan telah membenarkan sebuah lagi syarikat iaitu MNI Takaful Sdn Bhd menawarkan produk takaful.¹⁷ Diikuti dengan Maybank Takaful pada tahun 2002 yang merupakan subsidiari kepada Maybank Bhd. dan Takaful Ikhlas pada tahun 2003 yang merupakan subsidiari kepada Malaysia Nasional Reinsurance Berhad (MNRB).¹⁸

Sehingga akhir tahun 2003 terdapat sebanyak 4 pengendali takaful di Malaysia. Jumlah harta yang dipunyai oleh kesemua pengendali takaful adalah sebanyak RM4,429.1 juta. Sepanjang tempoh 2003, sejumlah RM511.0 juta caruman baru dibuat untuk takaful keluarga.¹⁹ Pada Disember 2005 pula terdapat penambahan kepada pengendali takaful menjadi lima iaitu Commerce Takaful Berhad. Pada Januari 2006 Bank Negara Malaysia telah mengumumkan bahawa mereka telah meluluskan pengeluaran empat lesen takaful baru kepada konsortium dan usaha sama berikut:

- i. HSBC Insurance (Asia-Pacific) Holdings Limited, Jerneh Asia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja,
- ii. Hong Leong Bank, Millea Asia (Japan) Pte. Ltd, dan Hong Leong Assurance,
- iii. Bank Simpanan Nasional dan Prudential Holdings Limited, dan
- iv. MAA Holdings Berhad dan Solidarity Co. Bahrain.²⁰

¹⁴ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 386.

¹⁵ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (2007), *op. cit.*, hal. 60.

¹⁶ Azman bin Ismail et.al. (2000), *Takaful: Teori dan Praktif*, Kuala Lumpur: The Malaysian Insurance Institute & Takaful Nasional Sendirian Berhad hal.117; Lihat: Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 389; Hendon Redzuan et.al. (2005), *Risiko dan Insurans*, Kuala Lumpur : Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd, hal. 531.

¹⁷ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 386-387; Azman bin Ismail et.al. (2000), *op cit.*, hal.117; Lihat: Hendon Redzuan et.al. (2005), *op. cit.*, hal. 531.

¹⁸ Hendon Redzuan, et.al. (2005), *op. cit.* hal. 531; Lihat: Sudin Haron (2007), *op cit.*, hal. 389.

¹⁹ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 389.

²⁰ Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (2007), *op cit.*, hal. 60-61.

2.2.4. Sejarah Penubuhan Etiqa Takaful Berhad (eTiQa Takaful)

Pada 25 Ogos 2005, Maybank telah memperolehi kelulusan awal daripada Bank Negara Malaysia untuk memulakan perbincangan dengan Permodalan Nasional Berhad (“PNB”) dan Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. Skim Amanah Saham Bumiputera (“ARN-ASB”) bagi pengambil alihan kepentingan ekuiti PNB dan ARN-ASB di dalam MNI Holdings Berhad oleh Bank dan juga subsidiarinya, Mayban Fortis Holdings Berhad (dikenali bersama sebagai “Kumpulan Maybank”). Kelulusan akhir diperlukan oleh Kumpulan Maybank, PNB dan ARN-ASB daripada pihak berkuasa yang berkenaan sebelum perjanjian seterusnya dapat dilaksanakan.²¹

Anak syarikat MNI Holdings Berhad ialah Takaful Nasional Sendirian Berhad (TNSB). TNSB pada asalnya dikenali sebagai MNI Takaful pada 15 Oktober 1993. Hasil kerjasama di antara PNB melalui Malaysia National Insurance Berhad dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dengan tujuan menyediakan perlindungan diredai syarak kepada masyarakat.²² Pada 8 Disember 1998, MNI Takaful telah menempa satu lagi sejarah di mana ia telah menyempurnakan imejnya sebagai persediaan melangkah ke abad 21. Pada tarikh tersebut MNI Takaful telah bertukar nama kepada Takaful Nasional Sdn. Bhd. (TNSB).²³ Berdasarkan prestasi dan sokongan perniagaan yang kuat, TNSB meningkatkan modal berbayar kepada RM100 juta untuk menambah daya saing syarikat pada tahun 2004 manakala modal yang dibenarkan adalah sebanyak RM500 juta. TNSB merupakan peneraju utama dalam industri takaful di Malaysia dengan jumlah aset telah meningkat daripada RM2.2 bilion kepada RM2.6 Billion pada tahun 2004.

²¹ Maybank, Laporan Tahunan 2005, hal. 86, dlm : http://www.maybank2u.com.my/download/ar2005_bm.zip, capaian pada 27 Mac 2009.

²² WATAKMAS (t.t.), *Takaful Nasional Penyelesaian Kewangan Anda Yang Terunggul*, (t.t.p.): (t.p.), hal. about me; Lihat Azman bin Ismail et.al. (2000), *op. cit.*, hal. 117.

²³ WATAKMAS (t.t.), *op. cit.*, My Company, hal. 1-5.

TNSB juga merupakan pengendali takaful pertama yang memperkenalkan sistem agensi bagi menawarkan perkhidmatan yang lebih berkesan dan meluas. TNSB juga berusaha menawarkan produk-produk yang inovatif bagi memenuhi keperluan semasa pelanggan. TNSB telah mengembangkan sayapnya ke seluruh negara dengan 14 cawangan dan disokong oleh 7000 orang wakil.²⁴ Pada Disember 2005 Malaysia National Insurance (MNI) dan TNSB secara rasminya menjadi sebahagian daripada Kumpulan Maybank, berikutan selesainya pembelian 74.24% kepentingan dalam MNI Holdings Berhad oleh Mayban Fortis Holdings Berhad.²⁵

2.2.5. Latar belakang Etiqa Takaful Berhad

Hasil kerjasama di antara Malayan Banking Berhad (Maybank) & Fortis International NV (Eropah) dengan pegangan 70% & 30 % maka lahirlah Mayban Fortis Holdings Berhad (MFHB). Pengambilalihan MNI (Syarikat Insurans tempatan terbesar) dan TNSB (Pengendali Takaful terulung) pada 2005. Kedudukan nombor dua secara keseluruhan industri insurans. Tahun perniagaan 2006/2007, jumlah kutipan premium kasar adalah RM4 billion untuk Mayban Fortis & RM900 million untuk Takaful.

Dengan penggabungan MNI & TN pada penghujung 2007, nama baru telah dipilih iaitu ETIQA. Penggabungan ini melibatkan 5 entiti yang diletakkan di bawah 2 lesen iaitu Etiqa Insurance Berhad dan ETB. Etiqa Takaful Berhad diringkaskan kepada eTiQa Takaful. Ada juga penggunaan namanya diringkaskan kepada ETB. ETB mempunyai 80 cawangan diseluruh Negara.²⁶ Dalam penulisan ini penulis banyak menggunakan singkatan ETB sebagai merujuk kepada Etiqa Takaful Berhad.

²⁴ WATAKMAS (t.t.), *op. cit.*, my company, hal 1-5

²⁵ Maybank : Penyata Tahunan 2006, dlm, http://www.maybank2u.com.my/download/ar2006_bm.zip, capaian 27 Mac 2009, hal48.

²⁶ Etiqa (2008), *Slide Presentation FTB 1 28 th February 2008*, (t.t.p.) : Etiqa, hal. 7.

ETB mempunyai Jawatankuasa Syariah tersendiri, Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan agar syarikat sentiasa beroperasi berlandaskan undang-undang Syariah.²⁷ Jawatankuasa Syariah mengawasi operasi syarikat dari segi perancangan dan pelaksanaan produk, pelaburan, pembahagian untung dan lain-lain urusan.²⁸

2.3. PRODUK-PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI ETIQA TAKAFUL BERHAD (ETB)

Takaful Keluarga adalah suatu skim permuafakatan antara seorang individu dengan individu yang lain sehinggakan terbentuk suatu pakatan atau kumpulan masyarakat dengan bermatlamat ingin membantu antara satu sama lain sekiranya ada antara ahli di dalam kelompok tersebut menghadapi bencana atau kecelakaan.²⁹ Tujuan umum produk, produk-produk dan manfaat-manfaat akan dijelaskan.

2.3.1. Tujuan Umum Produk Takaful Keluarga

Pada asasnya, produk-produk yang disediakan terbahagi kepada dua iaitu produk Takaful Keluarga dan produk Takaful Am. Dalam konsep takaful orang yang mencarum atau yang menyertai pelan takaful dinamakan peserta. Produk Takaful Keluarga menawarkan perlindungan untuk peserta dan keluarga manakala produk Takaful Am memberikan perlindungan kepada harta benda peserta. Produk-produk yang disediakan oleh Takaful Keluarga menawarkan pelbagai kelebihan perlindungan dan simpanan untuk peserta.³⁰

²⁷ <http://www.etiqa.com.my> capaian pada 11 hb April 2009.

²⁸ Temubual Assistant Professor Dr Mohammad Deen bin Mohd Napih, Ahli Jawatankuasa Syariah, Kuala Lumpur, melalui telefon, 12.30 tgh.

²⁹ Sudin Haron (2007), *op. cit.*, hal. 398.

³⁰ http://www.takafulnasional.com.my/indek.php?ch=tn_c_produk, capaian pada 28 November 2007.

Takaful Keluarga adalah satu skim perlindungan berasaskan kepada persaudaraan insan, rasa saling bertanggungjawab, bekerjasama dan jamin menjamin di kalangan peserta. Falsafah takaful menekankan kepada keikhlasan di mana para peserta memberi sumbangan kewangan berdasarkan konsep *tabarru'* iaitu setiap peserta bersetuju memberi sumbangan untuk membantu para peserta lain di dalam skim takaful berkenaan. Dengan ini semangat takaful menekankan kepada perpaduan ummah.³¹ Produk atau pelan Takaful Keluarga untuk individu direka khas untuk mencapai beberapa tujuan dan ditujukan kepada beberapa golongan. Beberapa pelan yang terdapat sekarang ini adalah seperti berikut;

- i. Pelan Takaful Keluarga untuk tabungan, pelaburan dan perlindungan,
- ii. Pelan Takaful Keluarga untuk perlindungan sahaja
- iii. Pelan Takaful Keluarga untuk pendidikan
- iv. Pelan Takaful Keluarga untuk remaja dan kanak-kanak³²

Perlindungan ertinya, sekiranya berlaku kematian atau keilangan dan lain-lain musibah ke atas peserta ataupun keluarga peserta, maka peserta akan mendapat pampasan yang bersesuaian dengan bentuk musibah dan perlindungan serta sumbangan yang peserta pilih. Begitu juga sekiranya berlaku kemalangan, atau keilangan kekal peserta. Simpanan pula ertinya, (bergantung kepada produk-produk Takaful yang peserta sertai), peserta boleh mendapatkan semula wang sumbangan peserta setelah kontrak perlindungannya matang dan juga mendapat manfaat *muḍārabah*, iaitu perkongsian keuntungan antara syarikat dan peserta.

2.3.2. Pelan-pelan Produk Takaful Keluarga di Etiqa Takaful Bhd

Produk Takaful Keluarga menawarkan pelbagai bentuk perlindungan dan simpanan untuk orang ramai. Kebanyakan produk-produk takaful keluarga memberikan manfaat

³¹ WATAKMAS (t.t.), *op. cit.*, hal. Konsep Takaful, 1,

³² Azman bin Ismail et.al. (2000), *op cit*, hal. 117.

perlindungan kematian yang dinamakan Manfaat Takaful, atau biasanya dikenali sebagai khairat kematian di kalangan orang ramai. Manfaat Takaful akan dibayar kepada waris peserta sekiranya peserta meninggal dunia. Jika sekiranya peserta ditimpa keilatan kekal yang menyebabkan peserta tidak dapat bekerja dan hilang punca pencarian, mereka akan menerima sejumlah wang Manfaat Takaful dalam tempoh beberapa tahun bersesuaian dengan produk yang disertai dan sumbangan yang dibuat.

Ada juga produk yang lebih fokus kepada keperluan pelajaran seperti pelan Sarjana yang menawarkan perlindungan untuk pemegang kontrak iaitu ibu atau bapa dan anak sebagai peserta. Pelan Sarjana juga merupakan satu simpanan untuk tabung pendidikan anak pada masa hadapan. Menerusi produk ini, peserta boleh mengeluarkan wang dari Akaun Peserta (AP) pada masa yang sesuai untuk menampung keperluan pendidikan anak-anak.³³ Begitu juga pelan Prima yang menawarkan pulangan kewangan setiap 3 tahun sekali yang peserta boleh gunakan untuk pelbagai aktiviti keluarga seperti ziarah, umrah, percutian, pelaburan dan lain-lain lagi.

Produk-produk ini kebanyakannya boleh diperkukuh lagi dengan '*rider*' atau perlindungan tambahan. Perlindungan yang boleh ditambah kepada perlindungan-perindungan asas di atas termasuklah '*rider*' kemalangan, hospital, penyakit dan lain-lain lagi.³⁴ Di antara faedah-faedah yang akan diperolehi dengan menyertai Pelan Takaful Keluarga (individu) ialah:³⁵

³³ *Ibid*, hal. 93.

³⁴ Lihat: Azman bin Ismail et.al. (2000), *op.cit.*, hal. 119.

³⁵ Lihat ; Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, Kuala Lumpur: Etiqa, hal. Produk Takaful Keluarga, Mesra, Ehsan, Warisan, Prima, Sarjana, Sakinah, dan Afiah.

- i. Para peserta mempunyai simpanan mereka sendiri iaitu wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Peserta (AP). Sumbangan Asas akan dibahagikan kepada dua akaun iaitu kepada Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP). Bagi Pelan Mesra, Warisan, Sarjana dan Sakinah pembahagian AP ialah tahun pertama 0%, tahun kedua 10%, tahun ketiga 50%, tahun keempat dan seterusnya 75 %. Bakinya akan disalurkan kepada Akaun Khas Peserta (AKP). Bagi Pelan Prima, aliran sumbangan kepada AP pada tahun pertama 0%, kedua dan seterusnya 10%, sebaliknya 100% disalurkan kepada AKP dan 90% pada tahun kedua dan seterusnya. Manakala Pelan Ehsan, Sakinah 2 dan Afiah 100% untuk AKP.³⁶
- ii. Akaun Khas Peserta (AKP) dianggap sebagai Tabarru'at (derma) untuk membayar kepada mana-mana peserta yang menuntut Manfaat Takaful berasaskan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara peserta tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan didalam Kontrak Takaful Keluarga.³⁷ Para peserta boleh menuntut Manfaat Takaful dari ETB bila berlaku Hilang Upaya. Penama atau waris para peserta akan menerima Manfaat Takaful sekiranya peserta meninggal dunia sebelum tempoh matang sesuatu pelan.³⁸
- iii. Para peserta akan menikmati hasil keuntungan pelaburan dari AP yang tidak bercanggah dengan syarak mengikut kadar *mudarabah* yang telah dipersetujui oleh peserta dan syarikat.
- iv. Manfaat Matang³⁹ ialah apabila kontrak ini matang, peserta akan menerima keseluruhan akaun jumlah terkumpul dalam AP termasuk keuntungan dari AP

³⁶ Lihat: *Ibid.*, hal. Produk Takaful Keluarga, Mesra, Ehsan, Warisan, Prima, Sarjana, Sakinah, dan Afiah

³⁷ Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, Kuala Lumpur : Etiqa Takaful Berhad, hal. 41

³⁸ *Ibid.*, hal 41

³⁹ Lihat: Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op.cit.*, hal. Mesra, Ehsan, Warisan, Prima, Sarjana, Sakinah, dan Afiah

dengan lebihan AKP. Semua Produk Takaful Keluarga ada AP kecuali pelan Ehsan, Sakinah 2 dan pelan Afiah.⁴⁰

- v. Pembayaran manfaat Keilatan Kekal menyeluruh ialah jumlah amaun perlindungan ditambahkan dengan jumlah akaun peserta dan perkongsian keuntungan dari akaun peserta. Pembayaran manfaat Keilatan Kekal Menyeluruh akan di bayar pada tahun pertama mengalami penyakit tersebut iaitu sebanyak 20% dari Amaun Perlindungan, tanpa menolak jumlah manfaat perolehan yang sudah dibayar, di tambah dengan jumlah Akaun Peserta terkumpul ditambah juga Mudharabah dari Akaun Peserta. Pada tahun kedua sebanyak 40% dari Amaun Perlindungan. Pada tahun ketiga sebanyak 40% dari Amaun Perlindungan dan Penamatan Sijil. Pembayaran sumbangan dikecualikan sementara manfaat keilatan dilunaskan.⁴¹
- vi. Bagi peserta juvana disediakan manfaat juvana⁴². Juvana bermaksud peserta dari kalangan kanak-kanak yang ibu atau bapanya sebagai pembayar. Manfaat juvana termasuk kematian peserta, keilatan kekal menyeluruh, manfaat pengecualian pembayar dan perlindungan terhad sehingga RM200,000.00 sahaja.

2.3.2.1. Produk Takaful Keluarga - Mesra⁴³

Pelan Mesra bertujuan menyediakan perlindungan dan simpanan masa hadapan serta persaraan.⁴⁴ Manfaat asas adalah kematian, kematangan dan keilatan menyeluruh. Manfaat Kematian adalah jumlah amaun perlindungan ditambah jumlah akaun peserta dan perkongsian keuntungan dari akaun peserta. Mesra merupakan pelan yang

⁴⁰ Etiqa (2008), *Slide Presentation FTB 1 28 th February 2008, op. cit.*, hal. 45-47; Etiqa Takaful, (t.t.) *The Ready To Use Sales Tools, op. cit.*, hal. 1.

⁴¹ Lihat : Etiqa Takaful, (t.t.) *The Ready To Use Sales Tools, op. cit.*, hal. Mesra, Ehsan, Warisan, Prima, Sarjana, Sakinah, dan Afiah.; Etiqa, Slide Presentation, FTB 1, *op. cit.*, 28 Februari 2008, hal. 76.

⁴² Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools, op. cit.*, hal. Sarjana, hal. 1-4

⁴³ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools, op. cit.*, hal. Mesra, 1-4.

⁴⁴ Zurina bt Md Amin, Pengurus Agency, ETB, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.

menawarkan perlindungan dan elemen simpanan. Antara keterangan pelan ini adalah seperti berikut :⁴⁵

- i. Kelayakan penyertaan terhad umur: 6 bulan hingga 60 tahun (pada tarikh lahir akan datang). Tempoh penyertaan ialah selama 5 hingga 79 tahun.
- ii. Had Umur Matang: 80 tahun (pada tarikh lahir akan datang).
- iii. Sumbangan minimum sebanyak RM600.00 setahun. Lat sumbangan ialah tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Perlindungan minimum adalah sebanyak RM10,000.
- iv. Pembahagian keuntungan daripada tabung Akaun Peserta (AP) ialah pembahagian keuntungan dan lebihan adalah sebanyak 80% kepada peserta dan 20% kepada ETB. Pembahagian dilakukan pada tiap-tiap tahun kewangan.
- v. Syarat penyertaan pula tertaluk kepada had umur layak untuk menyertai adalah 6 bulan hingga 60 tahun mengikut tarikh lahir yang akan datang.
- vi. Manakala tempoh sijil adalah 5 hingga 79 tahun. Umur matang maksima adalah 80 tahun. Perlindungan minima bergantung kepada sumbangan minima iaitu RM600.00 setahun. Perlindungan dibolehkan sehingga umur 80 tahun.
- vii. Di akhir tempoh kontrak keseluruhan Akaun Peserta (AP) terkumpul bersama perkongsian keuntungan dari Akaun Peserta (AP) dan lebihan Akaun Khas Peserta (AKP) akan dipulangkan kepada peserta.
- viii. Sekiranya berlaku kematian, manfaat yang akan dibayar adalah jumlah perlindungan bersama Akaun Peserta Terkumpul serta keuntungan Akaun Peserta.
- ix. Sekiranya berlaku keilatan kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar dalam 5 kali pembayaran. Pembayaran pertama sejumlah 10% daripada jumlah perlindungan serta amaun terkumpul dan keuntungan dari Akaun Peserta

⁴⁵ Lihat: Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Mesra 1-4.

apabila sahnya keilatan, 10% pada ulang tahun pertama hingga tahun ketiga dan bakinya sebanyak 60% pada tahun keempat dari tarikh keilatan.

- x. Rider tambahan⁴⁶ atau pakej perlindungan berikut boleh dimasukkan sebagai manfaat perlindungan komprehensif dengan sumbangan tambahan. Rider Bertempoh, Rider Penyakit Kritikal, Rider Manfaat Hospital, Rider Pampasan Kemalangan, dan Rider Manfaat Kematian Akibat Kemalangan. Manakala Rider Manfaat Pembayar Kontrak hanya untuk juvana sahaja.

2.3.2.2 Produk Takaful Keluarga - Prima⁴⁷

Ia adalah satu pelan istimewa dengan pulangan berjadual serta kebebasan mutlak dalam perancangan kewangan semasa merangkumi keperluan pendidikan, umrah dan ziarah, melancong, pelaburan dan sebagainya. Ia memberikan perlindungan kewangan untuk keluarga tersayang sekiranya ditimpa sesuatu musibah.⁴⁸

Antara ciri-ciri dan manfaat adalah seperti berikut iaitu:⁴⁹

- i. Had Umur penyertaan dari 6 bulan hingga 54 tahun (pada tarikh lahir akan datang). Pilihan tempoh penyertaan adalah selama 18, 21, 24, 27 atau 30 tahun.
- ii. Had umur matang maxsima ialah 84 tahun (pada tarikh lahir akan datang).
- iii. Sumbangan minima sebanyak RM 1,200.00 setahun dengan perlindungan minima sebanyak RM 10,000.
- iv. Manfaat matang ialah jumlah amaun terkumpul dan keuntungan dalam Akaun Peserta beserta dengan lebihan dari Akaun Khas Peserta setelah ditolak pembayaran manfaat survival berjadual. Pembahagian keuntungan adalah sebanyak 80% kepada peserta dan 20% kepada ETB.

⁴⁶ Etiqa Takaful (2008), *Slide Presentation FTB 1 28 th February 2008*, (t.t.) *op.cit.*, hal. 14.

⁴⁷ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Prima 1-4.

⁴⁸ Nur Izlina bt Mohamad, Pengurus Agency, ETB, temubual di Kuala Lumpur, pada 15 hb Ogos, 2009, jam 11 pagi.

⁴⁹ Lihat: Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Mesra, 1-4.

- v. Manfaat Utama ialah jumlah perlindungan sepenuhnya akan dibayar dalam tempoh kontrak berkuatkuasa sekiranya berlaku kematian. Sekiranya berlaku keilatan kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar dalam 3 kali pembayaran. 20% daripada jumlah perlindungan serta amaun terkumpul dan keuntungan daripada akaun peserta apabila sahnya keilatan. 40% pada akhir tahun pertama dan kedua dari tarikh keilatan.
- vi. Manfaat Survival Berjadual akan dibayar setiap 3 tahun bermula dari akhir tahun ketiga kontrak. Anggaran Manfaat Survival 10% dari amaun perlindungan berdasarkan pulangan pelaburan sebanyak 4 % setahun.
- vii. Manfaat semasa matang adalah baki manfaat survival berjadual termasuk Akaun Peserta serta keuntungan Akaun Peserta dan lebihan Akaun Khas Peserta. Nilai serahan Akaun Peserta terkumpul daripada tahun kedua penyertaan.
- viii. Manfaat perlindungan komprehensif ialah pakej perlindungan berikut boleh dimasukkan sebagai manfaat perlindungan komprehensif dengan sumbangan tambahan. Rider Bertempoh, Rider Penyakit Kritikal, Rider Manfaat Hospital, Rider Pampasan Kemalangan, dan Rider Manfaat Kematian Akibat Kemalangan. Manakala Rider Manfaat Pembayar Kontrak hanya untuk juvana sahaja.⁵⁰

2.3.2.3 Produk Takaful Keluarga - Warisan⁵¹

Faedah simpanan dan perlindungan yang membolehkan peserta pelan ini merancang kewangan demi kesejahteraan dan generasi akan datang.⁵² Antara ciri-ciri dan manfaat adalah seperti berikut:-

- i. Had umur peserta ialah dari enam (6) bulan hingga enam puluh (60) tahun mengikut pada tarikh lahir akan datang.

⁵⁰ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Prima 1-4.

⁵¹ Lihat: Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Warisan 1-5.

⁵² Nur Izlina bt Mohamad, Pengurus Agency, ETB, temubual di Kuala Lumpur, pada 15 hb Ogos, 2009, jam 11 pagi.

- ii. Manakala tempoh penyertaan ialah minimum 28 tahun dan maksimum 87 tahun.
- iii. Maksima had umur matang ialah 88 tahun. Sumbangan minima pula sebanyak RM 600.00 setahun. Perlindungan minima ialah sebanyak RM 10,000.
- iv. Pembahagian keuntungan dan lebihan adalah sebanyak 80% kepada peserta dan 20% kepada ETB.
- v. Manfaat Utama pelan Warisan membolehkan perlindungan diteruskan sehingga umur 88 tahun walaupun sumbangan telah tamat. Di akhir tempoh kontrak semua amaun terkumpul dan keuntungan dalam Akaun Peserta beserta dengan lebihan Akaun Khas Peserta akan dipulangkan. Sekiranya berlaku keilatan kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar dalam 3 pembayaran. 20% daripada jumlah perlindungan serta amaun terkumpul dan keuntungan daripada Akaun Peserta apabila sahnya keilatan, 40% pada akhir tahun pertama dan kedua dari tarikh keilatan. Nilai serahan Akaun Peserta terkumpul daripada tahun kedua penyertaan.
- vi. Manfaat Perlindungan Komprehensif pakej perlindungan berikut yang boleh dimasukkan sebagai manfaat perlindungan komprehensif dengan sumbangan tambahan. Rider Bertempoh, Rider Penyakit Kritikal, Rider Manfaat Hospital, Rider Pampasan Kemalangan, dan Rider Manfaat Kematian Akibat Kemalangan. Manakala Rider Manfaat Pembayar Kontrak hanya untuk juvana sahaja.

2.3.2.4 Produk Takaful Keluarga - Sarjana⁵³

Peningkatan kos pembelajaran ke IPTA dan IPTS di sekitar 3% setahun berdasarkan kadar inflasi, persediaan untuk menghadapinya demi masa depan dan kesejahteraan anak adalah amat penting. Kecemerlangan pendidikan di masa depan terletak di tangan

⁵³ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, op. cit. hal. Sarjana, 1-4.

ibu bapa. Kesediaan ibu bapa untuk menabung sedikit demi sedikit supaya pendidikan anak terjamin amat di tuntutan pada masa kini. Etiqa Sarjana dengan gabungan tabungan dan perlindungan adalah satu usaha untuk mewujudkan dana khas sebagai perancangan kewangan pendidikan anak di peringkat universiti.⁵⁴ Antara ciri-ciri dan manfaat adalah seperti berikut ;-

- i. Kelayakan penyertaan bermula dari had umur 14 hari sehingga 17 tahun. Tempoh penyertaan selama 5 hingga 24 tahun.
- ii. Umur pada tarikh matang 13 hingga 25 tahun. Perlindungan minima sebanyak RM 10,000. Sumbangan minima sebanyak RM 600 setahun (Asas dan Tabungan Tambahan) Pembahagian keuntungan adalah sebanyak 80% kepada peserta dan 20% kepada ETB. Peserta berhak menerima keuntungan dari Akaun Peserta dan lebihan dari Akaun Khas Peserta (jika ada)
- iii. Apabila kontrak matang, pihak syarikat akan membayar kepada peserta, jumlah terkumpul dalam akaun peserta.⁵⁵ Jumlah akaun peserta terkumpul ditambah *mudharabah* dari Akaun Peserta⁵⁶
- iv. Sekiranya berlaku kematian atau keilangan kekal dan menyeluruh ke atas pembayar, kesemua sumbangan asas termasuk rider atas diri anak melainkan tabungan tambahan akan dilunaskan sehingga tarikh matang, anak meninggal dunia atau keilangan kekal menyeluruh, yang mana terdahulu.⁵⁷
- v. Sekiranya berlaku kematian ke atas anak, kontrak ini akan membayar Manfaat Perlindungan berserta Akaun Peserta dan keuntungannya yang terkumpul. Sekiranya berlaku keilangan ke atas anak, kontrak ini akan membayar manfaat keilangan seperti di dalam jadual yang ditetapkan.

⁵⁴ Zurina bt Md Amin, *op. cit.*, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.

⁵⁵ Etiqa Takaful (2009), *Sarjana Family Takaful Kontrak*, Kuala Lumpur : Etiqa Takaful, hal 25

⁵⁶ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Sarjana, hal. 1-4

⁵⁷ *Ibid.*, hal. 1-4.

- vi. Kemudahan pengeluaran pendahuluan biaya pendidikan daripada akaun peserta (AP) dibolehkan 3 tahun sebelum tarikh matang sebagai pendahuluan biaya pendidikan.
- vii. Manfaat-manfaat perlindungan berikut boleh disertai dengan sumbangan tambahan. Antaranya ialah Rider Bertempoh (Juvana sahaja), Rider Penyakit Kritikal (Pembayar sahaja), Rider Manfaat Hospital (Pembayar dan Juvana), Rider Pampasan Kemalangan (Pembayar sahaja), Rider Manfaat Kematian dan Keilatan Akibat Kemalangan (Pembayar dan Juvana), Rider Manfaat Pembayar (Pembayar sahaja), Rider Manfaat Pendapatan Keluarga (Pembayar sahaja) dan Tabungan Tambahan

2.3.2.5. Produk Takaful Keluarga Ehsan

Produk ini merupakan pelan takaful keluarga yang menawarkan perlindungan sahaja. Sumbangan rendah untuk perlindungan kewangan yang tinggi. Sumbangan untuk pelan ini ditabarru'kan keseluruhannya ke dalam akaun peserta.⁵⁸ Antara manfaat adalah seperti berikut:-

- i. Kelayakan penyertaan bermula had umur 18 tahun hingga 55 tahun (pada tarikh lahir akan datang). Tempoh penyertaan ialah 5 hingga 30 tahun.
- ii. Had umur matang maxsima 65 tahun. Sumbangan minima sebanyak RM 360.00 setahun. Perlindungan minimum sebanyak RM 10,000. Pembahagian lebihan adalah sebanyak 80% kepada peserta dan 20% kepada ETB
- iii. Sekiranya berlaku keilatan kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar dalam 5 kali pembayaran. 10% daripada jumlah perlindungan apabila

⁵⁸ Zurina bt Md Amin, *op. cit.*, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.; lihat, Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Ehsan 1-4

sahnya keilatan, 10% pada akhir tahun pertama hingga tahun ketiga dan bakinya pada akhir tahun keempat dari tarikh keilatan.

- iv. Pakej perlindungan berikut boleh dimasukkan sebagai manfaat perlindungan komprehensif dengan sumbangan tambahan. Rider Bertempoh, Rider Penyakit Kritikal, Rider Manfaat Hospital, Rider Pampasan Kemalangan, dan Rider Manfaat Kematian Akibat Kemalangan.

2.3.2.6 Produk Takaful Keluarga - Sakinah⁵⁹

Pelan Sakinah merupakan Pelan Takaful Keluarga yang menawarkan perlindungan beserta simpanan sebagai pilihan yang boleh dimiliki oleh pasangan suami isteri atau bapa dan anak atau ibu dan anak. Terdapat dua pilihan pelan perlindungan iaitu Sakinah 1 (Bertempoh dan Simpanan) dan Sakinah 2 (Bertempoh sahaja).

- i. Pelan ini ditawarkan untuk individu yang berumur 90 hari hingga 60 tahun sahaja.⁶⁰ Kelayakan penyertaan terhad umur dari 90 hari hingga 60 tahun (pada tarikh lahir akan datang). Tempoh penyertaan ialah hingga umur 80 tahun. Had umur matang maxsima 80 tahun.
- ii. Sumbangan minima bagi Sakinah 1 sebanyak RM 600.00 setahun . Minima bagi Sakinah 2 sebanyak RM 360.00 setahun. Perlindungan minimum sebanyak RM 10,000.
- iii. Manfaat matang⁶¹ bagi Sakinah 1, pembayaran dari jumlah akaun peserta ditambah *mudarabah* dan juga lebihan dari akaun peserta. Bagi Sakinah 2, pembayaran dari jumlah lebihan dari akaun khas peserta.

⁵⁹ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op. cit.*, hal. Sakinah, 1-5.

⁶⁰ *Ibid.*, hal. Sakinah 2.

⁶¹ *Ibid.*, hal. Sakinah 3.

2.3.2.7. Produk Takaful Keluarga- Afiah

Merupakan pelan takaful keluarga khusus untuk kaum wanita yang menawarkan perlindungan sahaja. Pelan ini ditawarkan kepada individu yang berumur antara 18 hingga 55 tahun. Peserta yang menyertai pelan ini akan mendapat manfaat bila disahkan salah satu daripada 4 penyakit kritikal khusus wanita sepanjang tempoh penyertaan sehingga tamat tempoh sijil.⁶² Manfaat Khas bagi pelan ini ialah perlindungan 4 penyakit kritikal khusus untuk wanita iaitu Lupus Eritematosus Sistemik (SLE), Arthritis Reumatoid, Barah Payudara atau Pangkal Rahim.⁶³

2.3.2.8 Manfaat-manfaat Tambahan di dalam Produk Takaful Keluarga⁶⁴

Antara manfaat tambahan yang sama antara pelan-pelan di dalam Produk Takaful Keluarga adalah seperti berikut ;-

a) Rider Bertempoh.

Rider ini memberi manfaat tambahan kepada mana-mana pelan takaful keluarga, selagi pelan asas tersebut masih lagi berkuatkuasa. Apabila peserta atau orang yang dilindungi meninggal dunia, penama atau pewaris akan dibayar jumlah pelan asas termasuk manfaat daripada rider ini. Manakala sekiranya peserta atau orang yang dilindungi mengalami keilatan kekal dan menyeluruh akibat kecederaan atau penyakit, syarikat

⁶² *Ibid.*, hal. Afiah 1-3.

⁶³ Nur Izlina bt Mohamad, *op. cit.*, temubual di Kuala Lumpur, pada 15 hb Ogos, 2009, jam 11 pagi.

⁶⁴ Lihat: *Ibid.*, hal. Produk Takaful Keluarga, Mesra, Ehsan, Warisan, Prima, Sarjana, Sakinah, dan Afiah. Antara isu yang sama ialah; Pengecualian Cukai Pendapatan untuk semua produk Takaful Keluarga ini layak menerima pelepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri. Manakala Lat sumbangan adalah tahunan, setengah tahun, suku tahun dan bulanan.

akan membayar yang berikut, tertakluk kepada peruntukan bayaran pendahuluan atau pengecualian sumbangan.⁶⁵

b) Rider manfaat Pendapatan Keluarga (FIB)

Rider ini hanya boleh disertakan dengan pelan asas sarjana sahaja. Manfaat rider ini akan dibayar sejumlah wang (daripada perlindungan yang dipohon) setiap tahun dengan kadar setara (sama rata), bila ibu atau bapa iaitu pemilik kepada pelan asas, iaitu Sarjana mengalami keilatan kekal dan menyeluruh atau meninggal dunia.⁶⁶

Skop perlindungan ialah ETB membayar pendapatan tahunan untuk keluarga sekiranya penyumbang atau pembayar meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal menyeluruh, jumlah perlindungan (tuntutan) akan dibayar secara setara (sama rata) bagi baki tempoh kontrak tersebut.⁶⁷

Tempoh penyertaan adalah secara tahunan dengan opsyen pembaharuan atas persetujuan kedua-dua pihak dan tidak boleh melebihi tempoh pelan asas atau hingga umur diri dilindungi mencapai umur 25 tahun atau pembayar mencapai umur 65 tahun (mana yang terdahulu). Had perlindungan adalah dua kali ganda manfaat asas atau maksimum RM 250,000. Pengendalian sumbangan adalah 100% ditabarru'kan ke dalam Akaun Khas Peserta. Had tamat kontrak mengikut pelan asas atau pembayar mencapai umur 65 tahun atau orang yang dilindungi mencapai umur 25 tahun (yang mana terdahulu).⁶⁸

⁶⁵ *Ibid.*, hal. Rider Bertempoh 1-3.

⁶⁶ Zurina bt Md Amin, Pengurus Agency, ETB, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.

⁶⁷ Lihat: Etiqa Takaful Berhad (2009), *SARJANA Family Takaful Contract*, *op. cit.*, hal. 44-45.

⁶⁸ *Ibid.*, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.

c) Rider Manfaat Hospital

Melalui rider ini, peserta akan mendapat manfaat harian sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan atau penyakit berdasarkan bilangan hari dimasukkan ke dalam wad dan bergantung kepada jumlah manfaat yang dipilih oleh peserta.⁶⁹

d) Rider Manfaat Kematian & Keilatan Akibat Kemalangan (MKAK) .

Melalui Rider ini, Peserta atau orang yang dilindungi bukan sahaja dibayar manfaat perlindungan daripada pelan asas, malahan akan mendapat manfaat tambahan berdasarkan jumlah manfaat yang dipilih melalui MKAK ini. Definisi Kecederaan bermaksud kecederaan tubuh disebabkan secara langsung oleh kemalangan.⁷⁰

e) Rider Penyakit Kritikal

Melalui rider ini, peserta atau orang yang dilindungi akan mendapat manfaat tambahan yang komprehensif setelah didiagnosis oleh doktor pakar, menghidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal yang disenaraikan.⁷¹ Takrif Diagnosis iaitu diagnosis definitif yang dibuat oleh pakar perubatan berdasarkan bukti khusus seumpamanya seperti yang diperlukan dalam takrif bagi setiap penyakit dilindungi seperti yang disenaraikan di bawah dengan disokong oleh bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang boleh diterima.⁷²

Takrif pakar perubatan iaitu pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya, mempunyai kelayakan dalam bidang perubatan barat tetapi tidak termasuk pengamal perubatan yang menjadi peserta atau orang yang dilindungi itu sendiri, suami atau isteri, saudara-mara, rakan kongsi perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu, atau pekerja

⁶⁹ Etiqa Takaful (t.t.) *The Ready To Use Sales Tools*, op. cit., hal. Rider Manfaat Hospital, 1.

⁷⁰ *Ibid.*, hal. MKAK 1-3.

⁷¹ *Ibid.*, hal. Rider Penyakit Kritikal, 1-2.

⁷² *Ibid.*, hal. Rider Penyakit Kritikal, 1-2.

dan atau majikan peserta atau orang yang dilindungi.⁷³ Pengecualian rider ini adalah seperti berikut :-

- i. Syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyakit kritikal wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan, atau tarikh ia dihidupkan semula atau dalam tempoh 180 hari.
- ii. Syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyakit kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang kejejasan fizikal dan kesihatan atau penyakit yang wujud sebelum tarikh pengeluaran kontrak Asas, kontrak tambahan atau tarikh ia dihidupkan semula .
- iii. Kontrak tambahan ini tidak melindungi sebarang penyakit selain daripada yang dinyatakan dan diterangkan di bawah, tidak juga melindungi sebarang penyakit kritikal, tanda-tandanya yang berlaku sebelum pengeluaran kontrak asas atau kontrak tambahan ini atau tarikh ia dihidupkan semula, atau dalam tempoh 180 hari selepasnya.
- iv. Peserta atau orang yang dilindungi mestilah menghidap penyakit kritikal untuk tempoh minimum 30 hari sebelum sebarang tuntutan bayaran dijelaskan. Sekiranya peserta atau orang yang dilindungi itu mati akibat penyakit kritikal dalam tempoh 30 hari daripada tarikh didiagnosiskan, tiada sebarang bayaran akan dilunaskan di bawah kontrak tambahan ini.
- v. Syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyakit kritikal itu disebabkan oleh mana-mana satu sebab yang dinyatakan dalam Peruntukan Am (Pengecualian)
- vi. Kehilangan peserta atau orang yang dilindungi sama ada di darat, laut atau udara, meskipun kehilangan itu sebelum tuntutan untuk kontrak tambahan dikemukakan kepada Syarikat.⁷⁴

⁷³ Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 53.

⁷⁴ *Ibid.*, hal. Rider Penyakit Kritikal, 1-2.

- vii. 36 Penyakit Kriktikal Yang Dilindungi⁷⁵ adalah seperti berikut:-
- a. Penyakit Arteri Koronari,
 - b. Penyakit Arteri Koronari yang serius,
 - c. Penggantian Injap jantung,
 - d. Pembedahan Aorta,
 - e. Kardiomiopati,
 - f. Ensefalitis,
 - g. Tumor Otak Benigna,
 - h. Meningitis Bakteria,
 - i. Penyakit Neuron Motor,
 - j. Penyakit Parkinson,
 - k. Penyakit Aizheimer,
 - l. Poliomieltis,
 - m. Sklerosis Berbilang,
 - n. Sindrom Apalik
 - o. Lumpuh,
 - p. Koma,
 - q. Hilang Keupayaan Diri,
 - r. Hilang Penglihatan,
 - s. Hilang Pendengaran,
 - t. Hilang Pertuturan,
 - u. Kanser,
 - v. Anemia Aplastik,
 - w. Trauma Kepala Utama,
 - x. Luka terbakar teruk,

⁷⁵ *Ibid.*, hal. Rider Penyakit Kritikal, 2-7.

- y. Pemindahan Organ Utama,
- z. Kegagalan Buah Pinggang,
- aa. Penyakit Hati Kronik,
- bb. Hepatitis Virus Fulminan,
- cc. Serangan jantung,
- dd. Angioplasti,
- ee. Hipertensi Pulmonari Arterial Primer,
- ff. Pembedahan Otak,
- gg. Strok,
- hh. Lumpuh Paraplegia,
- ii. Penyakit Pungan paru-paru Kronik, dan
- jj. Distrofi Otot.⁷⁶

f) Medic-Save Rider

Pelan yang baru ini memberikan skim perlindungan yang direka khas memberikan perlindungan perubatan yang menyeluruh. Medic-Save Rider boleh disertai bersama sijil keluarga individu ETB yang lain, iaitu Pelan Warisan, Prima, Ehsan, dan Mesra. Ia dilengkapi dengan tuntutan bayaran balik perbelanjaan perubatan kemasukan hospital, pembedahan dan rawatan.⁷⁷ Peserta akan menerima:

- i. Faedah menyeluruh kemasukan dan pembedahan untuk pesakit dalam
- ii. Faedah rawatan kecemasan untuk pesakit luar
- iii. Pilihan lanjutan perlindungan
- iv. Kad perubatan untuk kemudahan pendaftaran ke panel hospital.
- v. Faedah kadar sumbangan cemerlang yang berpatutan
- vi. Pembaharuan terjamin sehingga umur 75 tahun.

⁷⁶ Lihat; Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 38-43.

⁷⁷ Che Ahmad Munzir Che Othaman, Wakil Takaful, ETB, temubual di Kuala Lumpur, 6 hb Jun 2008, jam 8. 45 mlm.

- vii. Kadar manfaat tahunan antara RM30,000 hingga RM100,00 setahun
- viii. Kadar manfaat sepanjang hayat antara RM90,000 hingga RM300,000.
- ix. Kadar sumbangan tahunan oleh peserta meningkat sebaik sahaja memasuki kumpulan umur berikutnya.
- x. Di bawah Ko-Takaful Medic-Save Rider, peserta hanya membayar 10% setiap kemasukan hospital dan pembedahan. Baki 90 % akan dibayar terus kepada hospital setelah peserta pulang ke rumah. Had ini tertakluk kepada baki had tahunan dan had sepanjang hayat.
- xi. Di bawah Ko-Pembayaran Medic-Save Rider, bagi peserta mahu meningkatkan kelayakan Bilik dan Penginapan Wad yang lebih baik, peserta hanya membayar 20-28 % setiap kemasukan hospital dan pembedahan. Baki 72-80 % akan dibayar terus kepada hospital setelah peserta pulang ke rumah.⁷⁸

Apabila seseorang itu mahu mendaftar sebagai seorang peserta ETB ia mestilah mengisi borang yang mengandungi maklumat diri, kesihatan, pilihan produk rider-rider tambahan, memilih Pilihan Bukan Lucut Hak dan melantik penama. Kemudian membuat pengakuan dan pemberian kuasa, antaranya ialah peserta memberi persetujuan aliran Sumbangan ke dalam AP dan AKP.

2.4. OBJEKTIF PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI ETIQA TAKAFUL BERHAD (ETB)

Fungsi utama takaful ialah melindungi harta dan nyawa. Kepentingan takaful sebagai instrumen tabungan dan perlindungan harta boleh dilihat dalam produk-produk yang disertai oleh para peserta takaful.⁷⁹ Antara objektif produk-produk Takaful Keluarga:

⁷⁸ Etiqa Takaful (t.t.) *The Ready To Use Sales Tools*, op. cit., hal. Medic-Save Rider, 5.; Etiqa Takaful (t.t), *Medic-Save Rider*, Kuala Lumpur : Etiqa Takaful Berhad, hal 17-26.

⁷⁹ Asmak Abd Rahman et.al. (2008). *Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan*, dlm, Asmak Abd Rahman et.al. (2008). op.cit ., hal. 54.

2.4.1. Manfaat Akaun Peserta

Sumbangan asas akan dibahagikan kepada dua akaun iaitu kepada Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP). Apabila kontrak matang pada tarikh matang seperti yang tertera pada jadual sijil, pihak Syarikat ETB akan membayar kepada peserta jumlah terkumpul dalam Akaun Peserta (AP) dan bahagian lebihan jika ada daripada Akaun Khas Peserta.⁸⁰ ETB akan melabur sumbangan yang diterima selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi setiap bulan akan dikongsi antara peserta dan syarikat mengikut prinsip *al-Muḍārabah*.

2.4.2. Manfaat Takaful⁸¹

Manfaat Takaful ialah jumlah yang akan dibayar setelah peserta meninggal dunia atau Hilang Upaya Kekal Menyeluruh. Jika peserta meninggal dunia sebelum tarikh matang, pihak syarikat akan membayar manfaat seperti yang tertera pada jadual sijil, kepada penama peserta seperti jumlah penuh Manfaat Kematian dan jumlah penuh dalam Akaun Peserta sebelum tarikh kematian.⁸² Pembayaran tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Bahawa maklumat dan butir-butir peribadi yang peserta nyatakan dan isytihar dalam permohonan dan aqad peserta adalah benar dan betul;
- ii. Bahawa kematian peserta tidak disebabkan oleh atau timbul daripada perbuatan membunuh diri atau cubaan membunuh diri dan/atau sebab lain yang dilarang oleh undang-undang sivil dan jenayah dan/atau oleh Syariah; dan jika peserta meninggal dunia akibat perbuatan membunuh diri atau cubaan bunuh diri maka

⁸⁰ Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, *op. cit.*, hal. 40.

⁸¹ *Ibid.*, hal. 39-40.

⁸² Zurina bt Md Amin, *op. cit.*, temubual di Kuala Lumpur pada 17 hb Julai 2009, jam 11 pagi.

manfaat takaful tidak akan dibayar kerana perbuatan tersebut adalah bercanggah dengan Syariah Islam.⁸³

- iii. Bahawa peserta tidak memohon untuk menyerahkan kontrak sebelum tarikh kematian.
- iv. Memastikan bahawa Sumbangan Takaful dibayar pada atau sebelum tarikh kena bayar menurut mode pembayaran pilihan peserta. Tempoh Ihsan selama 30 hari dari Tarikh Pembayaran Sumbangan akan diberi kepada peserta yang gagal membayar sumbangan pada atau sebelum Tarikh Kena Bayar Sumbangan. Sekiranya Peserta meninggal dunia semasa tempoh ini, semua Sumbangan yang belum dibayar yang diperlukan untuk melengkapkan Sumbangan penuh akan ditolak daripada Manfaat Takaful.
- v. Jika Sumbangan tidak dibayar dalam Tempoh Ihsan dan terdapat baki yang cukup dalam Akaun Peserta, maka pihak ETB akan menggunakan opsyen yang dipilih oleh peserta pada masa permohonan atau kemudian dari itu sebelum kontrak luput atau sebarang tuntutan dibuat. Kontrak akan luput serta merta dan menjadi batal dan tidak sah (tanpa sebarang notis) sekiranya jumlah dalam Akaun Peserta tidak cukup untuk membayar jumlah yang setara dengan Sumbangan satu tahun terhadap Akaun Khas Peserta pada peratusan semasa Sumbangan ketika itu. Satu daripada opsyen Peruntukan Lucut Hak berikut hendaklah dipilih pada masa permohonan iaitu:
 - a. Opsyen pertama : Jika pada tarikh tamat Tempoh Ihsan, Sumbangan masih belum dibayar dan jika jumlah dalam Akaun peserta melebihi Sumbangan satu tahun terhadap Akaun Khas Peserta, maka satu jumlah yang setara dengan Sumbangan tertunggak akan serta merta didahulukan daripada Akaun Peserta dan Kontrak akan terus berkuatkuasa selagi baki

⁸³ Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 40.

dalam Akaun Peserta mencukupi untuk membayar pendahuluannya. Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tetap sama semasa tempoh perlindungan kecuali baki Akaun Peserta berkurangan pada jumlah dibayar dalam Akaun Khas Peserta.⁸⁴

- b. Opsyen Kedua: Kontrak akan terus berkuatkuasa di bawah Takaful Bertempoh Dilanjutkan untuk manfaat asas yang sama bagi tempoh perlindungan, bergantung pada jumlah Akaun Peserta dan umur peserta pada masa itu. Jika baki dalam Akaun Peserta mencukupi untuk meneruskan Takaful Bertempoh Dilanjutkan hingga ke tarikh matang, maka baki bersih dalam Akaun Peserta akan dibiarkan memperoleh keuntungan dan akan dibayar pada tarikh tamat tempoh, atau peserta meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh atau Kekal.⁸⁵
- c. Opsyen Ketiga: Kontrak akan terus berkuatkuasa di bawah Takaful Berbayar Terkurang dan manfaat akan ditentukan selaras dengan jumlah dalam Akaun Peserta dan umur peserta pada masa itu. Bahagian yang digunakan bagi Berbayar Terkurang (RPU), adalah separuh daripada AP dan masih tertakluk kepada Jumlah Perlindungan minima dan maksima. AP yang separuh lagi itu akan terus disimpan dalam AP sebagai prosid matang. Apabila matang, AP termasuklah untung yang diisytiharkan secara berkala dan AP yang tidak digunakan untuk tujuan RPU disebabkan berlebihan. Penggunaan mana-mana Opsyen 2 dan 3 ini akan menyebabkan Kontrak Tambahan atau Rider terbatal.⁸⁶

⁸⁴ Etiqa Takaful Berhad (2009), *SARJANA Family Takaful Contract*, Kuala Lumpur : Etiqa Takaful Berhad, hal. 28.

⁸⁵ *Ibid*, hal. 28.

⁸⁶ *Ibid*, hal. 28

v. Semua notis tuntutan, jika berlaku kematian ke atas Orang Dilindungi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, hendaklah diserahkan menggunakan borang yang disediakan, beserta semua dokumen berkaitan kematian dan kesihatan ke atas Hilang Upaya dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 90 hari dari Tarikh Kematian dan 180 hari dari tarikh berlakunya Hilang Upaya. Kegagalan untuk mengemukakan tuntutan dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan, jika dapat dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah pemberitahuan sedemikian dapat dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

vi. Jika Kontrak diserahkan dengan memberi notis bertulis, peserta akan menerima Manfaat Serahan Takaful, iaitu amaun terkumpul dalam Akaun Peserta beserta untung (sekiranya ada) dan peserta dianggap telah melepaskan baki (jika ada) dalam Akaun Khas Peserta dan perkara ini akan dilucut hak dan tiada apa-apa lagi pengaktifan semula bagi Kontrak ini.⁸⁷

2.4.3. Perlindungan Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (sehingga umur 65 tahun)⁸⁸

Sekiranya peserta pada bila-bila masa semasa kontrak ini dikuatkuasakan, mengalami Hilang Upaya Kekal Menyeluruh seperti yang dinyatakan di bawah, pihak syarikat akan membayar kepada peserta (tertakluk kepada peruntukan endorsemen ini), manfaat yang tertera pada jadual. Perlindungan Hilang Upaya Kekal Menyeluruh adalah seperti berikut ;-

- i. Keilatan disebabkan oleh kecederaan tubuh yang menghalang orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang urusaniaga atau pekerjaan atau menjalankan sebarang kerja untuk mendapatkan upah, pampasan atau untung,

⁸⁷ Lihat ; Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op.cit., hal. 27-29

⁸⁸ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, op.cit., hal. Mesra, 1.; Lihat: Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op.cit., hal. 45-47.

dengan syarat keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa sebarang gangguan untuk tempoh tidak kurang dari enam bulan

- ii. Hilang keseluruhan penglihatan pada kedua belah mata, atau hilang/putus kedua belah tangan pada/atas pergelangan tangan; atau hilang /putus kedua belah kaki pada/atas buku lali, atau hilang/putus satu tangan pada/atas pergelangan tangan dan hilang/putus satu kaki pada/atas buku lali, atau kehilangan penglihatan untuk sebelah mata yang tidak dapat dipulihkan dan hilang/putus keseluruhan lengan/kaki pada/atas pergelangan tangan atau buku lali.

2.4.4. Simpanan untuk Pelajaran

Melalui produk Sarjana khususnya bapa akan menyediakan tabungan pendidikan. Begitu juga melalui produk-produk lain iaitu pelan juvana. Pelan juvana ialah bapa atau ibu sebagai pembayar atau pemegang kontrak, dan anak sebagai diri yang dilindungi. Wang yang terdapat pada akaun simpanan serta keuntungan boleh digunakan untuk pendidikan.⁸⁹ Sama ada ketika matang atau sebelum matang. Jika sekiranya sebelum matang, pengeluaran boleh dilakukan sebanyak 80 % dari simpanan yang ada dalam Akaun Peserta (AP).

Jika sekiranya berlaku apa-apa musibah terhadap pembayar, kematian atau hilang upaya, pelan ini tidak perlu disambung sumbangannya atau bayarannya kerana akan dilunaskan oleh tabung manfaat pembayar. Apabila sampai tempoh matang bolehlah dikeluarkan wang simpanan. Manfaat ini dikecualikan pada pelan yang mengambil manfaat Card Medic Save.⁹⁰

⁸⁹ Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 39-40.

⁹⁰ Lihat ; Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, op.cit., hal. Sarjana 1-4.

2.4.5. Manfaat-manfaat Pilihan Lain

Manfaat-manfaat tambahan dan ianya merupakan pilihan adalah seperti Perlindungan Penyakit Kritikal (MPK), manfaat Kematian dan Keilatan Akibat Kemalangan (MKKAK), manfaat Indemniti Kemalangan, Pembiayaan Wad (MH), manfaat Pengecualian Pembayar, manfaat Bertempoh, manfaat Pendapatan Keluarga dan Rider Medic-save.⁹¹

2.5. KESIMPULAN

Jelas di sini, bahawa takaful merupakan satu daripada sistem mu'amalah Islam yang memberi banyak manfaat kepada peserta dan keluarganya menerusi produk-produk takaful keluarga individu yang ditawarkan. Kesemua produk yang ditawarkan oleh ETB seperti yang telah diperjelaskan, membawa keuntungan kepada semua pihak, sama ada pembayar atau peserta, atau keluarga peserta melalui manfaat-manfaat yang disediakan, sama ada untuk kemudahan semasa hidup mahupun sesudah meninggal dunia kepada ahli keluarga yang ditinggalkan. Kewujudan sistem takaful di Malaysia bukan sahaja hendak menggalakkan rakyat menyimpan untuk masa depan malah dalam masa yang sama peserta dijamin akan diberi perlindungan sekira berlaku sesuatu musibah yang tidak diingini pada dirinya. Inilah yang ditawarkan dalam kesemua produk takaful keluarga ETB khasnya dan pengendali takaful lain amnya yang terdapat di Malaysia.

⁹¹ Lihat; Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 45-80; Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, op. cit., hal. Sarjana, 1-4.

BAB TIGA :
ANALISA PEMAKAIAN *MAQASID AL-SHARI'AH* DI DALAM
PRODUK TAKAFUL KELUARGA

3.1. PENDAHULUAN

Perbahasan dalam bab ini akan lebih menjurus kepada analisa pemakaian *maqasid al-shari'ah* di dalam produk takaful keluarga ETB. Bab ini dibahagikan kepada 2 topik utama. Topik pertama membahaskan secara ringkas dan jelas tentang konsep *maqasid al-shari'ah*, kepentingannya untuk memahami Syariah Islam dan tahap-tahap keperluan yang ada dalam hukum syariah iaitu keperluan asasi atau kemestian (ضُرُورِيَّات), keperluan tambahan (حَاجِيَّات) dan kesempurnaan (تَحْسِينِيَّات). Topik kedua pula, akan membicarakan mengenai pemakaian *maqasid al-shari'ah* dalam kontrak takaful dan lebih berfokus kepada produk-produk takaful keluarga yang ditawarkan di ETB. Di sini penulis akan menganalisa manfaat simpanan di AP, manfaat kematian AKP, manfaat simpanan pelajaran dan manfaat kesihatan yang memperlihatkan hubung kaitnya dengan pemakaian *maqasid al-shari'ah* dalam menjaga keperluan yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta.

3.2. KONSEP *MAQĀSID AL-SHARĪ'AH*

Menurut al-Raysūni, para Ulama *Uṣūl al-Fiqh* terdahulu membincangkan *maqasid al-shari'ah*¹ namun tidak memberi sebarang definisi yang jelas terhadapnya. Manakala ulama yang terkemudian yang paling awal memberi pengertian tentang *maqasid al-*

¹ Menurut Ahmad al-Raysuni *maqāṣid al-sharī'ah*, *maqāṣid al-shārī'* dan *maqāṣid al-shar'īyyah* mempunyai makna yang sama. [Ahmad al-Raysuni (1991/1411), *Nazariyyat al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Shātibī*, Maghribi: al-Najah al-Jadidah, hal. 13]

shari'ah ialah Ibn 'Āshūr dan 'Alāl Al-Fāsi.² Ibn 'Āshūr mentakrifkan *maqasid al-shari'ah* ialah sebagai makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatan. Ia merangkumi sifat-sifat Syariah, objektifnya yang am, dan makna-makna yang tidak sunyi Syariah itu daripada perhatiannya, juga pengertian hukum yang bukan sahaja diperhatikan dari keseluruhan jenis hukum bahkan diperhatikan dalam jenis yang lebih banyak".³

'Alāl al-Fāsi pula mentakrifkan *maqasid al-shari'ah* sebagai matlamat daripada pensyariatan atau rahsia-rahsia pensyariatan yang diletakkan oleh Allah SWT dalam setiap hukum-hukumnya.⁴ Maksudnya objektif umum itu adalah matlamat syariah dan objektif khusus ialah rahsia di sebalik hukum yang disyariatkan. Manakala Ahmad al-Raysūni berpendapat *maqasid al-shari'ah* ialah matlamat yang mahu dicapai oleh syariah Islam dalam pensyariatan iaitu untuk mencapai kebaikan dan menolak keburukan kepada umat Islam.⁵ Yūsuf al-Badawi pula mentakrifkannya sebagai hikmah yang dikehendaki oleh Allah di sebalik perintah dan larangan-Nya untuk merealisasikan pengabdian hamba dan memperbaikinya dalam urusan hidup dunia dan akhirat.⁶ Merujuk kepada definisi yang dinyatakan di atas dapat difahami bahawa *maqasid al-shari'ah* merupakan matlamat yang hendak dicapai di sebalik pensyariatan sesuatu hukum Syarak terhadap manusia sama ada umum ataupun khusus. Matlamat tersebut ialah mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Manakala cara ataupun wasilah untuk mencapai kemaslahatan tersebut ialah mengambil kira kepentingan lima perkara asas sebagaimana dinyatakan oleh al-Ghazzālī.⁷

² *Ibid*, hal. 5.

³ *Ibid*., hal. 6., lihat Muhammad al-Tāhir Ibn 'Āshūr (2001), *Maqāsid al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Tahqiq (edit) Muhammad al-Tāhir al-Misāwi, cet. 2, Jordan: Dār al-Nafā'is, hal. 59.

⁴ 'Alāl al-Fāsi, (1991), *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Makarimuha*, cet 4, Maghribi: al-Najah al-Jadidah Dar al-Baida', hal. 3.

⁵ Ahmad al-Raysuni (1991), *op. cit.*, hal. 233.

⁶ Yusuf al-Badawi (2000), *Maqasid al-Shari'ah 'inda Ibn Taimiyyah*, Jordan: Dar al-Nafa'is, hal. 54.

⁷ Ridzwan bin Ahmad (2004), *Standard Maslahah dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hal 257

Dalam mencapai *maqasid al-shari'ah* ini operasi terhadap pencapaian *maṣlaḥah* dan penolakan *mafsadah* berlaku seiring dan sejalan. Hal ini menggambarkan bahawa jika konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* diterjemahkan secara bersepadu maka ia merujuk kepada *maqasid al-shari'ah*. Oleh itu terangkum di dalam *maqasid al-shari'ah* ini kedua-dua konsep iaitu *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, dari sudut positif dan negatif. Situasi ini menunjukkan bahawa *maqasid al-shari'ah* itu dicapai dengan pelbagai konsep. Ini kerana konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* itu mempunyai perkaitan yang rapat dengan konsep lain yang seerti dengannya serta mempunyai perkaitan pembawakan konsep yang hampir sama. Di antaranya ialah konsep *ḍarūrah* yang lebih diaplikasikan dalam *al-ḍarūriyyāt al-khams*. Seterusnya konsep *raf' al-ḥaraj*, *al-taysīr* dan *al-'adālah*. Walau bagaimanapun pencapaian *maṣlaḥah* dan penolakan *mafsadah* dianggap matlamat yang paling utama yang hendak dicapai dalam *maqasid al-shari'ah*.⁸

3.2.1. Kepentingan Ilmu *Maqasid al-Shari'ah*

Maqasid al-shari'ah merupakan roh bagi sesuatu amalan,⁹ jika sekiranya manusia tidak mempunyai objektif, atau amalan mereka tanpa roh, maka satu keajaiban telah berlaku terhadapnya.¹⁰ Ilmu Fiqh tanpa *maqasid al-shari'ah* adalah fiqh tanpa roh, pengamal fiqh tanpa *maqasid al-shari'ah* adalah pengamal fiqh tanpa roh. Hukum-hukum yang tidak diketahui tujuan dan rahsianya akan bertukar menjadi undang-undang statik dan tidak mampu memenuhi kehendak semasa.¹¹ Perasaan malas, bosan dan terpaksa, mudah dirasai jika tidak diketahui kepentingan sesuatu amalan.¹² Berpandukan *maqasid al-shari'ah* seseorang Muslim dapat memahami syari'ah dengan tepat, mengetahui yang

⁸ *Ibid.*, hal 257,

⁹ Abū Ishāq al-Shātibī (1991), *Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, jil. 2, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 344.

¹⁰ Yusuf al-Qaradawī (t.t.), *Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*, al-Jaza'ir : (t.p.), hal. 59.

¹¹ Lihat: Jamaluddin 'Atiyyah (2001), *Nahwa Taf'il Maqasid al-Shari'ah*, Damsyik: Dar al-Fikr, hal.183-184.

¹² *Ibid.*, hal .178-179.

manakah yang perlu didahulukan, manakah yang boleh diakhirkan, manakah prinsip dan manakah cara serta wasilah.¹³

Kefahaman tentang tujuan syari'ah dapat membantu seorang mujtahid untuk memahami nas-nas syarak dan mengaplikasikan ke atas masalah-masalah yang baru timbul atau berdalil dengannya ke atas hukum-hukum masalah-masalah tersebut.¹⁴ Untuk tujuan mengabungkan di antara dalil-dalil yang bertentangan di antara satu sama lain, dan mengetahui dalil yang lebih utama diterima pakai, atau ditinggalkan berhubung dengan masalah-masalah yang didapati beberapa dalil yang bertentangan dengannya maka setiap mujtahid mesti mengetahui rahsia-rahsia dan matlamat pensyariatan sesuatu syariat.¹⁵

3.2.2. Tahap-tahap Kepentingan *Maqasid al-Shari'ah*

Hukum *al-taklifi* adalah disyariatkan dengan tujuan untuk menjaga *maqasid al-shari'ah*, iaitu tujuan pensyariatannya. *Maqasid al-shari'ah* dari sudut¹⁶ kekuatan pemakaian, kepentingan dan keutamaannya¹⁷ terbahagi kepada tiga bahagian iaitu keperluan asasi dan kemestian (ضروريات), keperluan tambahan (حاجيات) dan kesempurnaan (تحسينيات).

Keterangan setiap bahagian adalah seperti berikut; -

a) *Maqāsid Darūriyyāt*

Maqāsid darūriyyāt ialah sesuatu yang mesti dalam tertegaknya kemaslahatan agama dan dunia, apabila ia tidak wujud maka berlakulah kepincangan hidup manusia dan kehilangan nikmat yang abadi di dunia dan mengalami keseksaan serta penyesalan di

¹³ Lihat: Rosli Mokhtar (2007), *Maqasid al-Shari'ah, Hikmah di Sebalik Pensyariatan*, Selangor: Karya Bestari hal. 36 -37.

¹⁴ Lihat: Yusuf Hamid al-'Alim (1993), *op.cit.*, hal. 106-107

¹⁵ Badran Abu al-'Aynayn Badran (1969), *Usul al-Fiqh*, Mesir: Dar al-Ma'arif, hal. 449.

¹⁶ Ada beberapa sudut pembahagian *maqasid al-shari'ah*, tetapi disini dibincangkan hanya sudut yang berkaitan dengan kepentingan tajuk.

¹⁷ Lihat Ridzwan bin Ahmad (2004), *op. cit.*, hal. 27

akhirat.¹⁸ *Maqāsid ḍarūriyyāt* ialah kehidupan agama dan keduniaan manusia bergantung kepadanya, jika sekiranya ia tidak ada berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi serta mengalami kesiksaan di akhirat nanti.¹⁹ Perkara ini amat diperlukan untuk melaksanakan peraturan alam dan tanpanya hal keadaan manusia tidak akan dapat berjalan lurus.²⁰

Apabila ianya luput maka terhapuslah *maslahah* di dunia, bahkan berlaku fasad, gangguan serta kecelaruan dalam kehidupan, begitu juga kejayaan tidak tercapai dan kenikmatan serta kerugian yang nyata.²¹ Secara umumnya ia boleh didefinisikan sebagai kepentingan yang menyentuh survival atau hidup mati kemanusiaan. Kesan penafian akan membawa kepada kepincangan masyarakat, atau rosaknya umat secara mendadak, atau negara mudah dikuasai musuh atau runtuhnya ketamadunan insani bagi sesuatu bangsa.²² Kebanyakan para Ulama *Uṣūl* antaranya Abu Hamid al-Ghazali²³ menyandarkan Lima Perkara Utama (*al-daruriyyat al-khams*) dalam penjagaan *ḍarūrah* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perbincangan ini akan dibincang selepas *taḥsīniyyah*.

b) *Maqāsid Ḥājiyyāh*

Maqāsid ḥājiyyāh yang diperlukan oleh manusia untuk memberi kemudahan kepada mereka, menghapuskan kesulitan atau kesukaran daripada mereka.²⁴ Jika *hajiyyat* ini

¹⁸ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil. 2, hal. 7. Lihat ibn ‘Āshūr (2001), hal. 210.

¹⁹ Lihat: Ibn ‘Āsyur (2001), *op. cit.*, hal. 300., Hassan Ahmad (2001), “*Maqasid Syari’ah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*”, dlm. Abdul Karim Ali & Raihanah Hj Azhari (2001), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, cet 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 63; Lihat: Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil. 2, hal. 7; Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *al-Maqasid al-‘Ammah li-Syari’at al-Islami*, cet. 2, Riyadh: Dar al-‘Alamiyyah lil Kitab al-Islami, hal. 161.

²⁰ Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *op. cit.*, hal. 161. Lihat Abd al-Karīm Zaidān (1987), *al-Wajīz fī ‘Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hal 379.

²¹ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil.2 hal. 7.

²² Lihat ; Ridzwan bin Ahmad (2004), *op. cit.*, hal. 29.

²³ Lihat; Abu Hamid al-Ghazali (t.t.), *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*, (t.t.p.) : Dar al-Fikr, jil. 1, hal. 286.

²⁴ Imam Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Qaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabi, hal. 348

tidak di ambil kira akan menimpa manusia secara umum *maqāsid ḥājiyyāt* ialah *masalah* yang diperlukan oleh manusia bagi kemudahan kepada mereka dan menghapuskan kesulitan atau kesukaran daripada mereka.²⁵ Ianya adalah diadakan dengan tujuan memudahkan hidup supaya tidak begitu susah dan sempit. Bagaimanapun ketiadaannya tidaklah sampai menyusahkan langsung hidup berkenaan.²⁶ Contohnya seperti muamalat, adanya *rukṣah* dalam ibadat, dan sebagainya.

Antara matlamat *hajiyyat* ialah menghapuskan kesukaran dalam hidup, melindungi keperluan asas, membantu mencapai objektif *daruriyyat*, dan menjamin pencapaian keperluan yang lain.²⁷ Malah pengabaian *hajiyyah* secara berterusan akhirnya membawa kepada terhapusnya *darūriyyah*.²⁸ Oleh sebab itulah kefakiran itu hampir-hampir membawa kepada kekufuran sebagaimana hadis Nabi s.a.w. iaitu “Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran” walaupun kesenangan itu hanya bersifat *hajiyyah*.²⁹

c) *Maqāsid Tahsiniyyah*

Maqāsid tahsiniyyah ialah *masalah* yang diperlukan oleh manusia untuk menambah kemudahan dan kesenangan dalam hidup mereka.³⁰ *Maslahah* yang dituntut oleh maruah yang menghendaki berpegang dengan adat-adat dan budi pekerti yang mulia.³¹ *Maslahah* ini bukan kepentingan asas dan bukan keperluan, tetapi sekadar tambahan bagi mendapat dan menyempurnakan lagi hal berkenaan.³² Antara kepentingan *tahsiniyyat* ialah membantu dalam usaha mencapai *hajiyyat* dan *daruriyyat*, kekurangan

²⁵ Hassan Ahmad (2001) *op. cit.*, hal. 65.

²⁶ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil. 2, hal. 9.

²⁷ Lihat: Ahmad al-Raysuni (1997), *op. cit.*, hal. 63.

²⁸ Ridzwan bin Ahmad (2004), *op. cit.*, hal 36.

²⁹ *Ibid.*, hal 36-37

³⁰ Abū Hamid al-Ghazali (1981), *Shifā' al-Ghalil fi Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masaliki al-Ta'lil*, Ḥamad al-Kubaysī tahqiq (edit), Baghdad: Matba'ū al-Irshad, hal 169

³¹ Hassan Ahmad (2001) *op. cit.*, hal. 65.

³² Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil. 2, hal. 10.

padanya mungkin boleh menjejaskan prestasi pencapaian *hajiyyat*. Ia bersifat pelengkap kepada pencapaian *hajiyyat* dan *daruriyyat*, dan memberi imej yang baik kepada umat Islam. Contohnya dalam hal seperti keluhuran budi, kebaikan akhlak dan keharmonian hidup.³³

3.2.3. Perincian *al-Darūriyyat al-Khams* (Kepentingan Yang Lima)

Penjagaan kelima-lima kepentingan telah menjadi kesepakatan di kalangan ulama, walaupun ada perbezaan dari segi bilangan dan item yang di jaga.³⁴ Al-Ghazālī menyebut “kita maksudkan dengan *maslahah-maslahah* ialah penjagaan ke atas maksud syarak ke atas manusia ada lima; iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka”.³⁵ Terdapat di sana dalil-dalil secara terperinci dari al-Quran dan al-Sunnah antaranya; Firman Allah Taala :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَى أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِهْتَانٍ يَفْتَرِيْنَهُ بَيْنَ أَيْدِيْهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيْنَكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَاسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (١٢)
al-Mumtahanah (60): 12

“Wahai Nabi! apabila orang-orang perempuan-perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya, dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah mengampuni dosa mereka; Sesungguhnya Allah maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

³³ Lihat: ‘Abd Allah al-Kamali (2000), *Maqasid al-Shari‘ah fi Daw’ fiqh al-Muwazanat*, Beirut: Dar Ibn Hazim, hal.117.

³⁴ Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *op.cit.*, hal. 161.

³⁵ Abu Hamid al-Ghazali(t.t.), *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*, *op. cit.*, jil. 1, hal. 286.; Lihat Ridzwan bin Ahmad (2004), *op. cit.*, hal 29, beliau menyebut “kemungkinan al-Ghazzālī, ulama Uṣūl yang mempopularkan keutamaan lima perkara asas ini, manakala para ulama yang muncul kemudiannya menukilkann dan menerimanya secara baik sehingga doktrin tersebut terkenal sehingga kini.

Allah berfirman lagi dalam surah yang lain:

قُلْ تَعَالَوْا أَنَا ذُنُوبٌ قَاتِلٌ وَأَنَا لَكَ مِنَ الْوَالِدِينَ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا
أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَلَا
تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكَُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٥١) وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ
الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّى يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُوا نَفْسًا
إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكَُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ
تَتَذَكَّرُونَ (152) وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ
ذَلِكَُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (153)

al-An'am (6): 151-153

151. "Katakanlah: "Marilah supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu iaitu: janganlah kamu sekutukan Allah dengan sesuatu pun, dan (hendaklah) kamu berbuat baik terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu karena kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang akan memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.³⁶

152. "Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim, melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa serta layak mengurus hartanya dengan sendiri; dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil". Kami tidak memberatkan sesorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya. "dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan), maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhinya)".

153. Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan Ku (agama Islam) yang betul dan lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."

Begitu juga Rasulullah bersabda, hadis dari Sa'id bin Zaid menunjukkan penjagaan lima keperluan asas ini.

³⁶ Maksudnya yang dibenarkan oleh syarak seperti qisas membunuh orang murtad, rejam dan sebagainya

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ
شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ³⁷

Riwayat al-Nasā'i

“sesiapa berjuang kerana hartanya, (jika ia mati) maka ia mati syahid, sesiapa berjuang kerana keluarganya, (jika ia mati) maka ia mati syahid, sesiapa yang berjuang kerana agamanya, (jika ia mati) maka ia mati syahid, sesiapa berjuang kerana darahnya (jiwanya), (jika ia mati) maka ia mati syahid”

Dijelaskan dalam kitab Sharh al-Sundi³⁸ bagi Sunan al-Nasa'i mengenai sesiapa berjuang kerana agama iaitu sesiapa yang diuji pada agamanya dengan melakukan syirik atau ia akan dibunuh, maka ia terima dibunuh atau ia melawan sehingga ia terbunuh, maka ia mati syahid. Diharuskan ia menzahirkan untuk akur kepada kekufuran tetapi tetap beriman dalam hati. Tetapi yang lebih baik ia sabar atas pembunuhan. Penjagaan agama dapat dilihat pada larangan menyekutukan Allah dan larangan mempersekutukan sesuatu dengan Allah. Larangan mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak mahupun yang tersembunyi. Perintah berlaku adil, suruhan menunaikan janji Allah, larangan berdusta yang diada-adakan antara tangan dan kaki.

Penjagaan jiwa dapat dilihat pada ayat di atas ialah larangan membunuh anak-anak, larangan membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar. Penjagaan akal dapat di jaga melalui penjagaan jiwa kerana kalau jiwa telah tiada maka tiadalah akalnya. Pada ayat lain ada tegahan minum arak yang memabukkan membuktikan adanya penjagaan akal.

Objektif menjaga keturunan dilihat melalui perintah Allah dilarang berzina, perintah berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, tegahan membunuh anak-anak

³⁷ Al-Hāfiẓ 'Abū 'Abd Al-Raḥmān Aḥmad ibn Shu'aib ibn 'Alī al-Khurasānī al-Nasā'ī (2002), *Sunan al-Nasa'i, Bab tahrim al-Dam*, no. hadis 4101, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal 667.

³⁸ <http://hadith.al-islam.com>., capaian pada 30 Mei 2009.

alasan takut kemiskinan, kerana Allah akan memberi rezeki kepada ibu bapa dan anak-anak. Penjagaan harta dapat dilihat melalui larangan mencuri, tegahan mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat, suruhan menyempurnakan takaran dan timbangan dengan adil. Manakala dari hadis Rasulullah s.a.w dapat dilihat suruhan berjuang kerana harta, berjuang kerana keluarga, berjuang kerana agama dan berjuang kerana darah (jiwa). Sekiranya seseorang itu mati, maka ia mati syahid. *Daruriyyat* yang terangkum di dalamnya agama, nyawa, akal, keturunan dan harta,³⁹ dipelihara dari dua aspek iaitu pembinaan dan pemeliharaan. Hal ini dinyatakan oleh al-Imam al-Shatibi, Penjagaan ke atas *daruriyyat* melalui dua cara seperti berikut:

i. Secara positif: من جانب الوجود

menjaga *daruriyyat* dengan apa yang menegakkan rukun-rukun *daruriyyat* dan meneguhkan asas-asas *daruriyyat*, Dan yang demikian itu merupakan penjagaan *daruriyyat* dari aspek mewujudkannya, iaitu dengan menentukan hukum yang boleh menjaga dan menyubur kewujudannya. Contohnya bagi keperluan menjaga agama diwujudkan aqidah, ibadah, ijtihad dan kefarduan berdakwah supaya agama terus berkembang. Begitulah hukum-hukum adat dan muamalat diwujudkan bagi mengawal keperluan hidup biasa.

ii. Secara negatif من جانب العدم

menjaga *daruriyyat* dengan apa yang menolak daripadanya kepincangan yang berlaku atau yang dijangka akan berlaku, dan yang demikian itu merupakan menjaga *daruriyyat* dari aspek mentiadakan kepincangan yang berlaku atau yang dijangka akan terjadi. Menghalang berlaku apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan itu. Contohnya diwajibkan hukum bunuh

³⁹ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil 2, hal 8.

ke atas orang murtad bagi menjaga kepentingan agama, sementara hukum-hukum adat dan muamalat bagi menjaga kepentingan yang lain.⁴⁰

Kebanyakan para ulama *Uṣūl* antaranya al-Ghazālī⁴¹ dan al-Aāmidī⁴² menyandarkan lima perkara utama, iaitu *al-darūriyyāt al-khams* kepada penjagaan lima perkara iaitu:⁴³

a) Menjaga Agama

Menjaga agama iaitu Agama Islam dengan cara menegakkan syiar-syiar dan kewajipan-kewajipan yang ditentukan ke atas manusia, menyebarkan ajaran dan adab-adabnya, menghapuskan apa yang menjejaskan Agama Islam, melenyapkan dan merintanginya sama ada ia terbit dari pihak kufur, *mulhid* dan sesiapa sahaja.⁴⁴ Agama merupakan perundangan hidup manusia dan dengan beragama Islam kehidupan yang sejahtera akan mewarnai individu, masyarakat dan umat dan penganut-penganutnya dengan timbangan akhlak dan keadilan. Seandainya manusia meninggalkan pensyariatkan menjaga dan memelihara aqidah, mengatur urusan hidup berdasarkan agama, nescaya akan berlaku huru-hara dan porak peranda dalam kehidupan.⁴⁵ Oleh itu, Allah s.w.t mensyariatkan segala prinsip aqidah yang berkonsepkan tauhid, asas-asas pelaksanaan ibadah seperti solat, puasa, haji dan zakat serta asas-asas muamalah seperti hukum jual beli, gadaian dan lain-lain⁴⁶.

⁴⁰ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op.cit.*, jil. 2, hal. 7-8.

⁴¹ Abū Hamid al-Ghazali (t.t.), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Uṣūl*, jil. 1, (t.t.p.) Dar al-Fikr, hal 287.

⁴² Saifu al-Dīn al-'Āmidī (1983) *Al-'Ehkām fī Uṣūl al-'Aḥkām*, jil 3, Beirut : Dar-al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal 394.

⁴³ Ridzwan bin Ahmad (2004), *op. cit.*, hal 29-30. Rosli Mokhtar (2007), *op.cit.*, hal. 98-99.

⁴⁴ Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2006/1427), *al-'Internet Wa Maqāsid al-Shari'ah Wa 'Uṣūluha Wa Qawā'iduha*, al-Riyād : Maktabah al-Rusd, hal 99.

⁴⁵ Yusuf Hamid al-'Alim (1994), *op. cit.*, hal. 162.

⁴⁶ Abu Ishaq al-Shatibi (1991), *op. cit.*, jil. 1, hal. 7.

Manakala contoh peneguhan agama ialah perintah berdakwah kepada aqidah itu, menfardukan jihad untuk menjaganya dan mengenakan hukuman terhadap orang yang murtad.⁴⁷ Juga diharamkan semua anasir-anasir maksiat dan dikenakan hukuman terhadap pelakunya seperti hukum *hudūd* dan *ta'zir*.⁴⁸ Menjaga agama juga bermaksud memelihara kedudukan agama sebaik-baiknya iaitu membebaskan fikiran manusia daripada belenggu taklid dan khurafat.

b) Menjaga Nyawa

Menjaga Nyawa ialah menghormati, menjaga nyawa dan jiwa dari setiap apa yang membawa kepada kemusnahan, kelemahan dan kecacatan.⁴⁹ Penjagaan terhadap nyawa ialah mengekalkan kehidupan yang dikurniakan Allah ke atas manusia sehingga mampu mengimarahkan bumi ini sebagai khalifah Allah yang dimuliakan-Nya.⁵⁰ Terdapat banyak ayat al-Quran yang membicarakan akan kepentingan menjaga nyawa.⁵¹

Antaranya firman Allah Ta'ala Surah al-An'am 151 seperti di atas tadi. Allah memerintah supaya berbuat baik kepada ibu bapa, Allah melarang menyekutukan Allah dengan sesuatu pun, larangan membunuh anak disebabkan kepapaan kerana Allah yang memberi rezeki kepada ibu bapa dan anak-anak, larangan menghampiri kejahatan-kejahatan zina sama ada yang terang dan tersembunyi, larangan membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan jalan hak yang dibenarkan oleh syarak.

Demi menjaga dan memelihara nyawa, Allah SWT telah mensyariatkan perkahwinan yang dengannya akan berkekalan generasi manusia dengan jalan yang sah

⁴⁷ Rosli Mokhtar (2007), *op. cit.*, hal. 99.

⁴⁸ 'Abd Allah al-Kamali (2000), *op.cit.*, hal. 137.

⁴⁹ Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2006/1427), *op. cit.*, hal 111.

⁵⁰ Yusuf Hamid al-'Alim (1994), *op. cit.*, hal. 162.

⁵¹ *Ibid.*, hal. 162.

juga hal-hal yang berkaitan dengannya seperti talak, penyusuan, nafkah dan penjagaan anak.⁵² Manakala untuk menjaga nyawa ini Allah mewajibkan pengambilan makanan dan minuman, penyediaan pakaian yang boleh menahan kesejukan, mengambil tindakan ke atas orang yang sengaja mencederakan diri. Dilarang membunuh anak atas apa jua alasan dan dilarang berzina. Turut dikenakan hukuman *qisās*, *diyyah* dan *kafārāt*. Maka dengannya akan terpelihara jiwa dan hak untuk hidup.⁵³ Islam turut melarang seseorang menjerumuskan diri ke arah kebinasaan seperti menagih dadah dan menghisap rokok.⁵⁴

c) Menjaga Akal

Menjaga akal ialah memelihara peranan dan tugasnya dalam proses mendapat kefahaman dalam memahami, mengetahui, memikirkan, menilai, membanding dan membuat keputusan, begitu juga memelihara akal daripada hilang fungsinya, sesat dan menyeleweng.⁵⁵ Akal merupakan ciptaan Allah yang membezakan manusia dari binatang dan dengan adanya akal maka akan berjalan semua urusan dan perkara di atas *manhāj* yang ditetapkan oleh Allah.⁵⁶ Oleh itu, untuk mewujudkan akal yang sihat, Islam mengharuskan setiap perkara yang menjamin keselamatan dan menyuburkannya dengan menimba ilmu pengetahuan. Demi untuk menjaga akal, Islam mengharamkan setiap perkara yang merosakkan akal dan melemahkan kekuatannya seperti minum minuman yang memabukkan atau mengambil sesuatu yang boleh mengkhayalkan seperti arak dan dadah.⁵⁷ Sekiranya pada arak itu kebaikan untuk badan, nescaya padanya juga terdapat kemudaratan yang membawa kerosakan akal. Apabila kedua-dua

⁵² ‘Abd Allah al- Kamali (2000), *op.cit.*, hal. 138.

⁵³ Wahbah al-Zuhayli (1986), *Usul al- Fiqh*, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 21.

⁵⁴ Rosli Mokhtar (2007), *op.cit.*, hal. 100.

⁵⁵ Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2006/1427), *op. cit.*, hal. 117.

⁵⁶ Yusuf Hamid al ‘Alim (1994), *op.cit.*, hal. 162.

⁵⁷ Hassan Ahmad (2001), “*Maqasid Syari’ah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*”, dlm Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (2001), *op. cit.*, hal. 64.

perkara ini bertembung, maka menanglah larangan ke atasnya bagi kita daripada kebaikan sepertimana yang dijelaskan dalam surah *al-Mā'idah*”⁵⁸

Justeru itu, sebarang perkara yang boleh menyebabkan kemusnahan akal hendaklah dijaui. Akal yang rosak menyebabkan hidup tidak ada makna dan bahagia lagi.⁵⁹ Imam al-Ghazali menegaskan tentang kepentingan menjaga akal ini dari perkara yang haram seperti arak, kerana arak menghilangkan akal. Pengekalan akal adalah tujuan Syarak. Akal alat untuk memahami Syarak, pembawa amanah dan tempat bermulanya percakapan dan pentaklifen sesuatu hukum.⁶⁰

d) Menjaga Keturunan

Menjaga keturunan ialah memelihara pertalian seseorang anak dengan ayahnya dan pertalian seseorang dengan keturunannya dengan cara proses perkahwinan dan beranak-pinak yang disyariatkan.⁶¹ Penjagaan keturunan kalau diabaikan oleh manusia akan kepentingannya, maka akan terjadilah kehidupan manusia seperti binatang yang tidak tahu keturunan, berlaku percampuran nasab, timbullah penceraian yang akhirnya akan berbunuh-bunuhan sesama manusia dan inilah yang dinamakan sebagai *fasad*.⁶² Justeru itu, untuk mewujudkan keturunan, Islam telah mensyariatkan perkahwinan. Demi untuk menjaga institusi perkahwinan ini Islam mengharamkan zina⁶³ serta semua perkara yang membawa kepada perbuatan zina.⁶⁴ Hukuman ke atas penzina diadakan agar tidak berlakunya percampuran nasab dan dapat memelihara kemuliaan dan kehormatan

⁵⁸ Lihat: Abu Bakar Ibn al-‘Arabi (1988), *Ahkam al-Quran Tahqiq Ali Muhammad al-Bajawi*, Lubnan: Dar-al-Jayl, jil 2, hal 655-660

⁵⁹ Basri Abd Ghani & Sayuti Abd Ghani (2009), *op.cit.*, hal. 21.

⁶⁰ Abu Hamid Al-Ghazali (1981), *op. cit.*, 103.

⁶¹ Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2006/1427), *op. cit.*, hal. 131.

⁶² Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *op.cit.* hal. 163

⁶³ Hassan Ahmad (2001), “*Maqasid Syari‘ah dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*”, dlm. Abdul Karim Ali & Raihanah Hj Azahari (2001), *op.cit.*, hal. 64.

⁶⁴ Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *op.cit.*, hal. 163.

manusia.⁶⁵ Ulama telah berbeza pendapat mengenai hukum perkahwinan, adakah wajib, sunat atau harus kepada 3 pendapat dan perbezaan. Hukum itu adalah disebabkan perbezaan keadaan seseorang itu dari takut berlaku fitnah dan kekuatan kesabarannya. Jika dia takut dengan tidak berkahwin akan hancur pegangan agamanya maka ketika itu dia wajib berkahwin, tetapi sekiranya tidak takut boleh menghancurkan agamanya maka hukum perkahwinan itu harus atau sunat. Bagi Imam Shafi'i perkahwinan itu harus. Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berpendapat hukum perkahwinan ialah sunat.⁶⁶ Sebarang amalan yang boleh menjatuhkan maruah manusia sama ada dirinya sendiri atau maruah orang lain amat dilarang dalam Islam.⁶⁷

e) Menjaga Harta

Menjaga Harta ialah usaha-usaha membangunkan, memperkembang dan memperbanyak harta dengan kaedah yang disyariatkan dan diharuskan, begitu juga memelihara dari hilang, musnah, kurang, merosot, dan kerugian.⁶⁸ Harta merupakan rakan kehidupan dan rahsia pembangunan serta elemen penting bagi pemodenan suatu ummah dan bangsa. Maka Allah mensyariatkan jalan-jalan dan tatacara untuk mencarinya, menggunakannya dan menyuburkannya.⁶⁹ Islam juga telah mensyariatkan muamalat di antara manusia seperti jual beli, sewa menyewa, hibah, syarikat dan lain-lain.⁷⁰ Bagi memelihara harta, Islam mengharamkan perbuatan mencuri, merasuah, menipu, khianat, riba, dan memakan harta orang lain secara tidak sah. Dalam masa yang sama mewajibkan ganti rugi ke atas harta-harta yang dimusnahkan.⁷¹

⁶⁵ Rosli Mokhtar (2007), *op.cit.*, hal. 100.

⁶⁶ Abu Bakar Ibn al-'Arabi (1988) *op.cit.*, jil. 3, hal. 1376-1377.

⁶⁷ Basri Abd Ghani & Sayuti Abd Ghani (2009) *op. cit.*, hal. 22.

⁶⁸ Lihat; Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādīmī (2006/1427), *op. cit.*, hal. 147.

⁶⁹ Yusuf Hamid al-'Alim (1993), *op.cit.*, hal. 163.

⁷⁰ Muhammad Abu Zahrah (1986), *Usul al-Fiqh*, (t.t.p.) : Dar al-Fikr al-'Arabi, hal. 368-369.

⁷¹ Lihat: Hassan Hj Ahmad (2001), "Maqasid Syari'ah dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum", dlm. Abdul Karim Ali & Raihanah Hj Azahari (2001), *op.cit.*, hal. 64.

3.3. PEMAKAIAN *MAQĀSID AL-SHARĪ'AH* DALAM PRODUK-PRODUK YANG DITAWARKAN

Setelah kita memahami secara ringkas berkenaan dengan *maqasid al-shari'ah* dan *daruriyyat al-khams* atau lima objektif syariah, perbincangan seterusnya akan berfokus pada isu pemakaian *maqasid al-shari'ah* dan *al-daruriyyat al-khams* dalam produk-produk yang ditawarkan di ETB. Analisa akan dijuruskan kepada manfaat simpanan, manfaat kematian, manfaat simpanan pelajaran dan manfaat perlindungan kesihatan.

3.3.1. Analisa Pemakaian *Maqasid al-Shari'ah* dan *al-daruriyyat al-khams* pada Manfaat Simpanan

Apabila seseorang itu mahu mendaftar sebagai seorang peserta ETB ia mestilah mengisi borang yang terkandung pengakuan dan pemberian kuasa, antaranya ialah peserta memberi persetujuan aliran Sumbangan ke dalam AP dan AKP. Disini peserta mesti mengetahui dengan jelas aliran sumbangan tersebut. Apabila pihak ETB menerima permohonan dari seseorang, pihak syarikat akan memberi jawapan menerima sebagai peserta dan memberi Kontrak Takaful Keluarga.

Apabila telah sampai tarikh matang pada Tarikh Matang seperti yang tertera pada pada Jadual Sijil, pihak syarikat akan membayar kepada peserta sejumlah ringgit Malaysia (RM) terkumpul dalam Akaun Peserta (AP) dan bahagian lebihan jika ada daripada Akaun Khas Peserta. Ini merupakan simpanan yang boleh digunakan oleh peserta untuk berbagai kegunaan setelah tempoh penyertaan dalam skim takaful telah matang, Pihak syarikat ETB akan memulangkan akaun simpanan atau Akaun Peserta (AP) beserta keuntungan tahunan kepada peserta. Biasanya umur peserta ketika itu telah menghampiri umur pencen atau telah pun pencen. Dalam tahun-tahun sebelum tempoh matang peserta boleh juga mengeluarkan sebahagian wang dari AP. Jumlah maksima

sebanyak 80 %. Pengeluaran boleh dilakukan sekali setahun, atas apa alasan dan perbelanjaan. Pengeluaran ini tidak perlu dibayar balik kepada pihak syarikat. Cuma jumlah RM dalam akaun AP akan berkurangan. Dengan adanya simpanan ini, sama ada dikeluarkan semasa tempoh Sijil Takaful belum matang atau setelah matang, wang tersebut boleh digunakan untuk berbagai perbelanjaan seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Seterusnya akan dibincangkan tentang perbelanjaan dalam ekonomi Islam yang ada kaitan secara langsung dengan produk Takaful Keluarga. Perbelanjaan ini boleh diklasifikasi bersandarkan kepada beberapa kategori berikut ;

3.3.1.1. Membelanjakan Harta Dengan Tujuan Menabung

Setelah ditunaikan keperluan asas, Islam amat menggalakkan umatnya menabung.⁷²

Rasulullah bersabda :-

رَحِمَ اللَّهُ امْرَأً، اِكْتَسَبَ طَيِّبًا، وَأَنْفَقَ قَصْدًا، وَقَدَّمَ فَضْلًا لِيَوْمِ فَقْرِهِ وَحَاجَتِهِ⁷³

“Allah memberi rahmat kepada seseorang yang mencari rezeki yang baik dan halal, membelanjakan dengan berhemah dan menabung untuk hari sukarnya dan bila dikehendaki”.

Berdasarkan hadis di atas maka pertimbangan menabung yang dikehendaki Islam ialah: Kadar simpanan dan tabungan ialah jumlah pendapatan dari pencarian rezeki yang baik dan bijak, ditolak dengan perbelanjaan secara berhemah. Merujuk kepada formula di atas maka dapatlah difahamkan bahawa antara rukun-rukun menabung menurut perspektif Islam ialah seperti berikut:

⁷² Husain Husain Syahatah (2007), *op. cit.*, hal. 45.

⁷³ ‘Ala’ al-Din ‘Alī al-Muqtī ibn Ḥuṣām al-Dīn al-Multaqā al-Hindī, taḥqīq Bakrī Hayānī (1981), *Kanz al-Ummāl fī Sunan al-‘Aqwāl wa al-Af’āl*, Juz 4, cet 5. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, no. hadis 9205, hal 6.

- i. Pencarian rezeki yang halal dan baik mengikut kemampuan dan keupayaan.
- ii. Berjimat cermat dalam perbelanjaan menurut keutamaan-keutamaan dalam Islam.
- iii. Tidak melakukan perbelanjaan yang sia-sia dan pembaziran. Begitu juga perbelanjaan yang kurang manfaat sama ada kepada individu atau masyarakat.⁷⁴

Islam sangat menggesa tabungan sama ada tabungan individu atau tabungan awam. Penyertaan seseorang dalam Takaful Keluarga meletakkan individu tersebut menabung secara sistematik dan tersusun, sama ada untuk manfaat sendiri atau manfaat masyarakat. Dari sudut kemasyarakatan ialah kewujudan institusi tabungan ini akan memberi peluang kepada masyarakat untuk menabung. Jika sesuatu masyarakat itu mempunyai simpanannya yang besar dari segi jumlah, maka amalan ini akan memperteguh lagi ekonomi sesuatu kumpulan atau masyarakat. Masyarakat yang menabung ini akan terpelihara dari bencana kepapaan dan kemelaratan. Situasi ini akan memberi kesan baik kepada *maṣlaḥah ‘Ammāh* atau maslahat umum.

Islam juga mengakui tentang perlunya manusia menyimpan barang keperluan untuk kegunaan pada masa susah dan terdesak.⁷⁵ Kewajipan menabung lebih perbelanjaan untuk waktu kecemasan amatlah dituntut. Kehidupan berumah tangga akan berhadapan dengan situasi masa senang, mewah dan ada kalanya dihipit dengan kesusahan dan kemiskinan. Oleh itu, adalah disarankan agar kita menggunakan masa senang dan mewah itu untuk menabung sedikit harta kerana tiada siapa yang tahu apa yang akan berlaku esok harinya.⁷⁶ Seperti mana yang dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya dalam Surah Luqman: -

⁷⁴ Husain Husain Syahatah (2007), *op.cit.*, hal. 45.

⁷⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *op.cit.*, hal. 22.

⁷⁶ Husain Husain Syahatah (2007), *op. cit.*, hal. 45.

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (34)
Luqman (31): 34

“Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang Hari Qiamat, dan Dialah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya”

Rasulullah s.a.w. pernah menasihati kita dalam hadis baginda s.a.w. dari Abū Hurayrah yang berbunyi:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ سَبْعًا هَلْ تَنْتَظِرُونَ إِلَّا فَقْرًا مُنْسِيًّا أَوْ غِيًّا مُطْعِيًّا أَوْ مَرَضًا مُفْسِدًا أَوْ هَرَمًا مُفْنِدًا أَوْ مَوْتًا مُجْهِزًا أَوْ الدَّجَالَ فَشَرُّ غَائِبٍ يُنْتَظَرُ أَوْ السَّاعَةُ فَالسَّاعَةُ أَذْهَى وَأَمْرٌ^{٧٧}

Riwayat al-Tirmīdhī

“Bersegerakanlah kamu beramal sebelum tujuh perkara; adakah kamu menunggu kefakiran yang menyebabkan seseorang itu dilupakan, atau kaya yang membawa seseorang itu melakukan kezaliman, atau penyakit yang merosakkan, atau tua yang bongkok, atau mati secara tiba-tiba, atau dajjal yang membawa kejahatan yang pelik-pelik, atau datangnya hari qiamat. Maka hari Qiamat adalah yang jelas dan nyata.”

Rasulullah s.a.w. sendiri pernah menyimpan stok makanan bagi anggaran setahun untuk keluarganya setelah musim memetik tanaman kurma tahunan. Baginda juga sering mengingatkan para sahabat agar berjimat dan tidak menghabiskan semua harta tersebut digunakan untuk jalan Allah, kerana diperlukan harta dan keperluan harian untuk masa depan.⁷⁸ Pada suatu ketika, apabila seorang sahabatnya berhajat untuk memberikan semua hartanya kepada fakir miskin, Nabi Muhammad s.a.w. telah menasihatinya agar menyimpan sebahagian hartanya.

⁷⁷ Abī ‘Īsā al-Tirmīdhī (2006), *Dabbatahu wa Sahhahahu* ‘Abd al-Ghani Mahfuz (edit), *Sunan al-Tirmidhi wa huwa al-Jami’ al-Sahih*, cet. 2, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, no. hadis *Kitāb al-Zuhd: Bāb mā jā’a fī al-Mubādarah bi al-‘amal*. no. hadis 2306, hal. 553, Beliau mengatakan bahawa hadis ini adalah *gharīb ḥasan*, dan Al-Hākim telah mengatakan hadis ini *ṣaḥīḥ*.

⁷⁸ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *op.cit.*, hal. 22.

3.3.1.2. Mencari dan Membelanja Harta untuk Mengejar Keredaan Allah⁷⁹

Allah telah menjadikan usaha hambanya untuk mencari nafkah salah satu dari amal soleh. Cara untuk mendapat keredaan Allah adalah luas dan berbagai-bagai. Dunia bagaikan tempat menyediakan bekalan hari di Akhirat. Setiap Muslim hendaklah sedaya upaya untuk melakukan amalan kerana Allah dan bermatlamatkan akhirat dalam setiap kerja-kerja serta mengharap pahala daripada Allah. Tujuan membelanjakan harta adalah untuk mendapat hasil urusan agama atau dunia yang dibenarkan Syarak.⁸⁰

Penyertaan individu dalam produk takaful dengan menyumbang sejumlah wang kepada ETB, diharapkan menjadi sebahagian dari simpanan pada masa tua. Prinsip yang ada dalam produk Takaful Keluarga ini antaranya ialah simpanan dan *tabarru'*. Menerusi cara ini perbelanjaan peserta disalurkan kepada duniawi iaitu simpanan, dan juga kepada *ukhrawi* iaitu *tabarru'*. Maka dengan ini boleh dianggap individu tadi telah mengejar keredaan Allah dalam mengguna dan membelanjakan hartanya. Di sini jelaslah bahawa konsep simpanan dan *tabarru'* yang ada dalam produk takaful keluarga ini membentuk seorang Muslim membelanjakan hartanya kerana Allah dan untuk mendapatkan keredaan Allah .

3.3.1.3. Membelanjakan Harta Kepada Isteri-isteri, Anak-anak dan Ibu bapa⁸¹

Islam telah mewajibkan ke atas seorang muslim memberi nafkah kepada isteri dan anaknya secara sederhana mengikut adat, suasana dan kemampuannya.⁸² Hal ini adalah

⁷⁹ 'Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Tariqi (1417H), *al-Iqtisad al-Islami, Ususun, wa Mabadi' wa Ahdaf*, cet. 4, al-Riyāḍ : Mu'assasah al-Jarisi li-Tawzi', hal. 102-103.

⁸⁰ *Ibid*, 102-103.

⁸¹ Lihat: Abu Bakar al-Jaza'iri (1989), *Minhaj Muslim*, Lubnan: Dar al-Jayl, hal. 484.

⁸² Husain Husain Syahatah (2007), *Iqtisad al-Bayt al-Muslim, Fi Daw' al-Shari'ah al-Islamiyyah*, cet. 2, (t.t.p.) : Dar al-Nasru lil-Jami'at, hal. 39.

wajib, kadangkala menjadi sunat⁸³ mengikut kepada siapa yang diberikan.⁸⁴ Berbelanja untuk tanggungannya merupakan sedekah.⁸⁵ Allah telah berfirman:-

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا
مَا آتَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا (٧)

Al-Talaq (65) : 77

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; Dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

Rasulullah pernah bersabda:

إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا أَنْفَقَ عَلَى أَهْلِهِ نَفَقَةً وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةً⁸⁷

Riwayat al-Bukhārī dan Muslim

“Sesungguhnya seorang Muslim itu apabila memberikan nafkah kepada keluarganya dan dia mengharapkan pahala darinya, maka nafkahnya itu dikira sebagai sedekah”.

Hadis ini menjelaskan bahawa *infaq* yang disyariatkan ke atas ahli keluarga bertukar daripada nafkah material semata-mata kepada ibadat yang mendatangkan pahala kepada pemberinya.⁸⁷ Perbelanjaan membayar sumbangan Takaful Keluarga sama ada untuk diri sendiri, isteri, ibu bapa, atau anak-anak merupakan ibadat jika diniatkan kerana Allah. Niat kerana Allah bermaksud kita melakukan sesuatu kerana

⁸³ Gugur kewajipan memberi infak dalam keadaan berikut :- a) apabila isteri *nusyuz*, b) apabila anak lelaki cukup umur baligh kecuali cacat, dan apabila anak perempuan berkahwin, c) kedua ibu bapa kaya atau anak jatuh miskin. Lihat: Abu Bakar al-Jaza'iri, *Minhaj Muslim*, (1989), Lubnan: Dar al-Jayl, hal. 485.

⁸⁴ Lihat: ‘Abd Allah ‘Abd al-Muhsin al-Tariqi (1417H), *op. cit.*, hal. 102-113.

⁸⁵ Surtahman Kastin Hasan (2008), *Kerjasama Ekonomi Umat Islam Potensi dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 53.

⁸⁶ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *Sahih Al-Bukhārī, Bāb al-Nafaqah ‘alā al-Ahl*, no. hadis : 5351, jil 3, hal 424.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Faḍl al-Nafaqah wa al-Ṣadaqah ‘alā al-Aqrabīn wa al-Zawj wa al-Awlad wa al-Walidayn*, no. Hadis 1002 hal 447.

⁸⁷ Husain Husain Syahatah (2007), *Iqtisad al-Bayt al-Muslim fī Daw’ al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Mesir: Maktabah al-Wafa’, hal. 39.

mengikut perintah dan suruhan Allah. Begitu juga wang simpanan pada Takaful Keluarga boleh digunakan untuk perbelanjaan ibu bapa, isteri dan anak-anak. Ini adalah penjagaan objektif harta dan penjagaan harta dari secara positif iaitu menyuburkan harta dengan simpanan. Dari sudut *maqasid al-shari'ah* di sini, harta boleh dikurangkan perbelanjaan apabila diwujudkan dana tertentu untuk menghadapi risiko musibah yang memerlukan perbelanjaan harta yang berlipatganda seperti rawatan terhadap penyakit-penyakit tertentu.

3.3.1.4. Membelanjakan Harta Kepada Diri Sendiri Dengan Tujuan Beribadah atau Untuk Melakukan Ibadah Kepada Allah

Penyertaan individu dalam takaful dengan sebahagian sumbangan takaful (AP) merupakan perbelanjaan bagi simpanan duniawi adalah dikira untuk beribadat, sebahagian lagi akaun *tabarru'* (AKP) merupakan perbelanjaan sedekah atau bertujuan ukhrawi semata-mata ibadat terus kepada Allah. Manfaat simpanan dan *tabarru'* merupakan usaha manusia sebagai hamba Allah untuk mengejar kepentingan dunia dan akhirat. Kebaikan dunia iaitu peserta boleh membelanjakan wang yang terkumpul di dunia ini dan kebaikan akhirat ialah sumbangan derma yang dijanji oleh Allah dengan diberi ganjaran baik berupa pahala dan syurga di akhirat. Ini termasuk di dalam *masalah duniawīyyah* iaitu kelazatan dan sebabnya, keseronakan dan sebabnya. Kelazatan usaha mencari harta, menabung dan membelanjakan harta. Kegembiraan spritual dan kebebasan kewangan dari kemiskinan.⁸⁸

Wang simpanan ini boleh dibelanjakan untuk diri sendiri dengan tujuan ibadat kepada Allah, seperti perbelanjaan pakaian dan kenderaan ke masjid, begitu juga dalam membelanjakan harta untuk melakukan ibadat yang lebih khusus kepada Allah seperti

⁸⁸ 'Aizu al-Dīn ibn Abd al-Salām (1980), *Qawa'id al-'Atkāf Fi Maṣāliḥ al-'Anām*, Lubnān : Dar al-Jayl, hal. 11-12.

menunaikan fardu haji, menunaikan zakat, sedekah dan berkorban pada hari raya korban.⁸⁹ Ini merupakan penjagaan agama *hifz al-dīn* من جانب الوجود dari secara positif.

3.3.1.5. Hak Generasi Akan Datang Terdapat Dalam Harta Generasi Hari Ini

Islam menggesa para ibu bapa agar sentiasa merasakan bahawa dalam harta mereka terdapat hak yang perlu diberikan kepada generasi anak mereka pada masa akan datang. Ini bererti bahawa ibu bapa tidak boleh membazir dan melampau dalam perbelanjaan mereka hari ini dan perlu menabung untuk kegunaan masa depan anak-anak mereka.⁹⁰ Di sana terdapat banyak hadis yang menegaskan tentang perihal ini antaranya hadis Sa'ad bin Abu Waqqas r.a. :

إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ وَإِنَّكَ
مَهُمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةُ الَّتِي تَرْفَعُهَا إِلَى فِي امْرَأَتِكَ⁹¹

Riwayat Al-Bukhārī dan Muslim

“sesungguhnya engkau meninggalkan keluargamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam kemiskinan; sehingga mereka terpaksa meminta-minta mengharapkan belas kasihan orang. Setiap nafkah yang engkau beri kepada keluargamu merupakan sedekah, sekalipun sesuap makanan yang engkau suapkan ke mulut isterimu”

Hadis di atas menegaskan bahawa dalam harta ibu bapa itu setelah diinfaqkan pada maslahat asas, terdapat hak anak bagi tujuan maslahat mereka pada masa akan datang yang perlu dijamin survival dan penghidupannya.⁹²

⁸⁹ Lihat: ‘Abd Allah ‘Abd al-Muhsin al-Tariqi (1417H), *op. cit.*, hal. 109-110.

⁹⁰ Husain Husain Syahatah (2000), *op. cit.*, hal. 46.

⁹¹ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, *bāb an Yatrūk Warathatahu aghniyā’ khayr min an Yatacaffafū an-Nās*, no hadis 2591, juz 3, hal 1006; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Bāb al-Waṣiyyah bi al-Thuluth*, juz 3, no hadis 1626, hal 1251; Lihat Al-Imam al-Hafiz Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar al-‘Asqalani (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, *op.cit.*, juz. 5, hal. 456; Hadis Imam Bukhari, *Kitab al-Wasaya*, Bab ‘An Yatrūk Warathatuhu Aghniya’ *Khairun Min `an Yatacaffafu al-Nas*.

3.3.1.6. Pelaburan Harta Lebihan dan Larangan Pembekuan Harta⁹³

Islam menggalakkan harta dilaburkan dalam konteks memakmurkan lagi dunia ini. Islam mengharamkan sebarang pembekuan harta tanpa sebarang kegunaan. Di sana terdapat ulama fiqh yang telah menjadikan firman Allah dalam ayat 35 Surah Al-Tawbah sebagai hujah keperluan untuk pelaburan harta. Firman Allah :-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَأْكُلُوا أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ
عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ (٣٤) يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ
وظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ (٣٥)

al-Tawbah (9); 34-35

34- “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab siksa yang tidak terperi sakitnya.

35- (Iaitu) pada hari dibakar emas dan perak (dan harta benda) itu dalam neraka Jahannam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka); “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”

Sebahagian ulama mentafsirkan bahwa perkataan menafkahkan bererti membuat pelaburan dalam berbagai bentuk yang membawa manfaat kebaikan kepada umat Islam.⁹⁴ Jika harta itu tidak dilaburkan ianya akan berkurangan setelah dikeluarkan zakat, maka ianya mesti digunakan dalam projek pembangunan ekonomi dan pengeluaran, dengan ini harta tersebut terkeluar dari definisi pembekuan.⁹⁵

⁹² Basri Abd Ghani & Sayuti Abd Ghani (2009), *op.cit.*, hal. 146.

⁹³ Husain Husain Shahatah (2000), *op. cit.*, hal. 46.

⁹⁴ Husayn Husayn Shahatah (2000), *op. cit.*, h.46.

⁹⁵ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (2007), *al-Takaful al-Ijtima’i fi al-Islam*, cet. 2, Dar al-Salam, hal. 44-45.

Dalam konteks produk Takaful Keluarga wang di dalam Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta dilaburkan dalam pelaburan Syariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah, ETB.⁹⁶ Keuntungan dari wang yang dilaburkan ini akan dibahagi semula kepada peserta dan juga syarikat. Ini boleh diklasifikasikan *Hifz al-Māl* Secara positif: *من جانب الوجود* iaitu usaha untuk memperkembangkan, menyuburkan dan memperbanyak harta termasuk di dalam ketogeri memelihara harta.

3.3.1.7. Mengikuti Sunnah Nabi Yusuf a.s.

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ (٤٧) ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ هُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُخْصِنُونَ (٤٨) ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْرِضُونَ (٤٩)

Yūsuf (12);47-49

47. “Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. 48. “Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)”. 49. “Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)”.

Nabi Yusuf menjelaskan bahawa akan berlaku pada tahun-tahun berikut yang subur dan turun hujan selama tujuh tahun. Kemudian akan datang tujuh tahun yang sulit. Beliau menasihatkan supaya mereka bercucuk tanam tujuh tahun dan sebahagian besar hasilnya hendaklah disimpan dalam keadaan bertangkai supaya lebih tahan dan sukar rosak.

⁹⁶ Temubual Assistant Professor Dr. Mohammad Deen bin Mohd Napiah, Ahli Jawatankuasa Syariah, Kuala Lumpur, melalui telefon, 12.30 tgh.

Sebahagian lagi boleh dimakan pada tahun semasa dan jangan membazir.⁹⁷ Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang telah mereka simpan untuk menghadapi masa sulit tersebut, kecuali dari apa yang disimpan.⁹⁸

Sumbangan Takaful yang dibuat kepada ETB merupakan satu bentuk simpanan yang digalakkan di dalam Islam berdasarkan faktor-faktor di atas. Tabungan simpanan yang dikumpulkan di dalam tabung AP merupakan satu alternatif kepada bentuk simpanan lama kepada bentuk baru, yang terkandung di dalamnya bentuk pelaburan dan pengeluaran zakat yang diuruskan oleh pihak pengendali takaful iaitu ETB. Boleh disimpulkan di sini bahawa tabiat menabung untuk kegunaan masa akan datang adalah suatu yang dituntut dalam Islam dan termasuk dalam *maslahah hajiyyat*. Jika dilihat dari sudut *al-daruriyyat al-khams* tabiat menabung ini merupakan pemeliharaan agama (*hifz al-din*), pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasal*) dan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*).

3.3.2. Objektif Manfaat Kematian dan Analisa

Jika peserta meninggal dunia sebelum tarikh matang, pihak syarikat akan membayar Manfaat Takaful iaitu sejumlah RM seperti yang tertera dalam pada jadual sijil, kepada penama peserta seperti berikut :-

- a) Jumlah penuh manfaat (kematian)
- b) Jumlah penuh dalam Akaun Peserta sebelum tarikh kematian⁹⁹

Di antara objektif daripada manfaat kematian yang terdapat dalam produk takaful keluarga ialah seperti berikut:

⁹⁷ Lihat Muhammad Ahmad Kan'an (1992), *Fath al-Qadir tahdhib tafsir Ibn Khathir*, jil. 3, Lubnān: Dār Lubnān, hal. 304-305.; Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: IBFIM, hal. 91.

⁹⁸ Lihat: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *op. cit.*, hal. 91; Lihat: Muhammad Ahmad Kan'an (1992), jil. 3, hal. 304-305; Husain Husain Syahatah (2007), *op. cit.*, hal. 56-57.

⁹⁹ Etiqa Takaful (2009) *op. cit.*, hal 40.

3.3.2.1. Dapat Membayar Hutang yang Belum Dilangsaikan

Selepas kematian, antara perkara utama yang perlu dilakukan ialah pengurusan jenazah. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan jenazah hendaklah diambil dari harta simati bukan orang lain, sebelum harta itu digunakan untuk membayar hutang dan menjadi harta pusaka.¹⁰⁰ Berhutang bermaksud hutang yang berkaitan dengan pemilikan harta yang diakui sebagai kemudahan asas yang menjadi keperluan kehidupan sehari-hari.¹⁰¹ Ibn ‘Abidin mentakrifkan hutang sebagai apa yang wajib dilindung dengan akad atau penggunaan.¹⁰² Sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. menerusi hadis daripada al-Hājis daripada Jābir Ibn ‘Abd Allah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُؤْتَى بِالرَّجُلِ الْمُتَوَفَّى عَلَيْهِ الدَّيْنُ فَيَسْأَلُ هَلْ تَرَكَ لِدَيْنِهِ فَضْلاً فَإِنْ حَدَّثَ أَنَّهُ تَرَكَ لَدَيْهِ وَفَاءً صَلَّى وَإِلَّا قَالَ لِلْمُسْلِمِينَ صَلُّوا عَلَيَّ صَاحِبِكُمْ فَلَمَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْقُتُوحَ قَالَ أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ فَمَنْ تُؤَيِّ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ فَتَرَكَ دَيْناً فَعَلَيْ قَضَائِهِ وَمَنْ تَرَكَ مَالاً فَلِوَرَثَتِهِ^{١٠٢}

Riwayat al-Bukhārī dan Muslim

“Sesungguhnya pernah ada jenazah seorang lelaki yang mempunyai hutang dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w., maka baginda bertanya: Apakah dia ada meninggalkan sesuatu untuk membayar hutangnya? Sekiranya baginda diberitahu bahawa orang tersebut ada meninggalkan sesuatu untuk membayar hutangnya, maka baginda akan mendirikan sembahyang ke atas jenazahnya sekiranya dia tidak meninggalkan sesuatu baginda bersabda kepada sahabat-sahabatnya : solatlah kamu ke atas temanmu itu. Setelah Allah memberikan kemudahan kepada baginda dalam menaklukkan negeri, baginda bersabda: Aku lebih utama daripada seluruh orang beriman daripada dirinya, sesiapa yang meninggalkan hutang maka ke atasku (kewajipannya) sesiapa yang meninggalkan harta maka harta itu bagi keluarganya”

¹⁰⁰ al-Zuhayli, Wahbah (1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, cet, 2, Damsyik: Dar al-Fikr, hal. 471.

¹⁰¹ Mohd Fadzli Yusuf (1996), *op.cit.*, hal. 94.

¹⁰² Muhammad ‘Uthman Syabir (1998), *Siyanah al-Madyuniyyat Wa Mu‘alajatuhā min al-Ta’assur fī al-Fiqh al-Islami*, dlm. Buhuth Fiqhiyyah fī Qadaya Iqtisadiyyah Mu‘asarah, jil.2, Jordan: Dar al-Nafa’is, hal. 840.

¹⁰³ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, *bāb al-Dayn*, juz 2, no hadis 2176, hal 805.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *bab Man Taraka Malan faliwarithatih*, juz 3, no. hadis 1619, hal. 1237.

Hadis di atas menjelaskan tentang peri pentingnya bagi pewaris atau kerajaan Islam menjelaskan hutang bagi si mati. Ini kerana amalan si mati tergantung di antara langit dan bumi. Jika peserta itu meninggal dunia sedangkan hutang masih ada, maka waris hendaklah melangsaikan segala hutang yang ada.

Persoalan yang boleh ditimbulkan di sini, adakah boleh sumbangan derma Akaun Khas Peserta (AKP) tadi digunakan untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga? Persoalan ini dapat dijawab dengan mengatakan bahawa Allah memerintah supaya kita melihara diri dan keluarga dari kepanasan api neraka. Jadi sumbangan derma ini termasuk dalam usaha seorang hamba untuk menyelamatkan diri dan keluarga dari masalah kemiskinan, bebanan hutang, dan persediaan andai kata ditimpa sebarang musibah, Rasulullah s.a.w. pun apabila ditanya kepada siapa akan dibelanjakan jika ada satu dinar, baginda menyarankan kepada diri sendiri. Dari hadis tadi boleh difahami bahawa harta atau wang hendaklah kita utamakan untuk kegunaan diri sendiri terlebih dahulu sama ada untuk kegunaan semasa atau sebagai *ih̥tiyāt* persediaan di masa akan datang. Dari satu sudut yang lain derma AKP itu dapat digunakan untuk membantu orang lain yang ditimpa musibah.

3.3.2.2. Penyediaan Bekalan bagi keperluan Keluarga yang Ditinggalkan (Kematian bapa sebagai pencari rezeki)

Suami atau bapa adalah pencari sumber rezeki untuk digunakan dalam rumahtangga Muslim. Ia merupakan kewajipan ke atas bapa atau suami. Harta yang diperolehi hendaklah digunakan pada perkara-perkara yang membawa kebaikan dan mengikut keutamaan berdasarkan keperluan *daruriyyat*, *hajiyyat* atau *tahsiniyyat*.¹⁰⁴

¹⁰⁴ Husain Husain Syahatah (2007), *op.cit.*, hal. 50.

Para ibu bapa digesa agar sentiasa merasakan bahawa dalam harta mereka terdapat hak yang perlu diberikan kepada generasi anak mereka pada masa akan datang. Ini bererti bahawa ibu bapa perlu menyimpan untuk kegunaan masa depan anak-anak mereka terutama semasa ketiadaan kedua ibu bapa.¹⁰⁵ Inilah satu lagi desakan hidup kemanusiaan yang tulen iaitu meninggalkan sedikit harta untuk keperluan orang-orang di bawah tanggungannya setelah seseorang itu meninggal dunia.¹⁰⁶ Firman Allah :

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ
حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ (١٨٠)
al-Baqarah (2): 180

“Kamu diwajibkan, apabila seorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.”

Ulama dan ahli Tafsir telah bersepakat bahawa yang dikehendaki dengan perkataan *al-khayr* pada ayat tadi adalah “harta”.¹⁰⁷ Terdapat banyak hadis yang menegaskan tentang perihal ini antaranya:

إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدَعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ وَإِنَّكَ مِنْهُمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةُ الَّتِي تَرْفَعُهَا إِلَى فِي امْرَأَتِكَ^{١٠٨}

Riwayat Al-Bukhārī dan Muslim

“sesungguhnya engkau meninggalkan keluargamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam kemiskinan; sehingga mereka terpaksa meminta-minta mengharapkan belas kasihan orang. Setiap nafkah yang engkau beri kepada keluargamu merupakan sedekah, sekalipun sesuap makanan yang engkau suapkan ke mulut isterimu”

¹⁰⁵ *Ibid*, hal. 46.

¹⁰⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), *op.cit.*, hal. 23.

¹⁰⁷ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (2007), *al-Takaful al-Ijtima’i fi al-Islam*, cet. 7, Mesir: Dar al-Salam hal. 35; lihat Kan‘ān, Muhammad Ahmad (1992), *Fath al-Qadir Tahdhib Tafsir Ibn Kathir* (1992), Lubnān: Dār Lubnān, juz. 1, hal 280.

¹⁰⁸ Muhammad ibn Ismā‘īl Al-Bukhārī (1987), *op. cit.*, *bāb an Yatruk Warathatahu aghniyā’ khayr min an Yatacaffafū an-Nās*, no hadis 2591, juz 3, hal 1006.; Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *op. cit.*, *Bāb al-Waṣiyyah bi al-Thuluth*, juz 3, no hadis 1626, hal 1251.; Lihat al-Nawawī (2003), jil. 11, hal. 64-65, Abū ‘Īsā berkata hadis ini adalah hadis Ḥasan Ṣaḥīḥ.

Persoalan timbul adakah wang manfaat kematian boleh dianggap sebagai pusaka atau sebaliknya.¹⁰⁹ Bagi peserta Islam bayaran manfaat akan dibayar kepada penama atau pemegang amanah yang apabila menerimanya akan membahagikan manfaat itu menurut undang-undang Islam atau kepada penerima hak peserta, mengikut mana-mana berkenaan. Jika peserta tidak menamakan mana-mana orang, maka pihak syarikat akan membayar manfaat itu kepada orang yang mengemukakan perintah pembahagian menurut undang-undang Islam. Bagi peserta bukan seorang Islam bayaran manfaat akan dibayar kepada penama menurut bahagian yang tertera pada borang penamaan, atau kepada pemegang amanah atau penerima hak peserta.

Jika peserta tidak menamakan mana-mana orang, maka pihak syarikat akan membayar manfaat itu kepada pasangan, anak, atau ibu bapa, mengikut tertib keutamaan. Jika tiada manfaat itu akan dibayar kepada wasi atau pentadbir peserta. Wang insuran nyawa yang tidak dilantik penama adalah menjadi harta pusaka dan dibahagikan kepada waris mengikut hukum faraid.¹¹⁰

3.3.2.3. Ahli Keluarga Akan Mulakan Hidup Baru Tanpa Bapa

Setelah kematian orang yang paling penting dalam suatu keluarga iaitu bapa, maka tinggallah ibu dan anak-anak meneruskan hidup. Satu pertiga daripada penduduk dunia adalah golongan yang miskin dan 70% sebenarnya daripada kaum perempuan.¹¹¹ Di Malaysia, kebanyakan penerima zakat secara bulanan yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang hidup dalam kemiskinan masih terpaksa menyara anak yang ramai.

¹⁰⁹ Mohd Zamro Muda et. al. (2006), *Undang-undang Pusaka Islam Pelaksanaan Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hal 239-241

¹¹⁰ Lihat Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 41-42., Mohd Zamro Muda et. al. (2006), op. cit., hal 239.

¹¹¹ Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Utusan Pengguna, jil. 33, bil. 2, Mac-Mei, Ultimate Print Sdn. Bhd., hal. 1.

Sebahagian besar mereka hanya mengharapkan belas ihsan anak-anak untuk menanggung hidup seharian di samping zakat yang diterima setiap bulan.¹¹²

Menerusi Pelan Takaful Keluarga, sibapa dapat menabung dan seandainya ditakdirkan meninggal dunia terlebih dahulu maka dia akan berpeluang meninggalkan sejumlah wang kepada ahli keluarga atau warisnya sebagai bekalan hidup mereka. Jadi anak-anak tidak akan terbiar dan hidup dalam aman dan mencukupi,¹¹³ Ini merupakan antara cara pemeliharaan maruah (*hifz al-'ard*).

Manfaat Takaful ini tiada akan dapat jika peserta mempunyai tunggakan sumbangan dengan kadar tertentu dan memilih kaedah bukan lucut hak tertentu.¹¹⁴ Pada awal penyertaan peserta diberi pilihan bukan lucut hak iaitu, perlindungan menggunakan AP jika ia melebihi AKP setahun, perlindungan takaful disusut jelas berbayar, perlindungan takaful bertempoh dilanjutkan atau kontrak diserahkan untuk AP. Dicadangkan tempoh ini dipanjangkan lagi tanpa mengira berapakah RM yang ada dalam Akaun Peserta (AP), contohnya tiga tahun. Ini bermakna walaupun ada tunggakan peserta akan mendapat juga Manfaat Takaful. Semasa tempoh ini boleh ditakaful semula atau sebagainya yang membawa Manfaat Takaful dibayar walau ada tunggakan. Jika sekiranya cukup tempoh itu syarikat hendaklah menghantar notis tamat tempoh dan peserta dikehendaki membayar tunggakan atau sijil dikembalikan kepada syarikat dan tidak ada perlindungan lagi kepada peserta ini. Ini adalah diantara objektif menjaga harta (*hifz al-mal*).

¹¹² *Ibid.*, hal. 1 & 4.

¹¹³ Mohd Fadzli Yusuf (1996), *op.cit.*, hal. 88-89.

¹¹⁴ Sila lihat keterangan mengenai perkara ini dalam penulisan ini hal 93-95.; Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, *op. cit.*, hal. 43-44.

Begitu juga jika sijil tidak diminta oleh ETB supaya dikembalikan seolah-olah orang ramai memahami akad untuk lindung-melindungi masih lagi ada. Apabila berlaku kematian dan syarikat tidak membayar maka reputasi akan terjejas. Surat peringatan hendaklah dikeluarkan kepada peserta berkenaan kerana mengingatkan kepada peserta itu adalah salah satu perkhidmatan dan bentuk *taāwun* syarikat kepada peserta.¹¹⁵ Kejelasan (*al-wuḍūḥ*) dalam berurusan muamalat harta sesama manusia ketika berakad dan sebagainya disempurnakan dengan baik, merupakan tujuan khusus (*al-maqasid al-khāṣah*) yang telah digariskan oleh ulama.¹¹⁶

Surat merupakan salah satu cara pensyarian penulisan dalam berakad. Surat peringatan ini merupakan pembatalan kepada akad perlindungan yang telah dipersetujui.¹¹⁷ Surat ini juga memperlihatkan supaya ikatan perjanjian diperkukuhkan semula atau dileraikan terus. Ada juga kes peserta tidak dapat Manfaat Takaful ini setelah meninggal dunia, ini berpunca daripada peserta yang telah memberi butir-butir kesihatan yang tidak benar semasa mereka mengisi borang cadangan di awal penyertaan.¹¹⁸

Di sini boleh disimpulkan bahawa sumbangan takaful yang dibuat kepada ETB merupakan satu bentuk simpanan dan perlindungan dari musibah hilang upaya atau kematian yang digalakkan dalam Islam berdasarkan faktor-faktor di atas. Tabungan perlindungan yang dikumpulkan di dalam tabung AKP merupakan satu alternatif kepada bentuk pertolongan dan muafakat masyarakat dalam menyempurnakan tanggungjawab

¹¹⁵ Che Ahmad Munzir, Perunding Etiqa Takaful, Kuala Lumpur, temubual bebas pada 6 hb Jun 2008

¹¹⁶ Muḥammad Fu'ād Sawārī (t.t.), *Fikh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah*, Kuala Lumpur : al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-'alamīyyah bi Māliziyyā, hal. 27.

¹¹⁷ *Ibid*

¹¹⁸ Raduwan bin Mubarak, Assistant Vice President, Head, Health Care Operation, Employee Benefits, Medical & Claims Management, Life, Etiqa Insurance dan Takaful. Level 17, Tower B, Dataran Maybank, No 1, Jln Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Temubual berakam, 15 Jun 2009

sosial antara ahli-ahli dan masyarakat.¹¹⁹ Tabung Manfaat Takaful merupakan bentuk baru sistem khairat kematian yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Perlindungan sistem takaful ini merupakan sebagai ganti kepada sistem *kafālah* yang ada didalam kerajaan Islam iaitu melalui sistem zakat dan keadilan Khilafah Islamiah yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. hinggalah Khilafah al-Othmaniah yang jatuh di tangan penjajah pada tahun 1924. Perlindungan ini merupakan persediaan awal oleh ketua keluarga yang berkemampuan untuk melindungi keluarganya dari segi keperluan harta. Tabiat bertakaful untuk masa akan datang adalah suatu yang dituntut dalam Islam dan termasuk dalam *maslahah hajiyyat*.

Jika dilihat dari sudut *al-daruriyyat al-khams* tabiat bertakaful ini merupakan pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasal*) kerana membuat persediaan perlindungan andaikata ditimpa musibah kematian. Ia juga termasuk pemeliharaan maruah (*hifz al-'ard*)¹²⁰ kerana membuat persiapan untuk anak-anak dan keluarga supaya mereka tidak hidup dalam keadaan meminta-minta selepas kematian. Pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) tercerna apabila adanya sumbangan takaful kepada ETB, ini kerana sebahagian sumbangan itu adalah *al-'infāk* yang merupakan teras kekuatan Ummah Islam dalam kecairan harta di dalam masyarakat.¹²¹

3.3.3. Objektif Manfaat Simpanan Pelajaran (Pelan Sarjana)

Pelan Sarjana adalah khusus untuk ibu bapa menyediakan tabungan pendidikan secara langsung. Begitu juga melalui produk-produk lain iaitu pelan juvana secara tidak langsung. Pelan juvana ialah bapa atau ibu sebagai pembayar atau pemegang kontrak,

¹¹⁹ Mohd. Daud Bakar (2003), *Takaful : Satu Tanggungjawab Ummah*, TNSB : Seremban, Video

¹²⁰ Bagi ulama yang mengira pemeliharaan maruah (*hifz al-'ard*) terpisah dari pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasal*)

¹²¹ Ismā'il al-Husani (1995), *Nazariyyat al-Maqāsid 'inda al-Imām Muhammad al-Tāhir Ibn 'Āsyūr*, al-Ribāt: The International Institute of Islamic Thought. hal. 175.

dan anak sebagai diri yang dilindungi. Wang yang terdapat pada Akaun Simpanan (AP) boleh digunakan untuk pendidikan.¹²²

3.3.3.1. Belajar Adalah Salah satu Cara Penjagaan Akal

Allah telah mewajibkan belajar ke atas lelaki dan perempuan, mengangkat martabat orang-orang yang berilmu dari kalangan orang jahil, mengesa supaya manusia belajar. Antara faedah belajar ialah memberi latihan kepada akal tentang sesuatu serta mendalaminya kerana belajar adalah ibarat memindahkan kebaikan, berita-berita dan kisah kehidupan orang-orang terdahulu. Dengan demikian manusia mendapat pengetahuan dan pengajaran. Akal manusia perlu kepada makanan iaitu ilmu dan pengetahuan.¹²³

Imam al-Ghazali menyifatkan akal adalah alat untuk faham, pembawa amanah, sasaran percakapan dan perintah, penguasa urusan agama dan dunia dalam diri manusia. Akal adalah semulia sifat manusia.¹²⁴ Oleh itu belajar adalah satu cara penjagaan akal (*hifz al-‘aql*) dari sudut peneguhan.¹²⁵

3.3.3.2 Menuntut Ilmu Satu Kewajiban

Menurut al-Qabisi pendidikan anak-anak adalah satu kemestian dan merupakan tanggungjawab ibu bapa tanpa mengira ibu bapa kaya atau miskin. Tidak wajar seorang mukmin membiarkan anak-anak dalam kejahilan kecuali jika ia tidak mampu dari sudut

¹²² Etiqa Takaful (2009), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, op. cit., hal. 39-40.

¹²³ Yusuf Hamid al-‘Alim (1994), *al-Maqasid al-‘Ammah lil Syari‘ah al-Islamiyyah*, hal. 351.

¹²⁴ *Ibid.*, hal. 350.

¹²⁵ *Ibid.*, hal. 351.

harta. Jika sekiranya bapa tidak mempunyai harta tetapi anak mempunyai harta, maka harus digunakan harta tersebut untuk kepentingan belajar terutama ilmi fardu 'ain. Sekiranya anak yatim tidak ada harta maka pemerintah hendaklah menyediakan peluang belajar.¹²⁶

Penambahan ilmu pengetahuan adalah rentetan penambahan dari segi akal dan kebijaksanaan. Maka akan terhasil pegangan yang mantap, petunjuk yang benar dan tindakan yang baik dalam urusan dunia dan agama. Oleh itu Islam mewajibkan keatas muslim lelaki dan perempuan sehingga bersih pemikiran mereka dari najis kejahilan, pengaruh khurafat dan keburukan keraguan. Dengan demikian mereka dapat memahami urusan agama dan dunia dengan kefahaman yang betul dan terperinci. Maka proses pembelajaran adalah wajib.¹²⁷

Jelas menunjukkan bahawa belajar merupakan cara untuk menjaga akal.¹²⁸ Di bawah pelan Takaful Keluarga untuk pelajaran, menggalakkan proses pembelajaran ini menerusi simpanan untuk satu jangka masa supaya dapat dikumpulkan sejumlah wang yang akhirnya boleh digunakan untuk pembiayaan pelajaran tinggi anak peserta.¹²⁹ Pelan pendidikan ini amat menepati objektif penjagaan akal iaitu proses pembelajaran dan pemeliharaan keturunan iaitu anak berpeluang untuk mendapat pendidikan. Pemeliharaan harta direalisasikan dengan penyediaan awal oleh ibu bapa bagi dana pendidikan adalah merupakan sesuatu yang dituntut oleh syarak.

¹²⁶ *Ibid.*, hal. 365-367.

¹²⁷ *Ibid.*, hal. 365.

¹²⁸ *Ibid.*, hal. 366.

¹²⁹ Mohd Fadzli Yusuf (1996), *op. cit.*, hal. 93. En Kandias Hj Mohamad, Wakil Takaful Etiqa Takaful, Kuala Lumpur, temubual bebas, jam 8 malam, 13 hb April 2007.

3.3.4. Objektif Manfaat Kesihatan

Manfaat-manfaat perlindungan kesihatan yang ditawarkan oleh ETB adalah seperti ; Manfaat Hilang Upaya Kekal (asas), Manfaat Penyakit Kritikal (pilihan), Manfaat Hospital atau Elaun Wad (pilihan), Manfaat Rawatan Kemalangan (pilihan) dan Manfaat Kad Rawatan (pilihan). Kesemua manfaat ini adalah bertujuan membantu dalam merawat kesihatan peserta.

a) Perlindungan Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (sehingga umur 65 tahun)¹³⁰

Manfaat ini sahaja yang akan dibincangkan kerana ia adalah yang asas dan penyakit yang paling kronik sekali. Sekiranya peserta pada bila-bila masa semasa kontrak ini dikuatkuasakan, mengalami Hilang Upaya Kekal Menyeluruh seperti yang dinyatakan di bawah, pihak syarikat akan membayar kepada peserta manfaat Hilang Upaya Kekal Menyeluruh. Antara syarat seperti berikut,

- i. Keilatan disebabkan oleh kecederaan tubuh yang menghalang orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang urusan atau pekerjaan atau menjalankan sebarang kerja untuk mendapatkan upah, pampasan atau untung, dengan syarat keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa sebarang gangguan untuk tempoh tidak kurang dari enam bulan.
- ii. Hilang keseluruhan penglihatan pada kedua belah mata, atau hilang / putus kedua belah tangan pada /atas pergelangan tangan; atau hilang /putus kedua belah kaki pada/atas buku lali, atau hilang/putus satu tangan pada /atas pergelangan tangan dan hilang/putus satu kaki pada/atas buku lali, atau kehilangan penglihatan untuk sebelah mata yang tidak dapat dipulihkan dan hilang/putus keseluruhan lengan/kaki pada/atas pergelangan tangan atau buku lali.

¹³⁰ Etiqa Takaful (t.t.) The Ready To Use Sales Tools, Kuala Lumpur : Etiqa, hal. Mesra 1; Lihat: Etiqa Takaful (2009), Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga, *op. cit.*, hal. 45-47.

3.3.4.1. Hakikat Penyakit dan Konsep Rawatan

Terdapat beberapa tujuan Allah menurunkan penyakit ke atas seseorang, antaranya ialah menghapuskan dosa, memberi keinsafan, menguji kesabaran atau menaikkan darjat.¹³¹ Merawat penyakit adalah amalan semua umat manusia dalam dunia ini tanpa mengira bangsa, keturunan atau agama kerana sesiapa sahaja boleh diserang penyakit. Satu ukuran yang tepat adalah sukar untuk diberikan terhadap sesuatu penyakit yang menimpa seseorang.¹³² Islam mengesa umatnya supaya berubat, sesiapa yang beramal dengannya maka ia telah berpegang kepada salah satu Sunnatul Allah dimuka bumi ini.¹³³ Ia juga merupakan salah satu cara menjaga nyawa.¹³⁴

Kadangkala penyakit dapat dikesan puncanya menerusi peralatan yang canggih, tetapi tidak ditemui ubat mengatasinya. Ada kes lain penyakit telah dikesan dan ubat telah ditemui tetapi pesakit gagal diselamatkan. Penyakit yang sukar dikesan ialah penyakit hati.¹³⁵ Kurangnya zikir kepada Allah dan cintakan dunia merupakan salah satu punca penyakit spiritual dan penyakit dalaman ini membawa kepada penyakit fizikal. Usaha untuk mendapatkan ubat bagi sesuatu jenis penyakit telah dilakukan Sejak zaman Nabi Adam sehingga sekarang dan usaha ini masih berterusan.¹³⁶ Rasulullah pernah bersabda;

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ^{١٣٧}

Riwayat Abū Dāwud

¹³¹ Zulekha Yusoff (et al.) (2006), *Sains Kesihatan Dalam Tamadun Islam*, Shah Alam: UPENA, UTM, hal. 10-12.

¹³² Hamid Arshat (1997), "Konsep Perubatan Islam: Falsafah dan Amalan", dlm. *Seminar Konsep dan Operasi Perubatan Islam*, anjuran IKIM, MAIWP & Pusrawi, pada 17 & 18 Jun 1997, hal. 1.

¹³³ 'Abd al-Kadir Ja'far (2006), *Nizām al-Ta'min al-Islāmi*, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 164.

¹³⁴ *Ibid.*, hal. 165.

¹³⁵ Penyunting: Abu Bakar Yang dan Abu Bakar Abd Majeed (1999), "Konsep dan Operasi Perubatan Islam", dlm. *Perkhidmatan Perubatan: Satu Perspektif Islam*, KL: IKIM, cet. 1, hal. 52.

¹³⁶ Hamid Arshat (1997), *op.cit.*, hal. 1.

¹³⁷ Sulaymān al-'Ish'ath Abū Dāwud al-Sajastānī (t.t) *Sunan Abī Dāwud, Bāb fī al-Adwiyyah al-Makrūhah*, (t.t.p) Dār al-Fikr, juz 4/4, no hadis 3870, hal 7.; Lihat: 'Abū al-Ṭāyib Muḥammad Sham al-Ḥaq al-'Azīm Ābādī (1990), *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud*, jil 5, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal 251

“Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan setiap penyakit ada penawarnya, maka berubatlah dan jangan berubat dengan haram.

Rasulullah s.a.w. menggalakkan umatnya berusaha untuk mendapat ubat bagi setiap penyakit yang dihadapi. Malah Baginda menekankan pentingnya pencegahan penyakit melalui langkah-langkah menjaga kesihatan rohani dan fizikal,¹³⁸ menjaga cara pemakanan dan makanan yang diambil.¹³⁹ ‘Abd al-Razzaq Ashraf Kaylani dalam menghuraikan hadis ini dan hadis seumpamanya menyatakan bahawa hadis ini merupakan salah satu kaedah penting perubatan yang Nabi tetapkan semenjak 14 kurun yang lalu :-

- i. Menjadikan permohonan untuk sembuh adalah ikutan perintah Allah yang meletakkan setiap penyakit ada penawar
- ii. Membuka ruang untuk perbincangan dan ujikaji kepada ulama dan doktor untuk mencari ubat sehinggalah ada penemuannya, kerana ubat telah diturunkan Allah.
- iii. Bagi penyakit yang baru atau kronik yang belum ada ubat, pesakit merasakan adanya peluang dan ruangan untuk dijumpai ubat, jika ubat tiada pada hari ini mungkin esok dijumpai.
- iv. Suatu kematian adalah pasti jika telah tiba ketetapan dari Allah, kita sebagai manusia perlulah bersabar dan pada ketika itu ubat pun tiada gunanya.¹⁴⁰

3.3.4.2. Berubat Adalah Satu Ikhtiar

Berubat adalah satu ikhtiar manusia. Ikhtiar berubat dapat diuraikan seperti berikut :

¹³⁸ Lihat: Zulekha Yusoff (et. al.) (2006), *Sains Kesihatan Dalam Tamadun Islam*, Shah Alam: UPENA UTM, hal. 72-74. Mengamalkan amalan untuk kesihatan Tubuh badan antaranya ialah;- menghidu bau wangi, banyakkan berwuduk dan mandi, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, dan melakukan pergerakan fizikal seperti senaman. Mengamalkan amalan menambahkan kecerdasan Akal seperti;- bersugi, menghadiri majlis ilmu, meninggalkan cakap kosong, berfikiran positif dan berdoa.

¹³⁹ Lihat: ‘Abd al-Kadir Ja‘far, *op. cit.*, hal. 156-158; Hamid Arshat (1997), *op.cit.*, hal. 1.

¹⁴⁰ ‘Abd al-Razzaq Ashraf Kaylani (1992), *al-Haqa’iq al-Tibbiyyah fi al-Islam*. ‘Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hal. 61-63.

- i. Musibah sakit atau penyakit yang dideritai oleh seorang pesakit pada hakikatnya adalah suatu cubaan Allah kepada hambanya, kerana Allah Maha Menghendaki, apakah itu berupa penyakit atau bentuk kesusahan yang lain. Sakit atau penyakit adalah kehendak Allah, dengan demikian Allah jua yang akan mengubati atau menyembuhkannya.¹⁴¹ Sakit adalah suatu musibah yang harus diterima secara wajar, penuh kesabaran dan tawakal setelah proses pengubatan.
- ii. Dia harus melakukan ikhtiar dengan cara berubat kepada yang pakar dengan bersikap wajar, penuh kesabaran, dan tawakal¹⁴² serta optimis bahawa Allah akan membantu kepada hambanya yang mendekati diri kepada-Nya
- iii. Selama di dalam proses pengubatan pesakit harus sentiasa mematuhi arahan dan nasihat doktor muslim yang bertaqwa.¹⁴³

3.3.4.3. Hak Mendapat Rawatan¹⁴⁴ dan Tujuannya

Di zaman pemerintahan khalifah dahulu, banyak hospital-hospital yang terbaik didirikan oleh pemerintah untuk tujuan amal jariah, mengabdikan perubatan Islam, serta mengembangkan ilmu serta amalan perubatan Islam.¹⁴⁵ Di samping itu juga pemerintah boleh memberi khidmat dan kebajikan kepada ummah melalui program kesihatan yang terbaik.¹⁴⁶ Tujuan rawatan adalah untuk ;-

- i. Menjaga kesihatan yang ada
- ii. Mengembalikan kesihatan yang hilang semampu mungkin
- iii. Menghilangkan sebab penyakit atau mengecilkan puncanya

¹⁴¹ Terjemahan ayat al-Shu'ara' (26): 80.

¹⁴² Lihat Surah Luqman (31): 17.

¹⁴³ Abu Bakar Yang dan Abu Bakar Abd Majeed (1999), "Konsep dan Operasi Perubatan Islam", dlm. Abu Bakar Yang dan Abu Bakar Abd Majeed (1999), *Perkhidmatan Perubatan: Satu Perspektif Islam*, KL: IKIM, hal. 14-15.

¹⁴⁴ Hamid Arshat (1997), op.cit., hal. 7.

¹⁴⁵ Sebagai contoh al-Walid ibn 'Abd al-Malik adalah orang pertama membina hospital kusta pada tahun 88h. (Lihat : 'Ali Muhammad Muhammad al-Ṣollābī (t.t.) *al-Daulah al-'Umayyiyah 'Awāmil al-'Izdihār wa Tadā'iyāt al-'Inhiyār*, jil 3, Damshiq : Maktab al-'Islāmī, hal 231.

¹⁴⁶ *Ibid.*, hal. 8.

- iv. Menanggung darurat yang kecil untuk menghilangkan yang besar
- v. Terpaksa hilang masalah yang kecil untuk mendapat masalah yang besar¹⁴⁷

Setiap umat Islam sepatutnya berhak untuk mendapatkan rawatan yang terbaik bagi mengatasi penyakitnya. Walau bagaimanapun, rintangan dan kesukaran untuk mendapatkan rawatan tersebut adalah disebabkan oleh masalah kewangan khususnya di kalangan mereka yang kurang mampu.¹⁴⁸ Oleh itu skim pembiayaan perlulah diadakan untuk menentukan setiap ummah boleh merasai rawatan yang terbaik. Skim ini boleh dilakukan dengan beberapa cara; antaranya ialah, hospital atau klinik Islam yang menjalankan perniagaan secara komersial sepatutnya menyalurkan balik sebahagian daripada keuntungan untuk membiayai pesakit yang kurang mampu.¹⁴⁹ Begitu juga kita ada pilihan lain seperti rawatan secara tradisional dan Homeopati yang jimat kosnya. Masyarakat Cina juga mempunyai cara rawatan yang tersendiri yang kebanyakan mereka amalkan. Tetapi ada halangan tertentu dikenakan kepada Homeopati antaranya kerajaan tidak memberi pengiktirafan terhadap Homeopati dan dikategorikan sebagai perubatan tradisional. Dengan itu Homeopati tidak dibenarkan merawat kes-kes tertentu.¹⁵⁰

Satu tabungan untuk pembiayaan kesihatan perlu diwujudkan dalam kalangan umat Islam. Adalah dipercayai ramai hartawan yang ingin menyumbang kepada tabung penjagaan kesihatan ummah. Satu cara lagi untuk mendapatkan sumber kewangan ialah menerusi saham wakaf kesihatan bagi umat Islam. Jika pembeli saham wakaf diberi pelepasan cukai pendapatan, mungkin lebih ramai akan membeli saham untuk amal

¹⁴⁷ Abu Huzaifah Ibrahim bin Muhammad (1990), *Nafhu al-Tibb fi Adab wa Ahkam al-Tabib*, Mesir: Dar al-Sahabah lil-Turath bi-Tonto, hal. 46.

¹⁴⁸ Lihat ; S. Husin Ali (1978), *Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan*, Selangor : Karangraf Sdn Bhd, hal 1.

¹⁴⁹ Hamid Arshat (1997), *op.cit.*, hal. 7.

¹⁵⁰ Azizan Ismail (t.t), *Kursus Diploma Homeopati Asas*, jil 1, Jitra : Kolej Homeopati Darulaman, hal 4.

jariah.¹⁵¹ Takaful kesihatan bagi umat Islam juga patut dipelopori dan ini boleh dilakukan menerusi potongan gaji, ataupun secara mengambil polisi bagi mereka yang bekerja sendiri. Syarikat yang berteraskan Islam seperti Takaful atau MNI Takaful, boleh mengambil bahagian dalam rancangan insuran kesihatan ini.¹⁵²

3.3.4.4. Rawatan Penyakit Pada Masa kini

Berdasarkan pada kajian beban penyakit pada tahun 2000 penyakit seperti koronari arteri, strok, kencing manis, ketidaktentuan mental dan lain-lain, memberi kesan serius kepada ekonomi sesebuah keluarga dan negara. Oleh itu, negara tidak mampu menampung perbelanjaan ini.¹⁵³ Manusia akan berhadapan dengan pelbagai masalah apabila menghadapi sesuatu penyakit. Statistik terhadap penyakit yang dihadapi di Malaysia sentiasa meningkat. Begitu juga kemalangan yang berlaku pada bila-bila masa dan dimana-mana. Rawatan perubatan kepada penyakit dan kemalangan tidak boleh ditangguh.¹⁵⁴

Begitu juga perbelanjaan rawatan perubatan semakin meningkat. Sebagai contoh kos rawatan kanser Payudara dan Kanser Rahim ialah RM10,000.00 hingga RM140,000.00., serangan jantung antara RM20,000 hingga RM50,000.00., dan strok RM7,000.00 hingga RM15,000.00.¹⁵⁵ Perbelanjaan rawatan perubatan adalah suatu hal yang sukar ditentukan kerana penyakit yang datang menyerang tidak diketahui jenis dan masanya. Melalui produk takaful yang menawarkan Manfaat Penyakit Kritikal (MPK) sebahagian kos rawatan antara RM5,000 hingga RM100,000 akan diberikan kepada

¹⁵¹ Hamid Arshat (1997), *op.cit.*, hal. 7

¹⁵² Lihat: *Ibid.*, hal 7-8

¹⁵³ Datuk Chua Soi Lek Menteri Kesihatan, *Star Online*, Khamis 21 Disember 2006.

¹⁵⁴ Training Department & sales management, *Takaful Medic-Save Rider Pelan Kad Perubatan Yang Menyeluruh*, (t.t.p.): Maybank Insurans & Takaful, hal. 7.

¹⁵⁵ Training Department & Sales Management, *op. cit.*, hal. 10.

peserta setelah disahkan mengalami Penyakit Kritikal hanya sekali untuk satu sijil.¹⁵⁶ Begitu juga manfaat Kemasukan Wad antara RM10 hingga RM400 sehari akan dibayar kepada peserta.¹⁵⁷ Manfaat ini dan kadarnya adalah pilihan yang boleh ditentukan oleh peserta semasa mula memohon sebagai peserta. Penulis mencadangkan agar manfaat Hak Sumbangan Penyakit Kritikal (Payor Benefit With Critical Illnes WCA) diadakan semula, manfaat ialah selepas peserta disahkan mengidap penyakit kritikal beliau tidak perlu membayar sumbangan bulanan takaful lagi, tetapi berhak mendapat manfaat-manfaat lain seperti biasa. Manfaat ini pernah diadakan di TNSB dahulu dalam tempoh yang singkat.¹⁵⁸ Manfaat ini ada diberi pilihan dalam Pelan Sarjana pada masa sekarang atas nama Manfaat Pembayar dengan Pelepasan Hak Sumbangan Penyakit Kritikal (PBG)¹⁵⁹ dan adalah wajar dikekalkan.

Manfaat Medic-Save yang dibentuk khas untuk tujuan menampung belanja rawatan secara lebih menyeluruh dan sesuai untuk masa kini. Pelan yang baru ini memberikan skim perlindungan yang direka khas memberikan perlindungan perubatan yang menyeluruh. Ia dilengkapi dengan tuntutan bayaran balik perbelanjaan perubatan kemasukan wad hospital, pembedahan dan rawatan. Peserta akan menerima faedah menyeluruh kemasukan, rawatan dan pembedahan. Kadar manfaat tahunan antara RM30,000 hingga RM100,00 setahun. Kadar manfaat sepanjang hayat antara RM90,000 hingga RM300,000. Di bawah ko-Takaful Medic-Save Rider, peserta hanya membayar 10% setiap kemasukan hospital dan pembedahan. Baki 90 % akan dibayar terus kepada hospital setelah peserta pulang ke rumah. Dalam kes-kes tertentu di bawah ko-Pembayaran Medic-Save Rider, bagi peserta mahu meningkatkan kelayakan Bilik dan Penginapan Wad yang lebih baik dari kelayakan pelan semasa mendaftar, peserta perlu

¹⁵⁶ Etiqa Takaful (t.t.) *Ilustasi Pelan V2.0.exe*, (cd) Etiqa Takaful : Kuala Lumpur

¹⁵⁷ Etiqa Takaful (t.t.), *The Ready To Use Sales Tools*, *op.cit.*, hal Rider Manfaat Hospital 1.

¹⁵⁸ Takaful Nasional (2007), *Family Takaful Contract Kontrak Takaful Keluarga*, Kuala Lumpur : TNSB, hal jadual Kontrak

¹⁵⁹ ETB (2009), *SARJANA Family Takaful Contract*, Kuala Lumpur : ETB, hal 43,

membayar 20-28 % setiap kemasukan hospital dan pembedahan. Manakala baki 72-80 % akan dibayar terus kepada hospital setelah peserta pulang ke rumah.¹⁶⁰

Dari sudut *maqasid al-shari'ah* di sini, penggunaan harta boleh dikurangkan dan ditanggung secara berjemaah.¹⁶¹ Perbelanjaan tersebut adalah hasil daripada dana yang diwujudkan untuk menghadapi risiko musibah yang memerlukan perbelanjaan harta yang berlipatganda seperti rawatan terhadap penyakit-penyakit tertentu. Menerusi produk takaful keluarga, penjagaan kesihatan yang menjadi satu keperluan *maqāsid ḥājiyyāh* iaitu *hifz an-nafs* kepada manusia terlaksana dengan adanya perlindungan dalam dana akaun khas peserta untuk menanggung kos rawatan bagi penyakit kritikal yang besar jumlahnya.¹⁶² Bagi orang yang menjalani rawatan di klinik Homeopati kad ini belum boleh diterima pakai.¹⁶³

¹⁶⁰ (t.t.), The Ready To Use Sales Tools, *op.cit.*, hal Rider Medic-Save 1-9.; Training Department, Sales Management (t.t.), Takaful Medic-Save Rider Pelan Kad Perubatan Yang Menyeluruh, Kuala Lumpur : Etiqa Takaful Berhad, hal 1-87.

¹⁶¹ Che Ahmad Munzir Che Othaman, Perunding Etiqa Takaful, Kuala Lumpur : temubual bebas pada 6 hb Jun 2008

¹⁶² Lihat: Asmak Abd Rahman (et. al.), *op.cit.*, hal. 59.

¹⁶³ Dr Rohani, Klinik Homeopati, Taman Seri Ramapi, Kuala Lumpur, temubual bebas 7 hb Jun 2008

3.4. KESIMPULAN

Daripada perbahasan ini, dapat dirumuskan bahawa penyertaan peserta dalam skim Takaful Keluarga khasnya, bukanlah setakat untuk mendapatkan pulangan lumayan hasil dari simpanan atau mendapat manfaat-manfaat perlindungan sekiranya berlaku sesuatu musibah sebelum tempoh matang, tetapi sebaliknya merupakan satu proses ibadah yang berterusan yang di dalamnya terkandung hikmah yang tersirat, selaras dengan tuntutan *maqasid al-shari'ah* iaitu untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Berdasarkan produk-produk yang ditawarkan oleh ETB, jelas menunjukkan bahawa semua produk tersebut sejajar dengan *maqasid al-shari'ah*. Namun terdapat beberapa syarat yang perlu diperbaiki untuk memastikan ianya benar-benar memberi kemaslahatan kepada peserta. Antaranya ialah Manfaat Takaful seharusnya dibayar walau ada tunggakan sumbangan, kerana tujuan orang menyertai takaful ialah untuk mendapat perlindungan. Mungkin tempoh tunggakan itu boleh ditakafulsemula atau apa-apa kaedah yang mendatang *maṣlahah* kepada para peserta. Ini adalah penjagaan harta dengan menghalang berlaku apa-apa yang boleh menghapus kepentingan harta. Begitu juga kad perubatan ini boleh diperluas kepada kaedah rawatan lain seperti kaedah Homeopati.

BAB EMPAT :

KESIMPULAN & CADANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini penulis akan menyimpulkan semua perbahasan dan topik yang telah dibahaskan dan dibicarakan dalam bab-bab sebelum ini di bawah tajuk “Pemakaian *maqasid al-shari‘ah* Dalam Produk Takaful Keluarga di Etiqa Takaful Berhad”. Seterusnya beberapa cadangan cuba diutarakan oleh penulis sebagai penambahbaikan terhadap produk takaful keluarga yang ditawarkan oleh ETB agar ianya lebih menepati objektif penubuhannya menurut *maqasid al-shari‘ah* yang dikehendaki dalam Islam.

4.2. KESIMPULAN

Sistem Perlindungan sosial dalam Islam berdasarkan beberapa prinsip, antaranya harta dan kekayaan adalah milik Allah dan kerajaan ialah Khalifah Allah, sebagai pemegang amanah rakyat hendaklah menjamin perlindungan sosial bagi semua warganegaraanya. Manakala rakyat seharusnya taat kepada undang-undang negara yang membawa kebaikan dan kemaslahatan kepada mereka, khususnya yang melibatkan perlindungan sosial. Adalah menjadi tugas utama kerajaan untuk memastikan setiap rakyatnya mendapat keperluan-keperluan asas terutama orang sakit, tua, miskin, fakir, penganggur atau tidak berupaya untuk bekerja.

Penulis dapat merumuskan bahawa intipati konsep sistem perlindungan sosial atau takaful yang diamalkan hari ini iaitu saling menolong, saling berkorban dan saling menjamin adalah lanjutan daripada konsep saling membantu dan bertanggungjawab yang telah diamalkan oleh kaum Arab sejak zaman sebelum kedatangan Islam dan ianya diterima pakai oleh Islam dan Rasulullah SAW.

Berdasarkan kepada pengajaran dan contoh-contoh yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. inilah, para ulama mencadangkan agar prinsip-prinsip itu digunapakai dalam sistem takaful iaitu prinsip saling membantu, saling bertanggungjawab dan berkorban dan saling menjamin. Dalam masa yang sama, para sarjana Islam turut menggariskan lima aspek penting yang membawa kepada keharusan kontrak takaful untuk diamalkan hari ini iaitu kesepakatan peserta untuk kebaikan bersama, setiap peserta menyumbang untuk menolong peserta yang memerlukan bantuan, adanya unsur *tabarru'* (derma ikhlas untuk membantu), tiada elemen ketidaktentuan seperti *gharar* berkaitan langganan dan pampasan serta skim takaful tidak bermaksud untuk meraih kesempatan atau kos yang terpaksa ditanggung oleh individu atau peserta lain.

Berdasarkan penjagaan kepentingan yang lima (*al-darūriyyāt al-khams*) takaful dianggap sebagai institusi yang cuba memberikan kerjasama dan pertolongan dari segi harta walaupun tidak mampu memenuhi kesemua tuntutan manusia. Antaranya, takaful dilihat boleh memenuhi keperluan asas seseorang Muslim terhadap kewajipan ekonominya seperti sebagai simpanan hari tua, perlindungan pendapatan dan hutang serta jaminan keperluan asas tanggungannya. Dalam masa yang sama, konsep takaful Islam ini akan memberi peluang kepada umat Islam untuk bermuamalah secara yang diredhai Allah dan menjauhi insurans konvensional yang mengandungi unsur-unsur yang diharamkan Islam seperti judi, *gharar* dan riba.

Di samping itu, objektif takaful dalam memenuhi jaminan atau perlindungan kepada sebuah masyarakat Islam dari risiko malapetaka seperti kematian, kebakaran atau hilang upaya untuk bekerja akan dapat mengurangkan penyakit sosial dalam masyarakat. Menerusi takaful, masyarakat diajak untuk berkorban dan sayang-menayangi antara satu sama lain bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan hidup

di dunia dan akhirat. Inilah prinsip yang dijadikan sebagai landasan utama Rasulullah s.a.w. dalam pembinaan masyarakat Islam Madinah sesudah mereka beriman kepada Allah s.w.t.

Dari sudut sejarahnya pertumbuhan industri takaful, seiring dengan kerancakan penubuhan bank-bank Islam bagi memberi perlindungan insurans kepada orang Islam memandangkan insurans konvensional yang ada tidak boleh dilanggan oleh orang Islam. Kefahaman yang semakin mendalam di kalangan orang Islam akan pentingnya institusi takaful Islam, melahirkan syarikat takaful pertama di dunia pada tahun 1979 di Sudan. Seterusnya menular perkembangan ini sehinggalah sistem takaful ini muncul di Malaysia apabila Akta Takaful 1984 diluluskan. Maka bermulalah pertumbuhan institusi takaful dengan rancak di Malaysia antaranya ETB.

ETB atau nama lamanya Takaful Nasional Berhad menawarkan produk-produk perlindungan dan simpanan antaranya Produk Takaful Keluarga. Kajian penulis mendapati kesemua produk yang ditawarkan di bawah Produk Takaful Keluarga individu seperti Mesra, Prima, Sarjana, Warisan dan Ehsan menepati prinsip-prinsip takaful Islam seperti yang telah digariskan oleh ulama Islam iaitu prinsip bekerjasama dan tolong menolong untuk kebaikan bersama. Pemegang polisi akan membayar jumlah yang perlu disumbangkannya dengan tujuan membantu mereka yang memerlukan.

Skim perlindungan Produk Takaful Keluarga, yang berasaskan konsep saling bertanggungjawab dalam menghadapi sesuatu kesusahan serta pengagihan risiko dan persediaan dalam menghadapi sesuatu musibah juga adalah sesuatu yang amat digalakkan oleh Islam. Sejumlah amaun ditetapkan untuk perlindungan pewaris peserta

apabila berlaku kematian bilamana pada sumbangan tetap peserta adanya amaun khas untuk khairat kematian peserta lain.

Manakala akad yang digunakan dalam sumbangan Produk Takaful Keluarga ini, menggambarkan bahawa ianya adalah satu skim yang murni. Peserta akan bertabarru' atau derma untuk membantu satu sama lain. Konsep *tabarru'* adalah satu konsep yang amat digalakkan dalam Islam berdasarkan penekanan Islam agar umatnya menyumbang sama ada dalam bentuk hadiah, sedekah atau zakat yang diwajibkan untuk membantu satu sama lain dan menjalin hubungan kasih sayang sesama umat Islam.

Di sini peserta telah melakukan satu lagi ibadah yang berterusan, yang dituntut oleh Islam iaitu berbuat baik kepada orang lain dan bersedekah. Sekiranya mereka tidak mendapat sebarang pulangan, mereka akan berpuas hati kerana telah sama-sama menyumbang untuk meringankan beban yang ditanggung oleh peserta lain dalam skim yang sama.

Diteliti dari aspek *maqasid al-shari'ah* pula, skim perlindungan dan simpanan yang ada pada Produk Takaful Keluarga di bawah ETB dilihat telah mencapai objektif dan tujuan pensyariatan takaful dalam Islam iaitu untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan seterusnya harta sebagai kemuncaknya. Skim simpanan yang ada pada Etiqa Mesra contohnya, dapat menjamin harta peserta dari sebarang pembaziran di samping dapat digunakan ketika kecemasan atau keperluan tertentu di masa hadapan tanpa perlu meminta-minta dari insan lain.

Peserta dapat menggunakan simpanan atau tabungannya yang diperolehi setelah sampai tempoh kematangannya, untuk meneruskan hari-hari tuanya dengan tenang.

Manakala skim simpanan dalam Etiqa Sarjana pula, dapat dijadikan sebagai penguat semangat anak-anak untuk terus menuntut ilmu sehingga ke menara gading. Inilah yang dituntut oleh Islam dalam usaha menjaga dan memelihara akal. Peserta akan dapat berpeluang untuk belajar dan menampung kos pengajian yang semakin meningkat hari ini. Hasilnya nanti, mereka akan berjaya menjadi manusia berguna kepada diri, keluarga, masyarakat dan agama. Maka akan wujudlah sebuah masyarakat berilmu dan ada maruah diri yang amat dituntut oleh Islam dan berkurangnya masalah sosial seperti pengambilan dadah dan alkohol yang bukan setakat dilarang kerana menghilangkan kewarasan akal tetapi lebih jauh lagi demi menjaga nyawa dari kemudaratan.

Jika diteliti pada skim perlindungan yang ada dalam Produk Takaful Keluarga di bawah ETB seperti Mesra, Warisan dan Prima, peserta bukan setakat mendapat manfaat simpanan (kecuali Ehsan) malah dilindungi sekiranya berlaku musibah hilang upaya pada dirinya. Begitu juga, sekiranya berlaku musibah kematian pada peserta, sejumlah manfaat kematian (khairat kematian) akan diberi kepada penama atau warisnya. Isteri dan anak-anak yang ditinggalkan akan dapat menggunakan wang khairat kematiannya tadi untuk meneruskan kehidupan mereka dengan tenang, tanpa meminta-minta. Si ibu boleh menggunakan wang tadi untuk membeli keperluan-keperluan asas dalam jangka masa tertentu, boleh dijadikan modal memulakan perniagaan dan pelaburan.

Menerusi cara ini, harta tadi dapat membantu penerusan kesinambungan kehidupan manusia dan perhubungan sesama mereka. Di sini objektif penjagaan harta menurut *maqasid al-shari'ah* dapat direalisasikan. Institusi keluarga yang tenang dan tidak dibelenggu kemiskinan, akan dapat menjamin anak-anak dari terbiar dan rosak akhlaknya. Anak-anak tidak akan terjerumus ke lembah maksiat yang akan

mengakibatkan zina yang merupakan antara perkara yang diharamkan untuk menjaga keturunan dan maruah.

Sekiranya peserta hilang upaya menyeluruh, mereka akan memperoleh perlindungan dari manfaat keilatan akibat kemalangan atau penyakit kritikal. Walaupun mereka tidak mampu bekerja, peserta masih mempunyai sejumlah wang untuk menampung keperluan-keperluan asas diri atau keluarga. Wang tersebut boleh dijadikan modal perniagaan atau dilaburkan untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Ini boleh mengelakkan dari perasaan putus asa dan bunuh diri yang diharamkan oleh Islam dalam usaha menjaga jiwa. Adakalanya putus asa dalam hidup menyebabkan seseorang muslim hilang pergantungannya dengan Allah dan menyebabkan dia keluar dari Islam atau *riddah*. Inilah yang cuba dielakkan dalam Islam menerusi hukum bunuh bagi orang yang murtad yang termasuk dalam keperluan menjaga agama.

Perolehan manfaat takaful semasa matang menunjukkan peranan Pelan Takaful Keluarga sebagai program kewangan untuk memudahkan seseorang menyusun strategi menyimpan dan menabung, dalam masa yang sama mereka akan dilindungi menerusi manfaat-manfaat yang ada seperti manfaat kematian, keilatan kekal akibat kemalangan, penyakit kritikal, hospital dan lain-lain. Kedua-dua skim simpanan dan perlindungan yang ada menerusi Produk Takaful Keluarga, dilihat dapat menjaga harta, jiwa, keturunan, akal dan seterusnya agama demi menjamin kehidupan muslim yang sejahtera, penyayang dan suka melakukan kebaikan demi mendapatkan rahmat Ilahi. Cuma yang mesti ada oleh setiap orang ialah budaya dan disiplin menyimpan yang tinggi. Ini adalah kerana menyumbang dengan tetap tanpa gangguan atau tertunggak menjadi antara syarat penting Pelan Takaful Keluarga sepanjang tempoh penyertaan.

Boleh dikatakan bahawa pelan Takaful Keluarga ini adalah salah satu ikhtiar orang yang berkemampuan dari segi kewangan untuk menabung dan mengambil perlindungan takaful. Dalam masa yang sama beliau telah sama-sama memberi bantuan, jaminan keselamatan dan jaminan kesejahteraan kepada peserta-peserta lain. Usaha seorang Muslim menutupi kepayahan yang dihadapi oleh saudara kita, usaha menghilangkan kesusahan, meringankan tanggungan kesusahan yang ditanggung oleh Muslim atau manusia lain itu adalah pengertian taqwa.¹ Berdasarkan kewujudan takaful di Malaysia maka menjadi satu kefardhuan ke atas umat Islam menyertainya demi menegakkan muamalat Islam yang sebenar.

4.3 CADANGAN

Berasaskan kepada kajian ini, penulis mencadangkan agar pengertian takaful yang sebenar sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta yang memerlukan. Para peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud tersebut, berdasarkan sistem yang diterima pakai bagi setiap produk takaful yang wujud di Malaysia. Ini adalah kerana acuan takaful sendiri adalah berasaskan acuan Islam hasil daripada ijtihad ulama bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah bukannya pemikiran akal semata-mata.

Konsep “Takaful itu ibadah” perlu diterapkan ke dalam diri semua peserta dan syarikat pengendali Takaful itu sendiri, bukannya pulangan yang lumayan atau pelaburan duniawi semata, bahkan terdapat di dalamnya unsur-unsur kerohanian. Ini

¹ Harussani bin Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan merangkap Pengerusi Ahli Jawatankuasa Syariah Etiqa Takaful Berhad, 9 hb Julai 2008, Konvensyen Etiqa, jam 5 ptg

kerana aspek “kerohanian” ini bila diberikan penekanan akan menjadi tarikan kepada setiap Muslim untuk menyertai Produk Takaful Keluarga khususnya. Peserta akan lebih jelas tentang konsep *tabarru'*, keikhlasan, *al-ta'āwun*, persaudaraan dalam Islam, tanggungjawab dan saling-melindungi yang dijamin oleh Allah dan Rasul-Nya akan kedudukan mereka di akhirat.

Dicadangkan agar para wakil supaya memahami fiqh perniagaan dan fiqh takaful supaya urusan mendapat peserta dan perkhidmatan selepas jualan berjalan dengan baik. Kefahaman terhadap produk dan hal-hal berkaitan juga perlu. Penulis mendapati ada peserta² telah diterima menyertai pelan takaful. Selepas itu dia membuat rawatan pembedahan untuk kali kedua dan membuat tuntutan kepada ETB tetapi tidak dapat manfaat tersebut iaitu Manfaat Penyakit Kritikal. Di sini penulis membuat andaian apa yang telah berlaku ialah, pertama peserta tidak mengistiharkan penyakit dan rawatan pertamanya, kedua wakil takaful ETB tidak menjelaskan kepada pelanggan bahawa penyakit itu tidak boleh dilindungi lagi kerana ia telah disahkan mengalami penyakit dan menjalani rawatan pembedahan.

Pengajaran di sini ialah para wakil³ harus menyampaikan maklumat sewajarnya dan menasihati pelanggan menurut etika perniagaan dalam Islam, menjelaskan⁴ kelebihan dan kekurangan, syarat dan terma, serta amanah kepada pelanggan. Begitu juga para

² En Muhamad Kamil, temuramah bebas, pada 11 hb September 2009, melalui telefon. Beliau memaklumkan bahawa isterinya telah menjalani satu pembedahan. Selepas itu beliau menjadi peserta takaful ETB. Selang beberapa lama beliau terpaksa menjalani pembedahan kali kedua bagi penyakit yang sama. Beliau cuba untuk mendapatkan manfaat Penyakit Kritikal, tetapi diberitahu beliau tidak layak mendapat manfaat tersebut.

³ Raduwan bin Mubarak, Assistant Vice President, Head, Health Care Operation, Employee Benefits, Medical & Claims Management, Life, Etiqa Insurance dan Takful. Level 17, Tower B, Dataran Maybank, No 1, Jln Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Temubual berakam, 15 Jun 2009. Beliau menasihati para wakil takaful mesti berhati-hati terutama ketika menerima status kesihatan peserta pada borang kesihatan.

⁴ *Ibid*, cadangan ini juga dicadangkan oleh pengkaji Mohd Azrul Hisyam bin Ismail (2008), Keberkesanan Pengendali Takaful dalam Memasarkan Produk-Produk Takaful Keluarga : Kajian di Ibu Pejabat TNSB, Kuala Lumpur, hal 221.

wakil takaful mestilah diberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai fekah muamalat dan ilmu kauseling. Program-program pengisian rohani mestilah diperbanyak dalam rangka melahirkan ushawan-ushawan muslim yang bertaqwa dan jutawan.

Selain itu penulis mencadangkan agar Manfaat Takaful (khairat kematian) peserta dapat juga digunakan untuk tujuan-tujuan lain selepas kematian peserta yang diuruskan oleh pengendali takaful seperti membantu menguruskan upah haji untuk si mati yang belum menunaikan haji atau mewakafkan sebahagiannya. Perkhidmatan ini bolehlah dipilih oleh peserta pada awal penyertaan mereka sebagai wasiat atau *hibah*. Maka institusi takaful akan lebih menepati tuntutan *maqasid al-shari'ah* dalam menjaga harta iaitu larangan pembaziran dan tuntutan ibadat haji. Oleh itu, produk takaful dilihat lebih baik dan hebat dari insurans konvensional kerana takaful menyediakan produk “dari buaian hingga ke akhirat”.

Lien Terpakai Untuk Manfaat Kematian dan Hilang Upaya – Jika Peserta Meninggal Dunia atau mengalami Hilang Upaya sebelum mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir yang berikutnya dan tertakluk kepada terma dan syarat tertera pada Jadual bagi Kontrak Asas akan dibayar menurut jadual berikut:

Umur pada Kematian (Hari Lahir akan datang)	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
Peratus Manfaat yang Dibayar	20%	40%	60%	80%	100%

Silap Nyata Umur – Jika Umur Anda seperti yang tertera pada Jadual telah dinyatakan terkurang, jumlah Manfaat yang akan dibayar adalah jumlah yang diperolehi Sumbangan yang dibayar bagi kadar pada umur sebenar. Jika umur dinyatakan terlebih, Sumbangan yang berlebihan akan dikembalikan. Bukti tarikh lahir Anda yang memuaskan hendaklah dikemukakan sebelum apa-apa bayaran dibuat oleh Kami di bawah Kontrak ini dan Kami berhak pada bila-bila masa meminta bukti umur Anda.

Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta – Sumbangan yang Anda bayar akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta di bawah Dana Takaful Keluarga dalam nisbah yang dipersetujui seperti yang tertera pada Jadual ("bahagian asalnya"). Bahagian yang dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta berserta untung daripadanya dianggap sebagai Tabarru'at (derma) untuk membayar Manfaat Takaful kepada pihak menuntut yang berhak menerima Manfaat itu berasaskan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara Peserta tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Kontrak ini.

Bayaran Manfaat – Apabila matang, jika ada Manfaat perlu dibayar, maka Manfaat tersebut akan dibayar kepada Anda atau penerima hak Anda. Anda boleh, pada masa permohonan menamakan mana-mana orang untuk menerima Manfaat apabila Anda Meninggal Dunia. Penamaan boleh dibuat sama ada dalam Borang Permohonan atau dengan pemberitahuan bertulis dalam bentuk yang boleh diterima oleh Pengendali Takaful dan selaras dengan dasar-dasar Kami seperti yang diumumkan dari masa ke masa.

Jika Anda seorang Islam, setelah Anda Meninggal Dunia, Kami akan membayar Manfaat kepada penama/pemegang amanah yang apabila menerimanya akan membahagikan Manfaat itu menurut undang-undang Islam atau kepada Penerima Hak Anda, mengikut mana-mana yang berkenaan. Jika Anda tidak menamakan mana-mana orang, maka Kami akan membayar Manfaat itu kepada orang yang mengemukakan Perintah Pembahagian menurut undang-undang Islam. Bayaran Manfaat kepada mana-mana orang di atas akan melepaskan Kami daripada semua tanggungan berkaitan dengan Manfaat yang perlu dibayar di bawah Kontrak ini.

Jika Anda bukan seorang Islam, setelah Anda Meninggal Dunia, maka Kami akan membayar Manfaat kepada penama Anda menurut bahagian yang tertera pada Borang Penamaan atau kepada pemegang amanah atau penerima hak Anda. Jika Anda tidak menamakan mana-mana orang, maka Kami akan membayar Manfaat itu kepada pasangan Anda, Anak Anda atau Ibu Bapa Anda, mengikut tertib keutamaan dan di mana tiadanya pasangan, anak atau ibu bapa, kepada wasi atau Pentadbir Anda. Bayaran Manfaat kepada mana-mana orang yang dinyatakan di atas akan melepaskan Kami daripada semua tanggungan berkaitan dengan Manfaat yang dibayar di bawah Kontrak ini.

Kami mengamalkan Sumbangan sebenar bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, dan tahunan. Tidak akan ada penolakan Sumbangan semasa Kematian.

Pembayaran Jumlah Kecil – Jika amaun bagi mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya di bawah Kontrak ini (yang merupakan jumlah penuh dan terakhir yang perlu dibayar di bawah peruntukan ini) berkurang daripada jumlah minima yang Kami tetapkan, maka jumlah tersebut akan Kami bayar kepada mana-mana Pertubuhan Amal mengikut pilihan Kami dengan syarat Pertubuhan Amal tersebut telah diiktiraf atau dilesenkan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah dan/atau Majlis Pengawasan Syariah Kami.

Lebihan – Jika terdapat adanya lebihan dalam dana tabarru'at sebahagian jumlah lebihan tersebut yang kena dibayar kepada Anda, jika ada, akan dibayar kepada Anda apabila Manfaat harus dibayar.

Retakaful – Anda telah membenarkan kami untuk memperoleh Retakaful dari mana-mana punca yang kami anggap bersesuaian untuk manfaat Akaun dan para Peserta.

Umur Diberi Hak (Terpakai Untuk Peserta Juvana Sahaja) – Apabila Peserta telah mencapai umur 18 (lapan belas) tahun pada hari lahir berikutnya, Hak ke atas Kontrak ini secara dengan sendirinya akan berpindah dari Pemegang Kontrak kepada Peserta.

Versi – Jika terdapat apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris dalam Kontrak ini, maka versi Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan mutlak.

SEKSYEN IV - SYARAT SUMBANGAN TAKAFUL

Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa Sumbangan dibayar kepada Kami pada atau sebelum tarikh kena bayar di pejabat pengeluaran Kami atau wakil atau juruwang yang diberi kuasa walaupun jika Kami atau Anda telah membuat urusan untuk pembayaran melalui arahan tetap jurubank atau potongan gaji oleh majikan Anda atau mana-mana badan atau institusi kerajaan atau swasta atau apa-apa kaedah bayaran lain. Resit rasmi bagi setiap bayaran boleh dikeluarkan kecuali pembayaran melalui potongan gaji, arahan tetap bank, auto debit, GIRO atau kaedah seumpamanya di mana bukti pembayaran telah dibuat. Kami boleh mengeluarkan kepada Anda penyata Sumbangan tahunan atau setengah tahunan selain mengeluarkan resit.

Kaedah dan Cara Bayaran Sumbangan – Anda hendaklah membayar Sumbangan kepada Kami untuk akaun Kontrak ini menurut cara yang tertera dalam Jadual. Kaedah (iaitu jenis pembayaran, contohnya, wang tunai, cek, potongan gaji dan lain-lainnya) dan cara (kekerapan, iaitu bulanan, suku tahunan dan lain-lainnya) bayaran boleh ditukar dengan membuat permohonan bertulis kepada Kami dan Kami akan memberitahu Anda penerimaan pertukaran itu dan tarikh pelaksanaan pertukaran tersebut.

Sumbangan Tidak Berbayar – Selepas Sumbangan awal, kegagalan membayar Sumbangan pada atau sebelum Tarikh Kena bayar Sumbangan akan menyebabkan Sumbangan Tertunggak.

Tempoh Ihsan – Kami membenarkan Tempoh Ihsan tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pembayaran Sumbangan untuk Anda membayar Sumbangan.

1. Kontrak akan berkuat kuasa semasa Tempoh Ihsan;
2. Sekiranya Peserta Meninggal Dunia semasa Tempoh Ihsan, semua Sumbangan yang belum dibayar yang diperlukan untuk melengkapkan Sumbangan penuh akan ditolak daripada Manfaat;
3. Jika Sumbangan tidak dibayar dalam Tempoh Ihsan tertakluk kepada Peruntukan Tanpa Rampasan di bawah, Kontrak akan luput serta merta dan menjadi batal dan tidak sah (tanpa perlu Kami memberikan notis luput kepada Anda).

SEKSYEN V - PERUNTUKAN LUCUT HAK

(Bahagian ini hanya digunapakai pada Pelan-pelan Takaful yang mempunyai elemen Simpanan sahaja dan tidak terpakai pada Pelan Bertempoh atau Pelan yang menyediakan Perlindungan sahaja).

Jika Anda tidak membayar Sumbangan tunggakan pada tarikh tamat Tempoh Ihsan dan terdapat baki yang cukup dalam Akaun Peserta Anda, maka Kami akan menggunakan opsyen yang Anda pilih pada masa permohonan atau kemudian dari itu sebelum Kontrak luput atau sebarang tuntutan dibuat. Jika jumlah dalam Akaun Peserta Anda tidak cukup untuk membayar jumlah yang setara dengan Sumbangan satu (1) tahun terhadap Akaun Khas Peserta pada peratusan semasa Sumbangan ketika itu, untuk tempoh satu (1) tahun yang itu, yang dihitung dari Tarikh Pembayaran Sumbangan, maka Kontrak itu akan luput dengan serta merta. Satu (1) daripada opsyen berikut mestilah Anda pilih pada masa permohonan tetapi boleh sah ditukar dengan suatu notis bertulis kepada Kami.

Opsyen 1 – Jika pada tarikh tamat Tempoh Ihsan, Sumbangan masih belum dibayar dan jika jumlah dalam Akaun Peserta Anda melebihi Sumbangan satu (1) tahun terhadap Akaun Khas Peserta (termasuk semua Sumbangan Kontrak Tambahan), maka Kami tanpa apa-apa kewajipan di pihak Kami untuk menuntut bayaran bagi Sumbangan tertunggak tersebut, satu jumlah yang setara dengan Sumbangan tertunggak itu akan serta merta didahulukan daripada Akaun Peserta Anda dan Kontrak akan terus berkuatkuasa selagi baki dalam Akaun Peserta Anda cukup untuk membayar pendahuluannya. Kami akan memaklumkan Anda sewajarnya, semasa dan apabila, Opsyen 1 telah Kami laksanakan. Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tetap sama semasa tempoh perlindungan kecuali baki Akaun Peserta Anda berkurangan pada jumlah dibayar ke dalam Akaun Khas Peserta. Anda boleh membayar balik kepada Kami jumlah pendahuluan yang dibuat dari Akaun Peserta Anda dan yang sama akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta itu. Walau bagaimanapun, Anda tidak berhak menerima apa-apa keuntungan yang diperolehi semasa tempoh ini.

Opsyen 2 – Kontrak akan terus dikuatkuasakan di bawah Takaful Bertempoh Dilanjutkan untuk Manfaat Asas yang sama bagi tempoh perlindungan yang bergantung pada jumlah dalam Akaun Peserta Anda dan umur Anda pada masa itu. Jika baki dalam Akaun Peserta Anda cukup untuk meneruskan Takaful Bertempoh Dilanjutkan hingga ke tarikh matang, maka baki bersih dalam Akaun Peserta Anda akan dibiarkan memperoleh keuntungan dan akan dibayar pada tarikh tamat tempoh atau apabila Anda Meninggal Dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

Semua AP digunakan untuk memberikan perlindungan Takaful Bertempoh Dilanjutkan tetapi tertakluk kepada tempoh minima satu (1) tahun dan maksima baki tempoh sehingga tarikh matangnya. Jika ia bukan tempoh minima, ia akan diserahkan atau jika ia adalah telah mencapai tempoh maksima, maka AP berlebihan akan disimpan dalam AP yang akan dibayar apabila tamat tempoh, kematian atau Hilang Upaya mengikut mana-mana yang lebih awal.

Opsyen 3 – Kontrak akan terus dikuatkuasakan di bawah Takaful Berbayar Terkurang (RPU) dan Manfaat akan ditentukan selaras dengan jumlah dalam Akaun Peserta Anda dan umur anda pada masa itu. Bahagian yang digunakan bagi RPU adalah separuh daripada AP dan masih tertakluk kepada Jumlah Perlindungan minima dan maksima. AP yang separuh lagi itu akan terus disimpan dalam AP sebagai prosid matang. Apabila matang, AP termasuklah untung yang diisytiharkan secara berkala dan AP yang tidak digunakan untuk tujuan RPU disebabkan berlebihan.

Penggunaan mana-mana Opsyen 2 dan Opsyen 3 ini akan menyebabkan Kontrak Tambahan/Rider terbatal.

SEKSYEN VI - SERAHAN

Anda boleh memilih untuk menyerahkan Kontrak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami dan selepas itu, Anda akan menerima Manfaat Serahan Takaful, iaitu amaun terkumpul dalam Akaun Peserta berserta untung, jika ada, dan Anda dianggap sebagai telah melepaskan baki, jika ada, dalam Akaun Khas Peserta Anda, dan perkara tersebut akan dilucut hak.

Jika Kontrak ini diserahkan, maka Kami akan mengenakan Anda caj perkhidmatan. Jika Anda menyerahkan Kontrak, maka tidak ada apa-apa lagi pengaktifan semula bagi Kontrak ini.

SEKSYEN VII - PEMULIHAN SEMULA

Jika Kontrak (termasuk mana-mana kontrak rider) telah luput kerana Sumbangan tidak dibayar dan Anda tidak menyerahkannya, maka kontrak itu boleh dipulihkan semula mengikut budi bicara mutlak Kami dalam tempoh yang Kami tetapkan, dengan syarat Anda (i) membuat permohonan bertulis untuk pengaktifan semula dan (ii) membuat bayaran penuh Sumbangan yang kena dibayar hingga tarikh pemulihan semula. Kami boleh meminta bukti yang Memuaskan tentang Kebolehsuinsuran, keadaan perubatan semasa Anda atau apa-apa maklumat lain

yang diberikan atas perbelanjaan Anda. Walau apa pun yang tersebut di atas, Kami, mengikut budi bicara mutlak, boleh sama ada menerima atau menolak apa-apa permohonan untuk pemulihan semula tersebut. Pemulihan semula akan hanya melindungi kerugian yang berlaku selepas tarikh pemulihan semula itu.

SEKSYEN VIII – NOTIS TUNTUTAN

Jika berlaku Kematian pertama atas Orang Dilindungi, tuntutan hendaklah diserahkan kepada Kami menggunakan borang yang akan disediakan oleh Kami, berserta semua dokumen berkaitan sebagai bukti Kematian, dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari Tarikh Kematian berlaku.

Jika berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, tuntutan hendaklah diserahkan kepada Kami seperti cara di atas dengan menyertakan semua bukti dokumen kesihatan ke atas Hilang Upaya dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh berlakunya Hilang Upaya. Kegagalan untuk mengemukakan tuntutan dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan, jika dapat dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah pemberitahuan sedemikian dapat dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN B - ENDOSMEN

ENDOSMEN MANFAAT TAKAFUL HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL

Manfaat ini dimasukkan ke dalam Kontrak ini melainkan jika Kami mengecualikannya mengikut budi bicara mutlak Kami seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Sekiranya Anda, pada bila-bila masa semasa Kontrak ini dikuatkuasakan, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang dinyatakan di bawah, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan Endosmen ini, membayar kepada Anda Manfaat yang tertera pada Jadual.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang digunakan dalam Endosmen ini hendaklah bermaksud:

- a) Hilang Upaya sama ada yang disebabkan oleh kecederaan anggota badan atau penyakit yang menghalang sepenuhnya Peserta daripada terlibat dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, walau bagaimanapun dengan syarat Hilang Upaya tersebut mestilah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh bagi kedua-dua belah mata atau hilang dua anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh sebelah mata atau hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki akan juga membentuk Hilang Upaya tersebut.

Bagi Peserta yang tidak mempunyai pendapatan tetap semasa kejadian yang membolehkannya membuat tuntutan ini, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan termasuk ketidakupayaan untuk menjalankan Aktiviti Kehidupan Harian seperti dinyatakan di bawah.

Definasi untuk Aktiviti Kehidupan Harian:

- a) **Berpindah dan Bergerak**
Keupayaan untuk bergerak dari sebuah bilik ke bilik yang bersambung atau dari sudut bilik ke sudut bilik yang berlainan atau duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal dari orang lain.
- b) **Mengawal Keinginan**
Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi kencing bagi menjaga kebersihan diri.
- c) **Berpakaian**
Memakai dan membuka semua jenis pakaian tanpa memerlukan pertolongan dari orang lain.
- d) **Pembersihan Diri**
Masuk dan keluar dari tandas, berulang alik ke tandas / bilik air untuk pembersihan diri dan yang berkaitan.
- e) **Pemakanan**
Semua tugas untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam badan.

Bayaran Terdahulu dan Penepian Manfaat Sumbangan yang disebabkan oleh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar jika Orang Dilindungi itu berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah, atau enam puluh lima (65) tahun dan ke atas.

Perkataan "Hilang Upaya" apabila setiap kali muncul kemudian dari ini bermaksud Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang ditakrifkan dan dihadkan di atas.

SEKSYEN I - PENGECEUALIAN

Manfaat di bawah Endosmen ini tidak akan dibayar jika Hilang Upaya berlaku atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana sebab yang berikut:-

1. Perang, serangan, perbuatan musuh luar, permusuhan, operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara, dahagi, kekecohan awam, memulakan satu bentuk atau mendorong pemberontakan awam, penderhakaan tentera, pemberontakan, kuasa tentera atau rampasan kuasa atau apa-apa tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang secara aktif ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan atau badan pemerintah melalui paksaan, keganasan atau kekerasan;

2. Membunuh diri atau cubaan membunuh diri (secara feloni atau tidak) atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan (ketika siuman atau tidak siuman) atau ketagihan alkohol, narkotik atau dadah atau ketika tidak siuman atau melalui mana-mana penyakit jangkitan seks;
3. Semasa terlibat dalam penerbangan, pengendalian atau perkhidmatan mana-mana peranti udara atau pesawat udara bagi apa-apa tujuan perdagangan, pekerjaan atau hobi atau sebagai anak kapal di dalamnya atau semasa terlibat dalam penerjunan payung terjun atau penerjunan udara atau dalam apa-apa aktiviti udara yang lain selain pesawat udara tentera atau polis kecuali sebagai juruterbang atau anak kapal atau penumpang dalam pesawat udara tentera atau polis dalam penerbangan rasmi dan dibenarkan atau sebagai juruterbang atau anak kapal atau penumpang bertambang dalam penerbangan berjadual tetap sistem penerbangan komersil;
4. Jika Hilang Upaya berlaku pada tarikh Kontrak dikeluarkan atau pada tarikh pengaktifan semula, mengikut mana-mana yang terkemudian;
5. Semasa terlibat dalam aktiviti jenayah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau yang timbul daripada apa-apa serangan yang membangkitkan kemarahan;
6. Ski air atau apa-apa aktiviti sukan bawah air yang memerlukan penggunaan alat pernafasan bantuan;
7. Pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, senjata nuklear, pencemaran bahan atau pencemaran radioaktif; atau
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan berkaitan dengan AIDS.

SEKSYEN II - TERMA & SYARAT

1. Notis bertulis bagi apa-apa kecederaan atau penyakit yang boleh dijadikan asas dalam tuntutan hendaklah diberikan kepada Kami dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh mula Hilang Upaya.
2. Bukti memuaskan bagi Hilang Upaya hendaklah diserahkan kepada Kami dalam borang yang akan Kami berikan dalam tempoh enam (6) bulan dari Tarikh Kuatkuasa Hilang Upaya. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan apa-apa tuntutan jika didapati tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan bahawa notis tersebut telah diberikan seberapa segera yang mungkin.
3. Jika dikehendaki, Anda mesti menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang Kami lantik bagi mengesahkan Hilang Upaya yang Anda alami pada bila-bila masa yang mungkin dirasakan perlu sementara menunggu tuntutan, bagi tujuan memproses tuntutan Anda.
4. Apa-apa tuntutan yang sah di bawah Endosmen ini akan menghapuskan semua Kontrak Tambahan/Rider yang tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak dan Hak, Opsyen dan Manfaat lain di bawah Kontrak ini.

SEKSYEN III - PENAMATAN

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal ini akan tamat dengan sendirinya (tanpa perlu Kami memberi apa-apa notis kepada Anda): -

1. Jika mana-mana Sumbangan bagi Manfaat ini masih tidak dibayar hingga hujung Tempoh Ihsan; atau
2. Jika Kontrak Asas matang, luput, diserahkan atau ditamatkan; atau
3. Apabila Peserta mencapai umur enam puluh lima (65) tahun; atau
4. Selepas Bayaran Pendahuluan akhir dibuat di bawah Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

SEKSYEN IV - JUMLAH PERLINDUNGAN

Jumlah Perlindungan di bawah Manfaat ini akan dibayar mengikut cara yang berikut:

1. BAYARAN PENDAHULUAN

Jumlah Perlindungan di bawah Manfaat ini akan dibayar melalui bayaran pendahuluan tahunan. Setiap bayaran tahunan adalah peratus daripada Jumlah Perlindungan seperti yang tertera pada bahagian Endosmen sebagai sebahagian daripada Jadual Kontrak dengan syarat Hilang Upaya berterusan sepanjang tempoh bayaran. Bayaran akan dibuat pada Tarikh Ulang Tahun Kontrak berikutnya selepas Tarikh Kuatkuasa Hilang Upaya itu.

Bayaran Pendahuluan tersebut hanya akan dibuat apabila Kontrak bagi endosmen ditunjukkan, dan Jumlah Perlindungan bagi Manfaat ini akan dikurangkan mengikut amaun mana-mana Bayaran Pendahuluan yang dibuat berkaitan dengan Manfaat ini. Kami berhak, pada bila-bila masa, meminta Anda memberikan bukti dokumen yang berkaitan berhubung dengan Hilang Upaya atau keberterusannya. Jika, semasa Hilang Upaya itu dan sebelum Bayaran Pendahuluan akhir, Orang Dilindungi Meninggal Dunia, atau Kontrak Asas matang, Kami akan, tertakluk kepada bukti sewajarnya, membayar baki Jumlah Perlindungan kepada Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2. PELEPASAN HAK MEMBAYAR SUMBANGAN

Sumbangan yang perlu dibayar di bawah Manfaat ini akan diketepikan sepanjang berterusannya Hilang Upaya seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini. Sumbangan pertama yang akan diketepikan ialah Sumbangan yang kena dibayar sebaik sahaja selepas Tarikh Kuatkuasa Hilang Upaya tersebut, walau bagaimanapun dengan syarat, bahawa tidak ada penepian bagi mana-mana Sumbangan yang tarikh genap tempohnya melebihi satu (1) tahun sebelum tarikh Kami menerima notis bertulis bagi tuntutan.

BAHAGIAN C – KONTRAK TAMBAHAN

KONTRAK TAMBAHAN MANFAAT KEMATIAN DAN HILANG UPAYA AKIBAT KEMALANGAN

KONTRAK TAMBAHAN DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai bagi Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

JIKA, SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG DIKUATKUASAKAN, Orang Dilindungi Meninggal Dunia akibat kecederaan seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini, membayar Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya di bawah Kontrak Asas Manfaat Takaful bagi Kontrak Tambahan ini seperti yang tertera pada Jadual Pelan bagi Kontrak Asas, dengan syarat Kematian tersebut berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan.

JIKA, SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG DIKUATKUASAKAN, Orang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kecederaan yang ditakrifkan kemudian dari ini, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini, menyediakan Manfaat berikut:

1. BAYARAN PENDAHULUAN

Jumlah Perlindungan hendaklah dibayar melalui lima (5) bayaran pendahuluan tahunan. Setiap satu (1) daripada empat (4) bayaran tahunan yang pertama adalah sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Perlindungan dan bayaran kelima adalah sebanyak enam puluh peratus (60%) daripada Jumlah Perlindungan dengan syarat Hilang Upaya berterusan sepanjang tempoh bayaran. Bayaran akan dibuat pada Tarikh Ulang Tahun Kontrak berikutnya selepas tarikh kuatkuasa Hilang Upaya itu.

Bayaran Pendahuluan tersebut akan dibuat apabila Kontrak bagi endosmen ditunjukkan, dan Jumlah Perlindungan akan dikurangkan mengikut amaun mana-mana Bayaran Pendahuluan yang dibuat berhubung dengan Kontrak Tambahan ini. Kami berhak, pada bila-bila masa, meminta Anda memberikan bukti dokumen yang berkaitan berhubung dengan Hilang Upaya atau keberterusannya. Jika, semasa Hilang Upaya dan sebelum Bayaran Pendahuluan kelima dibuat, Orang Dilindungi Meninggal Dunia, atau Kontrak Asas matang, Kami akan, tertakluk kepada bukti sewajarnya, membayar baki Jumlah Perlindungan kepada Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2. PELEPASAN HAK MEMBAYAR SUMBANGAN

Sumbangan yang perlu dibayar di bawah Kontrak Tambahan akan diketepikan sepanjang berterusannya Hilang Upaya seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini. Sumbangan pertama yang akan diketepikan ialah Sumbangan yang kena dibayar sebaik sahaja selepas tarikh mula Hilang Upaya tersebut, walau bagaimanapun dengan syarat, bahawa tidak ada penepian bagi mana-mana Sumbangan yang tarikh genap tempohnya melebihi satu (1) tahun sebelum tarikh Kami menerima notis bertulis bagi tuntutan.

Takrif Kecederaan – "Kecederaan" bermaksud kecederaan anggota badan yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain, oleh kemalangan (kemudian dari ini dirujuk sebagai kecederaan).

Takrif Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal – "Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" bermaksud:

- a) Hilang Upaya sama ada disebabkan oleh kecederaan anggota badan atau penyakit yang menghalang sepenuhnya Orang Dilindungi daripada terlibat dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, walau bagaimanapun dengan syarat Hilang Upaya tersebut mestilah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh bagi kedua-dua belah mata atau hilang dua anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh sebelah mata atau hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki akan juga membentuk Hilang Upaya tersebut.

Bayaran terdahulu dan penepian Manfaat Sumbangan yang disebabkan oleh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar jika Orang Dilindungi itu berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah, atau enam puluh lima (65) tahun dan ke atas.

KONTRAK TAMBAHAN INDEMNITI RUGI KEMALANGAN

KONTRAK TAMBAHAN DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan yang di atas tertera pada jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, Kami akan, membayar Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, jumlah Manfaat seperti yang tertera pada Jadual Manfaat dalam Kontrak ini, setelah menerima bukti memuaskan bagi kematian atau kecederaan anggota badan Orang Dilindungi yang disebabkan secara langsung (dan bebas daripada semua sebab lain) melalui cara luaran, keganasan dan kemalangan ("kecederaan akibat kemalangan") dan dengan syarat Kematian atau kecederaan anggota badan tersebut berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh mula mengalami kecederaan akibat kemalangan tersebut.

JADUAL MANFAAT

1. Kematian yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain selain kecederaan akibat kemalangan: seratus peratus (100%) Jumlah Perlindungan akan dibayar.
2. Apabila menerima bukti memuaskan bahawa kecederaan akibat kemalangan itu telah mengakibatkan satu kehilangan atau lebih seperti yang dinyatakan dalam (i) – (viii) di bawah, Kami akan membayar Manfaat yang berikut, walau bagaimanapun jumlah maksima yang dibayar di bawah Fasal 2 dalam Kontrak ini, tidak boleh melebihi Jumlah Perlindungan dan tiada tuntutan boleh dibuat atau dibayar di bawah lebih daripada satu kehilangan di bawah (i) – (viii) Kontrak ini.

Jika :-	Jumlah Perlindungan yang Dibayar
i) Hilang dua anggota badan atau lebih akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki	100%
ii) Hilang penglihatan sepenuhnya secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh kedua-dua belah mata	100%
iii) Hilang penglihatan sepenuhnya secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada sebelah mata dan hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki	100%
iv) Hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki	60%
v) Hilang penglihatan sepenuhnya secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada sebelah mata	60%
vi) Hilang pendengaran sepenuhnya secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh kedua-dua belah telinga	60%
vii) Hilang pertuturan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh	60%
viii) Hilang ibu jari dan jari telunjuk pada mana-mana belah tangan akibat pengudungan pada atau sebelah atas sendi metakarpofalanks	25%

3. Jika kecederaan akibat kemalangan menyebabkan kemasukan ke hospital di mana-mana hospital kerajaan atau hospital swasta atau pusat perubatan berlesen yang Kami luluskan, maka bayaran mingguan sebanyak RM6.00 bagi setiap RM1,000 daripada Jumlah Perlindungan (atau RM0.85 sehari bagi sebahagian minggu) untuk setiap tempoh kemasukan ke hospital sehingga maksimum dua puluh lima (25) minggu akan dibayar setelah bukti kemasukan ke hospital diterima. Kemasukan ke hospital itu hendaklah bermula dalam tempoh tiga puluh enam (36) jam selepas kecederaan akibat kemalangan dan hendaklah melebihi tempoh dua belas (12) jam.

Jika Anda sudah mempunyai rider Manfaat Tunai Hospital yang dilampirkan pada Kontrak Asas, maka hanya Manfaat yang lebih tinggi di bawah (3) atau rider Manfaat Hospital sedia ada akan dibayar.

4. Jika kecederaan akibat kemalangan menyebabkan Hilang Upaya Separa berterusan yang menghalang Orang Dilindungi daripada menjalankan satu tugas atau lebih berkaitan dengan pekerjaannya dari tarikh kemalangan, tetapi dia tidak perlu dimasukkan ke hospital, maka bayaran mingguan sebanyak RM2.50 bagi setiap RM1000 daripada Jumlah Perlindungan (atau RM0.35 sehari bagi sebahagian minggu) bagi tempoh maksima lima puluh dua (52) minggu bagi setiap kemalangan akan dibayar dengan syarat Orang Dilindungi itu diberikan cuti sakit sekurang-kurangnya selama tiga (3) hari. Manfaat akan dibayar setelah Kami berpuas hati dengan bukti perubatan tentang Hilang Upaya Separa tersebut.
5. Apabila menerima bukti bahawa kecederaan akibat kemalangan telah menyebabkan pembedahan dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar, jumlah yang dibayar adalah seperti pada Jadual Pembedahan Yang Dilakukan di bawah:

Jadual Pembedahan Yang Dilakukan	Manfaat Setiap RM1,000 daripada Jumlah Perlindungan
1. Pengudungan	
a) Paha	35
b) Lengan, Betis atau keseluruhan Kaki atau Tangan	25
c) Ibu Jari atau satu (1) Jari Tangan atau Jari Kaki atau Lebih (sekurang-kurangnya satu (1) falanks penuh)	10
2. Dada – Pemotongan Kaviti torasik untuk diagnosis atau rawatan organ di dalamnya	25
3. Dislokasi atau Pengurangan :	
a) Sendi Pinggul atau sendi Lutut (Patela dikecualikan)	10
b) Sendi Bahu, Sendi Siku atau sendi Pergelangan Kaki	10
c) Rahang Bawah atau Tangan (selain Jari)	10
d) Pembedahan telinga, Hidung atau Tekak, Apa-apa pembedahan	10
4. Eksisi atau Pemindahan	
a) Sendi Bahu atau Sendi Pinggul	35
b) Sendi Lutut	35
c) Sendi Siku, sendi Pergelangan tangan atau sendi Pergelangan Kaki	25
d) Koksiks	10
e) Mata – Pemindahan Bola Mata	25
f) Apa-apa pembedahan ke atas Bola Mata	10
5. Patah – Rawatan Tulang	
a) Pelvis (kecuali Koksiks)	35
b) Paha (Rusuk)	35
c) Lengan, Betis atau Tempurung Lutut	25
d) Rahang Bawah (cuaran Alveolar dikecualikan), Tulang Selangka atau Tulang Bahu	10
e) Tangan (selain Ibu Jari atau Jari)	10
f) Tulang Kaki (selain Jari Kaki)	10
g) Hidung atau Tulang Rusuk	10
6. Insisi untuk penyaliran	10
7. Sendi – Memotong Sendi untuk diagnosis atau rawatan struktur intra-atikular	15
8. Tengkorak – Memotong Kaviti Kranial	35
9. Pembedahan Spina atau Saraf Tunjang dengan pemindahan sebahagian Vertebra.	35

6. TANGGUNG RUGI BERGANDA

Jumlah Manfaat yang disediakan pada Jadual Manfaat di bawah item (1), (2) dan (3) di atas akan digandakan jika Kecederaan akibat Kemalangan berlaku akibat mana-mana keadaan yang berikut:

- a) Semasa Orang Dilindungi sedang dalam perjalanan sebagai penumpang bertambang dalam kenderaan awam darat yang dilesenkan secara komersil yang melalui jalan tetap seperti bas atau kereta api (selain teksi, kenderaan yang disewa, atau pesawat udara); atau
- b) Semasa Orang Dilindungi berada dalam elevator/kereta kabel/lif (tidak termasuk yang digunakan di lombong atau di tapak pembinaan) yang diperakui sewajarnya bagi mengangkut penumpang; atau
- c) Sebagai kesan langsung kebakaran mana-mana bangunan awam yang berikut SAHAJA: bangunan awam, hotel dan teater atau pawagam.

7. MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL LANJUTAN

Jika kecederaan akibat kemalangan telah menyebabkan Orang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang ditakrifkan dalam item 6 Kontrak Tambahan ini (dengan syarat Hilang Upaya tersebut berterusan sepanjang tempoh enam (6) bulan), setelah bukti memuaskan diterima, Kami akan membuat bayaran tahunan sebanyak RM200.00 bagi setiap satu ribu daripada Jumlah Perlindungan bagi tempoh lima (5) tahun dari Tarikh Kuatkuasa Hilang Upaya itu. Dengan tidak menyentuh apa-apa yang berlawanan, dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa jumlah yang perlu dibayar di bawah Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Lanjutan ini tidak akan mengurangkan jumlah pokok bagi Jumlah Perlindungan. Manfaat yang perlu dibayar di bawah Kontrak Tambahan ini ialah bayaran selain semua Manfaat lain yang perlu dibayar dalam Kontrak ini.

8. MANFAAT

- a) Jika lebih daripada satu pembedahan dijalankan, Kami hanya akan membuat bayaran bagi pembedahan yang paling tinggi kosnya. Jika pembedahan itu tidak tertera pada Jadual Pembedahan Yang Dilakukan di atas, maka Kami berhak menentukan jumlah yang hendak dibayar bagi pembedahan yang dimaksudkan;
- b) Apabila berlaku mana-mana kehilangan yang ditetapkan dalam Manfaat (2) di atas, semua perlindungan di bawah Kontrak Tambahan ini akan terhenti dan tiada tuntutan akan dibayar bagi mana-mana kecederaan yang dialami daripada mana-mana kemalangan yang berlaku kemudian dari ini. Tiada Sumbangan lain akan dibayar;
- c) Bagi mana-mana satu kemalangan, hanya satu Manfaat, iaitu (1) atau (2) akan dibayar dan apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah salah satu Manfaat ini, akan dengan sendirinya selepas ini mengecualikan semua Manfaat lain yang perlu dibayar di bawah Kontrak Tambahan ini, dan Kami akan menolak daripada Manfaat di atas apa-apa jumlah terdahulu yang dibayar di bawah Manfaat (3), (4) dan (5) bagi kemalangan yang sama. Walau bagaimanapun, bagi mana-mana satu kemalangan, tuntutan di bawah satu daripada Manfaat (3), (4) atau (5) atau lebih, akan dibayar dengan syarat jumlah besar tuntutan yang perlu dibayar di bawah Manfaat ini tidak melebihi Jumlah Perlindungan bagi Kontrak Tambahan ini;
- d) Tempoh keseluruhan bagi bayaran di bawah gabungan Manfaat (3) dan (4) tidak boleh melebihi lima puluh dua (52) minggu;
- e) Jumlah Perlindungan yang maksima bagi Kontrak Tambahan ini tidak boleh melebihi dua kali ganda Jumlah Perlindungan bagi Kontrak Tambahan ini dan Manfaat yang perlu dibayar di bawah (3) tidak boleh melebihi enam puluh peratus (60%) daripada pendapatan mingguan Orang Dilindungi.

1. KONTRAK TAMBAHAN PENYAKIT KRITIKAL

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, Kami akan, membayar Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, jumlah Manfaat seperti yang tertera pada Jadual Manfaat dalam Kontrak Asas, setelah menerima bukti memuaskan bahawa Orang Dilindungi didiagnosis sebagai mengalami mana-mana satu (1) daripada tiga puluh enam (36) Penyakit Kritikal yang disenaraikan dalam **Lampiran A** menurut Terma yang dinyatakan kemudian dari ini.

1. TAKRIF

Penyakit Kritikal bermaksud mana-mana Penyakit Dilindungi yang ditetapkan dan ditakrifkan dalam **Lampiran A**.

2. PRASYARAT

Selain dan tanpa menjejaskan mana-mana Terma lain bagi Kontrak Tambahan ini, Kami, tidak akan mempunyai apa-apa tanggungjawab atau tanggungan untuk membayar apa-apa tuntutan di bawah rider Kontrak Tambahan ini melainkan semua keadaan yang berikut memuaskan:-

- a) Selepas Orang Dilindungi didiagnosis mengalami Penyakit Kritikal, Anda hendaklah memberitahu Kami perkara tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diagnosis;
- b) Penyakit Kritikal hendaklah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan hendaklah disokong oleh bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang Kami terima dan semua bukti perubatan dan bukti lain seumpamanya yang diperlukan oleh Kami hendaklah diberikan atas perbelanjaan Anda;
- c) Jika Kami perlukan, Orang Dilindungi mestilah menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami berkaitan dengan Penyakit Kritikal bagi tuntutan yang telah dibuat; dan
- d) Pada masa tuntutan Penyakit Kritikal dibuat, keadaan penyakit mestilah mengancam nyawa.

3. PENGECUALIAN

- a) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini, atau pada tarikh pengaktifan semula dan dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas itu.
- b) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal itu disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh gangguan fizikal atau kesihatan atau penyakit yang wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini atau pada mana-mana tarikh pengaktifan semula.
- c) Rider Kontrak Tambahan ini tidak melindungi mana-mana penyakit atau kejadian selain yang dinyatakan dan yang ditentukan terdahulu dari ini dalam **Lampiran A**, dan ia juga tidak melindungi mana-mana Penyakit Kritikal, gejala yang wujud sebelum tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider. Kontrak Tambahan ini atau tarikh pemulihan semula dan dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh rider ini dikeluarkan atau dipulihkan semula.
- d) Orang Dilindungi mestilah telah mengalami Penyakit Kritikal selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum apa-apa tuntutan boleh dibayar. Jika Orang Dilindungi Meninggal Dunia akibat Penyakit Kritikal dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis, tiada apa-apa yang akan dibayar di bawah rider Kontrak Tambahan ini.
- e) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal disebabkan oleh mana-mana sebab yang dinyatakan dalam Klausula 7 Peruntukan Am.

4. PEMBAYARAN MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL (MANFAAT TAMBAHAN)

Selepas didiagnosis mengalami Penyakit Kritikal dan diperakui oleh pihak Kami, Kami akan membayar seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan dibawah Kontrak Tambahan ini seperti yang dinyatakan pada Jadual dalam Kontrak Asas yang mana berkenaan. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, jika dinyatakan pada Kontrak Asas, tidak akan memberi kesan dan ini adalah Manfaat tambahan.

Setelah mana-mana bayaran Manfaat dibuat di bawah Kontrak Tambahan ini, Jumlah Perlindungan asas di bawah Kontrak Asas akan dikurangkan mengikut kadar bayaran yang telah dibuat.

LAMPIRAN A

TAKRIF

DIAGNOSIS - hendaklah bermaksud diagnosis definitif yang dibuat oleh Pakar Perubatan (seperti yang ditakrifkan di bawah) berdasarkan bukti khusus seumpamanya seperti yang diperlukan dalam takrif bagi setiap Penyakit Dilindungi seperti yang disenaraikan di bawah dengan disokong oleh bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang boleh Kami terima.

Jika terdapat apa-apa keraguan tentang kesesuaian atau ketepatan diagnosis, Kami akan membuat pemeriksaan semula ke atas Peserta/Orang Dilindungi dan/atau apa-apa bukti yang digunakan semasa membuat diagnosis tersebut, oleh pakar perubatan yang Kami lantik dan pendapat pakar perubatan tersebut dalam diagnosis tersebut akan mengikat Peserta/Orang Dilindungi dan Kami.

PAKAR PERUBATAN – Hendaklah bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya, mempunyai kelayakan dalam bidang Perubatan Barat tetapi tidak termasuk pengamal perubatan yang menjadi Peserta/Orang Dilindungi itu sendiri, suami/isteri, saudara-mara, rakan kongsi perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu, atau pekerja dan/atau majikan Peserta/Orang Dilindungi.

TAKRIF PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI DAN PENGECUALIANNYA

PENYAKIT DILINDUNGI:

1. Serangan Jantung

Kematian sebahagian daripada otot jantung (miokardium) akibat daripada bekalan darah yang tidak mencukupi disebabkan oleh tersumbatnya arteri koronari.

Diagnosis mestilah berdasarkan tiga (3) kriteria yang sedia ada:

- a) Sejarah sakit dada tipikal yang berpanjangan;
- b) Perubahan baru elektrokardiograf disebabkan oleh peristiwa ini; dan
- c) Kenaikan paras enzim kardiak di atas paras standard biasa makmal (Untuk kes CPK, sukatan CPK-MB hendaklah digunakan).

2. Penyakit Arteri Koronari

Menjalani pembedahan jantung terbuka bagi membetulkan arteri koronari yang mengecil atau tersumbat dengan graf pintasan. Bukti angiografi bagi penyakit sebenar hendaklah diberikan.

3. Angioplasti

Menjalani pembedahan angioplasti bagi membetulkan arteri koronari yang mengecil atau tersumbat untuk dua (2) atau lebih arteri koronari yang tidak boleh dikawal oleh terapi perubatan, di atas cadangan tepat oleh pakar perunding kardiologi. Bukti angiographic tentang penyakit tersebut mestilah diberikan.

Jika tuntutan dibuat untuk penyakit ini, sepuluh peratus (10%) dari jumlah takaful di bawah penyakit berbahaya takaful akan dibayar pada kejadian yang pertama sahaja, tertakluk kepada jumlah maksima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) yang mana lebih rendah. Baki jumlah takaful akan dibayar semasa Kematian atau semasa diagnosis Penyakit Dilindungi yang lain di bawah Kontrak ini.

4. Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius

Pengecilan lumen bagi sekurang-kurangnya tiga (3) arteri koronari dengan minima tujuh puluh lima peratus (75%). Bukti angiografi bagi penyakit sebenar hendaklah diberikan.

5. Penggantian Injap Jantung

Menjalani penggantian satu (1) atau lebih injap jantung bagi rawatan penyakit injap jantung.

6. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan bagi aorta yang berpenyakit yang memerlukan eksisi dan penggantian aorta yang berpenyakit dengan graf. Aorta di sini merujuk aorta toraks dan abdomen sahaja.

7. Hipertensi Arteri Pulmonari Utama

Diagnosis tepat oleh pakar perunding kardiologi dan disokong oleh siasatan makmal klinikal termasuk katerterisasi kardiak dimana terdapat kenaikan tekanan darah pada tekanan kapilari pulmonari, aliran darah pulmonari atau ketahanan vascular pulmonari.

8. Kardiomiopati

Diagnosis tepat oleh pakar perunding kardiologi ke atas kardiomiopati yang menyebabkan gangguan fungsi ventrikel beberapa etiologi dan mengakibatkan gangguan fizikal ke tahap sekurang-kurangnya kelas tiga (III) atau kelas empat (IV) menurut *New York Heart Association of Cardiac Impairment*.

9. Ensefalitis

Radang bahan otak yang teruk, yang menyebabkan neurologi sequelae kekal yang diiktiraf oleh Pakar Perunding Neurologi untuk memenuhi kehendak pertubuhan/syarikat. Ensefalitis yang disebabkan oleh jangkitan HIV adalah dikecualikan.

10. Tumor Otak Benigna

Tumor bukan kanser pada otak.

Sista, granuloma, malformasi dalam, atau pada arteri atau vena otak, hematoma dan tumor pada kelenjar pituitari atau spina dikecualikan.

11. Meningitis Bakteria

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Meningitis Bakteria yang menyebabkan inflamasi membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan defisit neurologi kekal.

12. Penyakit Neuron Motor

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Penyakit Neuron Motor. Etiologi penyakit tidak diketahui dan ia dicirikan melalui kemerosotan yang progresif pada salur kortikospina dan sel tanduk luar atau neuron eferen bulba. Ini termasuk distrofi otot spina, palsi bulba progresif, sklerosis lateral amiotrofik dan sklerosis lateral primer.

13. Penyakit Parkinson

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi dari Idiopathik Penyakit Parkinson (paralisis agitans) yang memerlukan pembaikan dengan dopamin prekesor.

Semua Penyakit Parkinson yang lain adalah terkecuali.

14. Penyakit Alzheimer

Satu keadaan prasenil demensia disebabkan oleh kemerosotan atau kehilangan daya intelektual yang terbukti dengan keadaan klinikal dan soal selidik piawai yang diperakui, ujian atau berkelakuan tidak normal daripada Penyakit Alzheimer, dan kepincangan kemerosotan organik dalam otak yang menyebabkan kemerosotan ketara pada fungsi mental dan sosial untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada aktiviti kehidupan harian berikut tanpa bantuan:

a) Berpindah dan Bergerak

Keupayaan untuk bergerak dari sebuah bilik ke bilik yang bersambung atau dari sudut bilik ke sudut bilik yang berlainan atau duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal dari orang lain.

b) Mengawal Keinginan

Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi kencing bagi menjaga kebersihan diri.

c) Berpakaian

Memakai dan membuka semua jenis pakaian tanpa memerlukan pertolongan dari orang lain.

d) Pembersihan Diri

Masuk dan keluar dari tandas, berulang alik ke tandas / bilik air untuk pembersihan diri dan yang berkaitan.

e) Pemakanan

Semua tugas untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam badan.

Bagi tujuan Manfaat ini perkataan "kekal" bermaksud tidak ada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.

Penyakit neurosis dan psychotik adalah terkecuali.

15. Poliomieltitis

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi jangkitan virus polio yang menyebabkan penyakit lumpuh seperti yang dibuktikan melalui gangguan fungsi motor atau kesukaran bernafas.

Kes yang tidak melibatkan lumpuh tidak layak untuk menerima Manfaat ini. Punca lumpuh yang lain dikecualikan.

16. Sklerosis Berbilang

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Sklerosis Berbilang dan disokong dengan bukti klinikal bagi lebih daripada satu defisit neurologi yang ditentukan dengan jelas, dengan tanda berterusan yang melibatkan saraf optik, pangkal otak dan saraf tunjang serta gangguan koordinasi dan fungsi motor dan penderia, yang berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

17. Sindrom Apalik

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Sindrom Apalik (nekrosis universal pangkal otak masih baik). Keadaan ini hendaklah didokumentasikan secara perubatan sekurang-kurangnya selama satu (1) bulan.

18. Pembedahan Otak

Menjalani pembedahan otak semasa anestesia am apabila kraniotomi dilakukan. Pembedahan otak akibat kemalangan tidaklah termasuk.

19. Lumpuh

Hilang secara kekal dan menyeluruh penggunaan dua (2) anggota badan atau lebih. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan penyakit lumpuh itu hendaklah diberikan.

20. Strok

Kemalangan atau kejadian serebrovaskular yang menyebabkan sekuela neurologi (kesan kemudian) yang kekal dan berterusan lebih dari dua puluh empat (24) jam. Infarksi tisu otak, hemorrhage dan suatu embolus yang berpunca dari ekstrakranial adalah termasuk. Walau bagaimanapun bukti defisit neurologi kekal mestilah diberikan.

Serangan iskemik transient dan serangan-serangan iskemia vertebrobasilar dikecualikan.

21. Koma

Keadaan tidak sedarkan diri tanpa tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman yang berlaku secara berterusan, dengan penggunaan sistem sokongan hayat bagi tempoh selama sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam dan mengakibatkan defisit neurologi kekal. Bukti defisit neurologi kekal hendaklah diberikan.

22. Hilang Keupayaan Diri

Pengesahan oleh pakar perunding perubatan bagi hilang keupayaan diri yang menyebabkan ketakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada aktiviti kehidupan harian berikut:

a) Berpindah dan Bergerak

Keupayaan untuk bergerak dari sebuah bilik ke bilik yang bersambung atau dari sudut bilik ke sudut bilik yang berlainan atau duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal dari orang lain.

b) Mengawal Keinginan

Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi kencing bagi menjaga kebersihan diri.

c) Berpakaian

Memakai dan membuka semua jenis pakaian tanpa memerlukan pertolongan dari orang lain.

d) Pembersihan Diri

Masuk dan keluar dari tandas, berulang alik ke tandas / bilik air untuk pembersihan diri dan yang berkaitan.

e) Pemakanan

Semua tugas untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam badan.

Bagi tujuan Manfaat ini, perkataan "kekal" bermaksud tidak mempunyai harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.

23. Hilang Anggota

Hilang secara menyeluruh dan kekal penggunaan dua (2) anggota badan atau lebih. Kehilangan penggunaan hendaklah berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disokong oleh bukti perubatan yang bertepatan.

24. Hilang Penglihatan

Hilang penglihatan secara menyeluruh dan kekal pada kedua-dua belah mata sama ada penglihatannya sudah dibetulkan atau tidak dibetulkan. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang penglihatan hendaklah diberikan.

25. Hilang Pendengaran

Hilang pendengaran secara menyeluruh dan tidak berbalik pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang pendengaran hendaklah diberikan.

26. Hilang Pertuturan

Hilang keupayaan bertutur secara menyeluruh dan tidak berbalik disebabkan oleh kerosakan fizikal pada pita suara. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang pertuturan hendaklah diberikan.

27. Kanser

Manifestasi tumor malignan, yang dicirikan melalui pertumbuhan dan perebakan sel malignan yang tidak terkawal dan invasi tisu. Istilah kanser termasuklah leukemia (selain leukemia limfositik kronik) dan penyakit Hodgkin. Diagnosis hendaklah disokong oleh bukti histologi bagi malignansi.

Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan, semua tumor yang diterangkan secara histologi sebagai pramalignan atau hanya menunjukkan perubahan malignan awal, kanser-in-situ, penyakit Hodgkin peringkat I dan kanser papilari pada pundi kencing dikecualikan.

28. Anaemia Aplastik

Kegagalan sumsum tulang yang didiagnosis oleh pakar hematologi sebagai aplastik yang mengakibatkan anemia, neutropenia dan trombositopenia yang memerlukan rawatan dengan salah satu (1) yang berikut:

- a) Pemindahan produk darah
- b) Agen perangsang sumsum
- c) Agen imunosupresif
- d) Pemindahan sumsum tulang

29. Trauma Kepala Utama

Kecederaan kepala akibat kemalangan yang menyebabkan kerosakan serebrum (seperti yang ditunjukkan melalui teknik pengimbasan atau pengimejan moden dan disahkan oleh pakar perunding neurologi) yang mengakibatkan gangguan fungsian kekal dan keupayaan melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada aktiviti kehidupan harian berikut tanpa bantuan:

- a) Berpindah dan Bergerak
Keupayaan untuk bergerak dari sebuah bilik ke bilik yang bersambung atau dari sudut bilik ke sudut bilik yang berlainan atau duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal dari orang lain.
- b) Mengawal Keinginan
Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi kencing bagi menjaga kebersihan diri.
- c) Berpakaian
Memakai dan membuka semua jenis pakaian tanpa memerlukan pertolongan dari orang lain.
- d) Pembersihan Diri
Masuk dan keluar dari tandas, berulang alik ke tandas / bilik air untuk pembersihan diri dan yang berkaitan.
- e) Pemakanan
Semua tugas untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam badan.

Bagi tujuan Manfaat ini perkataan "kekal" bermaksud tidak ada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.

30. Luka Terbakar Teruk

Luka terbakar Darjah Ketiga meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) permukaan tubuh.

31. Pemindahan Organ Utama

Menjalani pemindahan, sebagai penerima jantung (termasuk jantung mekanikal), paru-paru, hati, pankreas atau sumsum tulang.

32. Kegagalan Buah Pinggang

Peringkat akhir kegagalan buah pinggang disebabkan oleh walau apa jua sebab, ditunjukkan sebagai kegagalan tidak berbalik kronik bagi kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, dan akibat daripada itu dialisis ginjal secara tetap digunakan atau pemindahan buah pinggang dijalankan.

33. Penyakit Paru-Paru Kronik

Diagnosis penyakit paru-paru peringkat akhir termasuk penyakit paru-paru interstitial yang memerlukan terapi oksigen menyeluruh dan kekal dan keputusan isipadu penghembusan nafas paksaan di dalam satu (1) saat (FEV1) dan berterusan tidak melebihi satu (1) liter.

34. Penyakit Hati Kronik

Diagnosis penyakit hati peringkat akhir seperti yang dibuktikan oleh semua yang berikut:

- a) Demam kuning yang kekal;
- b) Asites; dan
- c) Ensefalopati.

Penyakit hati sekunder yang disebabkan oleh alkohol atau salah guna dadah dikecualikan.

35. Hepatitis Virus Fulminan

Diagnosis kegagalan hati yang dicirikan melalui nekrosis hati yang teruk.

Kriteria diagnostik berikut hendaklah dipenuhi:

- a) Pengecilan saiz hati secara mendadak;
- b) Nekrosis yang melibatkan keseluruhan lobul dan meninggalkan hanya rangka kerja yang merosot;
- c) Fungsi hati yang merosot secara mendadak; dan
- d) Demam kuning yang semakin teruk.

36. Distrofi Otot

Diagnosis distrofi otot hendaklah memerlukan pengesahan oleh doktor pakar neurologi tentang gabungan tiga (3) daripada empat (4) keadaan berikut:

- a) Sejarah keluarga individu-individu yang terlibat
- b) Pernyataan kritikal termasuk ketiadaan deria gangguan, cecair spina serebro biasa dan pengurangan refleks tendon yang sederhana
- c) Elektromiogram sifatan
- d) Kesangsian klinikal yang disahkan oleh biopsi otot

Kanak-kanak adalah dikecualikan daripada takrifan ini.

PENGECUALIAN

Kontrak Tambahan ini tidak akan melindungi apa-apa penyakit selain daripada yang ditakrifkan disini, mahupun melindungi mana-mana Penyakit Dilindungi yang mana simptomnya telah wujud sebelum Tarikh Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan/Rider ini dikeluarkan, mana-mana yang terdahulu, atau tarikh pemulihan semula Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan/Rider, mana-mana yang terkemudian.

Seterusnya, Kontrak Tambahan/Rider ini tidak akan melindungi apa-apa Penyakit Dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, daripada mana-mana sebab di bawah:

- a) Membunuh diri atau apa-apa cubaan ancaman atau menyebabkan kecederaan dengan sendiri ketika Orang Dilindungi waras atau gila; atau
- b) Menggunakan dadah selain daripada yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar penuh dan/atau mengambil alkohol yang melebihi had yang dibenarkan; atau
- c) AIDS, berkaitan AIDS kompleks atau jangkitan HIV.

KONTRAK TAMBAHAN MANFAAT PEMBAYAR DENGAN PELEPASAN HAK SUMBANGAN PENYAKIT KRITIKAL

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan yang di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, Orang Dilindungi Meninggal Dunia, atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, atau mengalami mana-mana satu (1) daripada Penyakit Dilindungi seperti yang ditakrifkan di bawah takrif Penyakit Kritikal di dalam **Lampiran A**, Kami akan, tertakluk kepada terma dan syarat Peruntukan Am, setelah menerima bukti memuaskan tentang diagnosis tersebut, menyetepikan Sumbangan yang dibayar di bawah Kontrak Asas ini dan Kontrak Tambahan seperti yang tertera pada Jadual Kontrak. Sumbangan pertama yang akan diketepikan ialah Sumbangan yang kena dibayar sebaik sahaja selepas Tarikh Kematian, atau tarikh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tersebut bermula atau pada tarikh bermulanya diagnosis Penyakit Kritikal tersebut atau pembedahan Penyakit Dilindungi, walaubagaimanapun dengan syarat, bahawa tidak ada penepian bagi mana-mana Sumbangan yang tarikh genap tempohnya melebihi satu (1) tahun sebelum tarikh Kami menerima notis bertulis bagi tuntutan.

1. TAKRIF

1.1 "Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" bermaksud:

- a) Hilang Upaya sama ada disebabkan oleh kecederaan anggota badan atau penyakit yang menghalang sepenuhnya Orang Dilindungi daripada terlibat dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, walau bagaimanapun dengan syarat Hilang Upaya tersebut mestilah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh bagi kedua-dua belah mata atau hilang dua anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh sebelah mata atau hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki akan juga membentuk Hilang Upaya tersebut.

Manfaat Pembayar dengan Pelepasan Hak Sumbangan Penyakit Kritikal ini yang disebabkan oleh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar kepada Peserta yang berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah, dan yang berumur enam puluh lima (65) tahun dan ke atas.

1.2 "Penyakit Kritikal" bermaksud mana-mana Penyakit Dilindungi yang ditetapkan dan ditakrifkan dalam **Lampiran A.**

2. PRASYARAT

Selain dan tanpa menjejaskan mana-mana Terma lain bagi rider Kontrak Tambahan ini, Kami, tidak akan mempunyai apa-apa tanggungjawab atau tanggungan untuk membayar apa-apa tuntutan di bawah rider Kontrak Tambahan ini melainkan semua keadaan yang berikut memuaskan:-

- a) Selepas Orang Dilindungi didiagnosis sebagai mengalami Penyakit Kritikal, Anda hendaklah memberitahu Kami perkara tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diagnosis;

- b) Penyakit Kritikal hendaklah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan hendaklah disokong oleh bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang Kami terima dan; semua bukti perubatan dan bukti lain seumpamanya yang diperlukan oleh Kami hendaklah diberikan atas perbelanjaan Anda;
- c) Jika Kami perlukan, Orang Dilindungi mestilah menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami berkaitan dengan Penyakit Kritikal bagi tuntutan yang telah dibuat;
- d) Pada masa tuntutan Penyakit Kritikal dibuat, keadaan penyakit mestilah mengancam nyawa.

3. PENGECUALIAN

- a) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini, atau pada tarikh pengaktifan semula dan dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas itu.
- b) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal itu disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh gangguan fizikal atau kesihatan atau penyakit yang wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini atau pada mana-mana tarikh pengaktifan semula.
- c) Rider Kontrak Tambahan ini tidak melindungi mana-mana penyakit atau kejadian selain yang dinyatakan dan yang ditentukan terdahulu dari ini dalam **Lampiran A**, dan ia juga tidak melindungi mana-mana Penyakit Kritikal, gejala yang wujud sebelum tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan ini atau tarikh pemulihan semula dan dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh rider Kontrak Tambahan ini dikeluarkan atau dipulihkan semula.
- d) Orang Dilindungi mestilah telah mengalami Penyakit Kritikal selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum apa-apa tuntutan boleh dibayar. Jika Orang Dilindungi Meninggal Dunia akibat Penyakit Kritikal dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis, tiada apa-apa yang akan dilepaskan di bawah rider Kontrak Tambahan ini.
- e) Kami tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal disebabkan oleh mana-mana sebab yang dinyatakan dalam Klausa 7 Peruntukan Am.

KONTRAK TAMBAHAN MANFAAT HOSPITAL

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan yang di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

JIKA, SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, Orang Dilindungi dimasukkan ke hospital Kerajaan atau pusat perubatan berlesen yang diluluskan atau hospital yang diluluskan oleh Kami di atas pengesyoran dan pengamal perubatan yang berdaftar, Kami akan membayar Anda manfaat hospital harian pada kadar yang tertera pada Jadual Kontrak tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini. Hospital atau Pusat Perubatan itu bukan terutamanya sebagai klinik, hospital bersalin, hospital mental, rumah rawatan, rumah rehat atau rehat pulih, rumah orang tua atau institusi yang serupa atau kemudahan yang ditubuhkan terutamanya untuk pengasingan atau rawatan penyalahgunaan atau ketagihan dadah atau ketagihan alkohol.

Kontrak Tambahan ini tidak akan melindungi kemasukan ke hospital dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari tarikh pengeluaran atau pengaktifan semula Kontrak Tambahan ini melainkan kemasukan ke hospital adalah disebabkan oleh kemalangan. Mana-mana kemasukan ke hospital di luar Malaysia tidak akan dilindungi di bawah Kontrak Tambahan ini. Manfaat akan dibayar melalui pembayaran balik sahaja.

Manfaat ini dibayar hanya jika Orang Dilindungi dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit atau kecederaan selama lebih daripada enam (6) jam tertakluk kepada had maksima tiga ratus enam puluh lima (365) hari, yang selepas itu Kontrak Tambahan ini akan ditamatkan.

Manfaat ini akan dibayar bagi tempoh maksima seratus lapan puluh (180) hari kemasukan ke hospital bagi mana-mana satu kecederaan atau penyakit, dan bagi tujuan ini, tempoh kemasukan dengan sela masa di antaranya, tetapi semuanya disebabkan oleh punca sebenar yang sama, tidak boleh melebihi tempoh maksima empat belas (14) hari bagi setiap sela masa.

Tuntutan Penyakit Berkaitan Dengan Kehamilan

Kesemua penyakit-penyakit yang ada kaitan dengan keadaan mengandung adalah dilindungi, KECUALI bersalin dan menggugurkan kandungan. Walau bagaimanapun, jika menggugurkan kandungan adalah atas nasihat doktor atau sebab-sebab kesihatan, maka keadaan ini adalah termasuk dalam perlindungan di dalam Kontrak Tambahan ini (walau apa jua yang terkandung seperti di atas). Tuntutan yang dibayar hanyalah lima puluh peratus (50%) daripada jumlah keseluruhan Kontrak Tambahan ini dan ianya terhad kepada RM500.00 setahun.

KONTRAK TAMBAHAN MANFAAT PEMBAYAR

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan yang di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

JIKA SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, dan sebelum penamatannya seperti yang diterangkan dalam Kontrak ini, Pembayar Meninggal Dunia, atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini, menyetepikan Sumbangan yang dibayar di bawah Kontrak Asas ini dan Kontrak Tambahan seperti yang tertera pada Jadual Kontrak dalam Kontrak Asas. Sumbangan pertama yang akan diketepikan ialah Sumbangan yang kena dibayar sebaik sahaja selepas tarikh yang Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tersebut bermula atau pada tarikh berlakunya Kematian tersebut.

Takrif Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal – "Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" bermaksud:

- a) Hilang Upaya sama ada disebabkan oleh kecederaan anggota badan atau penyakit yang menghalang sepenuhnya Orang Dilindungi daripada terlibat dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, walau bagaimanapun dengan syarat Hilang Upaya tersebut mestilah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada kedua-dua belah mata atau hilang dua anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada sebelah mata dan hilang satu (1) anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki akan juga membentuk Hilang Upaya tersebut.

Bayaran terdahulu dan penepian Manfaat Sumbangan yang disebabkan oleh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar jika Orang Dilindungi itu berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah, atau enam puluh lima (65) tahun dan ke atas.

KONTRAK TAMBAHAN BERTEMPOH

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Asas, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan yang di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Asas dan Kontrak Asas itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam Kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

JIKA SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, dan sebelum penamatannya seperti yang diterangkan dalam Kontrak ini, Orang Dilindungi Meninggal Dunia, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini, membayar kepada Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, di bawah Kontrak Asas, Manfaat Takaful bagi Kontrak Tambahan ini seperti yang tertera pada Jadual Manfaat dalam Kontrak Asas.

JIKA SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI SEDANG BERKUATKUASA, Orang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini, akibat kecederaan, Kami akan, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Kontrak ini, membuat bayaran seperti yang berikut:

1. BAYARAN PENDAHULUAN

Jumlah Perlindungan akan dibayar melalui lima (5) bayaran pendahuluan tahunan. Setiap empat (4) bayaran tahunan yang pertama adalah sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Perlindungan dan bayaran kelima adalah sebanyak enam puluh peratus (60%) daripada Jumlah Perlindungan dengan syarat Hilang Upaya telah berterusan sepanjang tempoh bayaran. Bayaran akan dibuat pada Tarikh Ulang Tahun Kontrak berikutnya selepas tarikh mula Hilang Upaya itu.

Bayaran Pendahuluan tersebut akan dibuat setelah Kontrak bagi endosmen dikeluarkan, dan Jumlah Perlindungan akan dikurangkan mengikut amaun mana-mana Bayaran Pendahuluan yang dibuat berkaitan dengan Kontrak Tambahan ini. Kami berhak, pada bila-bila masa, meminta Anda memberikan bukti dokumen yang berkaitan berhubung dengan Hilang Upaya atau keberterusannya. Jika, semasa Hilang Upaya dan sebelum Bayaran Pendahuluan kelima, Orang Dilindungi Meninggal Dunia, atau Kontrak Asas matang, Kami akan, tertakluk kepada bukti wajar, membayar baki Jumlah Perlindungan kepada Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2. PELEPASAN HAK SUMBANGAN

Sumbangan yang dibayar di bawah Kontrak Tambahan akan diketepikan sepanjang berterusannya Hilang Upaya seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini. Sumbangan pertama yang akan diketepikan ialah Sumbangan yang kena dibayar sebaik sahaja selepas tarikh mula Hilang Upaya tersebut, walau bagaimanapun dengan syarat, bahawa tidak ada penepian bagi mana-mana Sumbangan yang tarikh genap tempohnya melebihi satu (1) tahun sebelum tarikh Kami menerima notis bertulis bagi tuntutan.

Takrif Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal – “Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal” bermaksud:

- a) Hilang Upaya sama ada disebabkan oleh kecederaan anggota badan atau penyakit yang menghalang sepenuhnya Orang Dilindungi daripada terlibat dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, walau bagaimanapun dengan syarat Hilang Upaya tersebut mestilah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada kedua-dua belah mata atau hilang dua anggota badan akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh pada sebelah mata atau hilang satu (1) anggota akibat pengudungan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki akan juga membentuk Hilang Upaya tersebut.

Penepian Manfaat Sumbangan yang disebabkan oleh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar kepada Orang Dilindungi yang berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah, atau berumur enam puluh lima (65) tahun dan ke atas.

PERUNTUKAN AM

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, Peruntukan Am akan terpakai pada semua Kontrak Tambahan

1. KONTRAK TAMBAHAN DAN PERMOHONAN MEMBENTUK KESELURUHAN KONTRAK

Kontrak Tambahan ini dan Permohonan untuknya, yang satu daripada salinannya dilampirkan pada Kontrak Asas, akan membentuk keseluruhan kontrak antara Kami dengan Anda. Pertukaran dalam Kontrak Tambahan ini tidak sah melainkan diluluskan oleh pegawai Prinsipal Kami dan kelulusan tersebut diendoskan padanya.

2. NOTIS TUNTUTAN

Jika Orang Dilindungi Meninggal Dunia, tuntutan hendaklah diserahkan kepada Kami dalam borang yang perlu yang akan Kami berikan berserta semua bukti kematian berdokumen yang berkaitan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari Tarikh Kematian.

Bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, tuntutan mestilah diserahkan kepada Kami seperti yang dinyatakan sebelum ini berserta semua bukti perubahan yang berkaitan bagi Hilang Upaya itu dalam

tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh mula Hilang Upaya itu. Kegagalan menyerahkan tuntutan dalam tempoh tersebut, tidak akan membatalkan mana-mana tuntutan jika dapat ditunjukkan, sehingga Kami berpuas hati, bahawa notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang mungkin.

3. BUKTI HILANG UPAYA BERTERUSAN

Jika Kami perlukan, Orang Dilindungi mestilah menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang Kami lantik berkaitan dengan Hilang Upaya tersebut dan mestilah menunjukkan bukti Hilang Upaya yang berterusan bagi Orang Dilindungi atas perbelanjaan Anda sebelum setiap bayaran tahunan.

Jika Anda gagal memberikan bukti tersebut, atau jika Orang Dilindungi tidak lagi mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh, Kami akan menghentikan Bayaran Pendahuluan dan semua Sumbangan yang kena dibayar, selepas mana-mana kejadian tersebut, akan dibayar menurut Terma Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan dan jumlah Sumbangan yang perlu dibayar akan dikira ke atas baki Jumlah Perlindungan selepas ditolak Bayaran Pendahuluan yang telah dibayar.

4. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Kami berhak memeriksa mayat Orang Dilindungi apabila dirasakan perlu dan menjalankan apa-apa bentuk pemeriksaan perubatan yang tidak dilarang oleh Undang-undang Syariah.

5. PENAMATAN

Kontrak Tambahan ini akan tamat dengan sendirinya:

- a) Jika mana-mana Sumbangan bagi Kontrak Tambahan ini atau bagi Kontrak Asas masih tidak berbayar hingga penghujung Tempoh Ihsan; atau
- b) Jika Kontrak Asas matang, diserahkan, atau tamat tempoh; atau
- c) Apabila Peserta Mencapai umur enam puluh (60) tahun pada hari lahir berikutnya bagi Tanggung Rugi Kemalangan dan Kontrak Tambahan Manfaat Hospital dan enam puluh lima (65) tahun pada hari lahir berikutnya bagi Manfaat Hilang Upaya dan Kematian Akibat Kemalangan, Manfaat Pembayar, Manfaat Pembayar Kontrak Tambahan Pembayar dengan Perlepasan Hak Sumbangan Penyakit Kritikal, Manfaat Penyakit Kritikal dan Kontrak Tambahan Bertempoh; atau
- d) Setelah bayaran Tuntutan Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal dibuat; atau
- e) Bagi Kontrak Tambahan Manfaat Hospital, Kontrak juga akan tamat apabila agregat kemasukan ke hospital genap tiga ratus enam puluh lima (365) hari; atau
- f) Bagi Kontrak Rider Tanggung Rugi Kemalangan, Kontrak juga akan tamat apabila berlaku kehilangan seperti yang dinyatakan dalam (1) dan (2) Jadual Manfaat.

Penamatan Kontrak Tambahan ini tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Bayaran yang dibuat atau apa-apa Sumbangan yang Kami terima menurut dokumen ini berikutan dengan penamatan Kontrak Tambahan ini tidak akan mewujudkan apa-apa tanggungan ke atas Kami tetapi Kami akan membayar balik mana-mana Sumbangan tersebut.

6. PENGAKTIFAN SEMULA

Jika Kontrak Tambahan ini luput disebabkan oleh Sumbangan yang tidak dibayar, maka Kontrak Tambahan menurut dokumen ini akan dipulihkan semula dengan kebenaran Kami dengan syarat Kontrak Asas dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya. Pengaktifan semula tersebut hanya akan melindungi Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, kecederaan akibat kemalangan atau kemasukan ke hospital yang berlaku selepas tarikh pengaktifan semula itu.

7. RISIKO DIKECUALIKAN

Kontrak Tambahan ini tidak akan melindungi apa-apa Kematian, Hilang Upaya, kecederaan atau penyakit termasuk Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian berikut:

- a) Perang, serangan, perbuatan musuh luar, permusuhan, operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara, dahagi, kekecohan awam, memulakan satu bentuk atau mendorong pemberontakan awam, penderhakaan tentera, pemberontakan, kuasa tentera atau rampasan kuasa atau apa-apa tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang secara aktif ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan atau badan pemerintah melalui paksaan, keganasan atau kekerasan;
- b) Jika Orang Dilindungi membunuh diri atau cuba membunuh diri (secara feloni atau tidak) atau kecederaan yang disengajakan (ketika siuman atau tidak siuman) atau ketagihan alkohol, narkotik atau dadah, atau penyedutan atau pengambilan racun, gas atau wap beracun ketika tidak siuman atau secara sengaja atau disebabkan kecuai;
- c) Semasa Orang Dilindungi terlibat dalam penerbangan, pengendalian atau penservisan mana-mana peranti udara atau pesawat udara bagi apa-apa tujuan perdagangan, pekerjaan atau hobi atau sebagai anak kapal di dalamnya atau semasa terlibat dalam penerjunan payung terjun atau penerjunan udara atau dalam apa-apa aktiviti udara yang lain selain pesawat udara tentera atau polis kecuali sebagai juruterbang atau anak kapal atau penumpang dalam pesawat udara tentera atau polis dalam penerbangan rasmi dan dibenarkan atau sebagai juruterbang atau anak kapal atau penumpang bertambang dalam penerbangan berjadual tetap sistem penerbangan komersil;
- d) Jika Hilang Upaya, kecederaan atau penyakit wujud pada tarikh kontrak dikeluarkan atau pada tarikh pengaktifan semula, mengikut mana-mana yang terkemudian;
- e) Semasa Orang Dilindungi terlibat dalam aktiviti jenayah atau yang menyalahi undang-undang, mengambil bahagian dalam mana-mana pergaduhan, rusuhan, kekacauan awam atau daripada mana-mana serangan yang membangkitkan kemarahan;
- f) Ski air atau apa-apa aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat pernafasan bantuan; atau apa-apa bentuk perlumbaan kuda atau perlumbaan kenderaan beroda;
- g) Pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, senjata nuklear, pencemaran bahan atau pencemaran radioaktif;
- h) Jika Orang Dilindungi mengalami sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan berkaitan dengan AIDS, penyakit jangkitan seks, kehamilan, bersalin, menggugurkan kandungan, keguguran atau akibat daripadanya;
- i) Semasa Orang Dilindungi sedang bertugas sebagai kakitangan dalam angkatan tentera, tentera laut atau polis;
- j) Jika Orang Dilindungi mengalami hernia, ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang mungkin berlaku dengan dan melalui toresan atau luka akibat kemalangan);
- k) Semasa Orang Dilindungi terlibat dalam mana-mana aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang Syariah; atau

Hanya terpakai pada Kontrak Tambahan Penyakit Kritikal sahaja.

- l) Kehilangan Orang Dilindungi sama ada di darat, di laut atau di udara, walaupun sebelum kehilangan itu, Tuntutan ke atas rider ini telah dipersetujui oleh Kami.

8. MUDHARABAH

Apa-apa keuntungan pada penghujung tempoh Takaful akan dikongsi pada asas lima puluh peratus (50%) kepada Peserta dan lima puluh peratus (50%) kepada Kami, dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas Kontrak Tambahan ini semasa tempoh perlindungan. Jika Sumbangan Peserta melebihi amaun jumlah tuntutan yang perlu dibayar, maka untung yang akan dibayar kepada Anda bersamaan dengan kadar Mudharabah didarab dengan lebih Sumbangan berbanding dengan tuntutan yang dibayar.

Perkongsi untung di atas akan hanya dibayar apabila Kontrak Asas matang yang padanya Kontrak Tambahan ini dilampirkan. Tidak ada perkongsi untung di bawah Kontrak Tambahan jika Kontrak Asas atau Kontrak Tambahan telah luput atau diserahkan.

9. PEMBAHARUAN

Kontrak Tambahan ini boleh dibaharui dengan membayar Sumbangan tahunan terlebih dahulu sebagai Sumbangan yang dibayar pada masa pembaharuan. Tempoh Ihsan selama tiga puluh (30) hari dari tarikh genap tempohnya dibenarkan bagi bayaran setiap Sumbangan selepas yang pertama, dan dalam tempoh itu Kontrak Tambahan ini masih berkuat kuasa. Jika, pada masa tamatnya Tempoh Ihsan, Sumbangan yang lampau tempoh masih tidak dibayar, maka Kontrak Tambahan ini akan luput dengan sendirinya. Anda berhak mengembalikan semula Kontrak Tambahan ini tertakluk kepada peruntukan pengaktifan semula dalam Kontrak ini.

Kami berhak membatalkan Kontrak Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi Anda notis tiga puluh (30) hari secara bertulis. Apabila Kontrak Tambahan ini dibatalkan, Kami tidak akan memulangkan bahagian tidak diperoleh bagi Sumbangan yang dibayar, kerana Sumbangan untuk Kontrak Tambahan ini dianggap sebagai Tabarru'at (derma). Pembatalan tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan yang timbul sebelum tarikh pembatalan.

10. TUNTUTAN KEMASUKAN KE HOSPITAL – Digunakan untuk Kontrak Tambahan Manfaat Hospital Sahaja

a. Satu Hari Kemasukan Ke Hospital

Satu (1) hari dimasukkan ke Hospital adalah bersamaan dengan kemasukan ke hospital atau pusat perubatan selama enam (6) jam atau lebih. Oleh itu, lima puluh empat (54) jam dan akan dikira sebagai tiga (3) hari.

b. Notis Tuntutan

Notis tuntutan bertulis hendaklah diberikan kepada Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar hospital. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan apa-apa tuntutan jika dapat ditunjukkan, setelah Kami berpuas hati, bahawa notis itu telah diberikan seberapa segera yang mungkin.

c. Bukti Kemasukan Ke Hospital

Kami, apabila menerima notis tersebut, akan memberikan kepada Pihak Menuntut borang yang perlu untuk diisi bagi penyerahan tuntutan. Borang hendaklah diserahkan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar hospital dengan semua bukti kemasukan ke hospital.

RIDER TAKAFUL MEDICSAVE

NOTA PENTING:

- Kontrak Tambahan ini mengandungi terma-terma dan syarat-syarat tambahan yang terpakai untuk Kontrak Takaful Asas.
- Kontrak Tambahan ini tidak akan dikeluarkan jika Kontrak Takaful Asas disertakan bersama Kontrak Tambahan untuk Manfaat Pembayar (PBA – PBF) dan/atau Pelepasan Sumbangan Penyakit Kritikal (WCA)
- Sekiranya terdapat perbezaan di antara Kontrak Tambahan ini dan Kontrak asas yang sedia ada, Kontrak Tambahan ini akan diberi keutamaan dan mengikat di antara Anda dan Kami.

Dimana Anda Pemilik Kontrak yang dinamakan seperti yang tercatat dan diterangkan di dalam Jadual Pelan Takaful Keluarga dengan Borang Permohonan dan Deklarasi yang ditandatangani, yang akan menjadi asas kepada Kontrak ini, telah memohon kepada Kami untuk perlindungan takaful yang terdapat di bawah ini.

Sebagai balasan kepada pembayaran Sumbangan oleh Anda seperti yang terdapat di dalam Jadual Kontrak dan tertakluk kepada terma-terma, peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di sini, Kami bersetuju, di dalam Tahun Kontrak, jika Peserta dimasukkan ke Hospital yang ditubuhkan secara sah disisi undang-undang kerana kecederaan badan secara kemalangan atau penyakit, Kami akan membayar, setelah menerima resit serta bukti kelulusan tentang kos yang munasabah dan mengikut kelaziman, mengikut Pelan yang dinyatakan di dalam Jadual Pelan Takaful Keluarga di mana Peserta dilindungi.

Manfaat yang dibayar di bawah Kontrak ini kepada Peserta adalah tertakluk kepada HAD KESELURUHAN TAHUNAN seperti definisi di bawah dan diterangkan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap Pelan. Keseluruhan jumlah agregat manfaat yang dibayar kepada Peserta di bawah Kontrak ini, termasuk semua pembaharuan, tidak akan melebihi HAD KESELURUHAN SEPANJANG HAYAT seperti yang didefinisikan di bawah dan diterangkan di dalam Jadual Manfaat.

B. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM**1. KONTRAK TAKAFUL**

Kontrak Takaful ini, Borang Permohonan, Jadual Kontrak, mana-mana endorsmen bertulis/peruntukan istimewa dan Kontrak Tambahan adalah membentuk keseluruhan kontrak dan tidak boleh diubah melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai, atau pegawai-pegawai yang dilantik dan diberikuasa oleh Kami. Kesemua deklarasi yang dibuat oleh Anda akan, jika tiada penipuan, dianggap sebagai representasi dan bukan warranti, Apa-apa peruntukan atau endosmen yang kemudiannya dibuat oleh Kami akan dianggap sebagai sebahagian daripada terma Kontrak.

2. KUASA AGEN

Agensi Kami tidak mempunyai kuasa untuk mengisi, menolong atau menandatangani Borang Permohonan bagi pihak Anda dan jika terdapat Agen yang berbuat demikian dengan pengetahuan atau kebenaran atau persetujuan Anda, untuk tujuan pembentukan Kontrak ianya dianggap bertindak sebagai agen Anda dan bukan agen Kami dan Anda mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kesilapan atau ketidakbenaran jawapan di dalam Borang Permohonan.

3. KELAYAKAN PERLINDUNGAN

Seseorang layak dilindungi di bawah Kontrak ini jika ianya:-

- a) seorang warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap yang menetap di Malaysia;
- b) berusia di antara tiga puluh (30) hari sehingga lima puluh sembilan (59) tahun pada harijadi yang berikutnya pada masa permohonan dibuat; dan
- c) Penerimaan oleh Kami selepas proses pengunderaitan orang perseorangan yang berkenaan selesai.

4. PEMBAYARAN SUMBANGAN

Seperti yang tercatat di Jadual Kontrak, Sumbangan untuk Kontrak ini akan dibayar sebelum atau pada tarikh Kontrak ini berkuatkuasa, dan dibayar secara tahunan di Pejabat Utama atau mana-mana pejabat cawangan atau kepada sesiapa yang telah diberikuasa oleh Kami untuk menerima Sumbangan bagi pihak Kami, bagi pertukaran dengan resit rasmi Kami. Anda seterusnya bersetuju bahawa kadar Sumbangan akan dinaikkan jika Anda masuk kepada kumpulan umur yang berikutnya semasa Kontrak masih lagi berkuatkuasa.

Kami tidak akan menghadkan kenaikan Sumbangan kepada Peserta akibat daripada tuntutan tetapi Kami mempunyai hak untuk membuat penyesuaian sumbangan bagi kesemua Kontrak yang dikeluarkan.

Jika Peserta meninggal dunia, tertakluk kepada Fasal 3 dari Syarat-Syarat di bawah, apa-apa sumbangan bagi tahun semasa yang belum dijelaskan akan ditolak daripada jumlah yang akan dibayar di bawah Kontrak ini atau Kontrak asas.

Apa-apa penerimaan oleh Kami berkenaan dengan bayaran yang dibuat oleh Anda yang kurang daripada jumlah sumbangan yang patut dibayar di bawah Sumbangan ini tidak akan ditafsirkan sebagai penepian oleh Kami berkenaan dengan sumbangan yang patut dibayar di bawah Sumbangan ini. Tanpa prasangka kepada perkara di atas, kegagalan atau kelewatan Kami untuk menggunakan hak-haknya, kuasa atau hak istimewa, tidak akan beroperasi sebagai penepian atau menjejaskan liabiliti Anda atau setiap satu atau sebahagian dari pelaksanaan apa-apa hak, kuasa atau hak istimewa atau penggunaan apa-apa hak, kuasa atau hak istimewa yang lain yang telah diberikan.

5. AKAUN KHAS PESERTA

Sumbangan yang Anda bayar dibawah Kontrak ini akan dikreditkan seratus peratus (100%) ke dalam Akaun Khas Peserta di bawah Dana Takaful Keluarga. Sumbangan beserta keuntungan dikira sebagai Tabarru'at (derma) untum membayar Manfaat Takaful kepada penuntut yang layak ke atas Manfaat tersebut berdasarkan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di kalangan Peserta tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan.

6. PEMBAHAGIAN LEBIHAN

Sekiranya pada penghujung tahun kewangan, ada lebihan pendapatan daripada liabiliti di dalam Akaun Khas Peserta, lebihan sebanyak lapan puluh peratus (80%) akan diperuntukkan untuk dibahagikan diantara Peserta dan Pengendali Takaful akan menerima sebanyak dua puluh peratus (20%) lebihan tersebut tertakluk kepada terma-terma Kontrak ini dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Lebihan hanya akan dibayar kepada Anda apabila Kontrak asas matang. Lebihan tidak akan dibayar jika Kontrak asas diserahkan atau dibatalkan kerana tuntutan.

B. DEFINISI BERKENAAN PERLINDUNGAIN TAKAFUL

a) **Pemilik Kontrak**

Pemilik Kontrak bermaksud orang perseorangan atau badan korporat yang mana Kontrak telah dikeluarkan kepadanya berkenaan dengan perlindungan kepada Peserta di bawah Kontrak ini.

b) **Peserta**

Peserta bermaksud orang yang digambarkan di dalam Jadual Kontrak sebagai Orang yang Dilindungi di bawah Kontrak ini dan dalam kes-kes yang sesuai mungkin Pemilik Kontrak.

c) **Pengendali Takaful**

Pengendali Takaful bermaksud Etiqa Takaful Berhad.

d) **Kami,**

Kami bermaksud Etiqa Takaful Berhad.

e) **Tahun Kontrak**

Tahun Kontrak bermaksud tempoh satu (1) tahun termasuklah tarikh efektif permulaan perlindungan takaful dan tarikh berikutnya, atau tempoh satu (1) tahun berikutan Pembaharuan atau Pembaharuan Kontrak.

- f) **Pembaharuan Atau Pembaharuan Kontrak**
Pembaharuan atau Pembaharuan Kontrak bermaksud Kontrak yang telah diperbaharui tanpa masa lupus setelah tamatnya Kontrak sebelumnya dengan kandungan yang sama.
- g) **Kemalangan**
Kemalangan bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tanpa niat, tanpa disangka, luar biasa, dan kejadian tertentu yang berlaku pada waktu dan tempat yang boleh di kenal pasti yang mana dengan sebab kejadiannya menjadi satu-satunya penyebab kecederaan anggota.
- h) **Kecederaan**
Kecederaan bermaksud kecederaan anggota yang berlaku kerana Kemalangan.
- i) **Penyakit**
Penyakit bermaksud keadaan fizikal yang mempunyai tanda-tanda patologi yang menyimpang dari keadaan kesihatan baik yang normal.
- j) **Hilang Upaya**
Hilang Upaya bermaksud sesuatu Penyakit atau semua Kecederaan yang wujud dari satu atau satu siri punca yang berterusan.
- (k) **Mana-Mana Satu Hilang Upaya**
Mana-mana Satu Hilang Upaya bermaksud semua tempoh hilang upaya yang terjadi akibat daripada sebab yang sama termasuk apa-apa komplikasi kecuali sekiranya Peserta sihat sepenuhnya dan tidak perlu melakukan rawatan selanjutnya (termasuk ubat-ubatan, diet khas atau suntikan atau nasihat) berkenaan dengan hilang upaya tersebut dalam masa sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh dikeluarkan dari hospital dan hilang upaya berikutnya adalah daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai hilang upaya yang baru.
- (l) **Keadaan Selepas Lahir Yang Tidak Normal**
Keadaan Selepas Lahir Yang Tidak Normal bermaksud sebarang keadaan luarbiasa sama ada dari segi perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, begitu juga dengan keadaan fizikal luar biasa neonatal yang terbentuk dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh lahir. Ia termasuklah semua jenis Hernia dan Epilepsi kecuali bila disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Peserta terus menerus dilindungi di bawah Kontrak ini.
- (m) **Anak**
Anak bermaksud sesiapa sahaja yang mencapai umur tiga puluh (30) hari dan belum lagi berumah tangga, bergantung kewangan kepada Peserta dan dibawah umur sembilan belas (19) tahun, atau berumur dua puluh tiga (23) tahun kepada sesiapa yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.
- (n) **Perbelanjaan Layak Diterima**
Perbelanjaan Layak Diterima bermaksud perbelanjaan Keperluan Perubatan yang bertanggung akibat dari Hilang Upaya yang dilindungi tetapi tidak melebihi had di dalam Jadual
- (o) **Keperluan Perubatan**
Keperluan Perubatan bermaksud perkhidmatan perubatan yang mana:
- Sejajar dengan diagnosis dan rawatan perubatan yang lazim untuk Hilang upaya yang dilindungi; dan
 - Menurut piawai amalan perubatan yang baik, sejajar dengan piawai semasa penjagaan perubatan profesional, dan manfaat perubatan yang terbukti; dan
 - Bukan untuk Peserta atau Pegawai Pakar Perubatan dan tidak boleh secara munasabahny diberikan di luar Hospital (jika telah dimasukkan ke hospital), dan
 - Bukan untuk eksperimen, siasatan atau tujuan penyelidikan, bersifat pencegahan atau penapisan, dan
 - Caj-cajnya adalah berpatutan dan munasabah serta lazim untuk Hilang upaya tersebut.

(p) Caj-Caj Berpatutan Dan Kebiasaan

Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan bermaksud caj-caj penjagaan perubatan yang menjadi keperluan perubatan hendaklah dianggap berpatutan dan kebiasaan setakat mana ia tidak melebihi tahap umum caj-caj yang dibuat oleh pihak lain yang setaraf di dalam kawasan di mana caj tersebut telah tertanggung, tatkala menyediakan rawatan yang hampir sama, perkhidmatan atau pembekalan kepada individu yang sama jantina dan umur yang lebih kurang sama untuk penyakit, jangkitan atau kecederaan yang sama dan menurut standard dan amalan perubatan tidak boleh ditinggalkan tanpa memberi kesan kepada keadaan perubatan Peserta.

(q) Penyakit Sedia Ada

Penyakit Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang mana Peserta secara munasabah mempunyai pengetahuan tentangnya. Peserta boleh dianggap sebagai mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang penyakit sedia ada jika penyakit tersebut:

- i. Peserta telah atau sedang menerima rawatan;
- ii. Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telahpun disyorkan;
- iii. Simptom-simptom yang nyata dan khusus adalah atau pernah jelas kelihatan;
- iv. Kewujudannya adalah jelas kepada orang yang munasabah dalam situasi tersebut.

(r) Penyakit Khusus

Penyakit Khusus bermaksud hilang upaya berikut dan kerumitan yang berkaitan dengannya, yang berlaku satu ratus dua puluh (120) hari dalam tempoh perlindungan takaful Peserta:-

- i. Hypertension, Diabetes Mellitus, penyakit Kardiovaskular
- ii. Semua Tumor, Kanser, Sista, Nodul, Polip, batu karang di dalam system Urinari dan Biliari
- iii. Semua penyakit telinga, hidung (termasuklah sinus-sinus) dan kerongkong
- iv. Hernia, Haemoroid, fistulae, hidrocele, varicocele
- v. Endometriosis termasuklah system peranakan
- vi. Penyakit berkaitan Vertebro-spinal termasuklah cakera dan lutut.

(s) Dimasukkan Ke Hospital

Dimasukkan ke Hospital bermaksud dimasukkan ke sebuah Hospital sebagai pesakit-dalam untuk rawatan Keperluan Perubatan bagi hilang upaya yang dilindungi sebagaimana disarankan oleh pegawai pakar perubatan. Seorang pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit-dalam jika pesakit tersebut tidak tinggal di hospital secara fizikal untuk keseluruhan tempoh dimasukkan ke hospital.

(t) Unit Rawatan Rapi

Unit Rawatan Rapi bermaksud satu seksyen di dalam sebuah Hospital yang ditetapkan sebagai sebuah Unit Rawatan Rapi, yang mana diuruskan selama dua puluh empat (24) jam khususnya untuk rawatan pesakit-pesakit dalam keadaan kritikal dan mempunyai kelengkapan untuk menyediakan penjagaan dan khidmat perubatan istimewa yang tidak boleh diperolehi dari lain-lain bahagian Hospital tersebut.

(u) Pesakit Luar

Pesakit Luar bermaksud Peserta yang sedang menerima penjagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke hospital dan termasuk rawatan di pusat Penjagaan Harian.

(v) Tempoh Menunggu

Tempoh Menunggu bermaksud tiga puluh (30) hari pertama diantara permulaan hilang upaya Peserta dan Tarikh Permulaan/Tarikh Pengembalian Semula Kontrak ini dan adalah digunapakai hanya apabila Peserta mula-mula dilindungi. Tempoh Menunggu ini tidak akan digunapakai selepas tahun pertama perlindungan. Namun begitu, jika tempoh takaful terputus, Tempoh Menunggu ini akan digunapakai semula.

(w) Had Keseluruhan Tahunan

Had Keseluruhan Tahunan bermaksud manfaat-manfaat yang boleh dibayar berkaitan dengan perbelanjaan tertanggung untuk rawatan yang diberikan kepada Peserta di dalam tempoh perlindungan takaful hendaklah dihadkan pada Had Keseluruhan Tahunan sepertimana yang

dinyatakan di dalam Jadual Manfaat tanpa mengambilkira jenis hilang upaya. Apabila Had Keseluruhan Tahunan telah dibayar, keseluruhan perlindungan takaful untuk Peserta hendaklah dengan segera terhenti dari dibayar untuk baki tahun Kontrak seterusnya.

(x) **Had Keseluruhan Sepanjang Hayat**

Had Keseluruhan Sepanjang Hayat bermaksud had yang digunakan terhadap jumlah keseluruhan manfaat-manfaat yang telah dibayar di bawah Kontrak ini, termasuklah kesemua pengembalian semula yang terdahulu disepanjang keseluruhan hayat Peserta.

C. DEFINISI BERKAITAN DENGAN BEKALAN PERUBATAN

(a) **Pembedahan Balik Hari**

Pembedahan balik hari adalah merujuk kepada pesakit yang memerlukan kemudahan pemulihan bagi prosedur pembedahan dengan cara persediaan awal di hospital/klinik pakar (tetapi tidak tinggal semalaman).

(b) **Hospital**

Hospital bermaksud sebuah penempatan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang sakit dan cedera sebagai pesakit dalam yang berbayar, dan yang mana:-

- i. Mempunyai kemudahan untuk melakukan diagnosis dan pembedahan utama,
- ii. Menyediakan perkhidmatan penjagaan rawatan selama 24-jam oleh jururawat berdaftar dan berkelayakan,
- iii. Berada di bawah kawalselia Pegawai Pakar Perubatan; dan
- iv. Bukan pada asasnya sebuah klinik, tempat rawatan penagih alkohol atau dadah, pusat penjagaan atau pusat jagaan warga tua atau seumpamanya.

(c) **Hospital Kerajaan Malaysia**

Hospital Kerajaan Malaysia bermaksud sebuah Hospital yang mana caj-caj perkhidmatannya adalah tertakluk kepada Akta Fi 1952, Peraturan Fi (Perubatan) 1982 dan/atau sebarang pindaan terhadapnya jika ada.

(d) **Ubat Preskripsi**

Ubat preskripsi bermaksud ubat-ubatan yang diberikan oleh seorang Pegawai Pakar Perubatan, Pegawai Farmasi Berdaftar atau sebuah Hospital dan telah diberikan oleh seorang Pegawai Pakar Perubatan atau Pakar Perubatan berhubung dengan rawatan untuk hilang upaya yang dilindungi.

(e) **Doktor atau Pegawai Pakar Perubatan atau Doktor Bedah**

Doktor atau Pegawai Pakar Perubatan atau Doktor Bedah bermaksud seorang pengamal perubatan berdaftar berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan seorang yang mana semasa memberikan rawatan adalah mengamalkannya di dalam lingkungan lesen dan latihannya di kawasan geografi amalannya tetapi tidak termasuk seorang doktor, pakar perubatan atau doktor bedah yang merupakan Peserta itu sendiri.

(f) **Doktor Pergigian**

Doktor Pergigian bermaksud seorang yang telah diberikan lesen atau berdaftar untuk menjalankan khidmat pergigian di kawasan geografi di mana perkhidmatan tersebut diberikan, tetapi tidak termasuk seorang Pegawai Perubatan yang merupakan Peserta itu sendiri.

(g) **Pakar Perubatan**

Pakar Perubatan bermaksud pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen seumpamanya di dalam kawasan geografi amalan beliau di mana rawatan telah diberikan dan seorang yang yang dikelaskan oleh badan berkuasa kesihatan sebagai orang yang mempunyai kepakaran yang tinggi serta khusus di dalam bidang khusus perubatan atau pergigian, tetapi tidak termasuk pegawai pakar perubatan atau doktor bedah yang merupakan Peserta itu sendiri.

(h) **Pembedahan**

Pembedahan bermaksud mana-mana prosedur perubatan yang berikut:-

- i. Memotong atau mengelektrokasi mana-mana organ atau bahagian badan kecuali perkhidmatan pergigian;

- ii. Memperbaiki, memperbetulkan atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan;
- iii. Mengurangkan keretakan atau dislokasi secara manipulasi;
- iv. Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu karang atau objek dari larink, bronkus, trakea, esofagus, perut, intestine, pundi kencing atau uretra.

D. HURAIAN MANAFAAT

(a) Bilik Dan Makan Harian Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan Keperluan Perubatan untuk bilik dan makan harian hospital. Amaun untuk manfaat ini hendaklah bersamaan dengan caj-caj sebenar pihak hospital sepanjang tempoh Peserta menginap di hospital tetapi manfaat ini tidak akan melebihi untuk mana-mana satu hari, kadar manfaat bilik dan makan harian hospital dan jumlah maksima hari sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Peserta hanya akan layak untuk manfaat ini semasa menginap di hospital sebagai pesakit.

(b) Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan Keperluan Perubatan yang sebenar bilik dan makan harian hospital semasa Peserta menginap di dalam Unit Rawatan Rapi sebagai pesakit-dalam di hospital. Manfaat ini hendaklah boleh dibayar bersamaan caj-caj sebenar yang dibuat oleh hospital tertakluk kepada manfaat maksima untuk satu hari dan jumlah hari maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Sekiranya tempoh menginap di Unit Rawatan Rapi adalah melebihi had maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar biasa Bilik dan Penginapan Hospital.

Tiada Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital akan dibayar untuk tempoh berada di dalam Unit Rawatan Rapi jika Manfaat Harian Unit Rawatan Rapi adalah boleh dibayar.

(c) Fee Pembedahan

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan untuk satu pembedahan Keperluan Perubatan oleh Doktor Pakar termasuklah penilaian pra-pembedahan lawatan Doktor Pakar terhadap Peserta dan penjagaan selepas pembedahan untuk jumlah hari maksima yang dikira dari hari pembedahan tetapi di dalam had maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Jika lebih dari satu pembedahan telah dilakukan ke atas Peserta, jumlah pembayaran untuk kesemua pembedahan yang telah dijalankan hendaklah tidak melebihi had maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(d) Fee Anestetik

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan oleh Pakar Anestetik untuk pemberian anesthetic Keperluan Perubatan tidak melebihi had sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(e) Bilik Pembedahan

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan bilik pembedahan yang berkaitan dengan prosedur pembedahan.

(f) Pendapat Pembedahan Kedua

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang telah dikenakan untuk rundingan dengan seorang Pegawai Perubatan yang pakar tentang keadaan perubatan, yang telah di diagnos sebelum rundingan ini oleh Pegawai Perubatan pakar yang lain, meminta pembedahan. Jumlah yang dikenakan akan termasuk semua pathologi dan radiografi yang dilakukan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh diagnosis disahkan oleh Pegawai Perubatan Pakar yang pertama. Manfaat ini tidak termasuk kos rawatan yang diterima semasa rundingan.

Pembayaran akan dibuat jika Peserta kemudiannya dimasukkan ke hospital dan jika caj-caj dikenakan dalam masa seperti yang tercatat di dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke hospital.

(g) Perkhidmatan Dan Pembekalan Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang sebenar untuk Keperluan Perubatan rawatan umum, ubat-ubatan preskripsi dan boleh dimakan, pembalutan, pengandah, kas plaster, sinaran-x, ujian makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisma basal, suntikan dan cecair intravena, pemberian darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Peserta berada di dalam hospital sebagai pesakit-dalam setakat mana amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(h) Lawatan Pegawai Pakar Perubatan Di Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan oleh seorang Pegawai Pakar Perubatan untuk lawatan keperluan perubatan seorang pesakit-dalam yang berada di dalam hospital untuk hilang upaya bukan-pembedahan tertakluk kepada maksima satu (1) lawatan setiap sehari tidak melebihi jumlah hari sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(i) Lawatan Pakar Di Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan oleh seorang Pakar, yang dirujuk oleh seorang Pengamal Perubatan yang berdaftar, untuk perundingan dan rawatan perubatan semasa berada di dalam hospital untuk hilang upaya bukan-pembedahan tertakluk kepada maksima satu (1) lawatan bagi satu (1) hari tidak melebihi jumlah hari maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(j) Ujian Diagnostik Pra-Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan untuk Keperluan Perubatan ECG, sinaran-x dan ujian makmal yang dilakukan untuk tujuan diagnostik disebabkan oleh kecederaan atau penyakit berkaitan dengan hilang upaya sebelum dimasukkan ke hospital, dalam bilangan hari dan amaun maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, di hospital dan di atas saranan seorang pengamal perubatan berkeelayakan. Tiada bayaran akan dibuat jika setelah khidmat diagnostik dilakukan, Peserta tidak dimasukkan ke hospital untuk rawatan ke atas keadaan perubatan yang telah di diagnosiskan itu. Ubat-ubatan dan perundingan yang telah dicajkan oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

(k) Khidmat Perundingan Pakar Pra-Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan untuk perundingan pertama oleh seorang Pakar berkaitan dengan hilang upaya dalam bilangan hari maksima sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke hospital dan tertakluk kepada perundingan tersebut adalah satu Keperluan Perubatan dan telah disarankan secara bertulis oleh pengamal perubatan yang merawat.

Bayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuklah ubat-ubatan dan perundingan susulan setelah penyakit di diagnosiskan) atau jika Peserta tidak dimasukkan ke hospital untuk rawatan terhadap keadaan perubatan yang telah di diagnosis

(l) Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar

Pembayaran balik Caj-Caj Berpatutan dan Kebiasaan yang telah ditanggung setakat had maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat akibat dari kecederaan badan dilindungi yang wujud akibat dari kemalangan untuk rawatan Keperluan Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau Hospital berdaftar dalam tempoh 24-jam dari kemalangan yang mengakibatkan kecederaan badan yang dilindungi tersebut. Rawatan susulan oleh doktor yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan badan dilindungi yang sama akan diberikan setakat amaun maksima dan bilangan hari maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(m) Rawatan Kecemasan Pergigian

Satu jumlah bersamaan caj yang Berpatutan dan Kebiasaan untuk rawatan kecemasan pergigian terhadap gigi semulajadi (tidak termasuk crown dan dentur) yang dilakukan di Hospital atau klinik pergigian berdaftar dan diterima sebagai pesakit luar dalam tempoh 24-jam dari kemalangan, perbelanjaan layak diterima untuk rawatan susulan oleh doktor gigi yang sama akan dibayar balik setakat bilangan hari maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bermula dari tarikh kemalangan tertakluk kepada had maksima bagi setiap kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(n) Rawatan Penyakit

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan (tidak termasuk kemudahan pengangkutan) yang telah ditanggung di dalam rawatan perubatan dan rundingan tentang sesuatu penyakit yang mendadak, tetapi tidak disebabkan oleh Kemalangan, menyebabkan Peserta harus dirawat oleh Pegawai Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik yang menyediakan khidmat dua puluh empat jam (24) jam dari 12 tengah malam sehingga 6 pagi esoknya. Semua tuntutan untuk manfaat ini hendaklah disertakan dengan resit dari hospital/klinik dan disertakan bersama jenis penyakit, diagnosis dan tarikh serta masa Pegawai Perubatan memberi rawatan

(o) Rawatan Susulan Selepas Masuk Hospital

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang telah ditanggung di dalam rawatan susulan Keperluan Perubatan oleh Pegawai Pakar Perubatan yang sama dalam bilangan hari dan amaun maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, sebaik sahaja dibenarkan keluar dari hospital untuk hilang upaya bukan pembedahan. Ia hendaklah meliputi ubat-ubatan yang telah dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi hendaklah tidak melebihi bekalan yang diperlukan untuk maksima hari yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(p) Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang ditanggung untuk terapi fizikal yang diterima sebagai pesakit luar di klinik atau hospital yang mempunyai peralatan secukupnya dan layak untuk membuat terapi tersebut untuk rawatan susulan bagi sesuatu keadaan perubatan yang dilindungi di bawah Kontrak ini yang mana Peserta telah dimasukkan ke hospital. Terapi tersebut hendaklah di syorkan dan diluluskan secara bertulis oleh Pegawai Perubatan atau Doktor Bedah yang berkenaan dan diterima dalam masa enam puluh (60) hari selepas pelepasan dari hospital. Manfaat satu rawatan yang boleh dibayar adalah tidak melebihi had manfaat mengikut Pelan yang mana yang melindungi Peserta sepertimana yang terdapat di Jadual Manfaat.

(q) Fee Ambulan

Pembayaran balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang bertanggung untuk keperluan perkhidmatan ambulan domestik termasuk atenden kepada dan/atau dari Hospital yang beliau telah dimasukkan. Pembayaran tidak akan dibuat jika Peserta tidak dimasukkan ke dalam Hospital dan tertakluk kepada had-had yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

(r) Cukai Perkhidmatan Kerajaan Malaysia

Lima peratus (5%) Cukai Perkhidmatan Kerajaan Malaysia untuk Bilik dan Penginapan yang sebenar telah bertanggung tertakluk kepada had manfaat harian maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat hendaklah dibayar balik.

(s) Fi Laporan Perubatan

Pembayaran balik fi yang sebenar ditanggung untuk mendapatkan satu (1) Laporan Perubatan bagi setiap hilang upaya dari Hospital atau Pegawai Pakar Perubatan yang merawatnya, yang mana berkaitan dengan kemasukannya ke Hospital yang dilindungi di bawah Kontrak ini tertakluk kepada jumlah maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(t) Elaun Wang Saku Harian Di Hospital Kerajaan

Pembayaran elaun wang saku harian untuk setiap hari berada di Hospital untuk hilang upaya dilindungi di dalam sebuah Hospital Kerajaan Malaysia, tertakluk kepada Peserta hendaklah dimasukkan ke dalam Bilik dan Penginapan berkadar tidak melebihi amaun yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat. Tiada bayaran akan dibuat untuk sebarang pertukaran kepada atau dari Hospital Persendirian dan Hospital Kerajaan Malaysia untuk hilang upaya dilindungi.

(u) Rawatan Kanser Pesakit Luar

Jika Peserta telah di diagnosiskan sebagai menghidap Kanser seperti didefinisikan di bawah ini, Pengendali Takaful akan membayar balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang bertanggung untuk rawatan Keperluan Perubatan bagi Kanser yang dilakukan di pusat rawatan kanser yang berdaftar tertakluk kepada had untuk hilang upaya ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi tetapi mengecualikan perundingan, ujian pemeriksaan dan ubat-ubatan yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar sebuah hospital atau pusat rawatan kanser berdaftar secara serta merta setelah dibenarkan keluar dari penginapan Hospital atau pembedahan.

Kanser adalah didefinisikan sebagai pertumbuhan luar kawalan dan kemerebakan sel-sel malignan serta penyerangan dan pemusnahan tisu-tisu normal yang mana rawatan pencegahan utama atau pembedahan (tidak termasuk prosedur endoskopik) adalah dianggap keperluan. Kanser itu mestilah disahkan oleh bukti histologi malignansinya. Keadaan-keadaan berikut adalah dikecualikan secara khusus:-

- i. Carcinoma-in-situ termasuklah yang melibatkan serviks
- ii. Ductal carcinoma-in-situ Payudara
- iii. Papilari carcinoma pundit kencing dan Kanser Prostat Tahap 1
- iv. Semua Kanser kulit kecuali Melanoma Malignan
- v. Penyakit Hodgkin Tahap 1
- vi. Tumor yang terbentuk akibat dari komplikasi AIDS.

Adalah menjadi syarat khusus Manfaat ini bahawa tanpa mengambilkira pengecualian terhadap keadaan sedia ada, Manfaat ini tidak akan dibayar kepada mana-mana Peserta yang telah didiagnosiskan sebagai pesakit kanser dan/atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh efektif perlindungan takaful.

(v) **Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar**

Jika Peserta telah di diagnosis sebagai menghidap penyakit Kegagalan Buah Pinggang seperti didefinisikan di sini, Pengendali Takaful akan membayar balik Caj-caj Berpatutan dan Kebiasaan yang bertanggung untuk rawatan Keperluan Perubatan bagi dialisis Buah Pinggang yang telah dilakukan di pusat rawatan dialisis berdaftar tertakluk kepada had untuk hilang upaya ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis tetapi mengecualikan perundingan, ujian pemeriksaan, ubat-ubatan yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar sebuah Hospital atau pusat rawatan dialisis berdaftar secara serta merta setelah dibenarkan keluar dari Hospital atau pembedahan.

Kegagalan Buah Pinggang adalah bermaksud kegagalan renal peringkat akhir yang dilihat sebagai kegagalan kronik kedua-dua buah pinggang yang tidak boleh diperbaiki yang membawa kepada dialisis renal dimulakan.

Adalah menjadi syarat khusus Manfaat ini bahawa tanpa mengambilkira pengecualian keadaan sedia ada, Manfaat ini adalah tidak akan dibayar kepada mana-mana Peserta yang telah menghidap penyakit renal kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum tarikh efektif perlindungan takaful.

(w) **Pemindahan Organ**

Pembayaran balik Caj-Caj Berpatutan dan Kebiasaan yang bertanggung untuk pembedahan Peserta yang menjadi penerima pemindahan organ buah pinggang, jantung, paru-paru, hati atau tulang sumsum. Bayaran di bawah Manfaat ini hanya akan digunapakai satu (1) kali sepanjang hayat Peserta dalam tempoh Kontrak ini berkuatkuasa dan hendaklah tertakluk kepada had sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Kos mendapatkan organ-organ dan semua kos bertanggung oleh penderma adalah tidak dilindungi.

(x) **Manfaat Penjaga Anak Peserta**

Pembayaran balik setakat had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan makan dan penginapan bertanggung untuk menjaga anak Peserta (berumur kurang dari lima belas (15) tahun) di Hospital untuk jumlah hari maksima seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(y) **Perbelanjaan Pengebumian**

Pembayaran balik amaun penuh seperti yang tercatat di Jadual Manfaat bagi pengebumian, pembakaran atau perbelanjaan pengebumian apabila Peserta meninggal dunia.

E. SYARAT-SYARAT

1. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Kontrak ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual Kontrak. Ulangtahun Kontrak adalah satu (1) tahun selepas tarikh efektif dan tahun-tahun seterusnya. Pada setiap ulangtahun tersebut, Kontrak ini boleh diperbaharui dengan kadar Sumbangan yang ditetapkan ketika itu sepertimana dimaklumkan oleh Pengendali Takaful.

Kontrak ini boleh diperbaharui atas pilihan Peserta tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pembatalan pada setiap tarikh ulangtahun Kontrak. Pengendali Takaful berhak untuk meminda kadar Sumbangan yang akan dikenakan pada tarikh pembaharuan tersebut. Sebarang perubahan pada kadar Sumbangan yang dibuat oleh Pengendali Takaful akan dimaklumkan kepada Pemilik Kontrak sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum Ulangtahun Kontrak. Sebarang perubahan, jika ada hendaklah dikenakan ke atas semua Pemilik Kontrak tanpa mengambil kira sejarah tuntutan mereka berdasarkan penilaian risiko oleh Pengendali Takaful.

Kontrak ini adalah boleh diperbaharui atas pilihan Pemilik Kontrak sehingga berlakunya keadaan-keadaan berikut:

- i. tiada pembayaran Sumbangan dibuat atau pembayaran Sumbangan lewat
- ii. fraud atau salah nyata fakta material semasa permohonan
- iii. Kontrak telah dibatalkan atas permintaan Pemilik Kontrak
- iv. jumlah tuntutan-tuntutan Kontrak telahpun mencecah had keseluruhan hayat yang dinyatakan dan/atau pada tarikh kematian Peserta

- v. Peserta telah mencecah had usia dilindungi yang telah diperuntukkan
- vi. Penamatan perlindungan untuk semua Kontrak di dalam pasaran tertentu dan pihak Kami telah menarik balik sepenuhnya Kontrak ini dari pasaran mengikut Syarat Menarik Balik Portfolio.
- vii. kontrak asas menjadi berbayar, matang atau bertukar kepada Tempoh Lanjutan takaful;
- viii. kontrak asas terbatal, tamat atau diserahkan dengan apa-apa sebab; atau
- ix. tamat tarikh Kontrak ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual

2. TEMPOH TENGGANG

Tempoh tenggang selama tiga puluh (30) hari daripada tarikh akhir patut dibayar adalah dibenarkan untuk membuat semua bayaran Sumbangan.

3. LUPUT

Jika Sumbangan tidak dibayar sebelum atau apabila tamat tempoh pembayaran, Kontrak ini akan, untuk semua tujuan, selepas tamatnya tempoh tenggang akan dianggap sebagai terbatal dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa jumlah kepada sesiapa pun di bawah Kontrak ini.

4. PENGEMBALIAN

Jika Kontrak (termasuk kontrak rider) telah melebihi tempoh ketidak bayaran Sumbangan dan ianya tidak diserahkan oleh Anda, ianya boleh dikembalikan dengan menggunakan budi bicara mutlak Kami dalam tempoh yang akan ditentukan oleh Kami dengan syarat Anda (i) membuat permohonan secara bertulis untuk pengembalian dan (ii) membuat bayaran sepenuhnya Sumbangan yang tertunggak sehingga tarikh pengembalian. Kami boleh meminta bukti yang memuaskan daripada Anda berkaitan keadaan kesihatan semasa atau apa-apa maklumat yang ditanggung oleh menggunakan perbelanjaan Anda. Meskipun begitu, Kami mempunyai budi bicara mutlak samaada untuk menerima atau menolak apa-apa permintaan untuk pengembalian. Sesetengah pengembalian hanya melindungi kerugian yang berlaku selepas tarikh pengembalian.

5. KESILAPAN PERNYATAAN BERKENAAN UMUR

Sekiranya umur Peserta telah dinyatakan secara silap dan menyebabkan Sumbangan yang dibayar tidak mencukupi, apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Kontrak ini akan dibayar secara pro rata mengikut kadar Sumbangan asal yang patut dibayar pada tahun tersebut. Apa-apa Sumbangan yang berlebihan, yang mungkin dibayar disebabkan oleh kesilapan pernyataan berkenaan umur hendaklah dipulangkan tanpa faedah.

Jika, pada umur yang betul, Peserta tidak layak untuk mendapat perlindungan di bawah Kontrak ini, tidak ada manfaat akan dibayar. Liabiliti Pengendali Takaful hanya tertakluk kepada pemulangan Sumbangan tanpa faedah.

6. KAWASAN GEOGRAFI

Semua manfaat di bawah Kontrak ini terpakai di seluruh dunia dua puluh empat (24) jam sehari.

7. RESIDEN DI LUAR NEGARA

Jika Peserta menetap atau membuat perjalanan ke luar Malaysia selama lebih dari sembilan puluh (90) hari secara terus, tidak ada manfaat akan dibayar untuk apa-apa rawatan perubatan yang diterima oleh Peserta di luar Malaysia.

8. SALAH NYATA FAKTA/ PENIPUAN

Jika borang permohonan atau deklarasi yang dibuat oleh Peserta tidak benar berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang material yang akan menyebabkan risiko dinyatakan secara tidak tepat atau tidak dimasukkan, atau perlindungan takaful ini atau pembaharuan diperolehi melalui salah nyata fakta atau paksaan, atau tuntutan dibuat secara menipu atau menokok tambah, atau jika ada akuan palsu atau kenyataan yang dibuat berkenaan dengan akuan palsu tersebut, maka dalam mana-mana perkara di atas, Kontrak ini akan terbatal.

9. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Kontrak ini dikeluarkan di bawah Undang-Undang Malaysia dan akan tertakluk kepada undang-undang yang terpakai di Malaysia.

10. SYARAT MENARIK BALIK PORTFOLIO

Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengunderaitan produk takaful ini.

Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberitahu secara bertulis kepada Pemilik Kontrak dalam masa tiga puluh (30) hari sebelum Kami menguatkuasakan syarat menarik balik portfolio dan Pengendali Takaful akan meneruskan semua Kontrak sedia ada sehingga ianya luput pada Tahun Kontrak masing-masing.

11. PENGUBAHAN

Pengendali Takaful berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Kontrak ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis, secara pos biasa ke alamat Pemilik Kontrak yang terakhir yang terdapat di dalam rekod Pengendali Takaful, dan pindaan tersebut akan terpakai bermulanya ulangtahun Kontrak ini. Apa-apa pindaan tidak akan sah tanpa arahan Pengendali Takaful dan semua pindaan hendaklah diluluskan. Jika terdapat sebarang perubahan, Pengendali Takaful akan memberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Pemilik Kontrak berdasarkan alamat terakhir yang terdapat di dalam rekod.

12. PERUBAHAN RISIKO

Peserta hendaklah, dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada Pengendali Takaful jika terdapat apa-apa perubahan yang material berkenaan dengan pekerjaannya, perniagaan, tanggungjawab atau aktiviti dan membayar Sumbangan tambahan yang mungkin dikenakan oleh Pengendali Takaful.

13. PENSIJILAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

Semua sijil, maklumat, laporan perubahan dan bukti seperti yang diminta oleh Pengendali Takaful hendaklah dikemukakan oleh Pemilik Kontrak dalam bentuk yang diminta oleh Pengendali Takaful, dan ditanggung oleh Pemilik Kontrak. Dalam semua keadaan, notis yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful hendaklah diberikan secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengendali Takaful. Peserta, hendaklah, atas permintaan dan tanggungan Pengendali Takaful, menghantar ujian perubahan jika perlu.

14. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Tiada perubahan di dalam terma-terma dan syarat-syarat Kontrak akan menjadi sah tanpa adanya tandatangan oleh wakil Pengendali Takaful yang diberi kuasa.

15. PROSIDING UNDANG-UNDANG

Tidak ada tindakan di sisi undang-undang atau ekuiti yang boleh dikenakan ke atas Kontrak ini sebelum berakhirnya enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian secara bertulis telah diberikan mengikut keperluan Kontrak ini. Jika Peserta gagal untuk menyediakan bukti kerugian secara bertulis seperti yang terdapat di dalam terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Kontrak ini, Peserta boleh, dalam masa tenggang selama satu (1) tahun daripada tarikh bukti kerugian diberikan, menghantar bukti kerugian bertulis tersebut kepada Pengendali Takaful dengan alasan yang jelas tentang kegagalannya untuk mematuhi terma-terma, peruntukan serta syarat-syarat Kontrak. Penerimaan bukti kerugian tersebut adalah di bawah budi bicara Pengendali Takaful. Selepas tempoh tenggang berikut telah berlalu, Pengendali Takaful tidak akan menerima, walau dengan apa-apa sebab sekali pun, akan bukti kerugian bertulis tersebut.

16. TIMBANGTARA

Semua perbezaan berkenaan dengan Kontrak ini akan dikemukakan kepada seorang Penimbangtara yang akan dilantik oleh kedua-dua pihak secara bertulis. Jika kedua-dua pihak tidak bersetuju tentang siapa yang patut dilantik menjadi Penimbangtara dalam masa satu (1) bulan selepas mereka diminta berbuat demikian secara bertulis, kedua-dua pihak berhak untuk melantik Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar perbezaan tersebut bersama-sama seorang

Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua penimbangtara. Bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada apa-apa penafian liabiliti oleh Pengendali Takaful bagi apa-apa tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Penimbangtara dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh penafian tersebut.

17. SYARAT TERDAHULU BERKENAAN LIABILITI

Pematuhan serta pencapaian penuh oleh Peserta akan semua terma, peruntukan dan syarat Kontrak setakat ianya berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta akan menjadi syarat terdahulu kepada liabiliti Pengendali Takaful.

18. MATA WANG UNTUK PEMBAYARAN

Semua pembayaran di bawah Kontrak ini perlu menggunakan mata wang Malaysia. Sekiranya Pemilik Kontrak ingin membuat pembayaran dengan menggunakan mata wang asing, maka amaun tersebut hendaklah dibayar menggunakan mata wang yang diminta sepertimana yang mungkin dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang yang terkini pada tarikh tuntutan diselesaikan.

19. TEMPOH PERCUMA

Sekiranya Kontrak ini dikeluarkan dan Peserta membuat keputusan untuk tidak mengambil Kontrak ini, Peserta hendaklah memulangkan Kontrak ini kepada Pengendali Takaful untuk pembatalan dengan syarat permintaan untuk pembatalan dihantar oleh Peserta kepada Pengendali Takaful dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Kontrak. Peserta berhak kepada pemulangan jumlah Sumbangan yang telah dibayar setelah ditolak kos perubatan yang telah ditanggung oleh Pengendali Takaful ketika mengeluarkan Kontrak tersebut.

20. PEMILIKAN KONTRAK

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Endosmen Kontrak ini, Pengendali Takaful berhak untuk menganggap Pemilik Kontrak sebagai pemilik mutlak bagi Kontrak ini. Pengendali Takaful tidak akan terikat untuk mengiktiraf apa-apa equitable atau tuntutan atau faedah dalam Kontrak, dan penerimaan Kontrak atau manfaat oleh Pemilik Kontrak (atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang) akan menjadi pelepasan yang berkesan kepada semua tanggungjawab dan liabiliti Pengendali Takaful. Pemilik Kontrak akan menjadi Principal atau Agen kepada Peserta di bawah Kontrak ini.

21. RAWATAN DI LUAR NEGARA

Sekiranya Peserta mendapatkan rawatan di luar Negara, manfaat-manfaat bagi rawatan tersebut hendaklah dilindungi tertakluk kepada pengecualian, had-had dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Kontrak ini dan semua manfaat-manfaat akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran wang yang rasmi pada hari terakhir Tempoh Dimasukkan ke Hospital dan hendaklah tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan melainkan:

- a) Peserta itu melakukan perjalanan ke luar Negara untuk tujuan selain daripada tujuan rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke hospital di luar Malaysia akibat dari Kecemasan Perubatan
- b) Peserta dinasihatkan oleh seorang Pakar Pegawai Perubatan dan perlu dipindahkan ke sebuah hospital di luar Malaysia kerana kepakaran jenis rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang diperlukan adalah tidak dapat disediakan atau diberikan atau diperolehi di Malaysia.

Rawatan luar negara untuk jangkitan, penyakit atau kecederaan yang didiagnosiskan di Malaysia dan bukan bersifat kecemasan atau kronik di mana rawatan boleh secara munasabahnya ditangguhkan sehingga pulang ke Malaysia adalah dikecualikan.

22. BAYARAN-BERSAMA BILIK DAN MAKAN HOSPITAL YANG DINAIKTARAF

Sekiranya Peserta dimasukkan ke hospital di mana kadar terbitan bilik dan makannya adalah lebih tinggi dari manfaat yang layak diterima olehnya, Peserta hendaklah menanggung sebanyak dua puluh lapan peratus (28%) dari manfaat yang layak diterimanya sepertimana dinyatakan sebagai "seperti yang dicaj" di bawah Jadual Manfaat, sekalipun di dalam peruntukan dalam Fasal 24. Seterusnya, had maksima RM3000 bagi setiap hilang upaya kepada Peserta seperti di dalam Fasal 24 tidak akan terpakai lagi.

23. MANFAAT KELAYAKAN YANG DINAIKTARAF

Jika kelayakan Manfaat bagi setiap Peserta di bawah terma-terma Kontrak ini ditambah ketika ia masih berkuatkuasa atau ketika pembaharuan atau penggantian Kontrak dan jika Peserta telah menjadi Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat telah ditambah, had Manfaat yang dibayar berkenaan dengan Hilang Upaya tersebut tidak akan lebih daripada had Manfaat sebelum Manfaat dinaikkan.

24. TAKAFUL BERSAMA

Apa-apa amaun yang boleh dibayar kepada Peserta di bawah Kontrak ini hendaklah hanya akan dibayar kepada Peserta tertakluk kepada takaful-bersama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat di mana Peserta hendaklah menanggung sepuluh peratus (10%) daripada perbelanjaan yang boleh dituntut bagi setiap hilang upaya tertakluk kepada had maksima sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) bagi setiap hilang upaya dan Pengendali Takaful hendaklah menanggung lebih daripada perbelanjaan yang boleh dituntut tersebut.

25. SUBROGASI

Jika Pengendali Takaful menjadi bertanggungjawab untuk apa-apa pembayaran di bawah Kontrak ini, Pengendali Takaful akan di subrogasi berkenaan pembayaran ke atas semua hak dan relif Peserta terhadap mana-mana pihak dan berhak untuk memulakan tindakan saman menggunakan nama Peserta dengan kos oleh Pengendali Takaful. Peserta akan memberikan segala bantuan di bawah kuasanya kepada Pengendali Takaful dan di atas permintaan Pengendali Takaful akan menyempurnakan semua dokumen yang berkaitan supaya Kami dapat memulakan tindakan undang-undang menggunakan nama Peserta dengan berkesan.

26. PENYUMBANGAN

Jika Peserta mempunyai perlindungan takaful lain yang melindungi penyakit atau kecederaan yang dilindungi di bawah Kontrak ini, Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab ke atas bahagian yang lebih besar daripada jumlah keseluruhan takaful atau insurans yang melindungi penyakit atau kecederaan tersebut di bawah Kontrak ini.

27. TEMPOH MENUNGGU

Kelayakan untuk manfaat bermula tiga puluh (30) hari selepas Peserta dimasukkan ke dalam Kontrak kecuali ke atas Kemalangan yang dilindungi berlaku selepas tarikh efektif perlindungan.

28. PEMBATALAN KONTRAK

Kontrak ini boleh dibatalkan oleh Pemilik Kontrak pada bila-bila masa secara notis bertulis kepada Pengendali Takaful, dan dengan syarat tidak ada tuntutan yang dibuat dalam Tahun Kontrak, Pemilik Kontrak berhak untuk mendapat pemulangan wang Sumbangan seperti berikut:-

<u>Tempoh Tidak Melebihi</u>	<u>Pemulangan Wang Sumbangan</u>
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pegembalian Semula

*Pemulangan dalam masa lima belas (15) hari pertama hanyalah terpakai untuk pembaharuan sahaja. Penyesuaian akan dibuat terhadap jadual pembayaran untuk memberi kesan kepada cara sumbangan selain daripada cara tahunan. Meskipun begitu, tiada pembatalan jumlah akan dibayar untuk cara sumbangan bulanan.

F. PENGECUALIAN

Kontrak ini tidak melindungi sebarang kemasukkan ke hospital, pembedahan atau caj- caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian seperti berikut:-

- i. Penyakit sedia ada.
- ii. Penyakit Khusus yang wujud dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan yang terus menerus.
- iii. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang wujud dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perlindungan Peserta atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terawal kecuali untuk kecederaan kemalangan.
- iv. Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembedahan pembetulan rabun jauh (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pengambilan peralatan prostetik luaran seperti anggota badan palsu, peralatan pendengaran, alat pacemakers dan preskripsi berkaitan.
- v. Keadaan pergigian seperti rawatan pergigian atau pembedahan pergigian kecuali keperluan akibat kecederaan kemalangan terhadap gigi semulajadi yang sihat yang berlaku sepenuhnya di dalam Tempoh perlindungan takaful.
- vi. Penjagaan persendirian, rehatan atau penjagaan sanitaria, dadah tidak diluluskan, kemabukkan, pemandulan, penyakit kelamin dan berkaitan dengannya, AIDS (Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit) atau ARC (Komplikasi Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit mudah berjangkit yang perlu dikenakan kuarantin di bawah undang-undang.
- vii. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keadaan selepas lahir tidak normal atau kecacatan termasuklah penyakit keturunan.
- viii. Mengandung, melahirkan anak (termasuklah kelahiran melalui pembedahan), keguguran, mengugurkan kandungan dan penjagaan sebelum dan selepas melahirkan anak dan kaedah pencegah kehamilan berbentuk pembedahan, mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan mati pucuk atau kemandulan.
- ix. Dimasukkan ke hospital terutamanya untuk tujuan ujian, diagnosis, ujian sinaran-X, ujian umum fizikal atau perubatan, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang bukan merupakan Keperluan Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, perubatan pencegahan atau pemeriksaan yang dilakukan oleh seorang Pegawai Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurang atau menambah berat badan.
- x. Membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan semasa waras atau tidak waras.
- xi. Peperangan atau sebarang perbuatan peperangan, diisytiharkan atau tidak, aktiviti-aktiviti jenayah atau penganas, bertugas di dalam mana-mana pasukan bersenjata, penglibatan secara langsung di dalam mogok, penentangan dan kegemparan awam atau pemberontakan.
- xii. Pengionan radiasi, pencemaran akibat aktiviti radioaktif dari bahan nuklear atau bahan buangan nuklear hasil proses penggabungan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear.
- xiii. Perbelanjaan tertanggung kerana Peserta menderma mana-mana organ badan dan kos-kos mendapatkan organ tersebut termasuklah semua kos tertanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasi berkaitan.
- xiv. Siasatan dan rawatan untuk gangguan tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan dan pembekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksiologi, bonesetting, rawatan herba, terapi urut atau aroma atau terapi alternatif yang lain.
- xv. Penjagaan atau rawatan yang mana bayaran tidak diperlukan atau dibayar oleh mana-mana insurans atau perlindungan lain yang melindungi Peserta dan Hilang Upaya yang terjadi dari tugas pekerjaan atau profession yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.

- xvi. Gangguan Psikotik, mental atau kegugupan, (termasuk sebarang neuroses dan tanda-tanda psikologikal atau manifestasi psikomatik).
- xvii. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan seperti televisyen, talifon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit pendaftaran masuk dan lain-lain barangan bukan perubatan yang tidak layak dibayar.
- xviii. Penyakit atau kecederaan yang terjadi dari sebarang jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan berjalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah laut yang memerlukan peralatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti-aktiviti haram.
- xix. Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang berbayar di dalam mana-mana penerbangan komersil Kami penerbangan berjadual yang mempunyai lesen untuk membawa penumpang melalui laluan perjalanan tetap.
- xx. Perbelanjaan tertanggung untuk pertukaran jantina.

G. **TUNTUTAN**

PROSEDUR TUNTUTAN

- a) Peserta atau Pemilik Kontrak, dalam masa tiga puluh (30) hari daripada kejadian Hilang Upaya yang menimbulkan tuntutan yang boleh dibayar, secara bertulis kepada Pengendali Takaful memberitahu tentang butiran-butiran kejadian, termasuk bil-bil dan resit-resit asal, dan laporan penuh Pegawai Perubatan yang mensyaratkan diagnosis tentang keadaan rawatan dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pendapat Pegawai Perubatan dan ringkasan kos rawatan termasuk ubat-ubatan dan khidmat Pegawai Perubatan. Kegagalan untuk memberikan notis berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan tidak akan membatalkan apa-apa tuntutan sekiranya dibuktikan notis tidak dapat diberikan dalam waktu tersebut dan hanya akan diberikan dalam waktu lain yang munasabah.
- b) Peserta perlu mendapatkan nasihat perubatan yang betul serta perlu bertindak berdasarkan nasihat perubatan tersebut dan Pengendali Takaful tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya rawatan atau khidmat perlu dilakukan kerana kegagalan Peserta untuk berbuat demikian.

TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kejadian tersebut selesai. Tuntutan-tuntutan tidak akan sempurna dan Manfaat-manfaat tidak akan dibayar melainkan semua bil untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh Pengendali Takaful. Hanya kos sebenar akan dikira untuk pembayaran balik. Apa-apa perubahan atau pelepasan tertakluk kepada budi bicara Pengendali Takaful.

JADUAL MANFAAT RIDER TAKAFUL MEDICSAVE

JADUAL MANFAAT (RM)	PELAN 1	PELAN 2	PELAN 3	PELAN 4	PELAN 5	PELAN 6
MANFAAT ASAS						
MANFAAT PESAKIT DALAM BILIK HOSPITAL DAN MAKAN HARIAN (MAKSIMA 120 HARI SETIAP TAHUN KONTRAK) MALAYSIA LUAR MALAYSIA	350 700	300 600	250 500	200 400	150 300	100 200
UNIT RAWATAN RAPI (MAKSIMA 20 HARI SETIAP TAHUN KONTRAK) FEE PEMBEDAHAN TERMASUK FEE ANESTATIK DAN BILIK BEDAH PERKHIDMATAN DAN PERALATAN HOSPITAL LAWATAN PEGAWAI PERUBATAN DALAM HOSPITAL (SATU LAWATAN SETIAP HARI) LAWATAN PAKAR DALAM HOSPITAL (SATU LAWATAN SETIAP HARI)	SEPERTI YANG DICAJ (TERTAKLUK KEPADA HAD KESELURUHAN TAHUNAN, HAD SEPANJANG HAYAT & 10% TAKAFUL BERSAMA. 10% TAKAFUL BERSAMAADALAH TERTAKLUK KEPADA HAD MAXIMUM RINGGIT MALAYSIA TIGA RIBU (RM3000) SETIAP SATU HILANG UPAYA)					
MANFAAT PESAKIT LUAR UJIAN DIAGNOSTIK SEBELUM MASUK HOSPITAL (SEHINGGA 60 HARI SEBELUM) RUNDINGAN DENGAN PAKAR SEBELUM MASUK HOSPITAL (SEHINGGA 60 HARI SEBELUM) RAWATAN SUSULAN SELEPAS MASUK HOSPITAL (SEHINGGA 60 HARI SELEPAS) FEE AMBULAN HARI PEMBEDAHAN						
CUKAI PERKHIDMATAN KERAJAAN MALAYSIA	5% ATAS PERBELANJAAN YANG LAYAK DI BAYAR					
FEE LAPURAN PERUBATAN (SETIAP TAHUN KONTRAK)	100	100	100	80	80	80
MANFAAT HARIAN PENJAGA ANAK PESERTA (SEHINGGA 120 HARI SETIAP TAHUN KONTRAK)	100	100	100	80	80	80
NASIHAT PEMBEDAHAN KEDUA (SETIAP TAHUN KONTRAK)	200	200	150	150	100	100
ELAUN HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN (SEHINGGA 120 HARI SETIAP TAHUN KONTRAK)	100	100	100	80	80	80
RAWATAN KEMALANGAN KECEMASAN PESAKIT LUAR (HAD SETIAP LAWATAN, DALAM MASA 24 JAM)	1,500	1,500	1,250	1,250	1,000	1,000
RAWATAN KEMALANGAN PERGIGIAN KECEMASAN PESAKIT LUAR (HAD SETIAP KEMALANGAN, DALAM MASA 24 JAM)	1,500	1,500	1,250	1,250	1,000	1,000
RAWATAN KECEMASAN PENYAKIT (HAD SETIAP LAWATAN, 12 TENGAH MALAM SEHINGGA 6 PAGI)	50	50	50	50	50	50
MANFAAT FISIOTERAPI PESAKIT LUAR (SEHINGGA 60 HARI SELEPAS DI MASUKKAN KE HOSPITAL)	1,500	1,500	1,250	1,250	1,000	1,000
HAD KESELURUHAN TAHUNAN	100,000	80,000	70,000	60,000	50,000	30,000
MANFAAT LANJUTAN						
RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR (SETIAP TAHUN KONTRAK)	72,000	66,000	60,000	54,000	48,000	36,000
RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR (SETIAP TAHUN KONTRAK)	72,000	66,000	60,000	54,000	48,000	36,000
PEMINDAHAN ORGAN (HAD SEPANJANG HAYAT)	50,000	50,000	40,000	40,000	30,000	20,000
HAD KESELURUHAN SEPANJANG HAYAT	300,000	240,000	210,000	180,000	150,000	90,000
MANFAAT TAMBAHAN						
PERBELANJAAN KEMATIAN	5,000	5,000	4,000	4,000	3,000	3,000

*Kemasukan ke hospital akan dibuat melalui MediJaring. Seperti yang telah dicaj mengikut Caj yang Munasabah dan Lazim dan tertakluk kepada 10% takaful bersama, Had Keseluruhan Tahunan dan Had Sepanjang Hayat.



NETWORK

HEAD OFFICE

ETIQA TAKAFUL BERHAD (266243-D)
(Formerly known as Takaful Nasional Berhad)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
General Line : 03-2297 3888
General Facsimile : 03-2297 3800
Website : www.etiqa.com.my

KUALA LUMPUR

Level 12, Menara Etiqa
23, Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur
Telephone : 03-2612 5063
Facsimile : 03-2612 5064

ETIQA TWINS

CUSTOMER SERVICE CENTRE
Level 1, Tower 1,
Etiqa Twins, 11 Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Telephone : 03-2176 9010 / 9011
Facsimile : 03-2176 9088

CUSTOMER SERVICE

Ground Floor
Menara Etiqa
23, Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur
Telephone : 03-2612 5071/3/4
Facsimile : 03-2612 5064

SC SG. PETANI

Bangunan Etiqa
23L, Jalan Kampung Baru
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
Telephone : 04-422 7955
04-441 6449 / 4042 / 1217
Facsimile : 04-422 7525 / 04-441 9258

AGENCY SUPPORT CENTRE

Ground Floor, Tower B
No 1, Jalan Maarof
Dataran Maybank
59000 Kuala Lumpur
Telephone : 03-2298 4777/2/3/4
Facsimile : 03-2298 4777

JOHOR BAHRU

No.18 & 20, Susur 1
Jalan Tun Abdul Razak
80000 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Telephone : 07-226 5524 / 5525
/ 5648
Facsimile : 07-223 5991 / 2487

KOTA BAHRU

Lot 282, Seksyen 22
Jalan Kota Darulnaim
15050 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Telephone : 09-743 6500
Facsimile : 09-743 8500

ALOR SETAR

Bangunan Etiqa
1554, Jalan Kota
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Telephone : 04-733 1122
Facsimile : 04-731 7372

FT JALAN DUTA, K.L

Aras Bawah
Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta
50592 Kuala Lumpur
Telephone : 03-6201 4831
Facsimile : 03-6201 2531

SC BATU PAHAT

No. 23, Ground Floor
Jalan Kundang
Taman Bukit Pasir
83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim
Telephone : 07-432 5904
Facsimile : 07-432 6269

IPOH

No. 64 A-C,
Persiaran Greentown 1
Greentown Business Centre
30450 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Telephone : 05-249 1103
Facsimile : 05-241 4262

SC KANGAR

No. 329 (Ground Floor)
Taman Pengkalan Asam
Jalan Kangar
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan
Telephone : 04-977 6899
Facsimile : 04-977 6824

KLANG

No. 12, Jalan Tiara 2A/KU1
BBK Commercial Centre
Bandar Baru Klang
41150 Klang
Selangor Darul Ehsan
Telephone : 03-3344 5535
Facsimile : 03-2244 5530

KUANTAN

No. A27, Jalan Dato' Lim Hoe Lek
Pusat Commercial Transit
26100 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Telephone : 09-514 4943
Facsimile : 09-514 4901

SERI MANJUNG

2479A, Taman Samudera
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan
Telephone : 05-688 2712
05-688 2844
Facsimile : 05-688 8158

KOTA KINABALU

Bangunan Etiqa
Lot 88, MPKK, No. 18, Block I,
Asia City, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Telephone : 088-231188
088-232288
088-256830
088-253289
Facsimile : 088-224058

SEREMBAN

395, Jalan Haruan 4/2
Pusat Commercial Oakland
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Telephone : 06-601 2411
Facsimile : 06-601 2412

SC TEMERLOH

No.11, Jalan Dato' Bahaman 3
28000 Temerloh
Pahang Darul Makmur
Telephone : 09-296 7781/661
Facsimile : 09-296 7396

PENANG

Bangunan Etiqa
30 & 32, Ground Floor
Lebuh Bishop
10200 Pulau Pinang
Telephone : 04-2615289
Facsimile : 04-2624255

TAWAU

TB4316, Lot 3, Block 31
Ground & 1st Floor
Fajar Complex Final Phase
Jalan Merdeka
91300 Tawau, Sabah.
Telephone : 089-757 591
Facsimile : 089-757 300

MELAKA

No. 167, 167/1 & 167/2
Jalan Munshi Abdullah
75100 Melaka
Telephone : 06-292 1110
Facsimile : 06-292 6564

KUALA TERENGGANU

134-1, Jalan Sultan Zainal Abidin
20100 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Telephone : 09-620 3712
09-623 1511
Facsimile : 09-623 0188
09-622 9175

BUKIT MERTAJAM

No. 52 Jalan Perda Barat
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
Telephone : 04-539 4800
Facsimile : 04-539 4808

KUCHING

Lot 580, Section 10
KLTD Ground & 1st Floor
Wisma Singh, Block 10
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce
93400 Kuching, Sarawak.
Telephone : 082-420 131
Facsimile : 082-242 614